




Masyarakat Melayu

Abad Ke-19



Masyarakat Melayu

Abad Ke-19

Jawatankuasa Kolokium,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahmat Saripan — Pengerusi
Mohd. Kamaruzaman Abd. Rahman — Setiausaha
Prof. Madya Dr. Nik Hassan Shuhaimi
Nik Abd. Rahman — Bendahari
Dr. Mohd. Sarim Hj. Mustajab — Ahli Jawatankuasa
Saliha Haji Hassan — Ahli Jawatankuasa
Abd. Murat Mat Jan — Ahli Jawatankuasa

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1991**

KK 930-4919 4101
ISBN 983-62-1895-5

Cetakan Pertama 1991
© Penyumbang 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Qalam Kreatif
Muka Taip Teks : Times Roman
Saiz Taip Teks : 10/12 poin

Dicetak oleh
Percetakan Saufi
No. 82, Wisma Raja Bot,
Kampung Baru,
50300 Kuala Lumpur.
\$ 14.00



18 JAN 2005

Pustaka Negara

Kandungan

Prakata	vii
Sepatah Kata	xi
1. Semenanjung Tanah Melayu pada Abad ke-19: Suatu Tinjauan Ekonomi. <i>Dr. Amarjit Kaur</i>	1
2. Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan pada Abad ke-19. <i>Dr. Ishak Shaari</i>	18
3. Undang-undang Kedah dengan Tumpuan Khusus kepada Pengawalan Hak Milik Tanah. <i>Dr. Khoo Kay Jin</i>	56
4. Perang dan Damai: Politik Melayu Abad ke-19 dengan Rujukan Khas kepada Perang Muar 1897–1880. <i>Dr. Abdullah Zakaria Ghazali</i>	87
5. Hubungan Siam-Kedah: Penstabilan Pentadbiran Tradisional Kedah pada Abad ke-19. <i>Dr. Kobkua Suwannathat-Pian</i>	119
6. Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah pada Abad ke-19. <i>Dr. Sabihah Osman</i>	132

KANDUNGAN

7. Peranan Ulama dan Kesannya terhadap Sikap Anti-penjajahan dengan Rujukan pada Pengajaran Tasawwuf Sayid Abdul Rahman bin Muhammad (Tok Ku Paloh) Berasaskan Karangannya <i>Ma'urij Al-Lahfan</i> . <i>Shafie Abu Bakar</i>	185
8. Konsep, Peranan dan Institusi "Penasihat" di Terengganu, Kedah dan Johor pada Akhir Abad ke-19 daripada Perspektif Islam. <i>Rahmat Saripan</i>	212
Indeks	227

Prakata

Kertas kerja yang terkandung dalam buku ini telah dibentangkan dalam Kolokium Masyarakat Melayu Abad Ke-19 yang telah diadakan pada 26 Oktober 1985 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Penerbitan ini memang dicita-citakan dan merupakan satu usaha Jabatan Sejarah yang akan diteruskan, dan saya berharap, usaha ini dapat memupuk dan menuju ke arah kecemerlangan akademik.

Saya sungguh gembira kerana Jabatan Sejarah dapat meneruskan kegiatan meningkatkan sumbangannya untuk memantapkan lagi bidang pengajian sejarah. Kolokium itu diadakan bagi memenuhi tiga hasrat:

1. Mendedahkan hasil kajian sejarah masyarakat Melayu pada abad ke-19.
2. Menggalakkan perbincangan di kalangan pengkaji sejarah masyarakat Melayu, khususnya tentang masyarakat Melayu pada abad ke-19.
3. Mendokumentasikan perkembangan pengajian sejarah masyarakat Melayu pada abad ke-19 yang telah diketengahkan oleh pengkaji.

Di samping itu pula, kolokium itu dapat menemukan para pengkaji dan membincangkan hasil kajian mereka secara ilmiah. Justeru itu dapatlah dinilai bersama-sama perkembangan penyelidikan yang telah dijalankan dan mengatur strategi baru bagi memenuhi kekosongan dalam sejarah masyarakat Melayu pada abad ke-19.

PRAKATA

Perbincangan ilmiah di kalangan para ahli sejarah dalam pertemuan ini merupakan lanjutan daripada kegiatan intelektual yang telah menjadi tradisi kegiatan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, yang telah dimulakan sejak ditubuhkan lima belas tahun dahulu.

Dalam usianya yang muda itu, Jabatan ini telah melibatkan tenaga akademiknya dan para pelajar dalam pelbagai kegiatan ilmiah seperti mengadakan seminar, persidangan, dan kongres di samping menggalakkan penyelidikan. Tenaga akademik di Jabatan Sejarah telah banyak menyumbangkan tenaga dan kepakaran dalam beberapa pertemuan ilmiah tentang sejarah dan arkeologi di peringkat tempatan dan antara-bangsa yang telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga di luar universiti. Pada tahun 1976, Jabatan Sejarah secara langsung telah terlibat dalam "Seminar Sejarah Melaka" anjuran Kerajaan Negeri Melaka. Pada tahun 1978, jabatan ini telah menjadi tuan rumah "Kongres Sejarah Malaysia" bersempena menyambut Jubli Perak, Persatuan Sejarah Malaysia. Pada tahun 1980, Jabatan Sejarah telah berjaya menganjurkan Persidangan *International Association of Historians of Asia (IAHA)* yang kelapan.

Dalam hal penyelidikan pula, Jabatan Sejarah telah berjaya menggerakkan tenaga pengajarnya dan juga para pelajar dalam tahun kepujian. Hasrat utama jabatan ini dalam penyelidikan ialah untuk mengkaji sejarah, terutamanya sejarah Malaysia secara seimbang, menyeluruh serta mendalam. Kajiannya meliputi pelbagai bidang: sejarah politik, sosioekonomi dan budaya melalui maklumat yang diperolehi daripada sejarah lisan, arkeologi, perpustakaan, arkib dan jabatan-jabatan kerajaan. Jabatan ini mempunyai tenaga pengajar yang berpengalaman dalam bidang kajian arkeologi dan sejarah lisan.

Satu daripada projek penyelidikan jabatan ini yang besar ialah projek sejarah negeri di Malaysia. Setiap tahun sebuah negeri dipilih untuk dijadikan kawasan penyelidikan bagi pelajar-pelajar sejarah dalam tahun kepujian. Pelbagai bidang sejarah dari zaman dahulu hingga sekarang dikaji secara mikro. Matlamatnya ialah untuk memperlengkapkan maklumat dan data tentang sejarah Malaysia. Hasil daripada kegiatan ini maka terkumpullah sebanyak 451 buah latihan ilmiah sehingga kini. Dari segi mutu, terdapat beberapa buah latihan ilmiah yang agak memuaskan. Jabatan ini telah mengenal pasti dan telah berusaha untuk menerbitkan latihan ilmiah yang baik. Diharapkan dengan menerbitkan latihan ilmiah itu maka dapatlah dimanfaatkan oleh masyarakat dan ne-

PRAKATA

gara. Latihan ilmiah yang telah diterbitkan ialah:

1. Ghazali bin Mahayuddin, *Johor Semasa Pendudukan Jepun 1942-1945*.
2. Md. Salleh bin Md. Ghaus, *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*.
3. Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*.
4. Osman Mamat, *Darurat di Terengganu 1948-1960*.
5. Sabri Haji Said, *Madrasah Al-Ulum Al- Syari'ah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*.
6. Timah Hamzah, *Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu*.
7. Zulkipli bin Mahmud, *Warta Malaya: Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*.

Sememangnya menjadi hasrat jabatan ini untuk menerbitkan kesemua latihan ilmiah yang bermutu untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat tetapi masalah utama yang dihadapi ialah kurangnya tenaga penyunting dan peruntukan kewangan.

Penyelidikan yang telah dijalankan oleh tenaga pengajar pula telah membuahkan beberapa tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Antara tesis tersebut yang telah diterbitkan, ialah:

1. Khazin Mohd Tamrin, *Orang Jawa di Selangor: Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*.
2. Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*.

Selain menerbitkan latihan ilmiah dalam bentuk buku, hasil penyelidikan tersebut juga diterbitkan dalam jurnal jabatan, *Jebat* atau dalam jurnal akademik yang lain di Universiti Kebangsaan Malaysia atau di luar universiti.

Kegiatan menerbitkan hasil penyelidikan ialah satu daripada langkah positif untuk memberi motivasi dan merangsangkan minat untuk bergiat dalam penyelidikan. Jabatan Sejarah juga berharap kolokium ini menjadi salah satu tenaga penggerak ke arah pencapaian matlamat dan hasrat jabatan yang utama itu.

PRAKATA

Saya mengharapkan kolokium ini berjaya menghasilkan idea tulen dalam penulisan sejarah kerana ia amat perlu dan wajib memandangkan timbulnya hasrat untuk melahirkan secara praktik pensejarahan "Malaysia centric" atau "Southeast Asia centric" yang banyak diperkatakan pada tahun 1960-an ekoran daripada lahirnya hasil pena sejarah J.C. Van Leur dan kemudiannya B. Schrieke. Ketulenan idea itu sama ada dalam aspek struktur sejarah yang harus dikaji atau rangka sejarah mestilah berdasarkan fakta sejarah yang kebanyakannya diperoleh daripada sumber tempatan dan ditafsirkan melalui kaca mata setempat. Sehubungan dengan ini kita amat memerlukan ahli fikir sejarah Malaysia atau sejarah Asia Tenggara yang dapat menampilkan pensejarahan Malaysia yang asli dan tidak mengikut sahaja bentuk sejarah yang dilahirkan oleh ahli sejarah pada masa-masa yang lepas. Kita ingin melihat kelahiran profesor sejarah yang dapat memberi identiti kepada pensejarahan Malaysia.

Akhir kata, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Syarikat Esso Malaysia Sdn Bhd yang telah menaja kolokium ini. Juga tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penderma, juga khususnya kepada Jawatankuasa Persidangan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Teknologi U.K.M., serta individu yang telah membantu menjayakan kolokium dan seterusnya kepada penulis kertas kerja, para peserta dan pihak akhbar yang telah membuat liputan. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kesudiannya menerbitkan buku ini.

Diharapkan semoga kolokium dan penerbitan yang dihasilkan ini dapat memberikan manfaat kepada peminat sejarah, pusat pengajian tinggi, masyarakat dan negara.

Prof. Madya. Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman,
Ketua Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
1987.

Sepatah Kata

Saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kolokium Masyarakat Melayu Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengizinkan kita semua menjayakan kolokium Sejarah Malaysia yang telah menumpukan penelitian kepada masyarakat Melayu abad kesembilan belas.

Saya sangat berterima kasih kerana telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan satu kegiatan ilmiah Jabatan Sejarah yang melibatkan ahli-ahli akademik yang telah membuat penyelidikan masing-masing mengenai masyarakat Melayu abad kesembilan belas khususnya dari segi persejarahan. Kolokium ini dilaksanakan sebagai satu aktiviti intelek yang penting dan bermakna dalam konteks pembangunan Jabatan Sejarah sebagai sebuah pusat pengajian sejarah tanahair yang bermutu dan berjaya.

Syukur kita kepada Ilahi kerana kolokium telah berjalan dengan jayanya dan telah mendapat perhatian yang mendalam bukan sahaja daripada pengkaji-pengkaji sejarah, malahan juga daripada peminat-peminat sejarah tanahair. Sementara ada pengkaji-pengkaji yang bukan mengkhusus dalam disiplin sejarah telah menyertai kolokium dan memberikan sumbangan yang bermakna sama ada dalam bentuk kertas kerja mahupun dalam perbincangan yang segar dan hangat. Justeru itu, kolokium ini telah mengeratkan lagi hubungan di kalangan para akademik yang berminat dalam masyarakat Melayu pada abad yang lalu, teristimewa dalam bidang-bidang perekonomian dan pemerintahan Melayu. Usaha untuk menjayakan kolokium memerlukan kerjasama yang erat daripada semua tenaga di Jabatan Sejarah yang terlibat secara langsung. Tanpa kerjasama seumpama itu, di samping pengorbanan dari

segi masa, tenaga dan material, segala usaha tidak mungkin mencapai matlamat yang dicita-citakan.

Idea untuk mengadakan kolokium ini telah diutarakan semasa Dr. Khasnor Johan menyandang jawatan Ketua Jabatan Sejarah. Beliau merupakan penggerak yang selalu mengingatkan ahli-ahli yang berminat bekerjasama menjayakannya. Oleh itu, cadangan dikemukakan dalam mesyuarat Jabatan Sejarah supaya kolokium pertama yang menumpukan kepada masyarakat Melayu abad kesembilan belas diadakan pada pertengahan tahun 1985 tetapi oleh sebab beberapa halangan yang tidak dapat dielakkan, maka kolokium ini telah diadakan pada akhir tahun tersebut. Kejayaan kolokium mengumpulkan ahli-ahli akademik mengemukakan kertas kerja berasaskan bidang kepakaran masing-masing, di samping penyertaan tenaga akademik lain yang dapat menyumbangkan buah fikiran dan pandangan yang bernas, merupakan suatu mercu kepuasan yang sangat memberangsangkan. Kepuasan ini bukan sahaja dirasakan oleh semua Ahli Jawatankuasa Kerja Kolokium tetapi juga oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam pengendaliannya. Justeru itu, kami bercadang dan bersedia untuk mengadakan satu lagi kolokium mengenai masyarakat Melayu dan berharap dapat mencapai matlamat yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Sejarah dari segi memantapkan bidang pengajian sejarah tanahair.


Abad kesembilan belas telah dipilih sebagai rangka masa perbincangan kolokium disebabkan ahli-ahli sejarah yang dianggap pakar yang telah membuat kajiselidik mengenai masyarakat Melayu pada zaman itu adalah lebih ramai jika dibandingkan dengan zaman-zaman sebelum dan selepasnya. Tema "Perekonomian dan Pemerintahan Melayu" telah dipilih bagi menarik minat peserta-peserta daripada ahli Kaji Masyarakat, Sains Politik dan Ekonomi menyertainya dan menyumbangkan pengetahuan mereka dalam perbincangan kertas kerja. Alhamdulillah, kolokium ini telah berjalan dengan lancar dan berhasil.

Walau bagaimanapun, bagi tujuan penerbitan kertas kerja, maka Jawatankuasa telah bersidang tidak kurang daripada tiga kali untuk menyelaraskan penyuntingan. Sebenarnya tidak semua kertas kerja telah diperakukan untuk penerbitan. Ada kertas kerja yang memerlukan rombakan dan penulisan semula. Oleh itu, penyuntingan telah mengambil masa yang agak panjang kerana kerjasama dan persefahaman yang rapat perlu wujud bukan sahaja di kalangan ahli jawatankuasa tetapi

lebih utama adalah di kalangan penulis kertas kerja. Tanpa kerjasama mereka, hasil penulisan mereka agak sukar disempurnakan untuk penerbitan. Seterusnya, dalam semangat setiakawan berlandaskan luno memberi serta menerima, maka proses penyuntingan dapat dilancarkan tanpa menghadapi banyak rintangan dan kebuntuan sehingga mengakibatkan kertas kerja kolokium itu terbengkalai.

Saya yakin, segala bahan yang telah ditulis oleh ahli-ahli yang menyertai kolokium itu boleh menyumbang terhadap perbendaharaan rujukan bagi penuntut dan penyelidik di semua institusi dan agensi di Malaysia dan di luar negeri. Mereka telah menulis dari kaca mata anak-anak warga Malaysia yang tidak syak lagi dapat menggambarkan imej kegemilangan serta keagungan agama, bangsa dan negara.

Rahmat bin Saripan,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kolokium,
Jabatan Sejarah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
14 Februari 1991.



SEMENANJUNG TANAH MELAYU PADA ABAD KE-19: SUATU TINJAUAN EKONOMI*

Dr. Amarjit Kaur

Abad ke-19 merupakan titik perubahan dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu. Ia menandakan kemasukan negeri-negeri Melayu ke dalam sistem kapitalis dan kemudiannya menjadi pembekal kepada pemo- dal antarabangsa dan British. Kajian ini meninjau sistem sosioekonomi orang Melayu sebelum bergabung dalam dunia moden.

Latar Belakang Politik

Struktur geografi Semenanjung Tanah Melayu memainkan peranan penting menentukan perkembangan sejarah dan politiknya. Banjaran gunung-ganang yang menjadi tulang belakang Semenanjung telah membentuk legeh yang penting. Hujan lebat dan serata membentuk ja- ringan sungai yang merentasi hutan hujan khatulistiwa. Sungai-sungai ini pula mengalir merintang banjaran membentuk jalan perhubungan semula jadi dan terdapat kawasan petempatan asal. Sempadan-sem-

*Penulis terhutang budi kepada Dr. Shahril Talib Robert kerana membenarkan beliau merujuk tulisan yang belum diterbitkan "Nineteenth Century Malay Society".

padan kawasan beberapa buah negeri adalah berkaitan dengan susunan geografi lembangan sungai-sungai tersebut. Setiap negeri, biasanya terdiri daripada satu atau lebih lembangan sungai. Kemudahan perjalanan dan perhubungan yang didapati daripada sungai dan cawangannya mempermudah tuntutan kawalan politik. Oleh itu pemerintah sesebuah negeri Melayu (yang memakai gelaran sultan) memilih tempat strategik bagi diri dan pengikutnya sama ada di muara sungai atau di sungai temu-kuala yang penting. Dari sinilah boleh diawasi pergerakan keluar dan masuk, mempertahankan kawasannya daripada serangan luar dan boleh mengenakan cukai ke atas perdagangan yang keluar masuk negerinya. Dia juga menggunakan pengaruh mengawal petempatan kecil di kawasan pedalaman hulu sungai melalui pengikutnya, ketua kampung dan pembesar daerah. Kuasa pegangan para pembesar daerah ditauliahkan oleh pemerintah, hak mengawal ke atas sesebuah kawasan tertentu dan juga berkuasa memungut hasil dari kawasan yang mereka tadbir. Petempatan kecil menjadi asas pembentukan sesebuah daerah dalam sesebuah negeri. Sesebuah daerah pula ialah kawasan yang menganjur di sebelah atau kedua belah sungai yang bertemu dengan sungai besar, dan bentuk rupanya ditentukan oleh penggunaan sungai sebagai alat perhubungan. Sebuah benteng di hujung hilir sungai sesebuah daerah dapat memberikan pengawasan politik yang amat berkesan. Daerah mengandungi beberapa buah kampung, unit politik yang kecil terletak di tebing-tebing sungai. Ukuran dan tempatnya pula bergantung pada keupayaan sokongan sungai. Kampung diketuai oleh penghulu atau ketua kampung, dan mereka tertakluk kepada para pembesar daerah. Susun lapis politik rasmi berbeza-beza di antara negeri-negeri Melayu yang berlainan. Dalam sesebuah negeri yang terdapat prasarana ekonomi tertentu yang disediakan dalam bentuk sistem pengairan, maka kawalan yang lebih berkesan ke atas petempatan penduduk tetap, kuasa condong ke arah pemusatan yang berkesan, biasanya berada di tangan sultan.¹ Golongan pemerintah biasanya mendapatkan hasil melalui kutipan cukai ke atas perniagaan di kawasan sungai. Kedudukan terpencar para pembesar di titik-titik strategik sepanjang sungai bermakna pemencaran wibawa di negeri-negeri itu.

Rangka Sosial dan Ekonomi

Masyarakat Melayu boleh dibahagikan kepada dua iaitu golongan pemerintah dan yang diperintah. Golongan pemerintah memegang kuasa

politik dan menuntut cukai, ufti dan buruh paksa daripada rakyatnya. Dalam golongan ini terdapat perbezaan. J.M. Gullick dalam kajiannya tentang sistem politik bumiputera Tanah Melayu menyatakan ada tiga unsur sosial dalam golongan pemerintah iaitu kerabat diraja, kerabat am dan rakyat. Kerabat diraja dan kerabat am mendapat kedudukan daripada keturunan, sedangkan rakyat terdiri daripada orang keistimewaan yang memegang jawatan tertentu, dan ulama.²

Golongan rakyat adalah jumlah terbesar penduduk, dan boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Pertama, golongan petani yang terdiri daripada penanam, nelayan dan utas. Perbezaan sosial ketiga-tiga kelompok ini berkait rapat dengan perbezaan pekerjaan mereka. Walaupun begitu masyarakat tani tidak ditakrifkan statik dan kejur kerana misalnya penanam boleh dengan mudah berpindah pekerjaan menjadi seorang utas. Kelompok lain yang tidak dapat dikenali dengan mudah ialah golongan pedagang. Golongan ini tidak wujud dalam semua negeri Melayu dan berkemungkinan besar memainkan peranan yang lebih penting dalam negeri Kelantan.

Unsur ketiga dalam golongan rakyat ialah hamba. Golongan ini adalah ketara lebih rendah daripada golongan merdeheka. Perhambaan adalah institusi yang kukuh di Tanah Melayu. Secara ringkas, terdapat dua jenis hamba iaitu abdi atau hamba dan hamba berhutang. Abdi diperoleh melalui pelbagai cara. Salah satu cara yang utama ialah melalui tawanan perang. Tawanan perang lelaki yang dewasa biasanya dijadikan hulubalang oleh tuannya. Di samping itu terdapat juga mereka yang ditawan dalam serbuan atau oleh lanun dan dijual sebagai hamba. Abdi Negro pula dibawa dari Afrika. Pembunuh dan banduan yang melakukan kesalahan berat juga dijadikan abdi. Faktor lain yang menyumbang kepada kewujudan hamba ialah ikrar sukarela seseorang dan orang yang bergantung pada orang kaya kerana balasan di atas sumbangan makanan dan perlindungan. Oleh kerana orang Islam tidak boleh memperhambakan orang Islam yang lain, maka hamba abdi dalam masyarakat Melayu terdiri daripada orang Afrika, penduduk asli dan orang Batak dari Sumatera. Hamba berhutang diperoleh akibat daripada hutang mereka dan terpaksa berkhidmat kepada si pemiutang sehingga segala hutang mereka dijelaskan.³ Terdapat perbezaan di antara hamba abdi dengan hamba berhutang kerana hamba berhutang diakui sebagai ahli dalam masyarakat seperti tuannya, manakala hamba abdi tidak begitu.⁴ Walaupun bilangan hamba berbeza dalam negeri-negeri

Melayu dan dari semasa ke semasa tetapi golongan hamba adalah menjadi sebahagian penting dalam susun lapis sosial pada abad ke-19.

Asas kuasa ekonomi golongan pemerintah terletak pada sistem cukai. Hak menuntut cukai dan khidmat daripada rakyatnya telah lama diperolehi oleh golongan pemerintah sejak perkembangan sejarah masyarakat Melayu. Terdapat tiga sumber utama pendapatan atau kekayaan bagi golongan pemerintah. Pertama ialah kawalan tenaga manusia untuk buruh perkhidmatan peperangan. Kedua, daripada perdagangan dan ketiga, daripada hasil tanah. Dalam kategori tenaga manusia ialah perkhidmatan buruh kerah, perkhidmatan peperangan dan pungutan cukai. Dalam tuntutan kerah, permintaan pembesar kadangkala melampaui batasan kesabaran petani, mengakibatkan petani meninggalkan tanah mereka dan berhijrah ke kawasan baru. Perkhidmatan buruh wajib termasuklah pembinaan projek kerja awam, seperti parit dan jalan, dan menanam tanaman untuk pembesar. Selain itu petani juga menyumbang tenaga dalam peperangan untuk golongan pemerintah atau mempertahankan daerah daripada serangan luar. Hamba menjadi kelompok buruh yang penting dalam kategori ini. Di kawasan perlombongan, petani boleh disuruh bekerja pada masa-masa tertentu.⁵

Cukai kepala dipungut pada setiap tahun atau tiga tahun sekali. Ia berbeza di antara negeri dengan negeri, pemerintah dengan pemerintah dan menurut perubahan masa. Hugh Clifford juga menyebut bentuk cukai lain iaitu serah, di mana pemerintah menghantar barangan kiriman ke sesebuah kampung tertentu dan menuntut bayaran yang melebihi harga pasaran. Kadangkala dia menghantar sejumlah wang tertentu sebagai pendahuluan bagi jumlah hasil hutan yang ditetapkan yang diwajibkan ke atas sesebuah kampung. Dalam kedua-dua perkara ini penghulu akan melaksanakan perintah.⁶

Dalam bidang perdagangan, pada teorinya sultan adalah pemilik semua hasil dalam negeri. Pungutan hasil dilakukan oleh pegawainya. Satu cara ialah sistem pajak, iaitu satu cara kutipan hasil yang telah lama wujud di Asia. Di bawah sistem ini, seorang wakil yang berbeza dengan seorang pegawai dilantik untuk memungut hasil bagi pihak sultan. Wakil ini membayar sewa untuk menguruskan pungutan hasil tersebut. Cara kedua ialah pajakan monopoli atau keistimewaan yang diberikan oleh pemerintah, di mana mereka yang mendapatkan monopoli atau keistimewaan ini akan membayar jumlah tertentu yang ditetapkan kepada sultan untuk mendapat hak menguruskan perniagaan

monopoli diraja. Antara barangan monopoli diraja ialah garam, tembakau dan candu.⁷

Sumber ketiga kekayaan bagi golongan pemerintah adalah berasaskan tanah. Pada abad ke-19 terdapat peraturan adat Melayu yang telah lama wujud dan diamalkan berhubung dengan pengambilan, penggunaan dan pengurusan tanah pertanian. Menurut peraturan tersebut, hak-hak tertinggi dan hak menanam ke atas tanah adalah di tangan sultan. Setiap anggota masyarakat mempunyai hak untuk mengerjakan tanah selagi tanah itu tidak diusahakan oleh orang lain. Hubungan antara golongan pemerintah dengan rakyat di setiap negeri adalah berbeza antara satu dengan lain.

Penduduk

Pada abad ke-19, jumlah besar penduduk Melayu tertumpu di kawasan yang terbentang dari Kedah di barat laut, ke Kelantan di timur laut dan selatan ke Terengganu dan Pahang. Negeri-negeri ini mempunyai sejarah yang lama tentang petempatan tetap yang berasaskan tanaman padi sawah. T. J. Newbold yang menulis pada tahun 1830-an menganggarkan jumlah penduduk di negeri-negeri Melayu seperti berikut:

Jadual 1

Penduduk Negeri-negeri Melayu pada Tahun 1835-1836			
Negeri	Penduduk	Negeri	Penduduk
Patani	54 000*	Selangor	12 000
Kedah dan Ligor	50 000	Rembau	9 000
Kelantan	5 000	Seri Menanti	8 000
Pahang	40 000	Jejebu	3 750
Perak	35 000	Sungai Ujong	3 600
Terengganu	30 000	Johol	2 080
Johor	25 000	Jempul	2 000

Sumber: Thomas John Newbold, 1971. *British Settlements in the Straits of Malacca*. Singapore, Oxford University Press: *passim*.

* Angka ini adalah untuk tahun 1832.

Pada tahun 1870-an corak ini berterusan. Penduduk di Perak pada tahun 1870 berjumlah kira-kira 30 000 orang; Selangor pada tahun 1874, 5 000 orang dan Negeri Sembilan pada tahun 1884, di antara

MASYARAKAT MELAYU ABAD KE-19

30 000 hingga 40 000 orang.⁸ Kelantan mempunyai 100 000 orang. Sementara Terengganu pula mempunyai jumlah penduduk sebanyak 70 000 orang.⁹ Penduduk Melayu di Pahang pada akhir tahun 1880-an dianggarkan berjumlah 48 000 orang.¹⁰ Jumlah penduduk Johor pada tahun 1884 dianggarkan seramai 100 000 orang.¹¹

Negeri-negeri Melayu pantai barat mencatatkan pertambahan penduduk yang besar menjelang akhir dekad abad ke-19 sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2

Banci Negeri-negeri Naungan Tahun 1891						
	Perak	Selangor	Sungai Ujong dan Jelevu	Negeri Sembilan	Pahang	Jumlah
Orang Eropah	365	190	46	15	102	719
Serani	289	167	40	28	41	565
Cina	94 345	50 844	9 880	5 511	3 241	153 821
Melayu dan anak negeri dari gugusan pulau, termasuk penduduk asli	103 992	26 578	12 532	35 948	53 122	232 172
Tamil dan anak negeri India	14 885	3 592	1 037	80	583	20 177
Lain-lain	377	221	67	35	373	1 073
	<u>214 254</u>	<u>81 592</u>	<u>23 602</u>	<u>41 617</u>	<u>57 462</u>	<u>418 527</u>

Sumber: Emily Sadka, 1970. *The Protected Malay State 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm 414.

Pertambahan besar ini disebabkan oleh kemasukan pendatang dari kepulauan Indonesia dan negara China. Pertambahan penduduk ini mempunyai hubungan langsung dengan perkembangan kegiatan melombong bijih timah dan kemasukan modal.

Oleh itu, menjelang akhir abad ke-19, corak penduduk Semenanjung Tanah Melayu mengalami perubahan. Pada awal abad ke-19, pusat utama penduduk ialah Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pada akhir abad ke-19, Negeri-negeri Melayu Pantai Barat mempunyai jumlah penduduk yang besar, walaupun orang asing lebih ramai daripada penduduk tempatan.

Pertanian

Menurut James Low, pada tahun 1820-an, Semenanjung Tanah Melayu terbahagi kepada dua bahagian – pertanian dan kelautan. Dalam bahagian pertanian, yang terdiri daripada negeri-negeri Kedah, Perak, Patani dan Terengganu, terdapat penduduk yang bergantung tetap pada pertanian. Dalam bidang kelautan atau perdagangan, ia tidaklah penting. Namun begitu Low tidak menyatakan negeri-negeri yang lebih menaruh minat terhadap perdagangan.¹² Sesungguhnya, pada abad ke-19 kegiatan utama masyarakat Melayu adalah pertanian. Masyarakat Melayu mengusahakan dua bentuk tanaman iaitu huma dan sawah. Tanaman huma melibatkan pembersihan hutan untuk satu atau dua musim tanaman; kemudiannya ditinggalkan menjadi hutan semula. Tanaman sawah atau bendang melibatkan tanaman padi dan sayur-sayuran serta pokok buah-buahan di kawasan tanah yang berdekatan. Masyarakat yang petempatannya hanya mengusahakan tanaman sawah terletak di tanah pamah persisiran pantai atau kawasan persisiran pantai di Semenanjung Tanah Melayu. Delta besar dan subur di Kedah dan Kelantan mempunyai sejarah awal petempatan petani yang berasaskan tanaman sawah.

Ekonomi masyarakat Melayu adalah berasaskan sara diri. Ia mengandungi kelompok kecil petani yang tinggal di kampung dan mengusahakan kegiatan pertanian, perburuan dan perikanan. Kehidupan petani bertumpu di tebing sungai, hutan dan kawasan kecil tanah yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Tanah yang mereka miliki adalah kecil dan di setengah-setengah negeri puratanya dua ekar. Keperluan petani adalah sederhana dan mereka menitikberatkan keperluan asas. Lebih jarang terdapat, dan kalau ada pun mereka biasanya menukarkan dengan barangan lain di kampung sendiri. Sementara itu

kampung-kampung membentuk unit sosial dan pentadbiran yang berbeza. Unit asas pengurusan pengeluaran ialah keluarga, walaupun seringkali atau sesekali kegiatan bersama kerap dilakukan secara besar-besaran, kadangkala ia dilakukan di kampung untuk tujuan tertentu. Pembersihan tanah dan pembinaan prasarana, misalnya lebih cenderung ke arah pengurusan bersama, kerap kali dijalankan dalam bentuk kerah.

Kegiatan asas pertanian ialah tanaman padi. Tidak semua negeri menghasilkan lebihan. Hanya kawasan lembah yang subur berupaya mengeksport beras ke kawasan jiran. Misalnya Kedah, membekalkan beras ke Pulau Pinang dan negeri-negeri jiran. Pada suatu ketika, Kedah, mengeksport 2 000 koyan beras ke Pulau Pinang, tetapi selepas tahun 1820 eksportnya jatuh kira-kira 100 koyan padi dan 50 koyan beras.¹³ Ketika lawatan Frank Swettenham ke Kedah pada tahun 1889, beliau menyatakan bahawa sawah padinya adalah lebih luas berbanding dengan di negeri-negeri lain yang pernah dilihatnya di Semenanjung. Di seluruh negeri Kedah hingga ke Perlis banyak kawasannya ditanami dengan padi.¹⁴ Tentang kepentingan beras dalam ekonomi Kedah bukan sahaja boleh dilihat dari perdagangan eksportnya tetapi dalam *Undang-undang Kedah*. Daripada empat kanun, dua secara langsung mencerminkan tumpuan kepada pertanian negeri. Sebenarnya, kanun kedua (Undang-undang Datuk Seri Paduka Tuan – tahun 1667) menyentuh tentang pelbagai aspek pertanian, khususnya mengenai tanaman padi sawah. Di samping itu, penekanan ke atas pembinaan terusan yang penting untuk tujuan pengairan, juga menunjukkan kepentingan ini.¹⁵

Dataran Kelantan adalah sebuah lagi kawasan penting tanaman padi. Pada tahun 1837, Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, penulis *Kisah Pelayaran Abdullah*, menyebut bahawa tanaman padi yang baik diperolehi setiap tahun dari dataran persisiran pantai yang luas di Kelantan. Dataran ini terbentang luas dan mendatar serta mengandungi tanah lanar yang subur. Pengeluaran padi di Kelantan bukan sahaja mencukupi keperluannya, tetapi juga mengeksport beras ke Singapura. Petani juga menternak binatang dan dieksport terus ke Thailand dan Singapura.¹⁶ Negeri-negeri lain yang juga mengeluarkan lebihan keluaran pada abad ke-19 ialah Perak dan Terengganu. Walau bagaimanapun pada akhir abad ke-19, pengeluaran padinya merosot. Di Perak, permintaan melebihi bekalan, sedangkan di Terengganu menghadapi kekurangan tanah dan pertambahan pesat penduduk di lembah Terengganu.¹⁷

Sehingga pertengahan abad ke-19, Selangor mempunyai bekalan beras yang banyak dan tidak perlu mengimportnya. Pencapaian ini adalah usaha pemerintah (Sultan Muhammad 1826–1857) yang mewajibkan rakyatnya menanam padi.¹⁸ Walau bagaimanapun, perang saudara yang meletus pada tahun 1866–73 mengakibatkan kerosakan sawah padi dan kehilangan besar nyawa yang membawa kepada kemerosotan pengeluaran.

Majoriti penanam padi mengusahakan tanaman mereka berasaskan sara hidup. Untuk menambahkan makanan, mereka menternak ayam-itik, menanam pokok buah-buahan dan tanaman lain di dusun mereka. Tanaman tersebut termasuklah pisang, tebu, ubi kayu, kelapa dan pinang. Dalam usaha untuk mendapatkan keperluan asas seperti kain, garam dan tembakau, petani memungut hasil hutan seperti rotan, buluh dan damar; kemudiannya mereka jual barangan ini di pasar atau pasar malam. Dari hutan juga mereka mendapat bahan api, bahan-bahan untuk membuat pagar dan atap serta daun-daun untuk membuat bakul dan menganyam tikar.

Mengapakah orang Melayu bergantung pada tanaman secukup hidup? Banyak alasan telah dikemukakan oleh para pemerhati dan sarjana untuk menjelaskan kedudukan ini. Salah satu penjelasan ialah kekurangan atau terhadnya tenaga buruh di kalangan petani. Sebagaimana yang telah disentuh sebelum ini bahawa unit asas buruh ialah keluarga. Akibatnya, petani tidak boleh mengusahakan tanaman melebihi kepayaan diri mereka. Penjelasan lain, ialah ketiadaan ternakan dalam negeri yang boleh melakukan kerja pembajakan yang berat. Lembu hanya mula menjadi penting apabila adanya pengenalan kereta lembu ekor dari daripada perkembangan pesat bijih timah pada suku akhir abad ke-19. Alasan ketiga ialah beban kerja kerah yang dituntut oleh golongan pemerintah. Dalam bidang perlombongan pula, petani misalnya hanya bekerja pada masa-masa yang ditentukan. Maka petani-petani ini tidak dapat menentukan kewajipan mereka dan ini melemahkan semangat untuk menambahkan tanaman. Akhirnya, walaupun di kebanyakan negeri, rakyat dikehendaki menyerahkan sepersepuluh daripada hasil mereka kepada pembesar, sebagai memenuhi tanggungjawab tradisi, kebimbangan masih ada, bahawa hasil tanaman yang lebih boleh mendorong pembesar menjadi tamak dan membuat tuntutan yang berlebihan.¹⁹

Selain kebun buah-buahan dan tanaman sayur-sayuran, tanaman dagangan juga diusahakan tetapi tidak memberi sumbangan penting ke-

pada ekonomi. Di Kedah, tanaman ubi kayu dimonopoli oleh orang Cina dan diusahakan di sekitar kawasan perlombongan.²⁰

Di Terengganu, tanaman lada hitam diusahakan dan dimonopoli oleh orang Cina.²¹ Di selatan pula, Maharaja Abu Bakar (1862-95) menjemput petani Cina dari Singapura untuk mengusahakan tanaman lada hitam dan gambir di bawah Sistem Kangcu. Petani-petani ini diberikan uluran untuk membuka kawasan lembah sungai di pedalaman dan memonopoli tanaman tersebut.²² Selain itu Sultan Abu Bakar juga membuka daerah Muar dan menggalakkan kemasukan orang luar, terutamanya dari Jawa, Sumatera dan Thailand. Muar menjadi kawasan pengeluaran utama pinang, kelapa, gambir, lada hitam, ubi kayu dan buah-buahan. Gambir, lada hitam dan ubi kayu dimonopoli oleh orang Cina di pedalaman Sungai Muar. Pinang, kelapa, padi dan buah-buahan diusahakan oleh pendatang dari Indonesia. Hasil keluaran ini biasanya dihantar terus ke Singapura dengan tongkang yang tiba pada waktunya di petempatan kecil pesisiran pantai untuk mengambil barangan.²³ Walaupun demikian, tanaman ini diusahakan secara kecil-kecilan dan kerana ia dimonopolikan oleh orang Cina, maka ia tidak memberi kesan ke atas ekonomi orang Melayu.

Pada umumnya, bentuk asas sistem tanah orang Melayu pada abad ke-19 adalah sebagai faktor pengeluaran ekonomi sara diri, dan bukan sebagai barangan untuk dijual atau ditukarkan.

Ramai di antara petani adalah juga utas dan mereka bergantung pada peredaran musim. Sebagai kelompok sosial, terdapat hanya sedikit golongan utas sepenuh masa, tidak termasuk mereka yang berkhidmat dengan istana dan menjadi pengiring pembesar berkuasa. Utas miskin dibiayai oleh orang kaya dan mereka tinggal serta mengusahakan pertukangan di kawasan yang dikhaskan. Pada tahun 1874, Frank Swettenham dan James Birch mencatatkan bahawa kampung Sungai Siput, Perak, terkenal dengan hasil pertukangan, seperti lembing dan pisau, dan alat-alat ini diusahakan oleh enam atau tujuh orang utas dan keluarga mereka.²⁴ Di negeri-negeri Melayu utara dan Terengganu terkenal dengan perkampungan utas, pekerja logam dan tukang kayu. Banyak senjata dihasilkan untuk dijual seperti keris, lembing, pedang, pisau dan kapak. Kaum wanita Terengganu pula terkenal dengan kemahiran ber-tenun. Mereka menghasilkan tenunan kain sutera dan sarung. Hasil pertukangan lain ialah pertukangan kayu dan tembaga.²⁵ Kelantan juga terkenal dengan pengeluaran kain sarung, logam dan ukiran kayu dan

periuk belanga daripada tanah.²⁶ Satu lagi pekerjaan penting terutamanya di Terengganu, Kelantan dan Pahang ialah membuat perahu; ini menunjukkan bahawa nelayan adalah pekerjaan utama di negeri-negeri ini. Perahu-perahu ini juga berulang-alik di sungai-sungai utama membawa beras dan makanan ke kampung-kampung di hulu dan membawa barangan dari pedalaman.²⁷

Perikanan

Sungai, tasik dan laut membekalkan makanan tambahan kepada petani. Ikan, kadangkala segar, tetapi biasanya kering atau masin yang selalu menjadi lauk kepada petani. Masyarakat yang tinggal berhampiran dengan sungai mendapat bekalan ikan yang mencukupi. Keadaan pinggir pantai Semenanjung Tanah Melayu yang tidak ada penghujungnya telah melahirkan perbezaan organisasi sosial dan ekonomi yang semata-mata bergantung pada perikanan. Perkampungan nelayan adalah kecil dan berpencar. Cara penangkapan ikan berbeza-beza, dan ia bergantung pada keadaan setempat, laut dan jenis ikan yang ditangkap. Tali kail, bubu, jala dan pukot adalah di antara kaedah penangkapan yang biasa digunakan. Alat-alat tangkapan, walaupun dibuat daripada bahan-bahan yang diperolehi dari sekitar kampung, tetapi ia menggambarkan keupayaan modal yang boleh dikumpulkan oleh seseorang atau keluarga nelayan. Kebanyakan daripada cara-cara penangkapan memerlukan kerjasama nelayan iaitu dengan mendayung perahu atau menarik pukot. Kedua-dua faktor ini berkait rapat iaitu keperluan menggunakan alat dan bekerjasama yang membawa ke arah membentuk kerjasama kepada ekonomi perkampungan nelayan. Sebahagian tertentu kelompok nelayan mengusahakan sendiri penangkapan mereka, tetapi ada juga penangkapan tersebut diketuai oleh seseorang. Kadangkala pemilihan ketua tersebut berasaskan pada jumlah modalnya yang disumbangkan; tetapi yang selalunya pemilihan dilakukan berdasarkan kebolehan dan kemahiran, pengalaman, kebolehan menentukan pergerakan ikan dan mengawal roh laut. Dalam bidang pemasaran juga kerap kali terdapat perkongsian, di mana pembahagian tugas mencerminkan pengurusan yang rumit berasaskan masa, perbelanjaan modal dan kemahiran. Pengeringan dan memasinkan ikan dilakukan oleh wanita dan kanak-kanak. Kuala Terengganu, bandar perdagangan yang terbesar di Pantai Timur adalah juga pusat perdagangan ikan.²⁸ Kampung-kampung nelayan, walaupun kekurangan beras tetapi menghasilkan barangan yang

diperlukan oleh kampung-kampung yang mengusahakan pertanian padi. Dengan itu nelayan menukarkan ikan dengan beras, dari kampung-kampung yang mengusahakan tanaman padi di kawasan pedalaman. Nelayan-nelayan membawa ikan basah atau ikan kering dan sambal ikan ke hulu sungai atau sepanjang pantai ke kampung-kampung lain atau ke pasar dan pekan sehari. Musim menangkap ikan bermula apabila terdapat banyak perahu di sepanjang pantai.

Perlombongan

Sebelum abad ke-19 lagi perlombongan bijih timah adalah kegiatan penting di Semenanjung Tanah Melayu. Pada masa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, para pedagang dari seluruh Asia datang ke pelabuhan entreport Melaka untuk membeli bijih timah. Bijih timah juga menjadi bahan persembahan penting dari kawasan-kawasan sungai-sungai di utara yang menjadi naungan Melaka, kepada sultan-sultan Melaka. Pada abad ke-19, kawasan terpenting bijih timah ialah di Perak, Selangor dan Sungai Ujong. Di negeri-negeri ini, pegangan pembesar daerah diperolehi melalui surat tauliah daripada pemerintah, hak mengawal kawasan tertentu dan memungut hasil dari kawasan yang ditadbir. Punca pendapatan utama mereka ialah bijih timah. Perlombongan adalah penduduk tempatan yang bekerja sepanjang tahun, tetapi pada umumnya bekerja dari pukul 5.00 pagi hingga 10.00 pagi dan dari pukul 3.00 petang hingga 6.00 petang. Peruntukan masa dibuat sedemikian untuk membolehkan mereka mengusahakan tanah pertanian. Kaedah perlombongan yang mereka gunakan adalah sederhana. Pekerja lombong terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan. Bagi kebanyakannya, pekerjaan ini adalah sebahagian daripada tugas kewajipan kepada pembesar mereka.²⁹

Di kawasan hulu sungai, bijih timah dileburkan menjadi jongkong seberat kira-kira lima puluh paun dan dihantar ke hilir sungai. Perdagangan bijih timah dijalankan di bawah pengawasan pembesar daerah yang membekalkan keperluan perbelanjaan. Sultan menerima bahagiannya melalui hasil daripada perdagangan bijih timah. Selepas British membentuk Negeri-negeri Selat dan menguruskan perdagangan; saudagar-saudagar di Negeri-negeri Selat mengalih pandangan ke negeri-negeri Melayu sebagai tapak pelaburan mereka. Serentak dengan itu para pembesar mencari saudagar dan pemodal untuk mendapatkan sumber modal dan tenaga manusia.

Pada peringkat permulaan, saudagar-saudagar memberi pinjaman kepada pembesar Melayu untuk menguruskan kegiatan perlombongan. Didapati bahawa buruh kerah tidak mencukupi menguruskan kegiatan perlombongan bagi memenuhi pertambahan permintaan dunia. Dengan itu pembesar Melayu mengupah pelombong Cina untuk mengusahakan perlombongan. Sebagai bayaran, mereka memperolehi bijih timah yang dieksport melalui pembesar. Sehingga tahun 1850-an, kelas pemerintah Melayu memonopoli eksport bijih timah. Pelombong-pelombong diarahkan menjual hasil bijih timah kepada kelas pemerintah Melayu dengan kadar \$33.00 satu bahara.³⁰ Oleh itu pelombong dibenarkan mengeksport bijih timah yang mereka usahakan berdasarkan peraturan baru yang dibuat di antara pelombong dengan pembesar. Peraturan baru ini membawa perkembangan perusahaan bijih timah, penambahan modal dalam perusahaan dan peranan pembesar dalam perusahaan bijih timah semakin luput. Keadaan ini mencetuskan persaingan di antara para pembesar Melayu ke atas pemilikan sesuatu kawasan yang kaya dengan bijih dan ini menyebabkan keadaan politik tidak stabil yang menyebabkan campur tangan British di Semenanjung.

Pengeluaran bijih timah di negeri-negeri lain tidak begitu penting. Jadual 3 menunjukkan anggaran pengeluaran bijih timah di Semenanjung pada tahun 1839.

Jadual 3
Pengeluaran Bijih Timah di Semenanjung
Tanah Melayu pada Tahun 1839

Pantai Barat	Pikul	Pantai Timur	Pikul
Sungai Ujong	7 000	Pahang	1 000
Perak	7 500	Kemaman & Terengganu	7 000
Kedah	600	Kelantan	3 000
Ujong Salang	1 500	Patani	1 000
Pungah	1 500		
Selangor	3 600		
Jumlah	22 600	Jumlah	12 000

Sumber: T.J. Newbold. *The British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm 424-425.

Terengganu adalah negeri kedua selepas Perak yang mempunyai jumlah besar dalam perniagaan bijih timah, sedangkan Kedah hanya pada pertengahan abad ke-19, iaitu apabila kemasukan buruh dan pe-

modal Cina barulah ia berkembang. Walaupun begitu pada akhir abad ke-19 keluaran bijih timah di negeri-negeri pantai barat bertambah dengan pesatnya berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Pada tahun 1888, Perak mengeluarkan 218 839 pikul, dan Selangor 135 735 pikul.³¹

Perlombongan emas juga diusahakan di Pahang dan Kelantan. Perusahaannya ini dikendalikan oleh pemerintah yang bergantung pada modal dan buruh Cina. Walaupun bijih timah menjadi bahan eksport terpenting tetapi ia tidak memberi kesan ke atas kehidupan para petani.

Perdagangan

Perdagangan memainkan peranan penting dalam sistem ekonomi masyarakat Melayu. Ekonomi negeri-negeri Melayu adalah terbuka, juga tidaklah sepenuhnya sara diri. Urusan perdagangan dikendalikan oleh kelas pemerintah dan saudagar-saudagar yang terdiri daripada lapisan kecil dalam masyarakat. Pedagang-pedagang Melayu adalah terkenal dan mempunyai hubungan perdagangan yang lama dengan negeri-negeri di Asia Tenggara, China, India dan Timur Tengah. Dengan bertambahnya kepentingan Selat Melaka pada abad ke-19, pusat-pusat perdagangan penting muncul di Kuala Terengganu dan Kota Bharu serta mewujudkan hubungan perdagangan dengan Singapura dan Pulau Pinang. Tentang perdagangan ini, T. J. Newbold menyatakan bahawa semua import dari pantai timur (Semenanjung) setakat ini adalah paling penting. Nilai debu emas yang didagangkan dari sana, pada tahun 1835-6, sahaja berjumlah sehingga 14 840 ringgit Sepanyol, dan dari pantai barat sehingga 1 200 ringgit. Eksport lain ialah bijih timah, lada hitam dan putih, sutera dan kapas, kain Melayu, gula dan rotan; sebagai tukaran untuk beras, tembakau, candu, ikan masin, senjata, perkakas besi dan kelengkapan pertanian, barangan dari Eropah dan India, kapas, pilin dan lain-lain. Pelabuhan utama di pantai timur ialah Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sangota. Debu emas yang dibawa dari Pahang adalah tulen dan mendapat harga yang tinggi di antara 28 hingga 28.5 ringgit Sepanyol sebunkal. Kain, bijih timah dan lada hitam terutamanya datang dari Terengganu dan Kelantan, adalah setara dengan debu emas. Import utama dari pantai barat ialah bijih timah dari Linggi, Sungai Ujong, negeri-negeri pedalaman Melaka, Lukut, Selangor dan Perak; madu lebah, gading gajah, *ebony*, kulit haiwan, rotan, sagu, kayu *lakka*, mata wang (ringgit), sayur-sayuran, buah-buahan, lembu dan

ayam itik dari Johor, Pontian, Umbai, Batu Pahat, Muar, Kesang, dan Sungai Baru. Eksport ke tempat-tempat ini adalah sama jenisnya seperti ke pantai timur. Hampir kesemua perdagangan menggunakan perahu-perahu anak negeri, dan perahu kecil yang dipanggil sampan pukat. Import dari pantai timur Semenanjung sahaja puratanya melebihi 300 000 ringgit Sepanyol setahun, dan eksportnya lebih kurang sama.³²

Dalam perdagangan dalaman, catatan menunjukkan bahawa jaringan hubungan perniagaan wujud di antara kawasan pantai dengan pedalaman, tanah pamah dengan tanah tinggi dan bahagian barat dengan bahagian timur. Sungai menjadi perhubungan penting dari kawasan pedalaman ke kuala sungai. Misalnya, sudah lama wujud hubungan di antara Pahang dengan Melaka, melalui Negeri Sembilan menerusi Sungai Berah, Sungai Serting, Sungai Jempul dan Sungai Muar. Kekerapan kunjungan pedagang Pahang ini adalah jelas berkait rapat dengan bilangan pokok durian dan kelapa yang mereka tanam di bahagian tertentu di sepanjang sungai ini. Di sungai ini pula dibina rumah cukai untuk membolehkan pembesar daerah memungut cukai ke atas candu, tembakau, kain, peralatan besi, garam dan barangan lain yang melalui Jempul ke Pahang dan juga debu emas dan kain sutera Pahang ke Melaka.³³ Perdagangan di sepanjang sungai ini terhenti di pertengahan abad ke-19 kerana kekacauan politik dan pembukaan Singapura, yang seterusnya menjalin perdagangan langsung dengan negeri-negeri di pantai timur. Di kampung-kampung, barangan biasanya ditukarkan di pasar atau pekan sehari.

Selain pedagang Melayu terdapat juga pedagang Cina, India dan Arab. Pedagang Cina mewujudkan hubungan perdagangan yang lebih luas dan berulang-alik dengan menggunakan perahu dari bandar ke kampung dan sehingga ke kawasan pedalaman yang terpencil.

Menjelang akhir abad ke-19, melalui dasar perniagaan monopoli, pelabuhan Negeri-negeri Selat menjadi satu-satunya saluran import penting sampai ke negeri-negeri Melayu dan eksport negeri-negeri ini ke dunia luar. Akibatnya pelabuhan di negeri-negeri Melayu bergantung pada perdagangan Singapura dan Pulau Pinang.

Kesimpulan

Pada suku akhir abad ke-19, pemodal asing telah menembusi ekonomi Melayu. Peningkatan pelaburan di negeri-negeri Melayu dan penghijrahan orang Cina untuk mengusahakan perlombongan bijih timah te-

lah menyebabkan berlakunya kekacauan dalam politik Melayu. Di negeri-negeri pantai barat berlaku persaingan di antara pembesar untuk menguasai kawasan yang kaya dengan bijih timah. Keadaan huru-hara dan persengketaan di antara kongsi-kongsi gelap, pentingnya Semenanjung bagi kuasa-kuasa Barat akibat pembukaan Terusan Suez telah membawa kepada campur tangan British. Penembusan ekonomi tempatan, mengakibatkan keteguhan politik di negeri-negeri pantai barat menjelang akhir abad ke-19. Pada awal abad ke-20 pengaruh British bertambah luas dengan kemasukan Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor ke dalam perlindungan British. Dengan itu ekonomi Semenanjung menjadi sebahagian daripada sistem ekonomi dunia dan dijemakan ke dalam ekonomi penjajahan.

Nota

¹ Sebagai contoh, lihat Sharom Ahmat, 1984. "Tradition and Change in a Malay State : A Study of the Economic and Political 1878-1923, MBRAS Monograf No.12, Kuala Lumpur, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society".

² J.M. Gullick, 1969. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London, The Athlone Press, Bab 3-4.

³ Aminuddin b. Baki, "The Institution of Debt Slavery in Perak", *Peninjau Sejarah*, Vol. 1, No. 7, 1966.

⁴ Gullick, *Indigenous Political Systems*, hlm 104.

⁵ *Ibid.*, hlm 125. Sharom Ahmat, Tradition and Change, hlm 39-45.

⁶ Hugh Clifford, "A Journey through the Malay States of Trengganu and Kelantan", *The Geographical Journal*, Vol. 9, Pt. 1, (1897), hlm 18-19; H. Clifford, "Life in the Malay Peninsula As it was and is", *Proceedings of the Royal Colonial Society*, Vol. 30, (1898-99), hlm 383-384.

⁷ Sebagai contoh sila lihat Sharom Ahmat, Tradition and Change, hlm 25-28.

⁸ James Low, 1972. *Settlement of Penang*. Singapore: Oxford University Press, hlm 6.

⁹ Leslie Robert, 1973. "The Kelantan 1890-1939: Government in Transition", Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 41.

¹⁰ Sharom Ahmat, Tradition and Change, hlm 35-38.

¹¹ Gullick, *Indigenous Political Systems*, hlm 6.

¹² *Ibid.*, hlm 23.

¹³ P.L. Burns and C.D. Cowan, 1975. *Swettenham's Journals 1874-1876*, reprint, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 262-268.

¹⁴ R.G. Cant, 1973. *An Historical Geography of Pahang*, MBRAS, Monograf No. 4, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society: hlm 33.

¹⁵ A.M. Skinner, 1949. *The Malay Peninsula, dan Malay - A Report on the 1947*

Census of Population disusun oleh M.V. del Tufo. Kuala Lumpur, Government Printer, hlm 30.

¹⁶James Low, 1972. *Dissertation on the Soil and Agriculture of the British Settlements of Penang or Prince of Wales Island in the Straits of Malacca*. Singapore: Singapore Free Press: 1836. Reprint, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hlm 82, 91.

¹⁷James Low, *British Settlement of Penang*, hlm 155, 156.

¹⁸Dipetik daripada Sharom Ahmat, *Tradition and Change*, hlm 17.

¹⁹*Ibid.*, hlm 19.

²⁰Burns and Cowan, *Swettenham's Malayan Journals*, hlm 268.

²¹R.D. Hill, 1977. *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 69.

²²Khoo Kay Kim, 1972. *Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 41.

²³Sebagai contoh lihat, Sharom Ahmat, *Tradition and Change*, hlm 21.

²⁴*Ibid.*, hlm 21.

²⁵Shahril Talib Robert, 1984. *After Its own Image -The Terengganu Experience 1881-1941*. Singapore: Oxford University Press, hlm 48.

²⁶Keterangan lanjut mengenai Sistem Kangcu, lihat James C.Jackson, "Chinese Agricultural Pioneering in Singapore and Johore 1800-1917", *JMBRAS*, Vol. 38, Pt. 1 (1965), hlm 85-105; A.E. Coope, "The Kangchu System in Johore", *JMBRAS*, Vol. 14, Pt. 3 (1936), hlm 247-263.

²⁷Amarjit Kaur, "The Muar Railroad 1890-1921", *Journal of South Seas Society*, Vol. 36 (June 1981), hlm 69-78.

²⁸Burns and Cowan, *Swettenham's Malayan Journals*, hlm 68 and P.L. Burn, 1976. *The Journal of J.W.W. Birch: First British Resident to Perak 1874-1875*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 74.

²⁹Hugh Clifford, "A Journey through the Malay States of Trengganu and Kelantan", hlm 27-30.

³⁰*Ibid.*, hlm 27. Hugh Clifford, 1971. *In Court and Kampong*. London: Grant Richard, hlm 22-23.

³¹Burns and Cowan, *Swettenham's Malayan Journals*, hlm 268; Leslie Robert, "Kelantan 1890-1939", hlm 10.

³²Lihat "Among the Fisher Folk" dalam *Stories by Sir Hugh Clifford*, disunting dan pengenalan oleh William Roff. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966, hlm 186-200.

³³Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, hlm 34.

³⁴*Ibid.*, hlm 75-6.

³⁵Wong Lin Ken, 1965. *The Malayan Tin Industry to Tuscon*, University of Arizona Press, hlm 90, 104

³⁶T.J. Newbold, *The British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm 354-5.

³⁷Khoo Kay Kim, *The Western Malay States*, hlm 49.

KEADAAN EKONOMI DAN STRUKTUR MASYARAKAT MELAYU KELANTAN PADA ABAD KE-19¹

Dr. Ishak Shaari

Pendahuluan

Perbincangan ini bertujuan untuk menghuraikan keadaan ekonomi dan struktur masyarakat Melayu di Kelantan pada abad ke-19. Tajuk ini sememangnya luas dan tidak mungkin dapat membincangkan kesemua aspek dengan lengkap. Oleh yang demikian, perbincangan hanya akan ditumpukan kepada beberapa aspek tertentu sahaja. Antara aspek yang akan dibincangkan termasuklah kegiatan ekonomi utama, taraf perkembangan tenaga pengeluaran, sistem pemilikan tanah dan hubungan sosial dalam masyarakat Melayu Kelantan pada zaman itu. Oleh kerana perkembangan ekonomi dalam masyarakat tradisional mempunyai kaitan rapat dengan struktur politiknya, maka perbincangan ini akan dimulakan dengan meninjau secara ringkas perkembangan dan struktur politik di negeri itu pada abad ke-19.

Perlu dinyatakan bahawa penulisan ini banyak bergantung pada bahan-bahan yang ditulis oleh beberapa orang pengkaji sejarah negeri Kelantan. Tetapi, jumlah penulisan yang dapat dirujuk adalah

terhad kerana sehingga kini para pengkaji sejarah kurang memberi perhatian khusus kepada sejarah negeri Kelantan dalam pensejarahan Malaysia. Biasanya yang dibicarakan hanyalah tentang kedudukan Kelantan dalam hubungan di antara pihak Inggeris dengan kerajaan Siam. Selain itu, para sarjana yang mengkaji sejarah Kelantan kurang mengutamakan unsur-unsur yang tidak bersifat politik, kecuali beberapa orang penulis.² Oleh yang demikian, walaupun penulis cuba melengkapkan bahan-bahan sejarah ini dengan bahan-bahan daripada sumber asli, namun yang diperolehi masih belum mencukupi untuk membolehkan penulis membuat analisis yang menyeluruh tentang ekonomi dan struktur masyarakat Kelantan pada zaman tersebut.

Perkembangan Politik Kelantan pada Abad ke-19

Kajian³ tentang sejarah Kelantan sebelum ini menunjukkan bahawa dari awal abad ke-17 sehingga pertengahan abad ke-18, negeri itu adalah berpecah dan kuasa pemerintah dibahagikan antara beberapa orang pemerintah tempatan yang bertelingkah sesama sendiri untuk memperolehi kuasa pemerintah mutlak ke atas seluruh negeri itu. Dengan kata lain, selama lebih daripada satu abad, Kelantan dikatakan tidak mempunyai seorang pemerintah yang dapat menguasai seluruh negeri itu. Tetapi, keadaan ini mula berubah sejak awal abad ke-19. Di bawah pemerintahan Sultan Muhammad I, yang berjaya menjadi Sultan Kelantan setelah berlakunya perebutan kuasa dengan kaum kerabat Long Yunus pada tahun 1795, corak pentadbiran negeri Kelantan mengalami perubahan, iaitu satu struktur kuasa yang lebih jelas telah dibentuk. Walaupun beberapa orang pembesar, yang kebanyakannya terdiri daripada kerabat diraja, dilantik memegang jawatan tertentu dalam kerajaan, sultan cuba mengukuhkan kedudukannya dengan mewujudkan corak pemerintahan yang berasaskan sistem berpusat, dan sultan berada di puncaknya.⁴ Di samping itu, negeri Kelantan juga dibahagikan kepada beberapa unit politik yang lebih kecil, yang dipanggil daerah atau jajahan. Di antara jajahan-jajahan itu termasuklah Galas, Bukit Merah, Lebir, Panchor, Kampung Laut dan Banggul. Sempadan jajahan ini tidak ditetapkan secara jelas dan biasanya ditentukan oleh lembah-lembah sungai dan kaki bukit sahaja.

Pemerintahan di tiap-tiap jajahan ini dibahagikan di kalangan kerabat diraja, yang dilantik untuk memegang jawatan tertentu dalam kerajaan.⁵ Pada masa itu, kerabat diraja yang memerintah di sesuatu jajahan

an akan mendapat hak ekonomi dan hak ke atas tenaga manusia dalam jajahannya. Sesuatu jajahan memberi kerabat diraja yang dilantik hak ke atas sumber-sumber ekonomi termasuklah tenaga manusia di jajahan berkenaan.⁶

Seterusnya, sesebuah jajahan itu dibahagikan kepada mukim dan sejak tahun 1860-an akibat pengaruh Siam, unit politik ini dikenali dengan panggilan kweng. Lazimnya, sesebuah mukim itu diketuai oleh seorang penghulu yang dibantu oleh seorang imam. Sultan melantik penghulu dan imam daripada kalangan rakyat di mukim berkenaan dan mereka menjadi orang perantaraan di antara golongan pemerintah dengan rakyat jelata. Tugas penghulu adalah untuk memungut cukai daripada rakyat di mukimnya, di samping melaksanakan perkhidmatan "ke-rah" sekiranya tenaga rakyat diperlukan oleh pemerintah.

Walaupun pembesar jajahan dan penghulu mukim dilantik oleh sultan, sebagaimana juga di negeri-negeri Melayu yang lain, mereka ini mempunyai pengikut, hamba abdi dan orang berhutang yang terpaksa tunduk kepada kekuasaan mereka di kawasan masing-masing.⁷ Dalam keadaan demikian, beberapa puak muncul dan tiap-tiap satu daripada mereka, sama ada secara persendirian atau bekerjasama dengan puak-puak tertentu, cuba meluaskan kuasa masing-masing. Hal ini merupakan keadaan yang sukar diatasi oleh Sultan Muhammad I. Oleh kerana itu, semasa pemerintahan Sultan Muhammad II, yang juga digelar Sultan Muhammad "Mulut Merah" (1838-1886), yang menang dalam perang saudara untuk merebut pemerintahan negeri Kelantan, maka corak pentadbiran di Kelantan telah disusun semula.⁸ Sejak tahun 1842, setelah penentangannya disingkir, Sultan Muhammad II membentuk susunan pentadbiran yang jelas memperlihatkan ciri pemusatan kuasa pemerintahan di Kota Bharu. Akibatnya, kebanyakan pembesar yang terdiri daripada kerabat diraja, tidak lagi mempunyai kuasa ke atas jajahan. Malahan, beberapa orang pembesar yang diberi kuasa mentadbir jajahan yang jauh daripada kerajaan pusat, juga ditetapkan supaya tinggal di Kota Bharu. Justeru itu, pemerintahan Sultan Muhammad II menjadi lebih stabil sehingga menjelang akhir abad ke-19 "... tidak terdengar khabar tentang pemberontakan di negeri itu selama 35 tahun".⁹

Penyatuan negeri Kelantan sejak pertengahan abad ke-19 bukanlah merupakan hasil usaha Sultan Muhammad II sahaja tetapi juga kerana tekanan ekonomi dan politik yang menjadikan Kota Bharu dan kawasan dataran di sekelilingnya sebagai satu unit politik yang tidak dapat dipi-

sah-pisahkan.¹⁰ Tekanan politik yang disebutkan ini datangnya dari utara. Sejak tahun 1820-an, setelah berjaya mematahkan serangan angkatan tentera Burma terhadap wilayahnya, pemerintah Siam mengalihkan tumpuannya ke selatan dengan menakluk Patani, menyerang Kedah dan membuat percubaan untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri di bawah naungannya. Dengan itu negeri Kelantan telah menjadi sebuah negeri di bawah naungan Siam sejak pemerintahan Sultan Muhammad I. Sebagai tanda penaungan ini, pemerintah Kota Bharu menghantar "bunga mas" kepada Siam setiap tiga tahun sekali. Peranan kerajaan Siam dalam pergolakan politik Kelantan semakin meningkat sejak berlakunya 'perang saudara' pada tahun 1838-39. Kesan perkembangan ini, pemerintah Kelantan telah meniru cara pelaksanaan pemerintahan Siam, khususnya dari segi pentadbiran jajahan dan kemudiannya sistem pungutan cukai.

Di selatan pula, muncul pengaruh ekonomi yang baru. Sejak pembukaan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa, perdagangan di antara Singapura dengan negeri-negeri di pantai timur Tanah Melayu dan Siam berkembang dengan pesat. Malahan, pada pertengahan abad ke-19, sebahagian besar daripada perdagangan di antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Singapura adalah perdagangan yang dijalankan dengan negeri-negeri di pantai timur termasuk Kelantan.¹¹ Kesan perkembangan ini ke atas politik dan ekonomi Kelantan adalah besar. Dari segi kesan politik, perolehan hasil telah bertambah dan perkembangan perdagangan ini membolehkan Sultan Muhammad II mengukuhkan kuasanya dengan mewujudkan sistem pentadbiran pusat di Kota Bharu.¹²

Ekonomi Kelantan pada Abad ke-19

Berdasarkan catatan sejarah daripada beberapa orang yang melawat Kelantan pada abad ke-19, boleh dibuat satu huraian kasar tentang keadaan ekonomi Kelantan pada abad ke-19. Daripada sumber-sumber ini didapati bahawa pada zaman itu, kebanyakan penduduk di Kelantan terus tertumpu di kawasan datarannya yang meliputi jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih dan Tumpat yang merupakan hanya 10 peratus daripada keluasan seluruh negeri Kelantan.¹³ Menurut perangkaan terawal tentang jumlah penduduk di Semenanjung Tanah Melayu, Kelantan mempunyai penduduk seramai kira-kira 50 000 orang pada tahun 1835 dan merupakan negeri yang mempunyai penduduk paling ramai.¹⁴

Ini kerana Kelantan, seperti juga Kedah, Terengganu dan Pahang, mempunyai kawasan lembah sungai yang luas dan subur yang menjadi tumpuan penduduk.¹⁵ Pada tahun 1884, penduduk Kelantan dianggarkan seramai 200 000 orang, manakala pada tahun 1911, jumlah penduduknya dilaporkan meningkat menjadi 286 751 orang.¹⁶ Tetapi, pada awal abad ke-20, Kelantan tidak lagi merupakan negeri yang mempunyai penduduk yang paling ramai di antara negeri-negeri di Semenanjung.

Menurut Kessler,¹⁷ corak petempatan penduduk di Kelantan pada abad ke-19 masih menyerupai corak petempatan penduduk di negeri-negeri di pantai barat Semenanjung, walaupun tidak secara menyeluruh. Sebahagian besar penduduknya masih mendirikan rumah mereka di tebing kiri dan kanan Sungai Kelantan dan anak-anak sungainya. Ini adalah kerana sungai merupakan cara perhubungan yang terpenting sejak zaman dahulu. Sungai-sungai itu juga merupakan sumber untuk mendapatkan air bagi kegunaan harian (seperti memasak, membasuh, mandi, dan sebagainya) dan juga untuk pertanian. Raja dan orang-orang besar Kelantan juga turut mendirikan kubu-istana mereka di tebing atau anak-anak sungainya untuk memudahkan mereka mengutip hasil. Kemudahan perhubungan dan bergerak melalui sungai-sungai ini juga membolehkan raja dan para pembesar meluaskan kuasa pemerintahan mereka. Sultan Kelantan mendirikan kubu-istana berhampiran dengan kuala Sungai Kelantan dan dari sinilah mereka dapat menguasai penduduk pedalaman di sepanjang sungai itu.¹⁸ Kutipan cukai ke atas bijih, emas dan barang-barang lain yang dieksport serta barang-barang yang diimport ke negeri itu merupakan sumber utama pendapatan mereka.

Rakyat juga lebih cenderung untuk tinggal di kawasan yang berhampiran dengan kuala sungai kerana tanahnya lebih subur. Di samping itu, harga barangan di kawasan itu lebih murah jika dibandingkan dengan harga barangan di kawasan pedalaman kerana para pedagang terpaksa membayar cukai tambahan apabila melalui kubu-istana di sepanjang sungai.

Walaupun begitu, Kessler berpendapat bahawa masyarakat Kelantan juga menyerupai masyarakat pesisir di Jawa. Menurutnya, tidak kesemua penduduk di negeri itu terpaksa berhubung melalui Kelantan. Oleh kerana itu, penguasaan ke atas sungai tidaklah bermakna sultan dapat menguasai keseluruhan penduduk di kawasan dataran terutama sekali di sebelah timur Sungai Kelantan. Di samping itu, keadaan terse-

but juga membolehkan rakyat mengelak untuk membayar cukai kepada sultan.

Ekonomi negeri Kelantan pada abad ke-19 masih berasaskan kegiatan pertanian. Seperti juga negeri-negeri Melayu yang lain, terdapat dua jenis kegiatan pertanian yang diusahakan oleh rakyat Kelantan iaitu kegiatan pertanian tetap (sawah) dan kegiatan pertanian pindah (huma/ladang). Tetapi kawasan dataran Kelantan telah lama menjadi kawasan kegiatan pertanian tetap, seperti menanam padi, kelapa, pinang, tanaman dusun dan sayur-sayuran. Apabila Munsyi Abdullah melawat Kelantan pada tahun 1838, beliau sempat mencatatkan tentang keadaan kampung Melayu di kawasan dataran Kelantan (di kawasan Sabak) seperti berikut :

"Bermula, adalah kehidupan mereka itu memukat ikan dan bertanam padi adanya sawah mereka itu seperti lautan lagi dengan lapangnya serta suci sawah itu daripada segala kayu-kayu dan tunggul-tunggul. Maka adalah isi kampung itu penuh dengan nyiur dan pinang dan buah-buahan sahaja".¹⁹

Catatannya ini secara ringkas memberikan gambaran tentang jenis-jenis tanaman yang diusahakan di Kelantan pada masa itu, dan padi merupakan tanaman utama. Terdapat tiga jenis padi yang ditanam di negeri itu iaitu padi cedungan, padi tugalan dan padi huma. Padi cedungan yang ditanam dalam sawah yang berair ditanam setiap tahun, manakala padi tugalan yang ditanam dengan menabur biji-biji padi di tanah kering yang sudah ditajak ditanam setiap tiga tahun. Padi huma pula ditanam secara pertanian pindah. Kebanyakan petani di kawasan dataran Kelantan lebih cenderung untuk menanam padi tugalan daripada padi cedungan kerana tanaman cedungan memerlukan sistem perairan yang sempurna, yang hanya terdapat di kawasan yang berhampiran dengan sungai. Bagi petani yang tinggal jauh dari sungai, penanaman padi cedungan akan memerlukan belanja dan usaha yang lebih kerana mereka terpaksa membina batas untuk menakung air hujan di tanah mereka. Di samping itu, dengan mengusahakan padi tugalan, petani-petani juga boleh menanam tanaman lain seperti jagung, ubi, keledek dan sayur-sayuran untuk memenuhi keperluan harian mereka. Amalan ini lebih sesuai dengan cara hidup pada masa itu kerana rakyat menghasilkan hampir kesemua keperluan hidup mereka.

Di samping kegiatan pertanian, rakyat Kelantan pada masa itu juga menjadi nelayan. Ikan merupakan makanan kedua pentingnya sele-

pas beras, boleh didapati dari laut, sungai dan paya. Nelayan yang tinggal di sepanjang pantai negeri itu menangkap ikan dengan pelbagai cara. Munsyi Abdullah menerangkan cara menangkap ikan yang digunakan pada pertengahan abad ke-19. Menurutnyanya :

"... suatu hairan kepada saya melihatkan perahu pengail mereka itu boleh muat empat lima koyan. Maka orangnya dalam sebuah perahu itu tiga empat puluh. Maka dibawanya pukatnya itu di tengah-tengah laut dalam lima belas dua puluh depa. Maka turunlah seorang dalam bot itu melihat tempat ikan banyak dan mendengar bunyinya. Maka jikalau ada banyak ikan baharulah ia naik ke perahu. Maka dibuangnya pukatnya itu, adanya".²⁰

Daripada keterangan yang diberikan oleh Munsyi Abdullah ini didapati bahawa nelayan Kelantan pada masa itu menggunakan pukut payang²¹ untuk menangkap ikan.

Unit asas pengeluaran di kalangan petani pada masa itu ialah isi rumah. Petani biasanya menggunakan keseluruhan anggota isi rumah mereka – lelaki dan perempuan – untuk mengerjakan tanah mereka. Di samping itu, kegiatan secara bekerjasama atau bergotong-royong juga dijalankan oleh penduduk kampung untuk melaksanakan kerja-kerja tertentu. Sebagai contoh, apabila tiba waktu mengerjakan tanah sawah, kegiatan gotong-royong berdasarkan sistem "pinjaman" sering dijalankan.²² Dalam sistem kerjasama "pinjaman" ini boleh dikatakan seluruh penduduk kampung akan keluar menyertai gotong-royong yang diadakan. Orang yang tidak bertanah juga turut serta dalam kerja gotong-royong ini. Usaha mereka ini akan dibalas dengan pemberian hasil tanah itu atau dalam bentuk zakat.²³

Dalam pekerjaan tertentu pula, khususnya pekerjaan menangkap ikan yang menggunakan pukut payang, usaha ini dijalankan secara bersama di antara anggota masyarakat dalam sesebuah kampung.

Tetapi, dalam kedua-dua kegiatan pertanian dan menangkap ikan, penggunaan buruh upahan masih belum terdapat lagi pada zaman itu. Menyentuh tentang keadaan nelayan pukut payang di Terengganu, pada tahun 1895, Clifford menerangkan bahawa pemilik perahu dan pukut biasa mengambil bahagian yang aktif dalam usaha menangkap ikan. Menurutnyanya:

"Bahagian yang diperolehi oleh nelayan yang bekerja dalam sesebuah bot, serta bahagian tuan punya bot dan pukut, semuanya ditentukan oleh peraturan yang tidak berubah sejak beberapa keturunan,

dan yang difahami serta diterima oleh semua pihak yang terlibat Pemilik-pemilik bot dan pukat biasanya ke laut bersama-sama dengan nelayan-nelayan lain dalam bot mereka masing-masing: pada masa itu belum terdapat golongan kapitalis yang mendapat pendapatan dengan hanya memiliki bot sahaja".²⁴

Besar kemungkinan bahawa penerangan Clifford ini menggambarkan juga keadaan di kalangan nelayan pukat payang di Kelantan pada masa itu.

Walaupun mereka yang melakukan pekerjaan pertanian, menangkap ikan dan berternak merupakan golongan majoriti dalam masyarakat Kelantan pada zaman itu, namun terdapat juga individu-individu dalam sesebuah kampung yang menjalankan kerja-kerja pertukangan seperti bertenun, membuat pisau dan parang, menganyam tikar mengkuang dan membuat barang-barang perhiasan emas dan perak.²⁵ Di perkampungan nelayan pula, terdapat individu-individu yang menjalankan kerja membuat perahu, pukat dan alat-alat lain untuk menangkap ikan serta juga membuat budu dan ikan kering. Perusahaan-perusahaan ini pada mulanya lebih merupakan perusahaan di kalangan keluarga dan untuk kegunaan sendiri. Tetapi, dengan berkembangnya perdagangan di antara Kelantan dengan dunia luar, melalui Singapura, barang-barang ini mula dipasarkan.

Dalam kegiatan pengeluaran yang disebutkan di atas, taraf teknologi yang digunakan masih lagi mundur.²⁶ Pada keseluruhannya perubahan dalam teknik pengeluaran bergerak pada kadar yang amat perlahan. Oleh yang demikian, alat-alat yang digunakan dalam pelbagai kegiatan tidak banyak berubah dari zaman sebelumnya. Di bidang pertanian, sebagai contoh, alat-alat yang digunakan termasuklah tenggala (untuk membajak sawah), ketam dan sabit (untuk menuai padi), alat-alat pemukul untuk meleraikan padi, lesung tangan dan lesung 'induk' (untuk menumbuk padi), cangkul, parang, kapak, kenderaan, cagak dan sebagainya. Di antara kemajuan yang dicapai pada masa itu termasuklah cara-cara membina sistem tali air yang lebih baik. Penanam padi menggali parit-parit untuk mengalirkan air daripada anak-anak sungai, kolam dan sebagainya kolam dan sawah mereka. Alat dan cara untuk menimba air juga direka oleh mereka.²⁷ Besar kemungkinan bahawa kemajuan teknologi juga berlaku dalam bidang penangkapan ikan kerana jenis-jenis perahu dan alat-alat baru yang boleh menghasilkan tangkapan ikan yang lebih banyak telah diperkenalkan pada masa itu.

Hsieh Ching-Kao ada menyebut dalam catatannya tentang kedatangan orang Cina ke Kelantan pada abad ke-18 untuk mencari emas. Menurut beberapa kajian,²⁸ didapati bahawa kegiatan melombong emas ini berterusan pada abad ke-19, khususnya pertengahan pertama abad tersebut. Malahan, Dodge berpendapat bahawa Kelantan adalah negeri pengeksport emas yang utama di Semenanjung untuk beberapa dekad dalam bahagian pertama abad ke-19. Tetapi, selepas tahun 1850, akibat kekurangan sumber emas di negeri itu, jumlah pengeluaran emas di Kelantan telah berkurangan. Laporan-laporan yang pernah ditulis tentang perlombongan emas di Kelantan pada abad ke-19 memberi gambaran bahawa kegiatan itu diusahakan oleh sekumpulan kecil orang Cina yang berpindah dari satu tempat ke tempat lain bergantung pada jumlah emas yang ada di sesuatu tempat. Apabila hasil emas di sesuatu kawasan sudah merosot, mereka akan berpindah ke tempat lain yang didapati mengandungi emas.²⁹ Kawasan-kawasan lombong emas yang terkenal pada masa itu termasuklah daerah Sokor dan Galas. Cara perlombongan yang dijalankan boleh dikatakan mundur.³⁰ Newbold dan Crawford³¹ juga ada menyebut tentang perlombongan bijih timah di Kelantan pada tahun 1830-an. Menurut Newbold, Kelantan mengeluarkan kira-kira 179 tan bijih pada tahun 1835 dan menjadi negeri pengeluar bijih yang kelima di Semenanjung iaitu selepas Negeri Sembilan, Perak, Terengganu dan Selangor.³² Tetapi, selepas tahun 1850-an, dengan pertambahan pesat pengeluaran bijih di negeri-negeri pantai barat Semenanjung, minat pelombong-pelombong terhadap sumber-sumber bijih di pantai timur telah berkurangan.

Daripada perbincangan setakat ini, ekonomi masyarakat petani Kelantan pada abad ke-19 boleh dianggap sebagai kegiatan pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan kegiatan pengeluaran untuk tujuan perdagangan masih amat terbatas. Dengan kata lain, pengeluaran barangan serta pembahagian kerja dan pengkhususan masih lagi terbatas dalam ekonomi Kelantan pada zaman itu. Secara keseluruhannya petani tidak mempunyai insentif untuk menghasilkan lebih daripada yang diperlukan untuk membolehkan diri dan keluarga mereka terus hidup. Sharom Ahmat³³ memberi beberapa sebab kenapa keadaan sedemikian wujud dalam masyarakat Melayu prapenjajahan. Pertama, kerana petani pada asasnya bergantung pada tenaga keluarga untuk mengusahakan tanah atau sawah mereka, maka jumlah tenaga buruh yang boleh digembleng adalah terhad. Di samping itu, kebanyakan petani tidak mempunyai

kerbau untuk membajak tanah mereka. Kedua-duanya mewujudkan sistem kerah memaksa orang lelaki mengerjakan kerja-kerja raja dan pembesar tempatan apabila diperintahkan berbuat demikian. Selalunya, mereka tidak tahu bila dan berapa lama mereka akan dipanggil untuk menjalankan kerja-kerja kerah. Ini menghalang petani mengusahakan kawasan yang luas kerana takut keluarga mereka tidak dapat menghabiskan kesemua kerja apabila mereka dipanggil untuk menjalankan kerja-kerja kerah. Menurut Sharom Ahmat, faktor kedua ini merupakan halangan yang lebih besar daripada faktor pertama.

Ketiga, kebimbangan rakyat jelata bahawa lebihan mereka akan dirampas oleh raja atau pembesar tempatan. Keresahan rakyat Kelantan tentang perkara ini dicatat oleh Munsyi Abdullah sebagai berikut:

"Maka katanya (seorang rakyat biasa yang ditemui oleh Abdullah) Dan lagi baik perahu atau tanam-tanaman dan hidup-hidupan sahaja sekalian, jikalau dikehendaki raja diambilnya sahaja dengan tiada berharga. Dan lagi, kalau ada berharta dan anak perempuan yang baik-baik, jikalau berkenaan raja, diambilnya juga, tiada boleh ditahankan kehendak raja; dan jikalau ditahankan atau tiada diberi, disuruhnya tikam mati-mati sahaja".³⁴

Walaupun begitu, ini tidak bermakna bahawa kegiatan perdagangan tidak wujud dalam masyarakat Kelantan pada masa itu. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa kegiatan pertukaran barangan dan perdagangan dijalankan dengan agak meluas di kalangan rakyat Kelantan sejak abad ke-19. Perdagangan di Kelantan bermula dengan cara bertukar barang dan sehingga akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, masih terdapat sistem bertukar barang ini. Meskipun begitu, penduduk Kelantan dipercayai telah menggunakan mata wang dalam kegiatan perdagangan sejak abad ke-17 lagi.³⁵ Pada abad ke-19, penggunaan mata wang dalam kegiatan jual beli barang semakin meluas.³⁶ Pada tahun 1906, mata wang timah yang berada dalam edaran bernilai kira-kira \$60 000.³⁷

Sebenarnya, perdagangan yang dijalankan oleh penduduk Kelantan mempunyai tujuan yang berbeza. Sebahagian daripada kegiatan pertukaran atau perdagangan itu dijalankan dengan tujuan untuk melengkapkan barang-barang yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah. Biasanya, penduduk pesisir pantai akan membawa hasil laut seperti ikan dan udang kering, yang dijunjung sejauh berbatu-batu ke kawasan pedalaman untuk menukarkan barang-barang itu dengan beras, sayur-

sayuran dan bahan-bahan ulam seperti petai dan jering. Mereka yang menjalankan kegiatan ini dikatakan berjalan berbatu-batu, dari awal pagi dan lewat petang baru pulang, semata-mata untuk mencari pelanggan di kawasan pedalaman.³⁸

Selain menjaja ke kawasan pedalaman, mereka juga pergi menjual hasil di pasar dalam bandar, kota ataupun kampung. Mereka ini menjual pelbagai jenis barang hasil keluaran mereka dan kemudiannya membeli barang yang mereka perlukan. Semasa melawat pasar di Kota Bharu, Munsyi Abdullah membuat catatan tentang barang-barang yang dijual di situ. Katanya:

"Maka saya lihat dalam pasar itu adalah segala jenis ulam dan sayur dan sambal dan nasi gulai yang sudah sedia; tetapi yang saya lihat dalam pasar itu kebanyakan perkara makanan yang busuk-busuk seperti pekasam dan tempoyak dan ikan asin dan siput asin dan jering dan petai dan banyak jenis sambal-sambal belacan dan ikan dan segala kerangan laut dan pucuk-pucuk kayu".³⁹

Dengan perkembangan perdagangan di antara Kelantan dengan luar terutamanya selepas pembukaan Singapura sebagai pusat perdagangan antarabangsa, golongan pemodal semakin ramai dan memainkan peranan sebagai orang perantara di antara penduduk tempatan dengan dunia luar. Mereka membeli barang-barang seperti kelapa kering, ikan kering, hasil hutan, emas dan sebagainya daripada penduduk tempatan dan menjualkannya kepada pedagang besar di pelabuhan untuk dieksport. Pada masa yang sama, mereka juga membeli barang-barang yang diimport untuk didagangkan kepada orang tempatan. Perdagangan itu kadangkala dijalankan secara sistem barter dan kadangkala dengan menggunakan wang. Barang-barang import ini, serta barang-barang tempatan yang lain, biasanya dibawa dari Kota Bharu dengan menggunakan perahu ke beberapa pusat perdagangan di kawasan pedalaman (seperti Pulau yang merupakan sebuah pusat mencari emas). Adakalanya, peniaga-peniaga itu tinggal sehingga berbulan lamanya dalam perahu mereka dan pulang ke Kota Bharu setelah barang-barang yang dibawa itu habis dijual dan perahu mereka penuh diisi dengan barang-barang tempatan untuk dijual di Kota Bharu.⁴⁰

Hasil daripada perkembangan ini, bandar Kota Bharu menjadi sebuah bandar pelabuhan yang sibuk dan pasarnya dipenuhi dengan pelbagai jenis barangan tempatan dan barangan import. Pada hujung abad ke-19, Laidlaw melawat Kota Bharu dan membuat catatan berikut:

"Saya kagum melihat pusat membeli-belah di bandar kecil itu. Di sana, seseorang akan dapat melihat kain sarung buatan tempatan yang cantik-cantik serta juga kain benang kapas dan sutera yang diimport; makanan manis yang diperbuat oleh barang tempatan; timah dan tembaga dari Brunei, Terengganu dan Birmingham; alat perkakas dan pisau dari Jepun dan China; barang perhiasan emas yang dibuat oleh tukang tempatan; kotak sirih; buah-buahan dan binatang ternakan. Peniaga-peniaganya terdiri daripada berbagai kaum, Melayu, Cina, Arab dan India".⁴¹

Daripada catatan ini, jelaslah bahawa perkembangan perdagangan dan juga penggunaan wang dalam ekonomi Kelantan pada abad ke-19 telah membolehkan perkembangan modal dagangan.

Sebagai satu unit ekonomi, Kelantan juga merupakan sebuah negeri yang dapat mengeluarkan barang-barang untuk memenuhi keperluan sendiri kecuali pada tahun-tahun tertentu, khususnya pada tahun 1880-an dan awal tahun 1890-an. Beras dan ikan yang dihasilkan oleh petani dan nelayannya cukup untuk memenuhi keperluan tempatan. Malahan, Kelantan mengeksport sebahagian daripada hasil ikan keringnya dan dalam musim yang baik, turut juga mengeksport sebahagian berasnya.⁴²

Namun begitu, sebagaimana dinyatakan di atas, Kelantan juga mempunyai hubungan perdagangan dengan dunia luar dan kegiatan perdagangan luarnya semakin bertambah pesat sejak pembukaan Singapura sebagai sebuah pelabuhan bebas di rantau ini. Malangnya, tidak terdapat data khusus yang dapat menunjukkan perkembangan perdagangan luar Kelantan pada abad yang ke-19. Tetapi, untuk mendapat gambaran tentang keadaan ketika itu, kita boleh merujuk statistik jumlah perdagangan di antara Singapura dengan negeri-negeri pantai timur (iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang). Menurut kajian Wong Lin Ken, jumlah perdagangan di antara Singapura dengan negeri-negeri pantai timur meningkat daripada \$628 551 atau 79.8% daripada jumlah perdagangan Singapura dengan Semenanjung pada tahun 1828 - 29 kepada \$1 019 733 (atau 97.7%) pada tahun 1845 - 46.⁴³

Eksport utama Kelantan dalam bahagian pertama abad ke-19 ialah emas, lada hitam, pinang, hasil-hasil hutan dan bijih. Newbold menganggarkan bahawa Kelantan mengeksport kira-kira 12 000 pikul lada hitam setahun pada tahun 1838.⁴⁴ Pada masa yang sama, Munshi Abdullah menyatakan bahawa Kelantan juga mengeksport kahwa dan

beras.⁴⁵ Walau bagaimanapun, eksport utama Kelantan pada masa itu ialah emas. Menurut anggaran Newbold, emas merupakan 47% daripada jumlah eksport negeri-negeri Melayu ke Singapura pada tahun 1835 – 36 dan 99.9% daripada jumlah emas yang dieksport ini datang-nya dari negeri-negeri pantai timur Semenanjung. Newbold juga menganggarkan bahawa eksport emas dari Pahang hanya merupakan 1/6 – 1/3 daripada jumlah eksport emas negeri-negeri pantai timur dan baki-nya dari Kelantan dan Terengganu.⁴⁶

Maklumat tentang jumlah perdagangan luar negeri Kelantan dalam bahagian kedua abad ke-19 juga tidak lengkap. Data eksport dari Kelantan pada akhir abad ke-19 menunjukkan jumlahnya terus meningkat daripada \$632 742 pada tahun 1897 kepada \$969 813 pada tahun 1901.⁴⁷ Eksport utama Kelantan pada masa itu ialah kelapa kering, ikan kering, kain sutera yang bertenun, lembu, kerbau, padi dan beras, buah pinang, *gutta-perca* (jelutong), damar, buah limau dan emas. Barang-barang yang diimport pula termasuk barang-barang benang kapas, minyak tanah, barang-barang rempah, candu dan barangan makanan asas. Semua barangan eksport dan import dikenakan cukai oleh pihak pemerintah mengikut kadar yang ditetapkan.⁴⁸

Para pelawat yang datang ke Kelantan pada abad ke-19 memang terpicat dengan kekayaan negeri itu. Munsyi Abdullah telah memuji peningkatan pertanian di Kelantan pada tahun 1838 dengan menyatakan bahawa "tumbuh-tumbuhan mereka itu dan sawah kampung mereka itu terlalu bagus (serta) tiap-tiap pohon-pohon itu subur-subur belaka".⁴⁹ Wright dan Reid⁵⁰ pula menyifatkan kawasan dataran Kelantan sebagai "sebuah kebun yang tersangat besar" manakala Bozzolo pula menganggap Kelantan sebagai "sebuah negeri yang kaya dan gemilang dengan penduduknya yang rajin berusaha".⁵¹ Tetapi antara penghujung tahun 1870-an dan awal tahun 1890-an, Kelantan dilanda oleh bencana alam dan kehidupan rakyatnya terancam. Pada tahun 1870-an dan kemudiannya pada tahun 1887, lembu dan kerbau di negeri ini mati akibat diserang oleh sejenis penyakit. Akibatnya, ramai petani tidak dapat mengusahakan tanah mereka kerana tiada kerbau untuk membajak sawah.⁵² Kira-kira pada tahun 1880, taufan besar memusnahkan pula banyak harta benda rakyatnya.⁵³ Malapetaka ini diikuti pula oleh serangan wabak penyakit cacar yang meragut banyak nyawa. Akibatnya, Kelantan tidak lagi mampu mengeluarkan bekalan makanan yang cukup untuk penduduknya pada masa itu dan terpaksa mengimport beras. Rakyat

biasa negeri itu dikatakan mengalami penderitaan yang berat dan sebilangan besar daripada kaum lelaki telah berhijrah keluar dari negeri itu. Bozzolo, seorang pegawai British yang dihantar oleh Hugh Low untuk menyiasat tentang kekayaan Kelantan pada tahun 1888, memberi gambaran yang jelas tentang penderitaan rakyat Kelantan pada masa itu:

"Adalah dianggarkan bahawa bilangan penduduk negeri ini (iaitu Kelantan) pada masa sekarang hanyalah merupakan 1/3 sahaja daripada jumlah penduduknya enam tahun lalu; penduduknya mula berkurangan pada masa berlakunya kebakaran besar di Kota Bharu, diikuti pula oleh taufan yang memusnahkan beberapa buah kampung dan menyebabkan kemusnahan (harta benda) di seluruh negeri dan kemudiannya penyakit pula menyerang dan memusnahkan kesemua kerbau dan lembu di negeri itu; bencana penyakit kerbau dan lembu kita mungkin merupakan pukulan maut kepada seluruh (ekonomi) Kelantan dan oleh kerananya, semua tanah telah terbiar. Penduduk Kota Bharu, yang mempunyai lebih banyak sumber pencarian, tidaklah merana sangat ... tetapi, sebahagian besar penduduk di kawasan pedalaman (yang dikenali sebagai 'orang darat') mengalami penderitaan teruk. Golongan miskin, setelah puas berusaha untuk hidup, akhirnya terpaksa berhijrah ke luar, meninggalkan keluarga mereka, dan ada juga di antara mereka yang melakukan perbuatan mencuri. Kerbau yang dibeli dan dibawa masuk dari negeri-negeri lain, dicuri dan disembelih untuk dijadikan makanan. Mereka yang mempunyai tanah sawah dan orang lain yang mampu mengusahakan tanah sawah terpaksa berhenti mengerjakan tanah mereka kerana hasil mereka selalunya sahaja dicuri sebelum mereka dapat menuainya. Dalam keadaan yang susah ini, sultan mengambil kesempatan dengan memberi pinjaman wang, dengan mengenakan kadar bunga yang tinggi dan dengan cara ini bilangan hamba yang dimilikinya bertambah: golongan berada yang lain juga turut terlibat dalam kegiatan memberi pinjaman wang ini tetapi untuk jangka waktu yang singkat dan akibat ramai keluarga, yang kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita dan kanak-kanak menjadi hamba oleh kerana pinjaman yang sedikit sahaja. Pada masa itu, perniagaan beras yang dibawa masuk ke Kelantan merupakan punca mendapat untung besar di kalangan para pedagang ... beras rosak yang dilembapkan untuk menaikkan timbangannya, juga dijual di pasaran dan golongan miskin, termasuk orang-orang yang menjadi hamba, membelinya untuk hidup. Penghijrahan orang lelaki tetap berterusan dan ini mengakibatkan bertam-

bahnya wanita dan kanak-kanak menjadi papa dan hidup dalam kemelatan Untuk beberapa ketika, golongan atasan memperoleh keuntungan besar dengan mengambil orang-orang yang melarat ini bekerja dengan mereka ... untuk satu waktu yang singkat. Pada tahun 1885, atau kira-kira pada tahun itu, ... telah berlaku pula serangan wabak taun, mengakibatkan banyak kematian, terutamanya di kalangan penduduk miskin yang menghadapi kebuluran. Inilah caranya bagaimana bilangan hamba yang berlebihan dikurangkan, terutamanya di Kota Bharu Semasa keadaan ini berlaku, ... Raja Muda asyik mengadakan perayaan, menora, makyung dan wayang kulit dari beberapa negeri terus dipersembahkan siang dan malam; sementara rakyat sedang menderita ".⁵⁴

Walaupun kesusahan keadaan hidup masyarakat petani Kelantan ini berlaku setelah beberapa bencana melanda negeri itu, Kessler berpendapat bahawa krisis ini berpunca daripada dua faktor utama iaitu penambahan penduduk yang pesat dan pemusatan kuasa pemerintahan di bawah Sultan Muhammad II.⁵⁵ Kedua-dua faktor ini telah mencetuskan krisis yang berterusan di kawasan luar bandar.

Menurut Kessler, pertambahan pesat bilangan penduduk di kawasan dataran Kelantan menyebabkan kawasan itu tidak lagi mampu untuk terus menampung penduduknya, selagi sistem pertanian yang diamalkan tidak berubah. Keadaan ini diburukkan lagi oleh hakikat bahawa keluasan tanah yang dapat diusahakan oleh petani amat terhad. Pembesar-pembesar negeri, melalui penguasaan mereka ke atas Pejabat Tanah (yang ditubuhkan pada tahun 1896), telah mengeluarkan berbagai-bagai bentuk surat hak milik tanah kepada anggota keluarga dan penyokong mereka. Di samping kegiatan tersebut, kegiatan menjual beli tanah yang menyebabkan harga tanah turut melambung naik, menjadikan sukar bagi rakyat memperoleh tanah baru.

Di samping itu, sejak tahun 1962, golongan pemerintah juga menambahkan penguasaan mereka ke atas kegiatan menanam padi. Peraturan-peraturan baru diperkenalkan dan pegawai-pegawai rendah dilantik untuk memastikan segala perintah dipatuhi oleh rakyat di kawasan desa untuk mengawasi kerja-kerja di bendang. Mereka akan tinggal di kampung-kampung selama kira-kira tiga bulan dan dalam masa itu, jentera kerajaan berhenti buat sementara waktu. Sultan juga melantik beberapa orang pegawai, yang dipanggil Tuk Chur, untuk mengawasi tali air supaya tidak diganggu orang. Menurut Tengku Besar Indera yang membuat catatan tentang kegiatan penanaman padi

pada masa itu, penglibatan langsung oleh pemerintah dalam kegiatan pengeluaran padi telah membolehkan Kelantan mengeluarkan padi melebihi keperluannya. Tetapi, perkembangan ini diiringi pula dengan tuntutan daripada golongan pemerintah yang menghendaki sebahagian daripada hasil petani, ini merupakan satu beban besar kepada petani.

Berhadapan dengan keadaan ini, golongan petani Kelantan terpaksa menukar amalan pertanian mereka untuk meninggikan daya pengeluaran di tanah yang mereka usahakan. Di seluruh kawasan dataran Kelantan, petani menukar daripada mengusaha padi tugal kepada padi cedungan. Sebelum ini, penanaman padi cedungan hanya dijalankan oleh petani yang mengusahakan tanah di kawasan di tepi sungai kerana bekalan airnya mencukupi, sementara di kawasan lain, petani mengusahakan padi tugal. Walaupun hasil daripada pengusahaan padi tugal lebih rendah jika dibandingkan dengan hasil padi cedungan, kos pengeluarannya juga lebih rendah. Sebaliknya, penanaman padi cedungan, kos pengeluarannya juga lebih rendah. Sebaliknya, penanaman padi cedungan memerlukan usaha dan belanja yang lebih besar, khususnya kerja menyediakan batas untuk menakung air. Oleh kerana sebahagian besar daripada penduduk telah mencurahkan banyak tenaga dan belanja untuk memajukan tanah mereka, maka mereka tidak begitu cenderung untuk berhijrah. Di samping itu, mereka juga tidak pasti yang mereka akan mendapat tanah yang lebih baik di tempat lain. Oleh yang demikian, kebanyakan petani Kelantan terus menetap di kawasan dataran negeri itu. Tetapi kebebasan mereka terhadap dan mereka senang dikuasai oleh pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan.⁵⁶

Struktur Masyarakat Kelantan pada Abad ke-19

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Kelantan pada zaman prapenajajaan sudah pun merupakan satu masyarakat yang berkelas. Pada satu pihak, terdapat golongan berkuasa atau atasan yang memegang kuasa politik dan menggunakan kuasa mereka itu untuk menambahkan kekayaan. Pada awal abad ke-20, anggota golongan atasan ini dianggarkan berjumlah kira-kira 12 000 orang⁵⁷ iaitu kira-kira 4% daripada jumlah keseluruhan penduduk Kelantan, yang pada masa itu berjumlah kira-kira 300 000 orang. Pada pihak yang lain pula, terdapat golongan rakyat yang terlibat dalam pelbagai jenis pekerjaan untuk memenuhi keperluan sendiri dan juga keperluan golongan atasan.

ngurus segala kegiatan perdagangan Sultan dan beliau dapat dilihat setiap hari sibuk mengelaskan getah, garro, dsb

Kebanyakan barang yang diimport dan dieksport terpaksa terlebih dulu melalui tangan 'orang-orang kaya, yang mempunyai kuasa monopoli ke atas barang-barang tersebut. Selepas itu, barang-barang itu akan melalui tangan (pedagang) Cina, yang dapat memperolehi keuntungan besar daripada perdagangan".⁶³

Daripada sumber-sumber sejarah yang dikaji, didapati sultan dan pembesar negeri juga memungut hasil dengan mengenakan cukai-cukai yang dinamakan "banci" (*poll tax*) dan "serah" (*tribute*). "Banci" merupakan cukai sebanyak \$1 ke atas setiap orang lelaki dewasa yang bebas/merdeka (bukan hamba) dan 50 sen ke atas setiap hamba berhu-tang, yang dikenakan sekali dalam setiap tiga tahun. Dalam kawasan perlombongan emas, kadar cukai "banci" yang mereka harus bayar ia-lah \$3 bagi setiap orang Melayu dan \$12 bagi setiap orang Cina, manakala kesemua kerabat diraja dan hamba-hamba mereka dikecualikan membayarnya.⁶⁴ Pemungutan cukai ini dilakukan dengan tujuan untuk menyediakan wang hantaran "bunga emas" yang terpaksa dijelaskan oleh Sultan Kelantan kepada kerajaan Siam setiap tiga tahun sekali. Biasanya jumlah cukai "banci" yang dikutip melebihi jumlah wang yang diperlukan untuk menghantar "bunga emas". Lebihan kutipan cu-kai ini kemudiannya dimasukkan ke dalam perbendaharaan sultan. Se-bagai contoh, pada tahun 1903 - 4, pungutan cukai "banci" berjumlah \$28 000, manakala "bunga emas" yang dihantar, serta belanja meng-hantarnya berjumlah \$11 000 sahaja.⁶⁵

"Serah" juga merupakan bentuk pencukaian yang harus ditang-gung oleh rakyat Kelantan dan dikutip melalui dua cara. Pertama, go-longan pemerintah akan membawa barang-barang (serah) ke sesebuah kampung untuk dijual pada harga yang lebih tinggi daripada harga pa-saran. Setelah menerima serah itu, ketua kampung akan memanggil se-luruh penduduk kampung berkenaan dan menetapkan bayaran yang di-kenakan ke atas setiap penduduk untuk menjelaskan jumlah wang yang diperlukan oleh pemerintah. Barang-barang itu kemudiannya dibahagi-bahagikan di antara mereka yang membuat bayaran. Tetapi, oleh kerana jumlah barang yang boleh dibahagikan itu sedikit berbanding dengan jumlah wang yang terpaksa dibayar dan golongan berpengaruh tempat-an selalunya menuntut hak penuh mereka, maka golongan penduduk biasa akan hanya mendapat sedikit sahaja dan kadangkala tidak menda-

pat apa-apa pun. Ini bermakna bahawa beban serah yang dikutip melalui cara ini lebih ditanggung oleh golongan bawahan. Kedua, sultan atau pembesar negeri akan memberi sedikit wang kepada rakyat untuk mendapatkan getah jelutung atau hasil hutan. Orang yang memperdagangkannya, mereka akan mendapat hasil yang lebih besar daripada jumlah wang yang mereka dahulukan. Menurut Clifford, wang serah ini selalunya diberikan kepada individu yang terpaksa masuk ke hutan untuk mencari jumlah barang hutan yang diperlukan. Semasa menjalankan tugas ini, individu berkenaan terpaksa meninggalkan kerja seharian. Oleh itu, mereka yang menerima "serah" menanggung beban yang amat berat. Sementara itu, hasil yang didapati melalui "serah" ini digunakan oleh sultan dan pembesar negeri untuk membeli beras, senjata dan keperluan tertentu seperti mengadakan hadiah-hadiah kepada raja atau pembesar Siam sebagai dorongan mendapat bantuan dan naungan.⁶⁶

Di samping memperolehi kekayaan melalui pelbagai bentuk cukai yang dikutip daripada rakyat (termasuk cukai hasil keluaran pertanian yang akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian berikut), golongan berkuasa juga memeras rakyat melalui institusi kerah. Semasa berperang, golongan pemerintah sering menggunakan tenaga rakyat melalui kerah untuk membuat persediaan dan kelengkapan perang dengan perbelanjaan yang paling minimum. Rakyat yang dikehendaki menjalankan kerja kerah biasanya terpaksa menyara diri mereka sendiri. Mengikut Munsyi Abdullah, golongan rakyat yang terpaksa menanggung beban tersebut, melakukan kerja kerah dengan perasaan takut terhadap golongan berkuasa. Keluhan rakyat Kelantan terhadap perlaksanaan kerah ini dicatat seperti berikut:

"Inilah, tuan, adat Melayu ini terlalu aniaya: sahaya sendiri juga membawa makanan, dan anak bini sahaya tinggal di rumah itu, barangkali makan, barangkali tidak. Demikianlah berbulan-bulan, sehari-hari mengerjakan pekerjaan raja: dan jikalau tiada pergi, disuruhnya rampas rumah sahaya dan barang-barang sahaya; maka jikalau melawan dibunuhnya, lagi didendanya Maka jikalau tiada waktu perang pun, tiada juga boleh senang. Ini raja tiada kerja, lain raja ada kerja; tidak satu-satu. Demikianlah selama-lamanya".⁶⁷

Daripada kenyataan Munsyi Abdullah dan sumber-sumber lain,⁶⁸ kita juga dapati golongan rakyat biasa tidak terlepas daripada beban menjalankan kerja kerah semasa tiada perang. Antara kerja-kerja kerah

yang terpaksa dijalankan ialah seperti membina dan membaiki batas serta tali air, membersihkan jalan dan lorong kecil, membawa utusan dan sebagainya. Walaupun dari segi teori, kerah merupakan satu perintah yang hanya boleh dikeluarkan oleh sultan kepada rakyat untuk menjalankan pelbagai jenis kerja, tetapi dari segi praktiknya, boleh dikatakan setiap kerabat diraja dan pembesar tempatan telah mengerahkan rakyat di bawah penguasaan mereka untuk melaksanakan pelbagai kerja kerah tanpa membayar apa-apa. Malahan, di bawah pemerintahan Sultan Muhammad IV, dengan menggunakan kuasa yang dianugerahkan oleh sultan untuk memungut cukai banci, setiap pembesar daerah telah berjaya menambah bilangan rakyat yang boleh dikerahkan oleh mereka. Pada masa itu, setiap rakyat yang membayar cukai banci melalui pembesar tertentu dianggap sebagai 'orang' pembesar berkenaan dan harus menunjukkan taat setia kepadanya dan tidak kepada sultan. Oleh yang demikian, apabila Graham sampai ke Kelantan pada tahun 1902, beliau mendapati bahawa golongan pemerintah melaksanakan kerah dengan sewenang-wenangnya di seluruh negeri.⁶⁹

Berdasarkan kajian tentang masyarakat prapenjajahan di negeri Perak, Wan Hashim⁷⁰ menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menghalang golongan berkuasa daripada menindas secara berlebihan. Antara faktor-faktor ini termasuklah hakikat bahawa tanah di negeri itu masih banyak lagi yang belum diterokai. Selain itu, golongan pemerintah juga mungkin tidak mempunyai kumpulan orang bersenjata yang cukup untuk memaksa rakyat mereka tetap tinggal dalam jajahan di bawah pemerintahan mereka. Oleh yang demikian, apabila rakyat berasa tidak puas hati dengan pemerintahan seseorang pembesar tempatan, maka mereka masih boleh berpindah ke jajahan lain dan mencurahkan kesetiaan mereka kepada pemerintah di situ pula. Keadaan ini, menurut beliau, memaksa golongan berkuasa supaya tidak bersikap keterlaluan terhadap rakyat mereka. Tetapi, keadaan di Kelantan dalam bahagian kedua abad ke-19 agak berbeza dengan keadaan yang dikatakan wujud di Perak. Sebagaimana dinyatakan di atas, keluasan tanah yang masih boleh diteroka di kawasan dataran amat terhad. Dalam keadaan ini, petani di Kelantan sedar bahawa mereka tidak mempunyai jaminan untuk mendapatkan tanah yang baik di tempat baru sekiranya mereka berpindah ke jajahan lain. Di samping itu, mereka juga berasa sayang untuk meninggalkan tanah yang telah diusahakan dengan menggunakan banyak tenaga dan belanja. Oleh yang demikian,

rakyat desa di Kelantan lebih terikat dengan tanah mereka dan mudah terdedah kepada pelbagai bentuk penindasan yang zalim yang dilakukan oleh golongan pemerintah termasuklah penindasan melalui sistem kerah.

Satu lagi sumber hasil yang didapati oleh sultan ialah melalui denda yang dikenakan ke atas mereka yang didapati bersalah setelah dibi-carakkan. Biasanya, sebahagian daripada bayaran denda ini diserahkan kepada mahkamah (untuk dibahagi-bahagikan kepada para hakim) dan bakinya dikumpul oleh sultan untuk kegunaannya.

Seperti juga golongan yang memerintah, golongan yang diperintah di Kelantan juga terbahagi kepada beberapa golongan iaitu: (a) orang merdeheka, (b) hamba berhutang dan (c) hamba abdi. Orang merdeheka, yang kebanyakannya terdiri daripada petani biasa, merupakan golongan majoriti. Mereka ini boleh memiliki sebahagian alat pengeluaran (seperti kerbau) dan bebas untuk menjalankan kegiatan yang mereka suka, tertakluk kepada dan kehendak golongan pemerintah. Dengan kata lain, mereka bukanlah orang yang benar-benar bebas. Seperti dinyatakan di atas, harta mereka boleh dirampas oleh pemerintah dan kerja mereka terpaksa ditinggalkan terbengkalai semasa mereka menjalankan suruhan raja. Walaupun terdapat sebilangan kecil 'orang kaya' di kalangan mereka (yang terdiri daripada ketua-ketua kampung dan pedagang-pedagang), sebahagian besar daripada golongan ini hidup secara sederhana sahaja dan mudah terjerumus ke lembah kemiskinan apabila berlaku sesuatu bencana besar.

Kedudukan golongan hamba berhutang dan hamba abdi adalah lebih rendah daripada kedudukan orang merdeheka. Hamba berhutang adalah mereka yang menjadi hamba setelah gagal menjelaskan hutang yang mereka pinjam daripada pembesar negeri atau orang kaya. Seorang yang merdeheka boleh juga menjadi hamba berhutang apabila gagal membayar denda yang dikenakan oleh mahkamah. Dalam keadaan tersebut, seorang yang berharta boleh 'membelinya' untuk dijadikan hamba dengan membayar denda yang dikenakan. Di samping itu, ada juga orang merdeheka yang menjadi hamba berhutang setelah kalah dalam perjudian dengan pembesar negeri atau orang kaya. Mereka menjadi hamba berhutang akan terus kekal dalam kedudukan itu selagi hutang mereka belum dijelaskan. Bilangan hamba berhutang yang sebenarnya wujud di Kelantan pada zaman itu tidak diketahui. Tetapi menurut Clifford, sistem hamba berhutang diamalkan secara

lebih meluas di Kelantan daripada di Terengganu.⁷¹

Sebenarnya, golongan pemerintah Kelantan mewujudkan keadaan sosioekonomi yang menggalakkan perkembangan institusi hambahutang ini. Cara yang paling berkesan yang digunakan ialah dengan menghalang rakyat jelata membuat tabungan yang cukup melalui pemerasan lebihan hasil pengeluaran mereka. Oleh kerana petani tidak mempunyai simpanan yang banyak, maka apabila keluarga mereka ditimpa sesuatu bencana atau kemalangan, mereka terpaksa berhutang dengan golongan bangsawan atau orang kaya untuk mengatasi masalah yang dihadapi.⁷² Selalunya, golongan bangsawan atau kaya yang memberi pinjaman itu akan mengambil kesempatan daripada kesusahan rakyat bawahan dengan mengenakan kadar faedah yang tinggi dan menetapkan tempoh bayaran balik yang singkat.⁷³ Oleh kerana petani dikenakan kadar faedah yang tinggi ke atas pinjaman mereka itu, apabila mereka gagal memenuhi syarat-syarat yang dipersetujui, maka diri mereka atau anggota keluarga mereka akan diserahkan menjadi hamba kepada orang yang memberi pinjaman. Sebagai hamba, mereka boleh disuruh membuat apa sahaja pekerjaan yang dikehendaki oleh tuan mereka dan akan terus tinggal dalam keadaan demikian selagi tuan mereka menganggap hutang mereka belum dijelaskan.⁷⁴

Seperti juga dengan keadaan dalam masyarakat Melayu pra-penjajahan yang lain, hamba abdi menduduki tangga terbawah dalam masyarakat Kelantan. Aminuddin Baki⁷⁵ yang mengkaji perhambaan di Perak, membahagikan hamba-hamba biasa kepada beberapa kumpulan, iaitu: (a) hamba tawanan perang; (b) hamba diranggak, iaitu orang-orang bukan Islam yang ditawan dengan kekerasan; (c) hamba habsyi, iaitu hamba kulit hitam yang dibeli dari Arab Saudi atau yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Arab; (d) hamba hulur, iaitu mereka yang didapati bersalah dalam kes jenayah yang berat serta tidak sanggup menjalani hukuman yang dikenakan dan menyerah diri kepada sultan untuk dijadikan hamba; dan (e) hamba serah, iaitu mereka yang menyerah diri sebagai hamba untuk mendapatkan makanan dan tempat tinggal akibat kesempitan hidup. Malangnya, bahan-bahan sejarah Kelantan yang ada tidak menyentuh tentang hal ini secara terperinci. Oleh itu, walaupun jelas bahawa hamba abdi terdapat di Kelantan pada zaman itu, kita tidak dapat pastikan bilangan dan jenis hamba abdi yang wujud.

Kerja-kerja yang dijalankan oleh hamba perempuan termasuk kerja-kerja rumah (seperti memasak, mengangkat air, membersihkan halaman

dan sebagainya), mengumpul kayu api, menenun, menuai dan juga menjadi gundik. Hamba lelaki pula menjalankan pelbagai jenis kerja di-bidang (seperti membajak, menanam padi, membersihkan ladang dan sebagainya), membantu tuan mereka berdagang dan juga pergi berpe-rang. Kadangkala tuan punya hamba itu mendapat hasil dengan men-jual hamba mereka kepada pembesar atau orang kaya yang lain.

Walaupun perbincangan tentang sistem perhambaan di Kelantan semasa zaman prapenjjajaan kurang lengkap, tetapi kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa institusi itu wujud pada masa itu dan golong-an hamba merupakan golongan terbawah dalam masyarakat Kelantan.

Sistem Hak Milik Tanah

Oleh kerana kegiatan pertanian merupakan kegiatan utama masyarakat Kelantan pada zaman itu dan tanah merupakan faktor utama dalam ke-giatan ini, maka perbincangan tentang keadaan masyarakat Kelantan pada abad ke-19 tidak akan lengkap sekiranya sistem hak milik tanah yang wujud pada masa itu tidak dibincangkan. Tetapi, usaha ini bu-kanlah mudah. Malahan, telah timbul perdebatan yang berlarutan di kalangan beberapa orang pengkaji tentang corak sistem hak milik tanah dalam masyarakat Melayu pada zaman prapenjjajaan dan sebelum Sis-tem Torren diperkenalkan. Perdebatan ini dimulakan oleh dua orang pegawai Inggeris, Maxwell dan Swettenham, dan diteruskan oleh Lim Teck Ghee dan David Wong pada tahun 1970-an dan juga oleh K.S. Jomo dan Wan Hashim.⁷⁶ Walaupun bukanlah tujuan penulis untuk tu-rut serta dalam perdebatan itu, namun dirasakan adalah berguna jika di-tinjau sedikit pandangan-pandangan yang telah diutarakan supaya kita dapat memahami sistem hak milik tanah yang wujud di Kelantan sebe-lum negeri itu dikuasai oleh penjajah Inggeris pada awal abad ke-20.

Dalam perdebatan awal, Maxwell berpendapat bahawa sistem kerajaan beraja negeri-negeri Melayu diasaskan kepada kerajaan Hindu di India. Ini bermakna bahawa keseluruhan sistem negeri-negeri Me-layu juga turut dipengaruhi oleh sistem dari India. Oleh kerana raja-raja di India dikurniakan hak-hak tertentu seperti hak mendapat sebahagian hasil bijian, hak memungut cukai dan hak membahagikan tanah yang belum diterokai, maka beliau percaya bahawa raja-raja Melayu juga di-anugerahkan hak-hak tersebut. Oleh itu, beliau mengatakan bahawa ter-dapat corak pemilikan tanah di negeri-negeri Melayu yang menyerupai sistem hak milik tanah. Dalam sistem ini, mereka yang mengusahakan

tanah hanya berhak berbuat demikian selagi mereka membayar sebahagian hasil keluarannya kepada pihak berkuasa. Maxwell mengatakan satu persepuluh daripada hasil keluaran petani sebagai bayaran penggunaan tanah yang dikatakan menjadi hak milik mereka. Swettenham pula menafikan kewujudan sistem di negeri-negeri Melayu yang memerlukan petani menyerahkan satu persepuluh daripada hasil keluaran mereka kepada pemerintah. Malahan, beliau menafikan kewujudan sebarang sistem hak milik tanah di negeri-negeri Melayu pada zaman sebelum kedatangan penjajah Inggeris. Sebaliknya beliau menyifatkan pengambilan sebahagian daripada hasil petani oleh pihak berkuasa sebagai tindakan sewenang-wenang pihak berkuasa dan bukan berasaskan sesuatu sistem hak milik tanah yang tertentu.

Tulisan Lim Teck Ghee nampaknya lebih bersimpati dengan pandangan Maxwell.⁷⁷ Tetapi, David Wong tidak bersetuju dengan pandangan Maxwell; sebaliknya, beliau berpendirian bahawa walaupun sistem kerajaan beraja wujud di negeri Melayu pada zaman prapenjajahan, hubungan di antara pemerintah dengan rakyat biasa tidak pula diasaskan kepada prinsip hak pemilikan tanah berada di tangan sultan. Beliau memang tidak menolak hakikat bahawa rakyat biasa pada zaman itu terpaksa mengerjakan suruhan sultan atau pembesar dan juga terpaksa menyerahkan sebahagian daripada hasil mereka kepada sultan. Beliau menganggap bahawa segala kerja dan bayaran yang terpaksa dibuat oleh rakyat itu sebagai tanda taat setia mereka kepada pemerintah.

Jomo dan Wan Hashim juga meragui kebenaran dakwaan Maxwell bahawa penguasaan politik oleh pemerintah Melayu memberi mereka hak memiliki kesemua tanah di kawasan pemerintahan mereka. Mereka juga meragui bukti yang dikemukakan oleh Maxwell itu – kawasan Krian mungkin merupakan kekecualian yang timbul daripada keadaan tertentu dan mungkin merupakan gantian kepada bentuk pemerasan yang lain.

Walaupun begitu Jomo dan Wan Hashim juga tidak bersetuju dengan pandangan yang menafikan kewujudan sebarang sistem hak milik tanah di negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan penjajah Inggeris. Sebaliknya, mereka berhujah bahawa negeri-negeri Melayu telah lama memiliki sistem hak milik tanah sendiri. Di sesetengah kawasan, petani mempunyai hak menggunakan tanah yang mereka terokai. Di kawasan yang lebih maju (dari segi teknologi) pula, satu sistem pemilikan tanah secara persendirian telah pun muncul dan satu sistem pungutan sewa

yang teratur telah pun terbentuk.

Bagaimanakah corak sistem hak milik tanah yang terdapat di Kelantan pada abad ke-19? Sumber-sumber sejarah menunjukkan bahawa pada hujung abad ke-19 tanah di negeri itu walaupun tidak kesemuanya masih dianggap sebagai hak milik sultan.

Sebagai contoh, Clifford menyatakan bahawa rakyat Kelantan tidak mempunyai hak untuk memiliki harta dan mereka hanya dianggap oleh golongan pemerintah sebagai⁷⁸ sumber untuk mendapat hasil. Graham juga melaporkan bahawa:

"Kenyataan bahawa semua tanah pada asasnya menjadi milik pemerintah seperti yang terdapat di India dan Indonesia, wujud juga di Kelantan ... dan ... pada hakikatnya tidak terdapat tanah yang dimiliki secara bebas di negeri itu. Tetapi, hampir kesemua tanah di kawasan dataran, yang mempunyai nilai yang tinggi, dimiliki oleh orang-orang ... yang, di India, dianggap mempunyai status pemegang tanah iaitu mereka yang memperolehi hak (memegang tanah) yang boleh diwarisi dan dipindah kepada orang, melalui cara pemberian atau pembelian daripada pemerintah, pada masa lampau".⁷⁹

Tetapi, dalam laporan tahunan Pejabat Tanah Kelantan tahun 1914, gambaran yang berbeza diberi tentang kuasa pemerintah berhubungan dengan pemilikan tanah di negeri itu sebelum zaman penjajahan Inggeris. Menurut laporan tersebut:

"Nampaknya besar kemungkinan bahawa pada masa dahulu pemerintahan di Kelantan tidak dianggap sebagai pemilik semua tanah di negeri itu, iaitu ... konsep bahawa semua orang yang menduduki tanah harus membayar cukai tanah kepada pemerintah masih lagi asing. Saya fikir bahawa pemerintah ... telah menyatakan kepada semua yang menduduki tanah, 'Awak semua mesti menyerahkan sebahagian daripada apa yang dihasilkan; serahkan padi jika dapat padi, serahkan kelapa, jika dapat kelapa atau wang tunai yang sama nilai dengan barang-barang itu'".⁸⁰

Besar kemungkinan bahawa kenyataan-kenyataan ini mungkin merujuk kepada keadaan dalam dua jangka masa yang berlainan dan kedua-duanya boleh diterima sebagai benar. Catatan yang terdapat dalam laporan tahunan Pejabat Tanah itu mungkin merujuk kepada keadaan sebelum berlakunya penguasaan ke atas kegiatan petani oleh golongan pemerintah dalam bahagian kedua abad ke-19. Pada masa itu,

kebenaran untuk mengusahakan tanah yang belum diusahakan boleh diperolehi dengan memohon daripada ketua kampung sahaja. Biasanya, seorang petani yang membuat permohonan terpaksa membuat bayaran kepada ketua kampung sebelum dibenarkan mengusahakan tanah yang dipohon. Selepas bayaran itu dijelaskan, petani itu pun boleh menduduki dan mengusahakan tanah tersebut. Tetapi, hak petani ke atas tanah yang diusahakan tidak terjamin; pihak pemerintah boleh mengusir mereka keluar dan memberikan tanah berkenaan kepada orang lain. Oleh itu, tanah masih belum menjadi barangan yang boleh dijual beli secara bebas. Hak rakyat ke atas tanah hanya terbatas kepada hak mendapatkan hasil daripada tanah yang diusahakan sendiri. Malahan, agensi pentadbiran yang bertanggungjawab ke atas hal-hal tentang tanah dikenali sebagai Pejabat Tumbuh-tumbuhan dan bukan Pejabat Tanah.⁸¹

Tetapi, dalam suku terakhir abad ke-19, langkah-langkah pihak berkuasa untuk mengukuhkan kedudukan politikinya telah membawa perubahan penting dalam sistem hak milik tanah di negeri Kelantan.⁸² Pada tahun 1881, Sultan Muhammad II memperkenalkan sistem pendaftaran tanah dan semua penukaran hak milik tanah mesti didaftarkan. Dengan adanya sistem pendaftaran ini semua tanah yang dibeli atau diwarisi diiktiraf sebagai hak milik pihak yang mendaftar. Selanjutnya, pada tahun 1896, Sultan Mansor membuka Pejabat Tanah dengan tujuan untuk menyimpan semua rekod pendaftaran tanah dan mengeluarkan surat hak milik tanah. Dengan perkembangan ini, mereka yang mendapat hak mengusahakan tanah dengan memohon kepada ketua-ketua kampung boleh memperolehi hak milik ke atas tanah yang mereka usahakan dengan mendaftar di Pejabat Tanah daripada memperolehi surat hak milik tanah. Tetapi proses pendaftaran tanah yang sebenarnya berlaku adalah lembap dan beberapa orang pembesar yang menguasai Pejabat Tanah mengambil kesempatan ini untuk mengeluarkan surat hak milik tanah yang rasmi mereka sendiri dan juga kepada kaum kerabat dan dengan perkembangan ini, pihak pemerintah juga memperkenalkan cukai hasil beberapa jenis keluaran pertanian sejak tahun 1892–1893. Cukai ini hanya dikenakan ke atas hasil padi, kelapa dan durian, manakala hasil-hasil tanaman lain dikecualikan. Tanah-tanah sawah yang tidak diusahakan juga tidak dikenakan cukai. Kadar cukai hasil padi ialah 5 peratus daripada jumlah padi yang dituai, sebahagiannya mesti dibayar secara tunai dan bakinya dibayar dalam bentuk padi. Bahagian yang dibayar dalam bentuk padi dikumpul dan disimpan dalam

gedung kepunyaan sultan di Kota Bharu. Kadar cukai kelapa ialah 1 sen dan durian 12 sen bagi setiap pokok.⁸³ Taksiran cukai dibuat hanya dengan membuat anggaran kasar tentang pengeluaran padi pokok kelapa dan durian pada setiap tahun. Pada peringkat awal, kerja memungut cukai ini diserahkan kepada imam di kampung-kampung. Hasil yang diperolehi oleh sultan daripada sumber ini adalah agak besar. Pada tahun 1905, anggaran hasil daripada ketiga-tiga cukai itu ialah \$28 000 (\$10 000 daripada hasil padi, \$15 000 daripada hasil kelapa dan \$3 000 daripada hasil durian) atau 12.1 peratus daripada anggaran jumlah hasil kerajaan pada tahun itu.⁸⁴

Ada sesetengah pihak menganggap cukai yang dikenakan ke atas hasil padi itu merupakan satu penyelewengan dalam kutipan zakat untuk membolehkan sultan menggunakan wang kutipan itu. Tetapi, Graham menyangkal pandangan ini dan sebaliknya menyatakan bahawa cukai keluaran padi itu diperkenalkan di Kelantan atas cadangan Pesuruhjaya-Residen Siam dan berasaskan prinsip undang-undang cukai keluaran pertanian yang berkuatkuasa di seluruh negeri Siam pada masa itu.⁸⁵ Menurutnyalgi, kutipan zakat masih berterusan dan langsung tidak terjejas dengan perlaksanaan cukai padi yang baru itu.

Perkembangan ini jelas menunjukkan satu proses "kekuasaan politik pemerintah Melayu telah diperluaskan kepada pemilikan tanah dalam keadaan sejarah yang baru pada abad ke-19, akibat daripada pengaruh penjajahan".⁸⁶ Graham dan Clifford, yang melihat kesan proses ini pada hujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, menyimpulkan secara umum bahawa tanah di Kelantan menjadi milik sultan dan rakyat terpaksa membayar sewa bagi tanah yang mereka usahakan.

Walau apa pun kesimpulan yang dicapai tentang sistem hak milik tanah di Kelantan dalam konteks perdebatan yang disebut di atas, satu kesimpulan adalah nyata. Oleh kerana kawasan dataran negeri itu merupakan kawasan pertanian yang sudah lama diterokai dan mempunyai penduduk yang tetap, maka sistem hak milik tanah di kawasan itu pada awal abad ke-20 sudah pun berkembang maju. Pada masa itu, sistem hak milik tanah di kawasan dataran negeri Kelantan sudah berpindah secara beransur-ansur daripada sistem berasaskan "hak guna" (usefructuary rights) kepada sistem yang berasaskan "hak milik". Perkembangan ini membolehkan tanah dijadikan milik perseorangan. Malahan, di antara tahun 1881 sehingga tahun 1909, pelbagai surat hak milik tanah digunakan untuk menjamin hak pemilikan tanah kepada mereka yang

memegang.³⁷ Tetapi, biasanya tanah yang terkandung dalam surat-surat itu tidak diukur dan kedudukan serta keluasannya hanya dinyatakan secara kasar sahaja. Keadaan sering menimbulkan perbalahan di antara pemilik-pemilik tanah tentang sempadan tanah mereka. Di samping itu, sebagaimana dinyatakan di atas, dengan adanya sistem pendaftaran tanah, golongan atasan boleh memiliki dan menguasai tanah yang luas dan menuntut bayaran sewa daripada mereka yang menggunakannya. Pentadbiran penjajahan Inggeris, serta sistem hak milik tanah yang diperkenalkannya, hanyalah mengesahkan dan memperkukuhkan corak pemilikan tanah yang baru ini.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, didapati bahawa ekonomi Kelantan pada abad ke-19 bukanlah ekonomi yang statik; sebaliknya, ekonomi negeri itu sedang berada dalam peralihan akibat daripada interaksi di antara beberapa faktor dalaman dengan faktor luaran serta juga penyatuannya ke dalam sistem ekonomi antarabangsa. Walaupun perkembangan ini membawa banyak perubahan dalam struktur sosioekonomi negeri itu sehingga akhir abad ke-19, keseluruhan masyarakat negeri itu masih bersifat prakapitalis. Hubungan pengeluaran yang bersifat kapitalis masih belum wujud lagi; walaupun modal telah pun memainkan peranannya dalam kegiatan perdagangan dan pinjaman iaitu di luar bidang pengeluaran.

Kegiatan ekonomi yang utama dijalankan oleh rakyat Kelantan pada masa itu masih lagi kegiatan pertanian, khususnya menanam padi. Di samping kegiatan utama ini, rakyat Kelantan juga menjalankan kegiatan lain seperti menangkap ikan, berternak binatang, mengutip hasil hutan, bertukang secara kecil-kecilan dan sebagainya. Pada keseluruhannya, perkembangan kuasa pengeluaran dalam pelbagai kegiatan ini masih pada tahap yang rendah. Petani Kelantan biasanya tidak melabur lebih daripada yang diperlukan dalam kegiatan pengeluaran mereka kerana takut yang lebihan pengeluaran mereka akan diperas oleh pihak berkuasa. Dalam keadaan ini, petani juga tidak mempunyai insentif untuk mencipta atau meniru teknologi baru yang boleh digunakan dalam kegiatan pengeluaran mereka. Oleh yang demikian, pada keseluruhannya, alat-alat pengeluaran yang mereka gunakan masih agak mundur dan matlamat kegiatan pengeluaran mereka hanyalah setakat untuk menyara kehidupan sahaja. Kalaupun ada lebihan pengeluaran, barang

yang lebih itu biasanya didagangkan untuk memperolehi barang keperluan lain yang mereka sendiri tidak mengeluarkan. Dalam keadaan ini iaitu keadaan di mana petani tidak digalakkan menghasilkan lebih untuk disimpan atau untuk pengumpulan modal, menyebabkan kehidupan mereka tidak terjamin. Apabila berlaku bencana alam atau bencana lain, petani berada dalam keadaan yang amat tersepit dan memaksa mereka membuat pinjaman daripada golongan bangsawan atau orang kaya dan dikenakan bayaran bunga yang tinggi. Apabila mereka gagal menjelaskan hutang yang dipinjam, mereka akhirnya terjerumus menjadi hamba hutang.

Walaupun kegiatan perdagangan wujud dalam masyarakat Kelantan pada abad ke-19, keadaan ini tidak membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa kesemua kegiatan pengeluaran penduduknya pada masa itu diusahakan dengan tujuan untuk memperdagangkan hasil keluaran mereka. Sebagaimana yang dinyatakan, sebahagian besar daripada hasil pengeluaran petani masih lagi digunakan untuk keperluan sendiri manakala bakinya pula diperdagangkan untuk membolehkan mereka mendapatkan barang keperluan yang lain. Oleh itu, walaupun petani Kelantan pada abad ke-19 memperdagangkan hasil keluaran mereka untuk membeli barang keperluan lain yang lebih mudah diperolehi di pasaran, kegiatan pengeluaran mereka masih lebih bertujuan untuk memenuhi keperluan sendiri.

Tinjauan ke atas keadaan masyarakat Kelantan pada zaman itu menunjukkan bahawa pada amnya, terdapat tiga kelas utama dalam masyarakat itu. Kelas yang paling ramai terdiri daripada petani, manakala kelas yang terbawah pula terdiri daripada golongan hamba berhutang dan hamba abdi. Kelas yang menguasai dan memeras lebih kelas bawahan ini terdiri daripada golongan bangsawan dan orang kaya. Golongan bangsawan sebenarnya terbahagi kepada beberapa kumpulan kecil yang bergantung pada kedudukan mereka dalam struktur pemerintahan negeri pada sesuatu masa. Tinjauan ini juga mendapati dua bentuk utama pemerasan lebih yang diamalkan oleh golongan berkuasa iaitu melalui "pembayaran ufti" (tribute paying) dan perhambaan. Kedua-dua bentuk pemerasan lebih ini tidak bersifat kapitalis. Jomo telah mengenal pasti tiga cara yang digunakan oleh golongan yang berkuasa di negeri-negeri Melayu untuk memperolehi hasil daripada rakyat melalui (a) cukai dan pengawalan barangan; (b) kerah dan (c) cukai orang atau barang atau tanah pertanian. Beliau juga mengenal

pasti dua bentuk perhambaan – hamba berhutang dan hamba abdi.⁸⁸ Perbincangan di atas menunjukkan bahawa ketiga-tiga cara pembayaran ufti dan kedua-dua bentuk perhambaan terdapat di Kelantan. Ini bermakna bahawa pemerasan lebihan yang dilakukan oleh golongan berkuasa adalah dengan cara paksaan. Harus juga dinyatakan bahawa di antara cara-cara dan bentuk pemerasan lebihan ini, sumbangan perhambaan dan kerah memang sukar untuk dinilai dalam bentuk wang. Walaupun begitu, nampaknya sumbangan daripada cukai dan kawalan ke atas perdagangan masih merupakan sumbangan hasil utama kepada golongan berkuasa di Kelantan pada masa itu. Seperti juga masyarakat prakapitalis yang lain, sebahagian besar daripada kekayaan golongan bangsawan Kelantan dibelanjakan untuk kegunaan import. Pengumpulan modal yang bertambah masih amat terbatas.

Hakikat bahawa masyarakat Kelantan pada abad ke-19 masih bersifat prakapitalis tidak pula menafikan bahawa kegiatan modal, khususnya modal dagangan dan pinjaman telah pun memajukan peranan mereka dalam ekonomi. Sebagai contoh, terdapatnya hamba berhutang di Kelantan pada zaman itu sudah semestinya melibatkan kegiatan modal pinjaman. Oleh kerana kegiatan ini amat menguntungkan, maka kegiatan utama modal pada masa itu tertumpu kepada urusan pinjam-meminjam. Di samping itu, modal juga penting dalam bidang perdagangan. Walaupun terdapat kelas atasan Melayu yang menceburkan diri dalam kegiatan perdagangan, sebahagian besar daripada saudagar/pedagang pada masa itu terdiri daripada orang Cina, India dan Arab. Dengan berkembangnya perdagangan di antara Kelantan dengan dunia luar, khususnya dengan Singapura dan Bangkok, jumlah modal yang terlibat dalam bidang ini turut juga meningkat. Penglibatan modal dalam bidang pengeluaran masih amat terbatas dan hanya dalam bidang-bidang tertentu sahaja (seperti dalam kegiatan menangkap ikan di laut).

Walaupun faktor modal penting dalam kegiatan ekonomi Kelantan, hubungan pengeluaran kapitalis masih lagi belum wujud pada zaman itu. Faktor utama yang menghalang kemunculan hubungan pengeluaran kapitalis secara meluas pada masa itu ialah ketiadaan kelas buruh yang bebas. Perkembangan dalam masyarakat Kelantan pada masa itu menghalang terbentuknya satu kelas buruh yang bebas dan oleh kerana itu, hubungan pengeluaran kapitalis tidak mungkin muncul dalam masyarakat Kelantan pada masa itu.

Nota

¹Kertas kerja ini adalah berasaskan hasil kajian yang terdapat dalam tesis Ph.D penulis, berjudul "Perubahan Ekonomi Kelantan dan Ketidaksamaan dalam Masyarakat Nelayan Perupok", yang diterima oleh Universiti Malaya pada bulan Mei, 1985.

²Lihat misalnya, Shahril Talib, "Nineteenth Century Kelantan: A Malay Tributary State", *Journal Antropologi dan Sosiologi*, 9 (1981), hlm 43-59; C.S. Kessler, *Islam and Politics in a Malay State, Kelantan 1838-1969* (Ithaca: Cornell University Press, 1978). Oleh itu, penulisan ini hanyalah merupakan usaha lanjutan untuk mengkaji satu perkara yang kurang diberi perhatian teliti oleh ahli sejarah.

³Misalnya, lihat Rahmat Saripan, 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan, 1976-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁴*Ibid.*, Bab 3.

⁵*Ibid.*, hlm 64 - 67.

⁶Sebagai contoh, Long Tan, yang bergelar Raja Temenggung, berkuasa ke atas jajahan Galas serta berhak memungut hasil mahsul dan cukai-cukai yang terdapat dalam jajahan tersebut. Beliau juga mempunyai kuasa untuk mengerahkan rakyatnya berperang menentang tentera Siam dan Terengganu. *Ibid.*, hlm 68.

⁷*Ibid.*, hlm 70.

⁸Butir lanjut tentang perang ini boleh didapati daripada C. Skinner, *The Civil War in Kelantan in 1839-1965*. Singapore: Monograf MBRAS; Munshi Abdullah, 1960. *Kisah Pelayaran Abdullah*, diedit oleh Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

⁹W.A. Graham, 1908. *Kelantan, A State of the Malay Peninsular: A Handbook of Information*, Glasgow: James Macleehose and Sons, hlm 47 - 48.

¹⁰Lihat Kessler, *op. cit.*, hlm 41 - 42.

¹¹Lihat Wong Lin Ken, "The Trade of Singapore, 1819 - 1869", *JMBRAS*, 33, Bah IV (1960), hlm 11 - 231.

¹²Walaupun Sultan Muhammad II berjaya memusatkan kuasa pemerintahan negeri Kelantan di Kota Bharu semasa pemerintahannya selama hampir setengah abad, selepas kemangkatannya, kuasa di tangan Sultan Kelantan berikutnya telah berkurangan. Malahan, apabila Tuan Long Senik menjadi raja dengan gelaran Sultan Muhammad IV (1902-1920), baginda mendapati dirinya berada dalam kedudukan yang amat sukar kerana tujuh orang bapa saudaranya yang berpengaruh telah berkomplot dan secara bersama, berjaya menuntut beberapa hak istimewa. Antara hak-hak istimewa itu termasuklah (a) hak 'menyewakan' setengah daripada kuasa memungut cukai dan menggunakan hasilnya untuk kepentingan diri mereka, (b) kuasa mengisytiharkan "kerah" pada bila-bila masa mereka rasa perlu dan (c) hak mendapat pendapatan tetap sebanyak \$3 000 setiap seorang daripada perbendaharaan negeri. Sultan juga hilang kuasanya ke atas pembesar-pembesar tempatan. Lihat Mohammad b. Nik Mohd. Salleh, "Kelantan in Transition: 1891-1910", dalam W.W. Roff (ed.), 1974. *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 32.

¹³Kawasan dataran ini adalah seluas kira-kira 1 500 batu persegi dan berbentuk empat segi dengan lebarnya kira-kira 25 batu dan panjangnya 60 batu. Untuk maklumat lanjut, lihat E.H.G. Dobby, 1951. "The Kelantan Delta", *Geographical Review*, 41, hlm 226-255.

¹⁴ Kedah juga mempunyai kira-kira 50 000 penduduk pada masa itu, manakala jumlah penduduk di Pahang ialah kira-kira 40 000, Perak 35 000, Terengganu 31 000, Negeri Sembilan 27 000, Johor dan Melaka 25 000 dan Selangor 12 000. Lihat T.J. Newbold, 1939, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca* London.

¹⁵ Lihat Zaharah binti Hj Mahmud, "The Period and the Nature of 'Traditional' Settlement in the Malay Peninsular", *JMBRAS*, 43, Bah. II (1970), hlm 81 – 113.

¹⁶ Anggaran penduduk untuk tahun 1884 diperolehi daripada M.V. del Tufo, 1949, *Malay – A Report of the 1947 Census Population*, Kuala Lumpur. Manakala anggaran bagi tahun 1911 diperolehi daripada J.E. Nathan, 1922 *The Census of British Malaya, 1921* (London: Waterloo and Sons).

¹⁷ Kessler, *op. cit.*, hlm 38–39.

¹⁸ Clifford menggambarkan keadaan ini seperti berikut: "The Kelantan River banks are divided up into a number village communes, over each of which a kueng, or headman, rules, who is directly responsible to the Raja. The chief duty is to aid in collecting revenue from their people". H. Clifford, "Expedition to Trengganu and Kelantan", *JMBRAS*, 34, Bah I (1961), hlm 114.

¹⁹ Munsyi Abdullah, *op. cit.*, hlm 65.

²⁰ *Ibid.*, hlm 28.

²¹ Untuk keterangan terperinci tentang cara penangkapan ikan yang menggunakan pukat payang, sila lihat M.L. Parry, "The Fishing Methods of Kelantan and Trengganu", *JMBRAS*, 27, Bah II, 1954, hlm 77 – 144.

²² Mengikut sistem ini, langkah pertama yang dibuat oleh penduduk kampung ialah memutuskan tanah siapakah yang harus dikerjakan dan ditajak dulu. Setelah keputusan dibuat, mereka bersama-sama ke bendang orang yang dipilih dikerjakan dahulu itu. Setelah bendang orang yang pertama itu selesai dikerjakan, tanah orang kedua pula dikerjakan dan seterusnya. Biasanya tanah ketua kampung yang dikerjakan terlebih dahulu, kemudiannya diikuti oleh orang-orang yang lebih berpengaruh terkemudian daripadanya. Orang-orang yang kurang berpengaruh selalunya dikemudikan. Setiap kali kerja gotong-royong ini dijalankan, satu jamuan makan diadakan dan orang-orang yang diminta bekerja di tanah orang lain dikatakan "makan pinjam". Lihat Zaidi-Saidi Ibrahim, "Aspek-aspek Budaya – Ekonomi Masyarakat Kelantan Sebelum 1909", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *op. cit.*, hlm 46 – 47.

²³ *Ibid.*

²⁴ Clifford, *op. cit.*, hlm 91. Terjemahan penulis.

²⁵ Berhubung dengan perkara ini, Clifford, yang pergi ke Kelantan pada tahun 1895, telah menulis seperti berikut:

"The principal manufactures (in Kelantan) are silks, cottons, and pottery. The former are probably the best fabric made by the natives of the Peninsula, while the latter are both good and cheap". (*Ibid.*, hlm 116).

²⁶ Clifford menyifatkan cara pengeluaran pertanian di Kelantan pada tahun 1895 sebagai "primitive" (*Ibid.*).

²⁷ Lihat Zaidi Saidi, *op. cit.*, hlm 48.

²⁸ Misalnya, N.N. Dodge, "Mineral Production on the East Coast of Malaya in the Nineteenth Century", *JMBRAS*, 50, Bah II (1977), hlm 89-110; S.A. Carstens, "Pulau : Memories of a Gold Mining Settlement in Ulu Kelantan", *JMBRAS*, Bah I, 1980, hlm 50 - 67.

²⁹ Dalam catatannya, Clifford ada juga menyebutkan tentang penglibatan orang Melayu dalam kegiatan melombong emas. (Clifford, *op. cit.*, hlm 103).

³⁰ Clifford juga menyifatkan alat-alat perlombongan yang digunakan di Galas sebagai "primitif". Menurutny :

"Owing ... to the primitive nature of the appliances at the disposal of the miners, the reefs and lodes remain for the most part untouched, the operations being almost entirely confined to sluicing and washing for alluvial gold. Some crude mills for crushing quartz are also used, but only the softer surface rocks can be treated by them, and then only in very small quantities". (*Ibid.*, hlm 103).

³¹ Lihat Newbold, *op. cit* dan J. Crawford, 1820. *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, London: Bradbury and Evans.

³² Dodge, *op. cit.*, hlm 98.

³³ Sharom Ahmat, "The Structure of the Economy of Kedah, 1879 - 1905", *JMBRAS*, 43, Bah II, 1970, hlm 1-30.

³⁴ Munsyi Abdullah, *op cit.*, hlm 31.

³⁵ Menurut Lineham, duit-duit emas purba telah dijumpai di beberapa tempat di Kelantan. Antaranya, di bekas tapak Kota Kubang Labu yang dipercayai digunakan pada abad ke-17 dan ke-18 (Lineham, *op. cit.*, hlm 62 - 69). Berhubung dengan hal ini, Rentse pula menulis seperti berikut:

"Recent discovery ... have proved that gold coins were minted in Northeastern Malay State to an extent unknown in the rest of the Peninsular. It is probable that a gold currency was in force before 1500 A.D". (Rentse, 1947, *op. cit.*, hlm 31).

³⁶ Clifford, misalnya melaporkan bahawa:

"The currency is use in Kelantan ... consists of small round tin coins ... the token value of which is 1/480 of a pillar dollar. The Mexican dollar is not accepted in Kelantan and notes and small silver coins are also refused.

"In the Galas district a gold currency is in use When Raja Mansur succeeded, he called in all the tin coinage then in circulation, and exchanged it for a similar quantity of coin of his own minting Any person failing to exchanged his old coins for the new ones was liable to a heavy fine. No more of these tokens are now being issued, the quantity in circulation being sufficient for all requirements". (Clifford, *op. cit.*, hlm 115).

³⁷ Graham, *op. cit.*, hlm 37.

³⁸ Zaidi-Saidi, *op. cit.*, hlm 50 - 52.

³⁹ Munsyi Abdullah, *op. cit.*, hlm 78.

⁴⁰ Sebagai contoh, semasa berada di Kg. Aur Gading pada penghujung abad ke-19,

Skeat amat tertarik dengan kegiatan perdagangan yang terdapat di situ dan mencatatkannya seperti berikut:

"There were about ten small raft banks here, moored to the bank. Once a month the owners went the long journeys down the river to restock at the Kelantan capital. One shop was a general store and I was able to buy, though at a stiff price, 100 gantang of rice, sugar, pulut, torches, Japanese cloth of a kind that at least resembled Calico, salt matches, mats and even a few boat-awnings And these shops also sold coconut, called *budu*, in large jars, dried fish, coconut oil, and a few other welcome articles". (W.W. Skeat, "The Cambridge University Expedition to the North Eastern States, and to Upper Perak, 1899-1900", *JMBRAS*, 26, Bah IV, 1953, hlm 97).

⁴¹ F.F. Laidlaw, "Travels in Kelantan, Trengganu and Upper Perak. A Personal Narrative", *JMBRAS*, 26, Bah IV, 1953, hlm 156. Terjemahan pengkaji.

⁴² Menurut Graham, "In Kelantan, he (the Malay) grows the 70 000 odd tons of rice which feed the population, he catches and dries fish enough for home consumption and exports, he makes some 40 000 pikuls of copra every year, he works boats on rivers, and, in fact, he makes a very comfortable living, supplies all his wants and is contented". (Graham, *op. cit.*, hlm 19).

Menurutnya lagi, "... in an average year, about 15 000 tons (of padi) are produced (and) usually about 3 000 tons of rice are available for export". (KAR, 1903 - 4, hlm 23).

⁴³ Wong Lin Ken, *op. cit.*, hlm 79 - 80.

⁴⁴ Newbold, *op. cit.*, hlm 65. Dipetik daripada Shahril Talib, *op. cit.*, hlm 54.

⁴⁵ Munsyi Abdullah, *op. cit.*, hlm 57.

⁴⁶ Newbold, *op. cit.*, hlm 291 - 312. Dipetik daripada Dodge, *op. cit.*, hlm 95.

⁴⁷ C.O. 273/284: Swettenham to C.O., 7 October 1902, ff 37-9. Dipetik daripada Shahril Talib, *op. cit.*, hlm 55.

⁴⁸ Lihat KAR, 1903 - 4, hlm 17.

⁴⁹ Munsyi Abdullah, *op. cit.*, hlm 56.

⁵⁰ A. Wright dan T.H. Reid, 1912. *The Malay Peninsula*, London: T. Fisher Unwin.

⁵¹ Dipetik daripada "Abstract of Journal" kept by Mr. C.F. Bozzolo, Magistrate and Collector, Upper Perak, during his Exploration of the Pass into Kelantan by the Plus Valley", Enclosure 12, No 4. F.O. 881/5 948, 1898. Terjemahan penulis. Penulis amat terhu-tang budi kepada sdr Khoo Kay Jin kerana kesudiannya meminjamkan bahan ini untuk digunakan dalam kajian ini.

⁵² *Jawi Pranakan* (keluaran 22.8.1887) melaporkan mala petaka ini seperti berikut:

"Because buffaloes and other livestock were dead the cultivation of padi suddenly came to a halt. When cultivation ceased famine came to Kelantan. Whoever had buffaloes continued to plough When people who possessed buffaloes for ploughing suddenly became poor they were in fact landless and therefore took up reaping but not planting work". Dipetik daripada R.H. Hill, 1977. *Rice in Malaya: A Study in Historical Geography*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 641.

⁵³ Tahun sebenar berlakunya taufan besar ini masih belum dapat ditentukan oleh

ahli-ahli sejarah. Wyatt-Smith menyatakan bahawa taufan itu berlaku pada tahun 1883 (Lihat J. Wyatt-Smith, 1964 "A Preliminary Vegetation Map of Malaya with Description of the Vegetation Types", *Journal of Tropical Geography*, 18, hlm 202). Tetapi, Hill, yang menyemak akhbar *Straits Times* keluaran tahun itu dan tiga bulan pertama tahun berikutnya, meragui ketepatan kenyataan Wyatt-Smith itu (Lihat Hill, *op. cit.*, hlm 65). Clifford pula menyebut bahawa taufan itu berlaku pada tahun 1880 (Lihat Clifford, *op. cit.*, hlm 116). Begitu juga pendapat Sa'ad Shukri Hj Muda 1962. *Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, hlm 122.

⁵⁴ "Abstract of Bozzolo", *op. cit.*, Terjemahan penulis.

⁵⁵ Kessler, *op. cit.*, hlm 63.

⁵⁶ Kessler merumuskan perkembangan ini seperti berikut:

"Conversion to the labor-intensive *padi chedongan* was prompted not by any autonomous desire of the peasant to increase his output, but by pressures on him - the need, as population grew and land became scarce, to increase the productivity of land in order to meet growing exactions above an inelastic subsistence The intensification of Kelantanese agriculture benefited not the peasant but those who demanded a share of his produce; it stemmed from and contributed to the growing power of the central regime, especially the chiefly aristocracy". (*Ibid*, hlm 65).

⁵⁷ KAR, 1903 - 4, hlm 22.

⁵⁸ Jawatan Sultan Dewa dan Engku Seri Indera diwujudkan semasa pemerintahan Sultan Muhammad II. Sebelum itu, terdapat jawatan Raja Temenggung dan Raja Bendahara dan kedua-dua jawatan ini dimansuhkan apabila sultan tidak melantik sesiapa pun untuk memegang kedua-dua jawatan tersebut.

⁵⁹ Rahmat, *op. cit.*, hlm 141.

⁶⁰ Hal ini dinyatakan dengan jelas oleh Clifford seperti berikut :

"In Kelantan all power is centred in the Raja (Sultan) and the powerful chiefs who support him and keep him in the enjoyment of the position he holds. No partition of the revenue of the country has taken place here and all the collections find their way into the royal coffers, Nik Sri Paduka and a few of other chiefs alone sharing the profits of administration with the Raja. The other Princess and chiefs have to trust to trade and to the occasional bounty of the Raja for their supplies.

"The Galas District is normally under the charge of Dato Bentara, but he lives at Kota Bharu, as do all the chiefs, and he has right to the revenue of the district, save such sums as may be granted to him from time to time by the Raja. The Lebir District, in the same way, is under the charge of the Dato' Lela Diraja, but he also lives at Kota Bharu and is only an extra cog in the wheel by means of which the Raja squeezes the revenue from his people". (Clifford, *op. cit.*, hlm 133.)

⁶¹ KAR, 1903 - 4, hlm 22.

⁶² Sharom, *op. cit.*, hlm 10.

⁶³ Dipetik daripada "Abstract of Bozzolo". *op. cit.*, hlm 12-14. Terjemahan penulis.

⁶⁴ KAR, 1903 - 4, hlm 22.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Rahmat, *op. cit.*, hlm 134.

⁶⁷ Munsyi Abdullah, *op. cit.*, hlm 54 - 55.

⁶⁸ Seperti Clifford, *op. cit.*, dan KAR, 1903 - 4.

⁶⁹ KAR, 1903 - 4, hlm 17.

⁷⁰ Wan Hashim, 1982. "The Transformation of Malay Peasantry Under Peripheral Capitalism", tesis Ph.D., University of Manchester, hlm 69.

⁷¹ Menurut:

"The people are miserably poor, and the debt-slave system is here carried to a greater length than in Trengganu. Kelantan natives freely selling their children for a few dollars a piece". (Clifford, *op. cit.*, hlm 114).

Swettenham juga melaporkan tentang sistem hamba hutang di Kelantan seperti berikut:

"I went to the Capt. Chinas house a mile down the river, a very good house indeed. He tells me there is a great deal of debt slavery in Kelantan. He himself has 40 debt slaves, and he asked me if I wanted to buy any". (Daripada "Notes Taken from a Visit by Sir Frank Swettenham to Kelantan with H.E. The Governor of Singapore in July 1875" dalam *Kelantan Planters' Association Yearbook, 1977/78*, (Kota Bharu: 1978).

⁷² K.S. Jomo, 1977. "Class Formation in Malaya: Capital, the State and Uneven Development", Tesis Ph.D, Universiti Harvard, hlm 46.

⁷³ Sebagai contoh, lihat catatan Bozzolo di atas.

⁷⁴ Misalnya, dalam surat rayuan dua orang hamba berhutang, Jusoh bin Dolah dan Mek Kecil binti Jusoh (isteri Jusoh) kepada Penasihat Inggeris pada tahun 1913, mereka menulis tentang masalah yang mereka hadapi seperti berikut (terjemahan oleh pegawai penjajah):

"We owed money to Ungku Bongsu, the Sultan's aunt - my wife borrowed \$26 from her father some 30 years ago and I borrowed \$10 from Ungku Bongsu herself some six years ago - we did not pay anything back but used to work for her cutting wood and carrying water, etc. in her house, but feeding ourselves and living in the Raja Muda's compound and doing other work to provide our food, worked for her four or five days a week and for ourselves the other two or three. Recently, she summoned us for the return of the capital, but claimed \$26 + \$20 in place of \$26 + \$10, and the court ordered us to pay \$3 per month. We now work at the Kais coffee shop (this also the refuge of Sepiah, the Raja Negeri's runaway slave who said she was raped some years ago by a detective at the market while a debt slave of and under protection of the Raja Negeri) We think that all these years of work should cancel the debt". Lihat Fail BAK 723/1913.

⁷⁵ Aminuddin Baki, 1966. "The Institution of Debt-Slavery in Perak", *Peninjau Seja-*

raha, hlm 1-11.

⁷⁶ Sila lihat Lim Teck Ghee, 1976. *Origin of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874 - 1897*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. David Wong, 1975. *Tenure and Land Dealings in the Malay States*, Singapore: Singapore University Press. Jomo, *op. cit.*, hlm 53 - 60; dan Wan Hashim, *op. cit.*, hlm 72 - 6.

⁷⁷ Lihat W. Maxwell, 1885. *The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of land*, Singapore, hlm 15 - 17.

⁷⁸ Clifford, *op. cit.*, hlm 114.

⁷⁹ KAR, 1903 - 4, hlm 25. Terjemahan pengkaji.

⁸⁰ Fail BAK 44/1915. Terjemahan pengkaji.

⁸¹ Shahril Talib, *op. cit.*, hlm 52.

⁸² Kessler, *op. cit.*, hlm 64.

⁸³ KAR, 1903 - 4, hlm 21.

⁸⁴ *Ibid.*, hlm 22.

⁸⁵ Memang salah satu sumber hasil yang diperolehi oleh Raja Siam pada abad ke-19 ialah cukai keluaran pertanian. Menurut Ingram :

"The people (of Siam) had the hereditary obligation not merely to furnish personal services, but also to turn over a share of their produce to the king. The tendency here was to substitute money for payment in kind From 1820 to 1851, the producer was allowed to pay in kind or money as he choses. The money tax rate was 375 baht per rai". (Nota: pada masa itu 1 i baht lebih kurang sama dengan *1 sterling dan 1 rai lebih kurang sama dengan 0.4 ekar). Lihat J.C. Ingram, 1971. *Economic Change in Thailand, 1850-1970* Stanford: Stanford University Press, hlm 31.

⁸⁶ David Wong, *op. cit.*, hlm 20.

⁸⁷ Menurut KAR 1936, sebelum tahun 1904, pemilik tanah di Kelantan berasaskan surat geran ('cap') yang dikeluarkan dengan kelulusan sultan atau raja Kelantan setelah pemiliknya menduduki tanah berkenaan. Pada tahun 1898 iaitu selepas tertubuhnya Pejabat Tanah, satu sistem mengeluarkan surat "geran lama" dan surat "jualan" diperkenalkan. Surat "jualan" merupakan satu geran yang dikeluarkan apabila sebidang tanah dijual atau dipajakkan oleh pemilik asalnya. Surat-surat ini berbentuk manuskrip dan dikeluarkan dengan kelulusan sultan atau raja. Tetapi, menurut Laporan Tahunan Pejabat Tanah bagi tahun 1914, surat "jualan" didapati dipegang oleh orang-orang yang tidak memiliki surat hak milik tanah. Oleh yang demikian, penerima surat "jualan" tidak mempunyai jaminan bahawa tanah yang diperolehi tidak akan dituntut oleh orang lain.

⁸⁸ Jomo, *op. cit.*, hlm 69.

**UNDANG-UNDANG KEDAH¹
DENGAN TUMPUAN KHUSUS KEPADA
PENGAWALAN HAK MILIK TANAH**

Dr. Khoo Khay Jin

Teks undang-undang merupakan sumber maklumat yang meragukan terutama untuk sejarah sosial. Pengalaman semasa sahaja sudah cukup untuk memberi peringatan kepada kita tentang kemungkinan berlakunya pertentangan di antara peruntukan undang-undang dengan amalan sosial dan politik yang sebenarnya. Ini sepatutnya menyedarkan kita kepada bahaya yang tersirat dalam usaha untuk membuat kesimpulan tentang pelaksanaan struktur sesebuah masyarakat daripada gambaran yang dipancarkan oleh kod undang-undang.

Jika ini berlaku kepada masyarakat kita, maka sudah tentu keadaan ini juga pasti berlaku pada masyarakat lampau masih lagi digunakan sehingga kini, maka kesilapan menyangka ungkapan bahasa sebagai fakta tentunya disukarkan lagi oleh percantuman penggunaan ungkapan dahulu dengan maksud penggunaan masa kini.²

Dalam konteks kita, masalah sedemikian menjadi bertambah sukar kerana teks-teks yang senang diperolehi pada masa ini merupakan cantuman yang terbentuk dalam suatu jangka masa yang lama³ sehingga

menjadi sukar untuk kita menentukan sekiranya ada, peruntukan undang-undang yang sebenarnya berkuatkuasa pada sesuatu masa.

Walaupun demikian, teks undang-undang mesti sedikit sebanyak memberi kesan kepada organisasi dan peraturan sosial walaupun kita bersetuju dengan Winstedt yang menulis tentang *Undang-undang Melaka* bahawa teks undang-undang adalah "sebuah ikhtisar yang secara praktiknya tidak lebih daripada sebuah buku rujukan kerana peruntukannya dapat dibatalkan oleh sultan atau hakim yang bijaksana atau yang mengikut perintah".⁴ Seperti yang diperhatikan oleh Liaw, "daripada kenyataan ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa tanpa campur tangan 'seorang sultan yang kuat atau seorang hakim yang bijaksana', ikhtisar undang-undang adalah satu bahan rujukan yang digunakan oleh pegawai hakim untuk membuat keputusan mereka".⁵

Sekurang-kurangnya teks undang-undang sedemikian dapat menunjukkan keadaan dunia ideologi dan konseptual yang wujud pada sesuatu masa, iaitu anggapan semasa yang mentakrif dan membenarkan tindakan perkara-perkara seharian.

Oleh itu, dapatlah kita bersetuju dengan Wyatt yang mengatakan bahawa:

"Teks undang-undang jelas berguna kepada ahli sejarah dan ahli sains sosial yang menaruh minat terhadap keadaan dan institusi sosial dan politik. Perkara yang menjadi tumpuan utama undang-undang ialah pengawalan masyarakat; dan walaupun ia seringkali mencerminkan aspirasi masyarakat lebih baik daripada keadaan yang sebenarnya, hanya sebilangan kecil sumber lain sahaja yang lebih penting daripadanya".⁶

Rencana ini tidaklah bertujuan merangkumi semua perkara yang dibangkitkan. Sebaliknya, matlamat rencana ini lebih terhad daripada itu dan hanya bertujuan: (1) memperkenalkan satu versi *Undang-undang Kedah* yang belum pernah dibincangkan lagi;⁷ dan (2) menyampaikan fasal-fasal tentang hal tanah yang terkandung dalam undang-undang kerana ia agak berbeza daripada undang-undang lain. Oleh yang demikian, perkataan undang-undang itu banyak digunakan kerana ini merupakan kali pertama versi undang-undang ini dikemukakan.

Kemudahan mendapat dan menggunakan tanah merupakan ciri-ciri utama sesebuah masyarakat tani. Sebarang kod atau ikhtisar undang-undang tentang perkara tersebut bukan sahaja menarik minat teta-

pi boleh dianggap sekurang-kurangnya sebagai gambaran konsepsi anggota masyarakat tentang hubungan antara mereka bersabit dengan tanah. Malahan lebih daripada itu, ia dapat memberi petunjuk yang berguna kepada struktur masyarakat sekurang-kurangnya setakat yang berkaitan dengan alat pengeluaran yang asas ini.

Keadaan ini menjadi lebih ketara apabila undang-undang yang dimaksudkan ini bukan sahaja menyentuh perkara tersebut dengan lebih mendalam berbanding dengan versi lain,⁸ tetapi juga kelihatan terpisah daripada pendapat umum tentang bentuk pemilikan tanah yang wujud di negeri-negeri Melayu sebelum zaman penjajahan.

Suatu perbincangan tentang versi *Undang-undang Kedah* adalah perlu sebelum meninjau dengan lebih jelas mengenainya.

Pada tahun 1928, Winstedt telah menerbitkan terjemahan sebahagian besar daripada manuskrip yang mengandungi *Undang-undang Pelabuhan* bertarikh 1060 H/1650 Masihi,⁹ *Undang-undang Dato' Star Paduka Tuan* bertarikh 1078 D/1667 Masihi, *Hukum Kanun Dato' Star* yang tidak bertarikh, satu bab berkenaan dengan Bunga Emas dan undang-undang bertarikh 1199 H/1784 Masihi.¹⁰ Dalam bahagian pengenalan, beliau menyebut yang beliau pernah terjumpa satu lagi versi *Undang-undang Kedah* yang telah "diperturunkan untuk E.A.G. Stuart".¹¹ Menurut Winstedt, versi ini amat berbeza daripada versi yang disampaikan oleh beliau. Tetapi, malangnya beliau hanya mencatatkan bahawa undang-undang pelabuhan yang awal itu ditinggalkan, dan ia "lebih bersifat sastera dari segi bentuknya"¹² dan beliau langsung tidak menyebut tentang versi ini dalam karya beliau yang bertajuk "*A History of Classical Malay Literature*".¹³

Saya percaya bahawa *Undang-undang Kedah* yang dipertimbangkan di sini adalah sama dengan salinan Stuart.¹⁴ Satu-satunya asas bagi kepercayaan ini ialah terjemahan beberapa pilihan daripada salinan Stuart yang telah dibuat oleh Stuart sendiri dan tercetak dalam majalah terbitan Province Wellesley Mission Press bertajuk *The Kedah Miscellany*.¹⁵ Bahagian yang diterbitkan oleh Stuart adalah sama dengan yang terkandung dalam versi yang dibincangkan di sini.

Walau bagaimanapun, sama ada ia sama dengan versi Stuart ataupun tidak, versi *Undang-undang Kedah* ini mempunyai kepentingannya tersendiri. Ia pasti tidak sama dengan bahagian manuskrip Winstedt yang bertajuk *Undang-undang Bertarikh 1199 H* yang mengandungi "peraturan pergaulan dalam istana Fasal 1-23 daripada *Undang-*

undang Melaka ... beberapa muka surat tentang perkahwinan, perceraian, perzinaan dan perdagangan dan ... berakhir dengan *Undang-undang Laut Melaka* (Malacca Maritime Code)".¹⁶

Versi ini tidak bertarikh dan di bahagian utama mengandungi 40 bab, dan ini diikuti oleh *Undang-undang Laut Melaka*,¹⁷ *Undang-undang Nobat* yang dititahkan oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan diakhiri dengan bahagian yang berupa khutbah. Berikutnya, dilampirkan salinan "lesen [l-i-s-i-n] timah" yang dititahkan oleh Sultan Abdul Hamid pada 1 Rabiulawal 1303, bersamaan dengan 8 Disember 1885, dan juga senarai Sultan Kedah, seramai tujuh belas orang, bermula daripada Sultan Mohamed Shah sehingga Sultan Abdul Hamid.¹⁸ Walaupun mungkin terdapat bahagian dalam versi ini yang sama dengan bahagian dalam versi Winstedt ataupun dalam *Undang-undang Melaka*,¹⁹ penting ditegaskan di sini bahawa ada perbezaan yang besar dalam bahagian-bahagian yang membincangkan perkara yang sama. Tambahan lagi, tidak ada bahagian yang sama dalam versi Winstedt ataupun *Undang-undang Melaka* yang membincangkan tentang pemungutan hasil ripai,²⁰ atau peraturan hubungan antara tuan dengan orang berhutang,²¹ atau hasil nobat, atau perakuan tentang kerja wanita,²² atau secara relatifnya, keistimewaan kedudukan golongan pedagang.²³

Walaupun undang-undang ini tidak bertarikh, tetapi dipercayai digunakan sejak pemerintahan Sultan Rijaluddin Mohamad²⁴ yang memerintah dari tahun 1035 H sehingga tahun 1062 H bersamaan dengan tahun 1625 sehingga tahun 1652.²⁵ Ini adalah sama dengan asal usul *Undang-undang Pelabuhan* versi Winstedt tetapi lebih awal daripada kod-kod lain dalam versi itu.²⁶

Tetapi, jika tarikh ini dapat diterima, sudah tentu teksnya, seperti juga dengan teks undang-undang lain, mempunyai tambahan yang terkemudian.²⁷ Contohnya, Fasal 15 yang membicarakan pengupahan orang²⁸ menyatakan bahawa,

"Maka pada zaman yang terkemudian daripada itu, iaitu zaman pada sanah seribu dua ratus lima tahun ...".²⁹

Begitu juga Fasal 17 yang mengandungi *Undang-undang Pelabuhan*³⁰ menyentuh tentang perubahan yang berlaku pada zaman Sultan Mohamad Jawa Zainal Abidin Muazzam Shah, Marhum Kayangan (1706 – 1760 Masihi) dan zaman Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah,

Marhum Limbong (1801(?) – 1843 Masihi).

Jelaslah bahawa ada masalah yang serius tentang kronologi dan sehingga perkara ini diselesaikan, jika mungkin, adalah mustahil untuk kita mengatakan yang undang-undang tertentu digunakan pada zaman yang tertentu dan dalam bentuk yang tertentu. Walaupun demikian, ada bukti yang menunjukkan yang sekurang-kurangnya sebahagian daripada undang-undang tersebut masih lagi digunakan pada penghujung abad ke-19. Contohnya, beberapa bahagian daripada undang-undang pencukaian, yang terkandung dalam Fasal 27 bersabit dengan hasil ripai dan gendang atau hasil nobat sememangnya berkuatkuasa pada zaman tersebut.³¹

Walaupun ada keraguan sebegini, berdasarkan sebab-sebab yang telah dinyatakan, ada faedahnya diteliti dan dijelaskan undang-undang bersabit dengan hak milik tanah dan penggunaannya dengan perkara lain yang berkaitan dengannya.

Fasal 18 dalam *Undang-undang Kedah* dengan jelas menyatakan tentang prinsip bahawa raja atau sultan adalah pemilik tanah, lantas menyokong hujah yang dikemukakan oleh Maxwell³² dan seterusnya menolak usaha Wong³³ yang baru-baru ini untuk mempersoalkannya. Dalam proses ini, fasal tersebut menerangkan perbezaan di antara harta tetap dengan harta yang boleh dipindahkan yang biasanya terdapat di kalangan masyarakat prakapitalis.³⁴ Halaman-halaman yang berkenaan patut dipetik sepenuhnya kerana perkara tersebut tidak pernah muncul dalam mana-mana ikhtisar undang-undang Melayu:

"Adapun segala bumi dalam alam dunia ini bumi Allah Subhanuwa Taala tiada siapa boleh miliki melainkan tanah atas [a-t-i-s-] tiap-tiap tempat itu jadi milik raja yang memerintah tempat-tempat itu ... Tiada boleh ia (iaitu, seorang rakyat) hendak milik akan tanah itu kerana tanah itu tertentu tanah raja ... Dan lagi, fikirkan olehmu, tatkala dikata tanah itu milik si anu, adakah dapat ia ubahkan tanah itu bawa (sic!) ke tempat lain? Kerana tiap-tiap milik itu boleh perintahkan yang empunya milik ikut sekehendak hatinya. Itulah yang bernama miliknya. Bukankah sudah terdusta perkataan milik si anu itu? Tertentu kepada milik raja kerana yang dikatakan raja itu bayang-bayang Allah Taala".³⁵

Setelah mengukuhkan hujah ini, Fasal 18 seterusnya menjelaskan prinsip yang dapat dicirikan sebagai kepunyaan hak guna³⁶ atau dengan lebih tepat, prinsip kepunyaan melalui usaha atau kerja:

"Barangsiapa daripada hamba Allah Taala yang dikurnia raja beri duduk buat kampung dan dusun dan bendang bolehlah masing tebas-tebas persucikan (sic!) tanah-tanah itu duduk bertanam tanaman akan jadi makanannya. Barang diusaha sucikan (sic!) itu jadi milik³⁷ ialah dengan segala tanaman-tanaman dalamnya itu ... Sehingga suci (sic!) dengan tanaman dalamnya, itulah miliknya, tiada boleh yang lain mengambil dia. Ertinya, jika habis binasa tanaman dalamnya dan habis binasa cucinya, ertinya jadi hutan belukar, lucutlah sudah daripadanya, pulang tanah itu jadi milik raja".

Teks tersebut seterusnya menjelaskan lagi tentang pemilikan tanah oleh raja:

"Jadilah dikata tiada siapa boleh memilik tanah. Jika ada dapat tanah itu jadi miliknya, jika jadi hutan rimba beberapa zaman pun, tiadalah boleh lucut daripadanya.³⁸ Dengan sebab itulah dikata segala tanah itu milik raja, sekadar segala alamat amarat suci dan tanaman, itulah yang bertuah".

Sebagai keterangan lanjut, perhatikan petikan berikut:

"Yang dikatakan tanah si anu itu, salah katanya, tiada tahu bertuah. Orang itu tiada tahu bahasa. Yang layak disebut itu dengan kata, 'Ini bendang siapa?' dan, 'Ini kampung siapa?', 'Ini dusun si anu'.³⁹ Itulah sebenar-benar perkataan. Segala-segala tiada patut ia berkata, 'Ini tanah si anu'. Jika tanah itu pemberian ampun kurnia raja akan dia sekalipun tiada juga patut dikata tanah si anu, kerana tiap-tiap yang raja kurnia jadi pemberian atau perjualan sekalipun ada tersebut di dalam titah raja itu mengatakan, 'Tanah kami pada tempat anu-anu itu kami beri akan si anu' atau 'kami jual akan si anu sekian-sekian banyaknya akan jadi tempat ia buat lapik duduk atau lapik buat makan'. Bukankah sudah terkhusus diberi atau dijual itu akan tempat ia buat lapik duduk dan lapik buat makan apakala ditinggalkan, tiada ia duduk dan tiada ia bertanam makan, lucutlah sudah pemberian atau perjualan itu, kembali balik benda itu kepada empunya dia?"

Maksud pemilikan oleh raja diperkuatkan lagi dengan pengawalan harta karun atau khazanah yang terdapat dalam tanah yang telah dikur-niakan kepada seorang rakyat:

"... jika ada barang siapa-siapa mendapat sesuatu di dalam tanah daripada bendahara, banyak atau sedikit, hendaklah bawa persembahkan pada raja dengan betul benarnya. Jangan diperbuat ilat (? ain-i-l-t) atas perkara itu kerana tanah itu tanah raja. Barang yang se-

dia ada dalamnya maulah dipulangkan pada raja. Jika dibunyikan⁴⁰ atau diperbuat ilat, ertinya dibahagikan ambil setengah-setengah, derhakalah namanya. Apakala timbul pekerjaan itu, beroleh susahlah atas mereka itu, didatangkan periksa dengan disakiti (? d-s-k-i-t-i) dan kena siasat atas segala tempat simpanan. Jika dibawa sembahkan pada raja dengan betul benarnya, ia mendapat anugerah raja akan dia, bahagi cnam sebahagi, kerana tiap harta yang diperoleh demikian itu raja mau berbahagi dengan Allah Subhanu wa Taala dengan bahagi dua sama banyak, kerana dalam tanah yang didapat itu. Maka tanah itu dua namanya: pertama bernama bumi, yang bumi itu Allah Subhanu wa Taala empunya; dan kedua itu bernama tanah, yang tanah itu raja empunya. Jadikan dipatutkan bahagi dua sebahaginya, akan Allah Subhanu wa Taala sebahagi, dan akan raja sebahagi. Yang bahagian raja itu masuklah ke baitulmal jadi belanja negeri. Yang bahagian Allah Taala itu dibahagi tiga, yang sebahagi diberi akan orang yang mendapat dia dan yang dua bahagi lagi itu dibahagikan pada segala fakir miskin barang yang ada dalam negeri ialah waris menerima bahagian itu".⁴¹

Walaupun ada dakwaan seperti ini, sudah tentu terdapat tentangan daripada rakyat kerana kes tersebut mengingatkan:

"Sungguhpun demikian, jangan pula disangkakan jika sudah tentu tetap milik raja, tiadalah guna bersusah dan berlelah atas milik orang, hari ia berkehendak habis diambilnya. Salah fikir itu. Dengan sebab itulah sudah dibayangkan pada bab yang pertama dinyatakan syarat orang yang hendak dirajakan itu tiada boleh melanggar adat yang telah diadatkannya itu. Bukanlah sudah khusus dalamnya perkataan itu habis terhukum sekalian perkaranya, menolak waswas hati daripada bersangkutan sebarang sia-sia datang daripadanya? Sepatut-patut diiktikadkan yang bernama raja itu setaraf ... dengan ibu kita segala-segala, tiada patut ia mendatangkan aniaya atas segala rakyat isi negerinya kerana dengan rakyat isi negerinya, kerana dengan rakyat juga jadi ia temama raja ...".

Setelah menetapkan hubungan di antara pemerintah, rakyat dengan tanah, undang-undang tersebut seterusnya meluaskan skopnya untuk meliputi hubungan di antara rakyat dengan rakyat bagi mengesahkan penguasaan pemerintah:

"Jangan taruh jalan perselisihan perbantahan kamu sama sendiri kamu. Seperti perintah tanah raja yang engkau usaha tebas tebang persuci buat kampung dan dusun dan bendang huma itu, hendaklah

engkau pergi menghadap raja dengan membawa persembahan atas barang yang engkau dapat, engkau pohonkan pada raja tanah usaha engkau itu, diampuni raja akan engkau, tiada raja menaruh tamak bakhil atas engkau. Maka hendaklah engkau pohon alamat surat titah dengan cap meteri raja, tanda ampun kurnia akan engkau supaya lepaslah perkara itu daripada direbut oleh orang yang kurang akal beradawat (b-r-ain-d-a-u-t) dengan engkau, memberi kesusahan atas engkau. Dengan sebab ini ditilik raja jalan ini hendak menjadi banyak perselisihan atas engkau sekalian, maka diikhtiar oleh raja hendak melepaskan daripada perebutan dan perselisihan segala perkara ini, diadatkan atas isi negerinya atas segala tanahnya barang tanah yang diusaha oleh rakyatnya, tebas tebang persuci jadikan kampung dan dusun dan bendang huma itu diberi harapan disuruh sukat tentukan banyaknya dengan had hingga perenggananya, diambil harga atas sepatut. Pada barang orang yang tiada bersurat putus disuruh perbuat surat putus beri yang empunya usaha pegang simpan taruh baik-baik. Tatkala itu tiadalah jadi berebut-rebutan".

Seterusnya harga tanah⁴² dan harga surat hak milik tanah dinyatakan:

"Maka harga tanah itu pun dibubuh dengan harga yang amat sarfa, iaitu tanah yang di dalam negeri tempat kampung rumah segala orang, harganya pada serelung tanah enam emas. Jika tanah hampir negeri jadi tanah kampung dan bendang, harganya pada serelung empat emas. Jika tanah yang jauh sedikit daripada negeri, ertinya yang perjalanan sekerat hari, harganya pada serelung dua emas. Jika tanah yang jauh, iaitu sehari perjalanan, harganya pada serelung se-emas. Jika tanah pinggir negeri, tanah hutan padang namanya, jauh daripada negeri, harganya pada serelung dua kupang".⁴³

"Akan hasil perbuat surat putus itu, pertama-pertama belanja akan hakim yang menyurat dengan harga kertas dakwat dan kelalahan ia menyurat itu pada suatu surat putus seemas. Jika banyak diikat tanahnya pun tiadalah dikirakan hingga (h-ng-g-l) sepucuk seemas. Itulah kena beri (b-a-r-i) ia akan dia. Dan nazar raja menurunkan meterai (m-n-t-r-i) dalam surat itu pun seemas juga pada suatu surat putus, tiada lebih lagi. Jika ada berkehendak hendak pohonkan cop melekat raja maulah disebarkan nazarnya empat emas. Jika turun cop bendahara dalam surat ini mau disebarkan pada bendahara dua kupang. Jika hendak perbanyakkan cop mentri yang lain maulah beri sekupang pada suatu cop".⁴⁴

Dan untuk memperkuat perintah ini:

"Pada tiap-tiap enam tahun sekali (s-k-a-l), raja memberi harapan pergi siasat periksa pada segala daerahnya. Barang yang tiada bersurat putus atas bendangnya atau dusunnya atau kampungnya diambil harga tanah itu diadakan beri surat putus akan dia menetapkan bendang atau dusun atau kampung itu miliknya sampai ke anak cucunya".

Pindah hak milik tanah secara jualan dibenarkan tetapi seseorang pembeli dimestikan mengambil surat hak milik yang baru. Pembeli tidaklah perlu membayar harga tanah sekali lagi. Walau bagaimanapun:

"Jika bendang, kampung, dusun yang sudah disembahkan harga pada raja atau dibeli para orang yang sudah tetap kurnia taja, akan orang berjual kebiasaan (?k-b-s-a-ain-n) surat putusnya, hendak dipohonkan lain. Tiada kena harga atasnya melainkan belanja seperti yang tersebut itu juga kena atasnya serta dengan belanja akan yang pergi menjajak terat itu. Syaratnya dikehendak saksi yang mengetahui (m-ng-h-t-u-i) tanah itu sudah raja ampun kurnia akan dia surat putus dan mengetahui had hingga banyak tanahnya dan perenggannya, didapatlah surat putus ganti surat putusnya yang binasa itu".

Dengan syarat-syarat ini, prinsip kepunyaan melalui usaha atau kerja dan hak pemilik tanah dipertahankan daripada diceroboh oleh pihak lain:

"Dan jika ada seseorang mempugar sesuatu tanah akan diperbuat kampung atau dusun atau bendang, di dalam ia duduk bekerja itu tiadalah boleh yang lain pergi pugar hampir-hampir dia, ertinya, tempo (t-m-p-u) tanah itu di sebelah kepala kaki dan rosak kiri-kanannya dengan tiada keredhaan orang yang mempugar dahulu itu, kerana hukum ia empunya juga, kerana di dalam ia duduk bekerja, jika barang siapa gagah pugar ambil, diadunya pada hakim, mau hakim suruh pulangkan (p-u-l-ng-k-g) tanah temponya itu padanya dan suruh ia bayar kelelahan orang yang bekerja itu ikut patutnya, kerana ia dahulu mempugar itu".

"Adapun jika tanah itu sudah ada bekas lambasannya, orang lain gagah ambil, tiadalah kena ia ganti kelelahan, kerana hukum ia berbuat kekerasan; kerana tiap-tiap temponya tanah itu ia empunya, maulah dengan namanya".

"Di dalam itu, jika berhenti ia daripada mempugar sebanyak pugar-an yang sudah itu sahaja dikerjakannya, tiadalah taksir atas orang yang mempugar kemudian daripadanya".

Namun demikian, jelas bahawa prinsip ini dipertimbangkan dalam hubungan kepunyaan yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Usaha sahaja syaratnya tidak mencukupi untuk menentukan kepunyaan:

"Bermula jika sama berpugar, ada tinggal antara keduanya sedikit tanah yang tiada berpugar, jika salah seorang hendak pugar, tiadalah boleh dihabiskan melainkan dengan benar dengan keredhaan yang sama, kerana tanah itu mau berbahagi dua, sama banyak".

"Jika salah pugar habiskan beri tempo kepadanya, taikala dituntut, kenalah bahagi beri akan dia sebahagi kadar belanja kelelahan itu maulah ia bayar ikut sepatutnya".

Tetapi prinsip usaha merupakan asas bagi kepunyaan yang berte-rusan, walaupun tanda kepunyaan tetap diakui:

"Shahdan jika sama tempo itu salah meninggalkan tanah usahanya, tiada dikerjakan sesuatu, bolehlah yang temponya itu persuci ambil akan dia tanah yang tiada suci lagi itu. Jika diadukan yang sama temponya hal ini, tiadalah diterima aduannya sebab ia tinggalkan. Jika ia kata diambil langsung termasuk ke dalam tanah yang sudah disucikan, patut diberi tuha-muda atawa harapan daripada kweng-tandil⁴⁵ pergi tatap. Jika ada nyata tampak amarat dahulu dengan yang baharu disucikan itu disuruh pulangkan. Jika tiada tampak ... tiadalah diterima aduan itu kerana taksir atasnya yang meninggalkan".

"Jika ditinggalkan itu sampai dua musim, tanah itu pulang jadi milik raja kerana tanah baharu dalam berpugar. Jika tanah sudah rab jadi bendang, tetap amarat batasnya dan perenggannya, dikehendak tiga musim ditinggalkan baharu jadi kembali kepada raja. Kerana tanah baharu pugar itu, di dalam dua musim menjadi tanah yang sudah rab, baik sampaikan tiga tahun akan menjadi setemu, bolehlah barang siapa berkehendak pohonkan pada raja atau pada orang bekerja negeri kerjakan tanah itu". ⁴⁶

Walaupun demikian, nampaknya pemegang surat hak milik mempunyai hak yang lebih unggul:

"Di dalam ini, jika tanah itu sudah ada surat putus kurnia raja akan

dia, tiadalah boleh orang lain mengerjakan lagi, kerana tiap-tiap tanah yang belum rab baik itu tiada menjadi surat putus lagi, dengan sebab sudah ada surat putus itu".

Namun begitu, hak milik ini diselaraskan dengan prinsip usaha, dan pengusaha tanah masih perlu untuk mengesahkan hak tersebut:

"Jika dua musim sudah ditinggalkan tiada dikerja patut dipanggil tuan yang empunya usaha itu. Jika ia pergi pada ketuha tempat itu maulah dinyatakan, padanya jika tiada dikerjakan musim yang ketiga ini tiadalah ia mendapat tanah itu. Di dalam sudah dinyatakan itu pun jika tiada dikerjakannya, lucutlah daripadanya usahanya itu, pulang jadi milik raja".

Jika ini berlaku, kehilangan hak milik itu adalah muktamad:

"Jika hendak balik kerjakan usanglah surat putus itu maulah disebarkan harganya ambil surat putus lain".

Sungguhpun begitu, pemegang hak milik, kerana mempunyai hak yang lebih unggul, masih lagi dapat mengambil semula tanahnya sekiranya ia mempunyai sebab-sebab yang cukup tentang pembiaran tersebut:

"Jika tanah rab yang sampai tiga tahun, balik yang empunya usaha yang ada menaruh surat putus membawa uzur mengadu hal dirinya sebab sesuatu jadi tertinggal lama, dibenarkanlah akan dia mengerjakan tanah usahanya tiadalah usang batal surat putusnya".

Dalam keadaan sedemikian dan dalam erti kata yang terhad, hak milik adalah lebih utama daripada prinsip usaha:

"Di dalam antara ini, jika sudah terbenarkan orang lain, sudah dikerjanya sedikit-sedikit pun, disuruh pulangkan kepada empunya dia, sekadar belanja keletihan kerja mereka yang kemudian itu disuruh ia ganti".

Maksudnya di sini, ia lebih utama dalam erti kata yang terhad kerana hujah ini dapat diserap ke dalam prinsip usaha yang terdahulu seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

"Jika ada seseorang mempugar suatu tanah akan berbuat kampung atau dusun atau bendang, sebelum rab baik tanah itu ditinggalkan, maka orang lain pula pergi menyucikan dia, maka datang adu yang mempugar dahulu mengatakan tanah ia pugar tiada sempat rab ke-

putus belanja, ia pergi mencari, orang lain mengambil tanah usahanya. Maka demikian, patut hakim panggil keduanya beri nasihat perbahagikan tanah itu, seorang sebahagi. Jika ia kabul keduanya, tiadalah kena keletahan atas seorang pun kerana sama sudah bersusah dalamnya. Jika tiada dikabulkan kenalah yang kerja kemudian pulangkan tanah itu ada yang bekerja dahulu, melainkan barang patut keletahan itu patut dibayar akan dia sebahagi, tiada kena sepenuhnya, kerana tiada habis syarat ia pergi tindih atas kerja orang.

"Jika seseorang mempugar suatu tanah, dalam sebahagi kerja datang sesuatu uradh atasnya, atau sahaja diberi akan orang lain menyucikan tolong ia, maka disucikan oleh orang itu semusim padanya. Jika yang menyucikan itu menghendak keletahan ia menyucikan itu kenalah yang mempugar dahulu itu beri akan dia setengah keletahannya itu, iaitu, sebahagi daripada yang sepatutnya. Jika sampai dua musim terduduk pada orang yang menyucikan kemudian itu, tiadalah kena orang yang mempugar dahulu beri keletahan disucikan oleh orang yang kemudian itu kerana faedah yang didapat pada tanaman atas bekas pugaran dua musim itulah akan jadi belanja keletahannya itu. Jika lebih daripada dua musim pun, jika tiada dituntut oleh yang mula pugar, tiadalah kena suatu pun atas keduanya. Jika lepas dua tahun dituntut oleh yang mula pugar, tiada diberi oleh yang menyuci kemudian, dikehendak belanja keletahannya, lalu tiga musim baharu sampai kepada hakim, patut disuruh hakim bayar akan orang yang mula pugar itu sewa tanah itu semusim ikut patut sewa tanah rab di daerah itu ...".⁴⁷

Setelah menetapkan hak pemilik tanah berhubung dengan raja dan di antara satu sama lain, Fasal 19 undang-undang ini seterusnya menerangkan dengan terperinci peraturan tentang penjagaan bendang. Terdapat banyak persamaan dalam bahagian ini dengan versi Winstedt⁴⁸ dan *Undang-undang Melaka*.⁴⁹

Penerangan yang terperinci ini hanya menggariskan apa yang telah diketahui umum - kepentingan penanaman padi kepada ekonomi negeri Kedah. Yang penting di sini ialah ia juga berguna untuk menggambarkan konflik yang mungkin timbul dalam ekonomi sedemikian. Oleh itu, perhatian yang terperinci, sehingga perincian saiz, ditumpukan kepada pemagaran bendang, pengawalan kerbau dalam padang ragut yang disediakan, serangan oleh binatang liar, penggunaan air, hak melintas dan pencurian benih dan perkakas serta pembahagian tanggungjawab dan

denda yang berkaitan dengannya.

Berkaitan dengan pengawalan penggunaan air yang mungkin dikhususkan untuk negeri Kedah, ada baiknya kenyataan asal dipetik:

"Akan bandar air atas segala bendang, itu pun maulah segala yang berbandang⁵⁰ di daerah itu muafakat ikut barang patut tempat perbuat bandar, maulah sama mengerjakan dia, tiadalah boleh orang yang di atas dan orang yang di bawah tiada mau mengerjakan sama. Jika ia bantah berbuat kekerasan tiada mau serta boleh penghulu mukim kerasi suruh. Itulah jika ia bantah juga, segala kerosakan dan kerugian itu kena batasnya. Demikian itu dikirakan apakala selesai ambil buah padi, boleh penghulu mukim ambil padinya sebanyak orang yang mengerjakan itu, menjadi dia upahan mengerjakan bandar air itu".

"Dan lagi barang siapa empunya bendang sebanyak hendak dilakukan bandar air itu, tiadalah boleh ditahan tiada mau beri gali tanah bendangnya. Tiadalah dipakai oleh penghulu mukim dan kweng tandil itu. Dan lagi, jika bendang⁵¹ itu memucar (m-m-u-c-r) tanah lanjutnya lebih daripada dua belas relung, maulah muafakat perbuat tandop, yakni batas besar menahani air yang turun menurut bandar air itu dari lekat air itu sebanyak luasnya, di tengah-tengah setempat dan di kakinya setempat. Pada hal, buka dan katab (k-a-t-b) bandar air itu kena atas empunya bendang tempat itu".

"Dan lagi, jika tiada ampong bandar air membawa keluar air itu, hendak menjadi kebinasaan padi bendang orang yang di atas dan di tengah, mau kesemuanya menyiri (m-ny-r-i) muafakat pilih tempat yang patut menyikar (m-ny-i-k-r) akan keluar air itu, dibuka lepasan. Pada waktu itu tiadalah seorang pun boleh berbuat bantahan. Jika barang siapa tanah yang tinggi buat bantah tiada mau menyer-tai, taksir atasnya segala kebinasaan itu kena ia ganti dan tiadalah dibenarkan ia berbuat batas akan bendangnya itu. Demikianlah taksir atasnya. Jika ia mengadu pun tiada diterima aduannya kerana ia menyukakan kebinasaan yang bersama dengan ia.

"Demikian lagi, tatkala selesai kerja bendang pun bandar itu maulah segala tuan bendang pada tempat bandar itu pebela (sic!), jangan beri kerbau berkubang atau barang bagai membinasakan bandar air itu. Jika ada rosak bandar air itu, kenalah atas tuan bendang mem-baiki dia. Jika tiada ia baiki, taksir atasnya. Jika naik air merosakkan anak padi, kena denda atasnya setahil sepaha ..."⁵²

"Shahdan jika ada siapa-siapa mencuri air bendang, jika dicuri buka batas hendak memberi air bendang turun kepada bendang dirinya, jika dicurinya itu tiada menghabiskan air serta ditutup balik batasnya, dihukumkan atasnya suruh berjabat tangan dan pinta maaf pada tuan air itu. Jika diambil airnya beri habis kering bendangnya, tiada dicermatkan, akan hukum atasnya dengan hukum dera sepuluh kali palu. Jika enggan (a-n-g-n) ia menerima palu kena denda atasnya seemas. Jika dengan sengaja dicuri, belah batas, beri dendam atas tuan bendang itu, besarlah salahnya, kena hukum denda atasnya tiga tahlil sepaha. Jika dengan kering air menjadi rosak padi itu, pada tilik tuha-muda kweng tandil tiadalah boleh sepenuh, buah padi cedera sebab ait itu, kena ganti padi sebanyak dimerugikan hamba Allah itu"

"Jika kanak-kanak membuka air itu sebab ia hendak mengambil ikan, dihukumkan atasnya dengan hukum dera, dibalun rakis (r-k-i-s) dipungkurnya serta ditegahnya pada hari lain jangan perbuat demikian lagi".

Begitu juga, tidak ada sebarang pernyataan tentang pakatan melawan binatang liar dalam undang-undang lain:

"Jika ada sesuatu kampung di hampir-hampir bendang itu tempat binatang yang jahat-jahat seperti babi atau rusa atau sebarangnya yang merosakkan padi bendang itu, diajak kawan hendak mencerahkan semak itu, melepaskan bahaya ke atas padi, hendaklah segala-segala tuan bendang itu muafakat pencerahkan. Barang siapa berbuat sekian bantah daripada kawan sebanyak, taksir atas mereka itu, hukumnya oleh pegawai masjid diperundurkan pada hak segala orang, dan tiada diberi duduk sembahyang pada hak segala orang, dan tiada dibenarkan ia keluar pulang bersama orang sebanyak hingga habis segala orang keluar baharu dibenarkan ia keluar. Demikianlah hukum atasnya kerana tanah itu tanah raja. Dengan sebab itu, jika tiada ia mau pergi sembahyang ke masjid, maulah panglima kweng tandil kerasi panggil ia, diderakan dengan jemur atau sebarang yang patut. Di dalam ini, jika ia bantahan hendak melawan, ditangkap bawa ke negeri,⁵³ boleh dihukumkan atasnya daripada dera balun dan gantung dan denda lima tahlil sepaha, kerana ternama derhaka. Jika ia melawan, mati terbunuh pada ketika hendak ditangkap dia, tiada taksir atas se-orang pun, kerana harus orang yang demikian itu mendapat kehinaan dan kerosakan".

Nyatalah bahawa konflik tidak sahaja timbul daripada hal me-

ngerjakan bendang tetapi ia wujud bersebat dengan tanah itu. Malahan pengawalan konflik yang timbul daripada pemilikan tanah merupakan perkara utama yang dibincangkan dalam Fasal 20. Fasal ini mengan-
dungi tatacara yang terperinci yang mesti diikuti menyelesaikan perse-
lisihan tentang pemilikan tanah yang timbul daripada tuntutan yang
bercanggah atau daripada tanah yang diwariskan. Undang-undang ini
sekali lagi mendahulukan raja ke atas tanah.

Perbezaan antara dua jenis perselisihan tentang pemilikan tanah
menunjukkan maksud pemilihan yang lebih tegas daripada yang diuta-
rakan oleh Maxwell.⁵⁴ Di samping itu, walaupun agak terhad, prinsip
usaha masih lagi berkesan. Oleh itu, kes perselisihan yang timbul dari-
pada tuntutan yang bercanggah mesti diperiksa terlebih dahulu. Seki-
ranya kes itu benar, maka ia seterusnya dirujuk kepada bendahara yang
dengan kebenaran raja akan mengeluarkan satu dokumen sementara ke-
pada orang yang sedang menduduki tanah tersebut. Tetapi:

"Akan padi di dalam bendang sebanyak diperdakwakan itu disuruh
tuan yang mengerjakan (sic!) bendang itu pebela (sic!) jangan rosak bi-
nasa. Apakala masak padi, disuruh ketam kayu (k-i-u) ambil hantar
masuk di dalam wang raja, kerana padi yang dalam diperdakwakan
itu tiada berketahuan tuan, pulang tanah itu jadi milik raja. Pada
waktu itu barang yang berisi dalam tanah itu jadi milik raja. Barang
siapa diampun kurniai ialah boleh menerima. Tatkala sudah tetap
jadi perolehnya siapa-siapa baharu jadi milik mereka itu bendang
itu. Jika beroleh akan orang yang mengadu bendang itu boleh ia me-
nerima bendang sahaja. Dalam itu, ditilik hakim kepada rupa dak-
wanya, jika ada yang mengerjakan bendang itu ambil dengan keke-
rasannya sahaja, tiada dengan suatu sebab yang berpatutan, jadi
perdakwaan itu, taksirlah atasnya kena ia berbayar sewa tanah sela-
ma dikerjanya itu pada semusim serelung dua kupang. Jika terjatuh
masa pun yang kena sewanya tiga musim sahaja, tiada boleh diambil
lebih. Jika diambil oleh yang bekerja bendang itu ada bersangkut
sebab yang berpatutan atas barang perkara daripada tiada pengeta-
huan yang sebenar, tiadalah kena sewa itu ke atasnya, sehingga ben-
dang itulah sahaja terpulang kepada yang mengadu itu. Jika beroleh
akan yang kena aduan, yakni sebenar-benar tanah bendang itu milik
orang yang mengerjakan itu, kenalah atas orang yang mengadu itu
bayar harga padi yang dikerjakan yang jadi kena kayang pupuh jadi
milik raja itu dengan sepenuh harganya akan yang kena aduan, kera-
na dengan sebab aduannya ja(di) kerugian yang empunya dia".

Dalam hal perselisihan antara beberapa orang waris dan walaupun prinsip di atas diikuti, sekiranya orang yang didakwa itu kalah, dia tidak perlu membayar sewa kepada orang yang mendakwa kerana tanah adalah "tanah sepesaka". Sebaliknya, jika orang yang mendakwa itu kalah, ia terpaksa membayar harga padi sepenuhnya mengikut harga pasaran - "kenal atas yang mengadu bayar ganti bayar ganti harganya sepenuh turut harga jualan masa itu".

Tetapi sekiranya perselisihan antara waris-warisan itu timbul kerana penjualan sebahagian daripada harta pesaka oleh salah seorang daripada mereka, maka prinsip yang agak berlainan digunakan. Padi daripada tanah yang menjadi rebutan itu masih diberi kepada raja tetapi sekiranya orang yang mendakwa itu berjaya, ia terpaksa membayar hanya harga padi kepada orang yang mengerjakan tanah atau pembeli. Tetapi orang yang membeli masih boleh menuntut harga bayaran sepenuhnya daripada penjual.

Tetapi dalam kes orang yang membeli tanah telah menceroboh masuk ke dalam tanah orang yang mendakwa, lebih daripada kawasan yang dibelinya, maka orang yang mendakwa tidak perlu membayar balik harga padi.

Dalam satu bahagian yang sangat menarik dalam Fasal 22 yang merujuk kepada hak kepunyaan raja secara umumnya dan khususnya dalam kes perselisihan, terdapat justifikasi yang berikut:

"Shahdan ketahui olehmu segala yang tersebut ini menghendak kesenangan dan sentosa atas rakyat isi negeri. Jangan engkau sekalian bersangka-sangka akan raja perbuat aniaya pupuh kayang ambil faedah di dalam kampung atawa dusun atau bendang huma isi negeri, sebab berdakwa segala-segala raja tiada perbuat aniaya menghendak ambil usaha rakyat isi negeri melainkan rakyat sama rakyat juga berbuat aniaya atas dirinya sendiri".

"Fikirkan olehmu, Hai, segala yang akal, tatkala engkau mengadu daripada pasal bendang atau kampung dusun atau huma di atas seseorang, tatkala dipanggil hakim, engkau kedua diperiksa (sic!) akan engkau pasal aduan engkau bendang atau kampung dusun atau huma itu, bukankah milik lawan engkau itu, apa jawab engkau pertanyaan hakim itu? Tiadakah engkau berikrar mengatakan bukan milik lawan engkau, sahaja ia buat aniaya ambil? Dan diperiksa hakim pada lawan engkau, tiadakah ia pun berikrar seperti ikrar engkau juga mengatakan bukan milik engkau, sahaja engkau perbuat aniaya hendak ambil?"

"Tatkala demikian bukankah engkau berdiri saksi mengatakan bukan miliknya dan ia berdiri mengatakan bukan milik engkau? Beta-pa hal bendang kampung dusun huma itu, siapa pula empunya milik? Engkau kedua sudah membukankan milik engkau kedua, ertinya engkau kedua menjadi saksi engkau membukankan harta engkau, jadi tiadalah bertuah pada bendang atau dusun kampung atau huma itu, jadilah pulang jadi milik raja kerana tanah raja ... Sementara ketentuan tuannya itu rajalah yang patut menerima faedahnya. Bukankah sudah terlucut daripada raja berbuat aniaya berkehendakan kelelahan engkau? Engkau dan engkau kedua juga sama-sama mengatakan sama aniaya, jadi kedua engkaulah yang aniaya".

"Fikirkan olehmu baik-baik atas tiap-tiap perkataan dan pekertian kamu, jangan dengan sangka yang tiada sepatut engkau terceburlah ke dalam yang tiada sepatutnya dan tiada sebenarnya supaya terpelihara engkau dalam dunia lalu ke akhirat".

Fasal 21 dan 22 juga tentang huma dan dusun tetapi mengandungi peraturan tentang bendang,⁵⁵ kita beralih pula kepada Fasal 23 hingga 25 yang mengawal gadaian, sewa, pajak dan penjualan tanah.

Sebelum itu, adalah penting dinyatakan di sini bahawa fasal-fasal ini tidak memperhitungkan kemungkinan berlakunya urusan sedemikian. Sebaliknya, urusan tersebut diandaikan wujud dan undang-undang digunakan untuk mengelolaknya terutama apabila timbul konflik. Sebagai contoh, Fasal 24 dimulakan terus dengan perkara berikut:

"Jika disewa bendang, dikerjakan tahun itu, dengan kehendak Allah Taala tiada jadi bendang musim itu sebab kekurangan hujan. Orang sebanyak pun tiada jadi juga. Pada tahun ke hadapan itu tiadalah boleh tuan bendang itu tiada mau beri sewakan dia. Mau ia beri ikut sewa tahun yang sudah itu, tiadalah boleh dilebihkan kerana ia sudah menanggung rugi dan berlelah dengan bendang. Tetapi sewa pada musim tiada jadi padi itu pun tiada boleh lepas daripada ia berbayar".

"Ertinya, jika tuan bendang tiada mau beri akan dia sewa pada tahun tiada jadi padi itu, jika diadu pada hakim, tanah itu dikerasi ambil beri akan dia. Jika dikerjakan bendang itu sudah tanam sekalipun diambil hakim berikan dia, melainkan sepatutnya belanja yang sudah dikerjakan itulah disuruh dibayarkan. Tetapi sebelum ia mengerjakan bendang itu mau ada ia pergi pinta sewa. Jika tiada ia mau beri,

itulah menjadi taksirnya kerana ia sudah mendapat rugi dan berlelah pada bendang itu".

Seterusnya undang-undang yang menerangkan hak seorang penyewa khususnya tentang kewajipan seseorang yang telah mengikat janji dan juga tentang masa bilakah seseorang penyewa dapat mengharapkan pengecualian sebahagian daripada sewa. Dengan yang demikian, seorang penyewa yang jatuh sakit dan tidak mendapat pertolongan daripada sesiapa untuk terus mengerjakan tanah – "tiada siapa daripada warisnya akan menolong dia, hendak diucap pawah tiada siapa yang mau" – hanya dikenakan sebahagian daripada sewa sahaja – "tiadalah boleh tuan bendang tuntutan sepenuhnya, sebahagian itulah tiada lepas daripada bayar". Selain itu, jumlah sewa seperti yang telah dijanjikan – "turut janjinya" – perlu dibayar dengan sepenuhnya.

Tetapi sekiranya seseorang penyewa yang jatuh sakit memperolehi pertolongan untuk meneruskan atau ada orang lain yang mengambil alih kerjanya, undang-undang menentukan dua kes yang berbeza. Pertama, sekiranya penyewa jatuh sakit sebelum memulakan kerja menanam, walau apa pun usaha telah dibuat ke atas tanah, ia tidak boleh menuntut lebih daripada nilai sewa tanah. Tetapi sekiranya kerja menanam telah dimulakan, walau sedikit sekalipun, maka hasil tanaman terpaksa dibahagi kepada tiga bahagian dengan dua bahagian diberikan kepada penyewa dan satu bahagian lagi diberikan kepada orang yang mengambil alih kerja menanam.⁵⁶

Undang-undang memang jelas memelihara dan mempertahankan kewajipan antara orang yang mengikat janji, lantas menyekat tuan-tuan tanah daripada mengambil semula tanah-tanah mereka dengan sewenang-wenangnya:

"Shahdan perintah orang sewa atau sesuatu kampung dengan tentu janji daripada banyaknya dan lamanya setahun atau lebih atau kurang, dan berbayar emas pajak atau sewa, itu pun tentu sekian-sekian lamanya duduklah yang menyewa atau yang memajak itu dalam kampung pebela ambil kampung itu sebanyak perenggannya serta mengambil segala jenis faedah yang keluar daripadanya sehingga secukup lama perjanjiannya itu. Segala buah-buahan mana yang masak⁵⁷ selama itu ialah empunya pada ketika itu sampai habis hari hendak terhenti pajak atau sewa itu. Maka yang demikian, dikehendak dahulu daripada diserahkan balik pada tuannya dalam setengah bulan tiadalah boleh diambil yang muda berlebih-lebih melainkan

atas kadar hendak dimakan juga dibenarkan ia ambil".

"Bermula di dalam antara sampai had perjanjiannya lamanya itu tiadalah boleh tuan kampung hendak ambil kampungnya. Jika ada diperjanjikan sewanya atau pajaknya pada setahun sekian-sekian atau pada sebulan sekian selama ia suka duduk pebela kampung atau dusun itu, sampai tahun atau sampai bulan bolehlah ia ambil balik. Itu pun dimula daripada bulan hendak diambil itu mau dinyatakan pada orang yang memegang sewa atau pajak itu dengan kata, habis bulan ini akau hendak ambil kampungku atau dusunku. Jika tiada dinyatakan demikian itu, barang buah kayu dalamnya sehingga tengah bulan kemudian daripada diambil balik itu, barang yang masak, orang yang pegang pajak atau sewa empunya dia, tiadalah boleh tuan kampung mengambil dia, dan tiada boleh tuntutan atas hari yang terlebih itu. Jika lebih daripada dua tahun terduduk pada yang pegang pajak atau sewa sehingga sebulan kemudian daripada diambil balik itu faedahnya boleh akan orang yang memegang dia, tiada dikenakan atasnya hasil sebulan itu".

Peraturan ini disempurnakan untuk meliputi hasil bermusim supaya tidak menyebabkan penyewanya itu mengalami kerugian.

Sebaliknya, kegagalan membayar sewa tiga kali berturut-turut membenarkan tuan tanah mengambil semula tanah mereka. Begitu juga undang-undang tentang penjualan tanah (Fasal 25) mengandaikan wujudnya kegiatan menjual dan harga pasaran tanah. Bahagian berkenaan menghadkan perbincangan hanya kepada penyelarasan perselisihan akibat penjualan tanah dengan membezakan kes-kes yang melibatkan waris-warisan daripada yang lain-lain. Sekatan terhadap penjualan hanyalah dikenakan penjualan tanah pesaka yang mempunyai lebih daripada seorang waris.

Oleh itu, dalam keadaan perselisihan yang tidak melibatkan waris dan yang dimenangi oleh pihak yang menuntut, orang yang didakwa, iaitu penjual, terpaksa membayar harga tanah dengan dendanya sekali kepada si pengadu, dengan implikasi bahawa orang yang membeli terus mempunyai hak milik ke atas tanah.

Tetapi prinsip penyelesaian diubahsuaikan dengan agak ketara dalam perselisihan yang melibatkan waris demi untuk membenarkan tanah itu dipulangkan kepada pemilik pesaka:

"Dan jika tanah sepesaka dijual oleh seorang anaknya dengan betul setahu hakim dikata bahagian dirinya, berdiri beberapa orang saksi

mengesahkan pada tiap-tiap tahun ialah yang mengerjakan bendang, jadilah dibenarkan hakim ia berjual. Kemudian daripada jualnya itu dituntut oleh anaknya pula, mengatakan bendang bahagian dirinya pun termasuk dalam perjualan itu. Maka itu pun berdiri pula beberapa orang saksi mengesahkan termasuk bahagian saudaranya ini. Halnya yang berjual itu pun sudah mati, jadi pendakwa atas mayat, ditilik oleh antara keduanya itu, nyata kebenaran yang tuntutan kemudian, akan penjualan itu pun sudah cukup syaratnya, maka tiadalah boleh hendak ditaksirkan atas yang membeli melainkan kena atas kedua beradik (b-r-d-i-k) itu mempulangkan har(ga) sebanyak bendang dituntut saudaranya yang kemudian, tiadalah boleh ditahani oleh kedua beradik itu sama banyak daripada harga yang dipulangkan balik itu, dan kerugian orang yang membeli dia bahagian si mati itu kena ambil atas keadaannya".

"Jika yang berjual itu ujud (m-u-j-u-d) ada hayatnya, tiadalah kena berbahagi, sekalian kena ialah bayar seorangnya harga tanah. Itu pun kena bayar akan saudaranya, tiadalah boleh membatalkan perjualan, hendak dipulangkan emas hendak ambil balik tanah bendang itu, melainkan mau ia bayar akan saudaranya sebanyak bendangnya. Jika tiada kabul yang empunya menerima harga sebanyak itu, harus disuruh saudaranya tambahkan atas sepatut. Jika ada lagi saudaranya empunya bendang, itulah diambil beri ganti akan dia. Tiadalah boleh ia menolak tiada mau terima kerana harta setuan asalnya, tiada boleh diterima tolaknya itu, disuruh ia terima juga".

Dalam keadaan terdapat dua orang waris, dan seorang daripada mereka berhajat untuk menjualkan bahagiannya dan ini dibantah oleh seorang lagi, undang-undang ini memberikan peluang kepada pihak yang membantah untuk membeli tanah tersebut dengan harga yang lebih murah:

"Jika ada tanah sepesaka umpama sepuluh relung, anaknya dua orang, berbahagi akan seorang lima relung. Maka yang seorang suka berjual bendang bahagiannya itu dengan harga serelung lima emas. Maka yang seorang tiada suka berjual, yang bendang hendak dijual itu pun ia pintak jangan jualkan orang lain ia hendak beli ambil, dipintak dengan harga serelung empat emas pun harus kepada dia. Jika ia terjual dengan harga itu pada orang lain, sudah jadi surat putus, perjualan cukup syaratnya pun patut diambil balik beri akan saudaranya yang sepesaka itu. Tetapi belanja atas yang menjadi surat putus itu juga mau ia bayar. Akan harga yang kurang dipintak itu

pun mau dikeluarkan daripada saudaranya itu berikan dia. Di dalam ini, jika sudah orang yang membeli dia mengerjakan bendang itu, tiadalah boleh diambil balik".

"Jika waktu berjual beli itu ia tiada hadir di tempatnya, ia pergi jauh, tatkala ia balik bendang sudah dikerjakan oleh orang yang membeli dia, dibenarkanlah akan dia pada musim itu. Tatkala selesai ambil buah padi, diambil balik bendang itu beri kepada dia dan diambilnya harganya itu pulangkan pada masa yang berkehendakkan harga lebih kerana benda sepesaka sama ia kedua empunya, mau dengan kabul keduanya berjual itu, sungguhpun sudah berbahagi masing-masing tentu bahagian sekalipun, tatkala ia tiada keredhaan serta mau beli ambil sepatut-sepatut mau jualkan dia, jangan pecah milik".

"Jika bendang itu tertempo dengan raja sekali pun diampuni raja juga daripada membeli bendang dengan menggagahi daripada warisnya itu. Demikianlah kelebihan warisnya".

Sementara waris-waris mesti memberikan persetujuan sebelum tanah pesaka boleh dijual, jiran-jiran yang bersempadan mempunyai hak pertama untuk membeli tanah itu. Tetapi ini tidak boleh dianggap sebagai sekatan yang sebenar ke atas penjualan tanah seperti yang dijelaskan oleh petikan berikut:

"Kemudian daripada sepesaka itu, yang seperenggan-pula akan warisnya. Tiadalah boleh orang lain membeli dia, jika tiada dengan keredhaan yang seperenggan dengan dia, ertinya jika tiada mau ia membeli. Jika ia hendak beli, mau jual akan dia juga ikut harga yang boleh laku pada orang lain, tiadalah berkehendakkan kurangkan harganya seperti keadaan sepesaka itu, melainkan ikut ijab kabul keduanya juga. Di dalam itu, jika sudah terjual kepada orang lain, waktu berjual itu tiada ditahani oleh yang seperenggan, dijual dengan cukup syarat jual beli, sudah jadi surat putus, tiadalah boleh membatalkan ia dengan keras seperenggan seperti sepesaka itu".

Untuk mengesahkan penjualan tanah, dokumen jualan mesti menyatakan "segala pohon kayu yang besar-besar" dan menentukan keluasan kawasan tanah yang hendak dijual serta sempadannya iaitu "tentu luas lanjut longkang tanahnya dan perenggan-punya".

Nyatalah bahawa sistem penjualan tanah yang terbuka telah wujud, terhad kepada kewajipan tertentu mengikut adat terutama sekali di kalangan mereka yang tergolong dalam kumpulan keluarga yang layak menerima sebahagian daripada harta pesaka. Di sini kita bertembung

dengan ekonomi perdagangan yang agak maju walaupun ia masih belum terlepas daripada hubungan sosial yang berasaskan keluarga dan masyarakat bersuku kaum dengan konsepsi hak milik berlapisan. Ini jelas dinyatakan pada akhir Fasal 25:

"Jika orang yang menumpang tanam dalam kampung dusun itu hendak jualkan tanamannya pun, jika suka tuan kampung beli sebahagi juga akan membayar harganya. Jika tiada suka ia membeli, maka orang lain pula membelinya, jika tiada kabul tuan kampung menerima sebahagi harganya itu, segala buah kayu faedah tanaman itulah berbahagi tiga, yang dua bahagi akan orang yang membeli dia, sebahagi akan tuan kampung atau dusun itu".

"Jika ada tuan kampung menebang buang pohon kayu itu sebab sesak kepada tanamannya, kenalah tuan kampung membayar harga akan yang membeli dia sebahagi daripada bahagi tiga itu, kerana ia membeli dia".⁵⁸

Akhir sekali terdapat peraturan mengawal penggadaian seperti yang dinyatakan dalam Fasal 23.⁵⁹ Tumpuan utama peraturan ini ialah untuk menyesuaikan penerimaan faedah daripada tanah-tanah yang digadai supaya perbuatan riba dapat dielakkan.

Perbincangan setakat ini mengemukakan undang-undang tentang hak milik tanah, syarat milikan dan urusan tanah. Apakah kewajipan pemilik tanah berkenaan dengan pembayaran zakat dan perkhidmatan paksa, iaitu kerah, yang ditekankan oleh Maxwell⁶⁰ sehingga beliau menganggap perkara tersebut wujud bersebuti dengan hak guna ke atas tanah?

Undang-undang Kedah yang dibincangkan di sini tidak menyokong pendapat sedemikian. Ia tidak menyentuh perkara cukai sepersepuluh dan sesungguhnya pemungutan hasil ripai sama sekali tidak dapat dianggap sebagai perkara yang sama walaupun perkara ini dianggap Low⁶¹ bahawa petani dipaksa menghantar hasil mereka ke tempat simpanan padi raja mengikut harga yang ditetapkan oleh raja⁶² dan mereka tidak dibenarkan menjual hasil mereka tanpa kebenaran tertentu.⁶³

Begitu juga keadaannya dengan perkhidmatan paksa atau kerah. Teks *Undang-undang Kedah* tidak menyebut perkara ini melainkan di satu dua tempat dan dalam konteks mengecualikan pedagang daripada perkhidmatan tersebut.⁶⁴ Walaupun demikian, sudah tentu rakyat dipaksa untuk melakukan kerja perkhidmatan. Masalahnya di sini ialah sama

ada perkhidmatan tersebut merupakan sebahagian daripada hak memiliki tanah ataupun hanya tersirat dalam kedudukan sebagai rakyat. *Undang-undang Kedah* kelihatan lebih mirip kepada hal yang kedua.

Undang-undang mengenai pencukaian dinyatakan dengan jelas dalam Fasal 27:

"Bab yang kedua puluh tujuh pada menyatakan perintah hasil atas segala rakyat isi negeri dan pekerjaannya".

"Adapun yang kena hasil atas rakyat, pertama hasil bunga emas pada tiga tahun sekali pada sebuah rumah yang berpintu papan, dinding berapit, seemas, dan yang tiada pintu papan dinding tiada berapit, dua kupang, dan yang berkawan (b-r-k-s-u-s-n) kerbau-lembu, dua emas, dan bergajah, seekor dua kupang. Di dalam ini ditilik oleh ketua mukim pula ikut sepatutnya.⁶⁵ Pada orang yang berbandang dan berdusun kampung, jika banyak diambil enam kupang. Tiada kena atas orang berhutang yang duduk sama tuan emas, kerana tuan emasnya sudah kena lebih. Jika orang berhutang duduk asing, kena dua kupang, setengah sekupang ikut patut. Kweng kena dua emas, tandil enam kupang, penghulu mukim empat emas. Segala pegawai masjid tiada kena. Demikianlah diperuntukkan".

"Sebagai pula kena atas segala rakyat ripai pada seorang senalih padi, iaitu enam belas gantang, raja empunya, dan beras segantang atau harganya sekendari, makanan orang yang memungut ripai, tiada dikirakan keadaan serata-rata, setahun sekali. Melainkan penghulu mukim dan kweng tandil dengan pegawai masjid tiada kena ripai. Dan lagi, orang tuha, lalu daripada enam puluh tahun dan segala bujang dan segala budak-budak yang belum berbini, dan segala muflis yang tiada berbandang, huma, kampung, dusun, dan segala yang berhutang duduk dalam milik tuan emas dan segala hamba orang, sekalian ini tiada kena ripai".

"Sebagai pula kena atas segala rakyat hasil gendang pada sebuah rumah sekendari, jika pintu papan atau berkerbau, dua kendari, dan bergajah pada seekor sekenderi, kweng sekupang, tandil dua kendari, penghulu mukim dua kupang".

"Sebagai pula segala rakyat seperti tersebut ini yang termasuk dalam banci⁶⁶ mau hadir senantiasanya, beras dua gantang serta dengan alat pegangan masing ketika datang kerja negeri atau kerja raja, datang kerah, jangan tergendala pada masa itu menjadi taksir atasnya".

"Dan lagi, segala pekerjaan ada terbayang dalam istimi raja ampun kurnia akan panglima mukim dan pegawai masjid".⁶⁷

Secara ringkasnya, apa yang kita dapati di sini ialah satu set undang-undang yang nampaknya berbeza daripada yang dianggap sebagai perkara yang mantap berkenaan dengan sistem tanah dalam negeri-negeri Melayu pada zaman sebelum penjajahan. Anggapan seperti ini mesti dinilai kembali sekurang-kurangnya untuk sebuah negeri Melayu. Tetapi setakat negeri Melayu berkenaan, iaitu negeri Kedah, merupakan satu penempatan terus-menerus yang tertua sekali dan merupakan negeri Melayu yang berjaya beralih daripada sebuah politik berasaskan perdagangan kepada sebuah politik yang bergantung pada pertanian, maka penilaian semula mesti menimbulkan kesan penting terhadap sistem tanah dalam negeri-negeri Melayu, pada zaman sebelum penjajahan British.

Nota

¹Teks *Undang-undang Kedah* yang merupakan bahan asas rencana ini ialah sebuah naskhah teks jawi yang bertarikh tahun 1311 H, bersamaan dengan tahun 1893. Naskhah ini telah disalin untuk Ku Din bin Ku Mis yang disebut dalam teks itu sebagai "ketuha penjara di dalam negeri Kedah dan ketuha di Merbok". Naskhah ini tersimpan dalam bentuk fotokopi di Arkib Negara Malaysia. Malangnya, Arkid Negara tiada sebarang rekod tentang tuan punya naskhah asal. Menurut Wan Yahya b. Wan Mohammed Taib (1911), *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Ku Din bin Ku Mis memegang jawatan seperti yang tersebut dalam teks *Undang-undang Kedah* ini. Kemudian Ku Din dilantik oleh Sultan Abdul Hamid sebagai Gabenor di Setul. Menurut Wan Yahya lagi, selepas beberapa tahun, Ku Din telah berhubung terus dengan Bangkok dan bukan melalui Alor Setar. Akibatnya, Ku Din telah dijadikan Raja Setul oleh Bangkok, dan beliau telah mengambil nama Tengku Din bin Tengku Mis.

²Satu contoh ialah pengertian perkataan "negeri", seperti dalam ungkapan "negeri Kedah dan jajahan-jajahnya". Perhatikan bahawa dalam masa sepuluh tahun, dari tahun 1880-an sehingga tahun 1890-an, kononnya terdapat perubahan dalam makna "negeri" daripada daerah iaitu terletakinya kediaman raja dan yang berada di bawah penguasaan terus raja menjadi "negeri" dalam pengertian masa kini. Begitu juga perkataan "kampung" kononnya bermakna tapak rumah seseorang dan tanah sekelilingnya yang berada dalam pagar yang didirikan dan bukan semestinya kampung seperti yang dimaksudkan pada masa kini.

³Lihat, Liaw Yock Fang, "The Undang-undang Melaka", dlm K.S. Sandhu & P. Wheatley, peny. (1983), *Melaka*, Jilid 1.

⁴R. Winstedt. 1961., *A History of Classical Malay Literature*, edisi ke-2, hlm 167.

⁵Liaw, *op. cit.*

⁶David K. Wyatt, 1984. "Law and Social Order in Early Thailand: An Introduction to the Mangraisat", *JSEAS*. 15(2), hlm 274. Lihat juga, M.B. Hocker, 1968, "A Note on the Malayan Legal Digests", *JMBRAS*, 41: 157-170.

⁷Saya sedang menyediakan (dalam tulisan rumi) satu edisi lengkap *Undang-undang Kedah* ini dan saya harap kerja ini akan siap dalam sedikit masa lagi.

⁸Tujuh daripada empat puluh fasal utamanya memperkatakan tentang hal-hwal tanah dan pertanian secara mendalam. Bandingkan kenyataan ini dengan kenyataan David Wong bahawa "ikhtisar-ikhtisar ini ... berkaitan dengan tanah". Lihat Dr. Wong, 1975, *Tenure and Land Dealings in the Malay States*, hlm 8.

⁹Satu lagi naskhah undang-undang yang sama, iaitu *Raffles MS 77*, memberikan tarikhnya sebagai tahun 1160 H. Saya tidak sempat merujuk naskhah asal versi Winstedt untuk memastikan bacaan Winstedt mengenai tarikh ini.

¹⁰R.O. Winstedt, 1928, "Kedah Laws", *JMBRAS*, 6(2) : 1 - 44.

¹¹E.A.G. Stuart bertugas sebagai Pesuruhjaya Pelajaran di Kedah dari awal tahun 1910 sehingga masa kematiannya pada tahun 1920-an.

¹²Winstedt, "Kedah Laws", *op. cit.*

¹³Lihat halaman 169 - 70 dalam edisi yang tersebut di atas. Hooker juga tidak menyebut tentang versi ini dalam artikelnya, "Note on the Malayan Digests", *op. cit.*

¹⁴Walau bagaimanapun, bertentangan dengan yang disebut oleh Winstedt, versi ini mengandungi undang-undang pelabuhan di bawah Fasal 17 yang merupakan "perintah adat hukuman raja jenis dagangan menjadi larangan tiada boleh segala isi negeri membeli dan berjual" Ini mungkin membawa keraguan sama ada versi ini benar-benar sama dengan versi Stuart. Namun demikian, Winstedt kononnya tidak mengkaji versi Stuart dengan teliti.

¹⁵Majalah ini mula diterbitkan pada tahun 1918 dan berterusan sebanyak lima isu sebelum dihentikan pada tahun 1919.

¹⁶Winstedt, "Kedah Laws", *op. cit.*, hlm 1 - 2

¹⁷Sebenarnya bahagian ini merupakan satu dokumen berbeza dengan pendahuluan yang biasa.

¹⁸Penyalin, jelasnya membuat kesilapan ketika menyalin senarai sultan, dan menggantikan nama Sultan Rajaluddin Mohammed Shah, Marhum Ngah, dengan nama Sultan Dhiiauddin Mohammed Shah, iaitu nama yang tidak muncul dalam senarai Winstedt yang diberikan dalam artikelnya, "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, 14(3) 1936.

Kesilapan ini amat mengejutkan apabila dilihat perbezaan yang besar antara kedua-dua itu nama itu di samping faktor bahawa undang-undang ini diperkenalkan oleh Sultan Rajaluddin:

"... dengan sebab jauh masa zamannya, banyakkah habis ketinggalan (sejak undang-undang yang asal digubal). Maka pada zaman masa Duli Hadzrat Maulana Paduka Seri Sultan Rajaluddin Mohammed Shah Yang Maha Mulia semayam di atas kerajaan negeri Kedah di Kota Wang Naga lengkap dengan menteri pegawai (sic!) hulubalang, maka pada ketika itu keluar titah kepada Datuk Bendahara suruh muafakat dengan segala menteri pegawai, himpungan segala ulama dan hakim (h-a-k-m-a), perbuat undang-undang peraturan segala adat negeri dengan segala alat kerajaan negeri dan peraturan menteri pegawai serta dengan pakaian jabatan masing-masing tarafnya dan pertentuan adat atas se-

UNDANG-UNDANG KEDAH

gala isi negeri pada pihak pekerjaannya daripada benar dan salah, dan atas segala dagang santri yang masuk negeri kita ikut yang bersabit (b-r-s-a-b-t) pada hukum Allah Taala kadar bedakan menurut keadaan dan kedhaifan (k-dh-ain-i-f-n) negeri ikut sebarang sepatutnya ..."

¹⁹Terjemahan Newbold dirujuk. Lihat T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Jilid 2, 231-312, dalam cetakan semula edisi 1839 pada tahun 1971. Lihat juga edisi Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*.

²⁰Hasil ripai merupakan cukai kepala sebanyak 16 gantang padi setahun, ditambah satu gantang beras atau harganya sebanyak satu kenderi untuk makanan pegawai cukai. Perkara ini disebut dalam Fasal 27, "pada menyatakan perintah hasil atas segala rakyat isi negeri dan pekerjaannya".

²¹Perkara ini disebut, misalnya, dalam Fasal 11, "menyatakan perintah orang membayar orang berhutang: yang mengandungi peraturan secara mendalam tentang hubungan yang sewajarnya di antara penghutang dengan si pemiutang. Antara perkara lain, terdapatnya petikan berikut:

"Jika sudah musim bendang atau hampir-hampir sangat akan menjabat kerja bendang, kadar setengah bulan lagi akan hendak menatak kayu pagar bendang, tiadalah boleh orang berhutang itu hendak membayar hutang, keluar daripada kerja tuan emas itu, melainkan selesai kerja bendang baharu boleh kalau jika ia hendak gagah keluar juga kenalah ia membayar dengan harga padi sebahagian yang akan dapat dalam tanam bahagiannya itu akan jadi pengubah orang hendak diupah oleh tuan emasnya mengerjakan bahagiannya itu ..."

Mungkinkah kerja untuk bendang orang kaya sebenarnya diperolehi melalui ikatan hutang dan bukan kerah? Padahal, undang-undang ini jarang-jarang sekali menyebut tentang kerah. Tetapi perkara ini telah diperhatikan oleh W.E. Maxwell dalam artikelnya yang diterbitkan pada tahun 1884, "The Law and Customs of the Malays with reference to Land Tenure", *JMBRAS*, 13, him 108. Cf. P. Sullivan, 1983, *Social Relations of Dependence in a Malay State: 19th Century Perak*.

²²Perkara ini muncul dalam Fasal 18 berhubung dengan perkahwinan dan pewarisan. Sebahagian besar fasal ini menurut hukum Islam, tetapi di tengah-tengahnya muncul petikan yang berikut:

"Maka pada zaman Tuan Sheikh Abu Bakar menjadi kadhi dalam negeri Kedah dihukumkan Tuan itu pada pesaka laki-laki dikeluarkan suatu tampak (t-m-p-k) dalam bahagian tiga, dikata harta syarikat, kemudian baharu dibenarkan Tuan itu bahagi di dalam harta yang lebih daripada keluar harta syarikat, kerana diti-lak Tuan itu rakyat isi Kedah ini lebih kerja perempuan daripada laki-laki pada genap perkaranya, diterima oleh segala-gala ulama yang hadir pada zaman itu, diturut oleh Hadzrat Maulana al-Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia dengan segala wazir yang hadir masa itu, melanggar hukum Allah, menurut adat negeri, jadilah diterima oleh segala ulama yang sudah menilik akan segala perintah pekerjaan laki-laki perempuan alam negeri itu sebab itu".

²³Dalam Fasal 32, "menyatakan perintah orang berniaga berkedai berjual beli dalam

pekan pasara" terdapat petikan yang berikut:

"Maka segala orang berkedai jual beli ini dimaafkan raja daripada segala kerja negeri dan kerja raja, daripada kerah suruh berkorek tanah dan berbuat kota dan menarik kayu dan mengangkat sebarangnya. Sekelian itu tiadalah kena di atas segala orang pekan daripada bangsa Keling atau Cina atau Melayu sekalipun, barang yang masuk berkedai jual beli dalam pekan, tiadalah kena kerah yang demikian, asasnya kerana ia sekelian berkedai jual beli itu pun memberi kemudahan atas segala orang daripada orang besar-besar sampai ke rakyat isi negeri pun menjadi kemudahan belaka ..."

Mereka juga dikecualikan daripada ripai dan cukai-cukai lain, melainkan cukai bunga emas dan cukai gendang. Sebaliknya, mereka dikenakan tuntutan dalam bentuk lain seperti berikut:

"Jika ada sesuatu pekerjaan raja berkenduri atau sebarangnya, patutlah segala orang pekan menurut kata Syahbandar menghimpunkan persembahan atas kadar masing-masing daripada kain dan sapu tangan dan rempah-rempah dan sarak, tembakau, gambir, dian (d-i-n), barang bagai yang dibicara oleh Syahbandar, ikut taraf keadaan masing-masing bawak (sic!) persembahkan. Dan jika ada sesuatu pekerjaan di rumah Tok bendahara pun demikian juga, maulah ada persembahannya. Ke rumah mentri pegawai yang lain, ikut patut sahaja kesukaan masing-masing tiada diadakan ..."

²⁴Lihat nota kaki 18.

²⁵Pentarikhan ini menurut Winstedt, yang mengasaskan pentarikhan zaman pemerintahan Sultan kepada Che Hassan bin Che Mohammed Arshad, 1927, *Al-Tarikh Sala-siah Negeri Kedah*. Lihat, Winstedt "Notes on the History of Kedah".

²⁶Lihat Winstedt, "Kedah Laws".

²⁷Ini sudah pasti dalam bahagian tentang cukai nobat bertarikh dari awal zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid.

²⁸Fasal ini ialah "pada menyatakan perintah upah orang".

²⁹Tahun 1205 H bersamaan dengan tahun 1791, iaitu zaman pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah. Mengenai contoh perubahan undang-undang pada zaman yang sama, lihat nota 22 di atas. Begitu juga, Fasal 19 tentang peraturan tanah bendang dan mengusaha merujuk kepada satu perubahan selepas tahun 1200 H.

³⁰Lihat nota kaki 14.

³¹Satu istimi yang dikeluarkan kepada pegawai masjid bertarikh 14 Shaaban 1299, bersamaan dengan tahun 1882, menyebut tentang kedua-dua cukai ripai dan gendang. Lihat salinan istimi itu dalam K/SUK 494/1353.

Sesungguhnya, cukai gendang masih dijalankan pada tahun 1907 seperti yang dinyatakan dalam surat rasmi daripada Mohammed Ariffin (kerani) kepada Che Mohammed, Pegawai Daerah Kuala Muda, bertarikh 17 Rabiulakhir 1325, tentang keengganan beberapa orang pemajak cukai itu "mengikut adat". Surat ini dijumpai dalam jilid surat menyurat Sultan Abdul Hamid di Cawangan Arkib Negara Malaysia di Alur Setar, Kedah.

³²Lihat W.E. Maxwell, 1884. "The Law and Customs of the Malays with reference to the Tenure of Land", *JSBRAS*, 13; 75 – 220.

³³David Wong, 1975. *Tenure and Land Dealings in the Malay States*.

³⁴Sebagai contoh, lihat M. Gluckman, 1965. *Politics, Law and Ritual in a Tribal Society*, Bab 2.

³⁵Perhatikan penggunaan khusus bagi perkataan "milik". Sesungguhnya, petikan ini menggunakan satu fahaman tentang pemilikan yang boleh disamakan dengan fahaman perundangan Rom, iaitu hak atau kebolehan seseorang berbuat dengan hartanya mengikut kehendaknya.

Penggunaan perkataan "milik" juga muncul dalam *Tembera' Dato Seri Paduka Tuan*. Lihat Winstedt, "Kedah Laws". Tetapi hanya terdapat satu bahagian ringkas tentang hak-hak tanah. Ia merupakan satu versi dasar permulaan berbanding dengan versi yang dipertimbangkan di sini. Versi itu masih lagi terikat kepada istilah "tanah hidup" dan "tanah mati", istilah yang tidak muncul sama sekali dalam versi ini.

Penggunaan perkataan "milik" harus juga dibandingkan dengan penggunaan "empunya" dalam *Undang-undang Melaka*. Lihat Liaw Yock Fang, 1976, *Undang-undang Melaka*, Bab 20.1 hlm 110 – 111.

³⁶Seperti yang akan ditunjukkan di bawah ini, hak guna harus diberikan tafsiran yang lebih luas.

³⁷Perhatikan penggunaan perkataan "milik". Penggunaan "milik" dalam hubungan ini mungkin bererti membuka jalan untuk perluaskan hak pembersih-penanam. Perkara yang menarik dalam *Tembera' Dato Seri Paduka Tuan* ialah perkataan yang digunakan ialah "hak": "Maka herti tanah mati tiada siapa meninggalkan amarat, itulah hertinya tanah mati, hal Allah taala namanya, maka Raja empunya milik itu. Jika ada sesuatu amarat, hak ul-Adam namanya" Lihat Winstedt, "Kedah Laws", hlm. 31.

³⁸Terdapat maksud yang implisit di sini tentang apa yang boleh disebut sebagai hak milik mutlak.

³⁹Petikan ini sekali lagi memperkukuhkan prinsip kepunyaan melalui usaha atau kerja. Sebutan "bendang", "dusun", "kampung" merujuk kepada tanah yang dikerjakan.

⁴⁰Ini mungkin kesilapan penyalin. Sebenarnya dibaca "disembunyikan".

⁴¹Ini amat berbeza daripada *Undang-undang Melaka*. Lihat Newbold, *op. cit.*, hlm 253; juga Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Bab 19 – 2, hlm 108 – 109.

Konsepsi ini kekal sehingga tahun 1880-an seperti yang dibuktikan oleh satu fasal dalam undang-undang lesen timah yang dikeluarkan oleh Sultan Abdul Hamid pada tahun 1303 H. Ia berbunyi demikian:

"Jika berjumpa kayu gaharu atawa perbendaharaan, mau dipersembah kepada raja kesemuanya, boleh dibahagi dua, satu bahagi kepada raja belanja negeri, maka yang satu bahagi itu dibahagi tiga pulak, satu bahagi itu diberi kepada orang yang berjumpa dan yang dua bahagi itu disedekah kepada fakir miskin. Di dalam itu, jika orang-orang yang berjumpa harta perbendaharaan itu sembunyi buang, apakala dapat siasat kenalah hukum di atas mereka itu menurut adat".

⁴²Selepas Pejabat Tanah Kedah ditubuhkan pada hujung kurun ke-19, "harga tanah" merupakan perkataan yang digunakan untuk maksud "premium".

⁴³Perhatikan penggunaan perkataan "negeri" dalam erti kata yang agak terhad.

⁴⁴Petikan ini secara umumnya menyokong penyataan Low bahawa:

"Pemerintahan merupakan tuan tanah yang orang bendang, atau 'ryot', bercucuk tanam di bawah hak milik yang teratur. Yang utama sekali disebut sebagai Surat Putus, di bawah mana penduduknya membayar, pada mulanya, harga satu emas atau rupee, untuk setiap orlong tanah. Dia menerima surat hak milik ini dari Raja, dan ianya ditandakan dengan cop-cop Raja, dan ianya ditandakan dengan cop-cop Raja serta menteri-menterinya. Ianya adalah untuk selamlamanya dan tidak boleh diniaga (tidak demikian; lihat di bawah - KKJ), tetapi ia akan lucut dan itu akan kembali kepada kerajaan jika pemiliknya membiarkan tanah itu untuk jangka waktu tertentu - kadangkala selama 30 tahun".

Lihat, J. Low, *The British Settlement of Penang*, edisi asal 1836, dicetak semula pada tahun 1972, hlm 6.

Maxwell dalam memberikan komen tentang ini berpendapat bahawa Low telah gagal mengenal bahawa hanya sebahagian kecil tanah yang dipegang di bawah surat milik - "apa yang saya percaya merupakan hakikat" - dan bahawa "oleh itu, pembatasan terhadap pengasingan adalah terhad dalam operasinya dan doktrin hak milik yang diperolehi melalui pembersihan dan menduduki adalah umum". Lihat Maxwell, "The Law and Customs ...", hlm 80.

Sementara undang-undang di atas nampaknya boleh digunakan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 22, yang satu tempoh lanjutan dibenarkan sebelum permohonan surat hak milik harus dibuat: "Tatkala sudah berfaedah dusunnya maulah ia bawak persembahan akan raja serta persembahan harga tanah pohonkan surat putus dikurnia raja".

⁴⁵Kedua-dua perkataan ini selalu muncul bersama-sama dalam teks ini. Tidak seperti di Kelantan, kweng di Kedah nampaknya seorang pegawai berpangkat rendah, tarafnya di bawah penghulu. Adalah penting diperhatikan bahawa perkataan ini tidak muncul dalam buku surat-menyurat Sultan Abdul Hamid yang meliputi masa dua puluh tahun terakhir abad ke-19, dan ia tidak pernah muncul dalam rekod Setiausaha Kerajaan Kedah.

⁴⁶Perhatikan bahawa satu pengecualian dibuat dalam kes tanah huma. Fasal 21 memerlukan adanya putaran tanah yang dibiarkan kosong selama tiga tahun. Tetapi, dalam jangka masa putaran itu, milik kekal dipegang oleh pengusaha:

"... ditinggalkan lamanya itu tiga tahun hendak beri jadi belukar besar membanayakan kayu hendak dibakar beri jadi banyak abu bajanya Di dalam empat (sic!) tahun itu tempat itu nama miliknya juga tiadalah boleh orang lain pergi bakar buat huma".

Sebenarnya ini tidak bertentangan dengan keunggulan prinsip usaha, walaupun ia menggambarkan kelonggaran dan menunjukkan kesedaran tentang pertanian huma.

⁴⁷Ini diikuti dengan contoh lain, tetapi ia hanya memberikan penjelasan tambahan kepada prinsip di atas. Perhatikan dalam ayat terakhir petikan ini bahawa satu kadar pasaran untuk sewa memang diiktiraf. Ini menunjukkan implikasi terdapatnya amalan sewa

yang cukup meluas. Seperti yang akan ditunjukkan kemudian, harga pasaran untuk tanah juga wujud.

⁴⁸Winstedt, "Kedah Laws", *op. cit.*

⁴⁹Newbold, *op. cit.*; Liaw, *op. cit.*

⁵⁰"Segala yang berbendang" merujuk kepada pengusaha, tidak semestinya orang yang memegang hak milik. Seperti yang dinyatakan dalam fasal yang lain, "jika tanahnya dipawahkan atau disewakan atau digadaikan ..."

⁵¹Nampaknya ini merupakan kesilapan penyalin dan harus dibaca sebagai "bandar".

⁵²Setahil = \$8; Sepaha = \$2.

⁵³Sekali lagi, perhatikan penggunaan perkataan "negeri".

⁵⁴Maxwell, "The Laws and Customs".

⁵⁵Berkaitan dengan pemilikan, fasal-fasal ini disesuaikan sedikit sebanyak undang-undang umum seperti yang dinyatakan dalam Fasal 18. Butir-butir mengenai bendang, sewaan, dan tuan tanah yang hadir akan dibincangkan di bawah, berhubung dengan fasal-fasal yang berkaitan dengan hal ini.

⁵⁶Ini jelas merupakan satu penyesuaian yang serius, jika bukan peninggalan, prinsip usaha ke arah menyebelahi pihak pemilik. Sebenarnya, status orang mengambil alih penanaman kawasan yang disewa itu dapat diasimilasikan kepada status seorang pekerja dan bahagian satu pertiga yang diperolehinya boleh dilihat sebagai upah.

Pada masa yang sama, ada kemungkinan melihat penanam itu sebagai subpenyewa (sub-tenant). Jika demikian, maka peraturan ini adalah konsisten dengan yang disebut dalam fasal tentang operasi dusun oleh orang yang bukan pemilik:

"Shahdan jika ada dusun seseorang, maka orang lain pergi pebela (sic!) tunggu ambil faedahnya. Tatkala dituntut tuan dusun, kenalah ia berbahagi dengan bahagi tiga, mau ia beri akan tuan dusun dua bahagi dan boleh akan dia sebahagi, ikut adat berpawah, kerana berpawah pun ada setengah bahagi empat, boleh akan tuan dusun tiga bahagi, dan setengah bahagi tiga, akan tuan dusun dua bahagi."

⁵⁷"Yang masak" kerana terdapat larangan dalam pengambilan hasil yang tidak masak.

⁵⁸Boleh ditimbulkan persoalan di sini sama ada peraturan ini tidak mungkin dibuat dari zaman yang lebih awal. Konsepsi "tumpang" tidak muncul dalam fasal 18, dan juga dalam fasal-fasal lain yang berhubung langsung dengan tanah dan pertanian.

Pada masa yang sama, peraturan ini dapat dilihat sebagai kenyataan yang jelas tentang hak usaha.

⁵⁹Fasal ini meliputi segala jenis gadaian, termasuk gadaian hamba abdi.

⁶⁰Maxwell, "The Law and Customs ..."

⁶¹Low, "The British Settlements at Penang", hlm 6.

⁶²*Ibid*, hlm 7.

⁶³Tetapi, perkara ini disebut dalam manuskrip yang lain, yang dinamakan "Peringatan Raja-Raja Kedah", yang merujuk kepada zaman Sultan Abdullah dan Sultan Ahmad

Tajuddin pada hujung kurun ke-18 dan awal kurun ke-19.

⁶⁴Lihat nota kaki 23.

⁶⁵Fasal 28 memberikan peraturan khusus tentang cukai bunga emas untuk golongan pemerintah dan pegawai negeri.

⁶⁶Maksud "banci" amat penting, kerana jika ia bermaksud "banci sewa" maka sudah tentu kerah merupakan sesuatu yang sejajar dengan hak tanah. Walau bagaimanapun, jika ia hanya bermaksud banci, maka ia sejajar dengan hai status. Tentang "banci sewa", lihat Zaharah Mahmud, 1966. "Change in a Malay Sultanate: a Historical Geography of Kedah before 1939." Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

⁶⁷Ayat terakhir ini mungkin boleh membantu kita memberikan tarikh pada undang-undang ini kerana di dalam istimi yang diberikan oleh Sultan Abdul Hamid kepada pegawai masjid pada tahun 1299 H, telah dinyatakan dengan jelas bahawa cukai ripai tidak lagi dipungut oleh pegawai masjid. Tugas ini dipindahkan kepada ketua mukim. Lihat K/SUK 494/1353.

4

PERANG DAN DAMAI: POLITIK MELAYU ABAD KE-19 DENGAN RUJUKAN KHAS KEPADA PERANG MUAR 1879-1880

Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali

Salah satu ciri politik masyarakat Melayu, di Tanah Melayu pada abad ke-19 yang ketara ialah tentang perang dan damai tapi setakat ini perkara tersebut belum diberi perhatian yang wajar. Dalam konteks ini, perang dimaksudkan dengan pertempuran yang melibatkan dua atau tiga pihak; manakala damai pula dimaksudkan berakhirnya peristiwa perang tersebut. Apabila kita bercakap mengenai perang di Tanah Melayu, ia boleh dibahagikan kepada dua:

- (i) Perang Luaran
- (ii) Perang Dalaman

Perang Luaran

Perang Luaran boleh dibahagikan kepada dua:

- (i) Perang di antara kuasa tempatan dengan kuasa asing,
- (ii) Perang di antara negeri-negeri di Tanah Melayu¹

Perang Luaran dalam bahagian (i) misalnya, ialah perang yang berlaku di antara Melaka dengan Portugis; Johor dengan Portugis dan Aceh; Kedah dengan Aceh dan Siam; Perak dengan Aceh dan Belanda; Selangor dengan Belanda; Naning dan Negeri Sembilan dengan British. Bahagian (ii) pula ialah perang di antara Terengganu dengan Kelantan; Kedah dengan Perak dan Selangor dengan Perak.

Perang Dalaman

Perang Dalaman boleh dibahagikan kepada tiga:

- (i) Perang perebutan teraju pemerintahan,
- (ii) Perang menuntut bela,
- (iii) Perang menuntut kawasan.

Walaupun begitu secara keseluruhannya perang dalaman boleh digolongkan sebagai perang saudara. Perang merebut teraju pemerintahan dapat dikesan dalam politik Kesultanan Melayu (kecuali Selangor dan Perlis) di Tanah Melayu. Perang menuntut bela, misalnya berlaku di Kelantan dalam abad ke-18, pada masa pemerintahan Long Muhammad di Kota Kubang Labu. Perang ini meletus disebabkan oleh tindakan Long Muhammad membunuh isterinya Engku Pasir Mas, saudara Long Deraman, Raja Legeh, Patani tanpa usul periksa.² Oleh itu sebagai menuntut bela di atas kematian itu Long Deraman, bersama-sama sepupunya Long Ghaffar, anak Raja Reman, Patani menyerang Kota Kubang Labu dan membunuh Long Muhammad.³ Perang menuntut kawasan pula ialah peperangan yang berlaku di antara Raja Mahdi dengan Raja Abdullah dan kemudiannya dengan Raja Ismail (putera Raja Abdullah) kerana menuntut hak pentadbiran ke atas Kelang.⁴

Manakala konteks damai pula boleh dibahagikan kepada dua:

- (i) Berakhirnya perang melalui perjanjian,
- (ii) Berakhirnya perang, setelah satu-satu pihak yang kalah tidak berdaya lagi melawan atau menyusun semula pasukan untuk berperang.

Kedua-dua kategori ini boleh dikesan dalam kedua-dua bahagian perang (perang luaran dan perang dalaman) yang berlaku di Tanah Melayu. Berakhirnya perang melalui perjanjian boleh dikesan misalnya di Naning.⁵ Manakala bahagian (ii) damai, boleh dikesan misalnya di

Melaka, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Johor.⁶

Dalam konteks perbincangan tentang perang dan damai pada abad ke-19, kategori tentang perang luaran dan perang dalaman serta damai masih boleh dikesan (kecuali perang menuntut bela) di Tanah Melayu. Oleh kerana bidang perang dan damai begitu luas dalam sejarah Tanah Melayu kurun ke-19, maka tajuk ini hanya akan menyentuh tentang kategori (i) dalam kontek perang dalaman, iaitu perang merebut teraju pemerintahan khususnya Perang Muar yang berlaku pada tahun 1879. Perbincangan ini ditumpukan kepada sebab-sebab berlakunya perang, siapakah yang terlibat apakah peranan mereka, taktik dan strategi, bekalan makanan dan senjata dan akhirnya tentang perdamaian.

Sepintas Lalu Perang Perebutan Teraju Pemerintahan pada Abad ke-19

Perang merebut teraju pemerintahan bukanlah satu perkara yang luar biasa dalam perkembangan sejarah politik Tanah Melayu, khususnya politik kesultanan Melayu. Pada abad ke-19 perang ini bukan sahaja berlaku di Muar, Johor, tetapi juga berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Kelantan

Perang merebut teraju pemerintahan berlaku dua kali di Kelantan pada abad ke-19. Pertama, setelah kemangkatan Long Yunus pada tahun 1795, dan kedua, selepas kemangkatan Sultan Muhammad I pada tahun 1830-an.

Apabila Long Yunus mangkat, takhta kerajaan tidak diserahkan kepada salah seorang daripada puteranya⁷ tetapi kepada menantu baginda, Tengku Muhammad, putera Sultan Mansur I, Terengganu.⁸ Persetujuan dicapai dalam rundingan di antara pembesar Terengganu dengan putera-putera Long Yunus melantik Tengku Muhammad menjadi Sultan Kelantan pada tahun 1795.

Kemudiannya putera-putera Long Yunus berasa tidak puas hati dan ingin mendapatkan semula takhta kerajaan Kelantan. Dengan itu Long Muhammad (putera Long Yunus) telah membuat pakatan dengan saudara-saudaranya dan dibantu oleh orang Kelantan untuk menjatuhkan Tengku Muhammad. Pada tahun 1800 Sultan Zainal Abidin II, Terengganu (saudara Tengku Muhammad ~ Sultan Kelantan) datang ke

Kelantan untuk mengahwinkan putera baginda, Tengku Muda Chik dengan Tengku Sulong, puteri Tengku Muhammad dengan Che Ku Wan Teh.⁹ Kesempatan ini diambil oleh Long Muhammad menggulingkan Sultan Muhammad. Walaupun Sultan Zainal Abidin I berada di Kelantan tetapi tujuan baginda bukanlah untuk berperang. Sultan Muhammad dan penyokongnya, serta Sultan Zainal Abidin I pulang ke Terengganu. Akibat serangan ini maka perkahwinan Tengku Muda Chik dengan Tengku Sulong ditangguhkan. Long Muhammad ditabalkan menjadi Sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad Shah I.¹⁰

Sultan Muhammad (Tengku Muhammad Terengganu) ingin mendapatkan semula takhta kerajaan Kelantan. Bagi Tengku Muhammad takhta kerajaan Kelantan adalah haknya. Tengku Muhammad bersama-sama orang Terengganu dengan bantuan orang Patani telah menyerang Kelantan. Long Muhammad (Sultan Muhammad I) dikalahkan dan berundur ke Hulu Kelantan. Setelah berjaya, Tengku Muhammad pulang ke Terengganu, dan meninggalkan sebahagian daripada tenteranya di Kelantan. Long Muhammad yang berada di Hulu Kelantan, membuat persiapan dan dengan bantuan orang Cina dari Galas berjaya menewaskan Tengku Muhammad yang dibantu oleh orang Patani. Dengan itu orang Terengganu dan Patani pulang ke negeri masing-masing.¹¹

Masalah takhta kerajaan Kelantan timbul lagi selepas kemangkatan Sultan Muhammad I (Long Muhammad). Sultan Muhammad I mangkat dan tidak meninggalkan putera. Baginda dikenali juga sebagai "Sultan Mandul". Meletusnya masalah takhta dan seterusnya membawa kepada perang saudara pada tahun 1830-an disebabkan adanya kerabat diraja yang ingin menduduki takhta kerajaan. Apabila Sultan Muhammad I mangkat, saudara baginda Long Jinal (atau Long Zainal atau Raja Banggul) mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Kelantan. Pengisytiharan ini tanpa berunding dengan pembesar-pembesar negeri.¹² Engku Kota berhasrat untuk menduduki takhta kerajaan.

Long Jinal berselisih faham dengan Engku Senik. Perselisihan ini timbul kerana Long Jinal disyaki mengarahkan sekumpulan orang Cina membunuh Temenggung Long Tan, ayahanda Engku Senik. Semasa Long Jinal menjadi sultan, Engku Senik menjadi Temenggung, Tuan Kota (Engku Kota) menjadi Bendahara dan Tuan Long Ahmad, saudara Long Jinal (putera Tuan Long Yusof) sebagai Raja Muda.¹³ Perselisihan ini berterusan dan akhirnya mencetuskan peperangan. Meletusnya peperangan ini berpunca daripada perkelahian yang berlaku di antara pe-

ngikut Tuan Kota dengan pengikut Tuan Long Ahmad di Kampung Cina ketika menonton sandiwara Cina. Long Jinal menyokong Tuan Long Ahmad. Engku Senik dan Long Senik Gagap menyokong Tuan Kota. Pertempuran berlarutan dan Tuan Long Ahmad dan Long Jinal mengalami kekalahan, lalu berundur ke Sungai Pinang, seterusnya berundur ke Tumpat, Narathiwat (Menara) dan Saiburi (Teluban). Dari Saiburi, Long Jinal pergi ke Bangkok untuk menemui Raja Siam bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai Sultan Kelantan. Ketika di Bangkok, Long Jinal mendapati Raja Siam lebih berminat kepada Engku Senik. Dengan itu Long Jinal pulang ke Saiburi.¹⁴

Engku Senik (juga dikenali sebagai Long Senik Mulut Merah) ditabalkan menjadi sultan dengan gelaran Sultan Muhammad II. Kerajaan Siam mengiktiraf Engku Senik sebagai Sultan Kelantan dengan gelaran Phaya Phiphith Phakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Nuchit Santi Sunthon Boworo Wongso. Tuan Kota sebagai Raja Muda (Phaya Changwang) dengan gelaran Phaya Sunthon Thibodi Seri Sultan Dewa Maharaja. Tuan Senik Gagap dianugerah gelaran Tengku Seri Indera.¹⁵

Kemudiannya persengketaan timbul semula. Pada kali ini Long Jinal mendapat sokongan daripada Raja Chik dan Tuan Besar, Kampung Laut. Raja Chik menguatkan kubunya di Kota, manakala Tuan Besar mengembangkan pengaruhnya ke hulu hingga ke Sungai Pinang dan hilir hingga ke Kampung Pekan (Pasir Pekan).¹⁶ Apabila mengetahui keadaan ini, Engku Senik (Sultan Muhammad II) meminta pegawai Siam di Nakhonsitamarat menempatkan tentera Siam di Kelantan. Kemudiannya Long Jinal dan Tuan Long Ahmad bersama-sama pengikutnya datang ke Kelantan. Long Jinal pergi ke Tumpat (markas Tuan Long Ahmad), seterusnya ke Lambor dan Pasir Mas. Tuan Long Ahmad bertolak dari Tumpat ke kawasan Bukit Marak. Pakatan Long Jinal sekali lagi gagal kerana kerajaan Siam membantu Sultan Muhammad II (Engku Senik).¹⁷

Terengganu

Perang saudara juga berlaku di Terengganu pada tahun 1830-an. Perang saudara ini berpunca daripada masalah penggantian takhta kerajaan Terengganu. Setelah Sultan Daud mangkat pada tahun 1831, Tengku Omar yang sebelum ini menjadi Yang Dipertuan Muda ditabalkan menjadi Sultan Terengganu.¹⁸ Sultan Omar melantik Tengku Mansur (bapa saudaranya) menjadi Yang Dipertuan Muda, bakal pengganti Sultan.

Tengku Mansur bercita-cita untuk menduduki takhta kerajaan. Dengan itu Tengku Mansur bersama-sama pengikutnya melancarkan serangan terhadap Sultan Omar. Sultan Omar ditewaskan dan berundur ke Setiu, Besut, Kemaman dan Riau.¹⁹ Tengku Mansur menduduki takhta kerajaan Terengganu dengan gelaran Sultan Mansur II (1831 – 1836). Apabila baginda mangkat, takhta kerajaan diganti oleh puteranya, Tengku Muhammad dengan gelaran Sultan Muhammad (1836 – 1839).²⁰ Semasa pemerintahan Sultan Muhammad, Tengku Omar membuat persiapan dan melancarkan serangan untuk mendapatkan semula takhta kerajaan. Dengan bantuan pengikutnya, Tengku Omar berjaya menewaskan Sultan Muhammad dan merampas semula takhta kerajaan Terengganu. Baginda lebih dikenali dengan gelaran Baginda Omar (1831; 1839 – 1876).²¹

Pahang

Di Pahang masalah pemerintahan berlaku selepas kemangkatan Bendahara Wan Ali. Persaingan ini membawa kepada meletusnya perang saudara di antara dua orang putera Wan Ali iaitu Wan Mutahir, putera kedua dengan Wan Ahmad, putera kelima daripada sebelas orang adik-beradik.²²

Ketika Bendahara Wan Ali meninggal dunia, Wan Mutahir berada di Ganchung. Kesempatan ini diambil oleh Wan Ahmad mengisytiharkan dirinya sebagai pengganti. Semasa upacara pengkebumian, perkelahian hampir berlaku di antara Wan Mutahir dengan Wan Ahmad kerana masing-masing membawa pengikut.²³ Ketegangan diredakan oleh pembesar-pembesar Pahang. Kemudiannya pembesar-pembesar Pahang melantik Wan Mutahir menjadi pemerintah Pahang dengan gelaran Bendahara Seri Maharaja. Sebenarnya, Wan Mutahir adalah calon yang lebih layak berbanding dengan Wan Ahmad sebagai pemerintah Pahang. Pertama, Wan Mutahir adalah putera kedua Bendahara Wan Ali. Kedua, Wan Mutahir menjadi pemangku Bendahara semasa ayahandanya sakit. Perlantikan Wan Mutahir ini menimbulkan rasa tidak puas hati Wan Ahmad. Wan Mutahir pula setelah menjadi Bendahara tidak menghiraukan wasiat ayahandanya supaya menyerahkan daerah Kuantan dan Endau kepada Wan Ahmad.²⁴

Hubungan yang tidak baik ini menyebabkan timbulnya fitnah terhadap Wan Ahmad. Wan Koris, putera Wan Mutahir menuduh Wan Ahmad berzina dengan bonda tirinya Che Seni.²⁵ Che Seni ditangkap dan tanpa dibicarakan telah dihukum sula. Melihatkan ini Wan Ahmad

merasakan tidak selamat tinggal di Pahang. Dengan itu beliau bersama-sama dengan pengikutnya yang setia berundur ke Singapura. Di Singapura Wan Ahmad disambut oleh Sultan Ali.²⁶

Dari Singapura, Wan Ahmad berpindah ke Kemaman, Terengganu. Di sini beliau disambut oleh Baginda Omar, Sultan Terengganu. Dari Kemaman, dengan bantuan orang Kemaman, Wan Ahmad melancarkan serangan terhadap Wan Mutahir. Peperangan meletus pada bulan November 1857. Peperangan ini dikenali sebagai "Perang Orang Kemaman" kerana serangan dibuat dari Kemaman dengan bantuan orang Kemaman. Dalam peperangan ini Wan Mutahir telah mengalami kekalahan. Kekalahan ini menyebabkan Pahang terbahagi dua. Kawasan pantai yang berpusat di Pekan di bawah pentadbiran Wan Ahmad, dan kawasan pedalaman yang berpusat di Chenor di bawah pentadbiran Wan Mutahir.²⁷

Wan Mutahir kemudiannya membuat persiapan untuk menyerang Wan Ahmad. Dengan dibantu oleh Wan Muhammad, Wan Embong dan Wan Idris, Wan Mutahir menyerang Wan Ahmad. Wan Ahmad dapat ditewaskan dan berundur ke Kemaman. Kejayaan Wan Mutahir ini antara lain disebabkan oleh sokongan pembesar terutamanya Maharaja Perba Jelai, Wan Idris dan anak-anaknya Wan Muhammad dan Wan Embong.²⁸

Kemudiannya peperangan meletus lagi pada tahun 1861. Dalam peperangan ini Maharaja Perba Jelai, dan Wan Muhammad memihak kepada Wan Ahmad. Langkah Maharaja Perba Jelai dan Wan Muhammad menyokong Wan Ahmad kerana tindakan Wan Mutahir terhadapnya dan keluarganya. Maharaja Perba Jelai dituduh berpakat hendak merajakan Sultan Mahmud (Sultan Riau-Lingga) di Pahang.²⁹ Wan Mutahir mempercayai tuduhan terhadap Maharaja Perba Jelai itu. Dengan itu Wan Mutahir telah mengarahkan orang-orangnya menangkap Wan Embong, anak Maharaja Perba Jelai. Pertempuran berlaku dan akhirnya Wan Embong mati ditembak oleh Mat Sedih. Kepalanya dipotong oleh Tuk Taib, Kuala Cheka; diconteng dengan kunyit dan digantung di tiang perahu dibawa ke Pekan untuk disembahkan kepada Wan Mutahir.³⁰

Dalam peperangan itu (1861-1863), pembesar-pembesar yang menyokong Wan Mutahir, antara lain ialah Orang Kaya Chenor, Orang Kaya Temerloh, Orang Kaya Syahbandar dan Temenggung Abu Bakar Johor. Wan Ahmad mendapat sokongan daripada Maharaja Perba Jelai

dan anaknya (Wan Muhammad), Baginda Omar (Sultan Terengganu) dan Sultan Ali.³¹ Wan Mutahir ditewaskan dan berundur bersama-sama anaknya Wan Koris ke Johor. Dalam pengunduran ini Wan Koris mati di Kuala Pahang, dan Wan Mutahir mati di Kuala Sedili. Kedua-dua jenazah dimakamkan di Tanjung Puteri.³²

Dengan ini pada 10 Jun 1863 Wan Ahmad dilantik oleh pembesar Pahang menjadi pemerintah Pahang. Seterusnya pada 16 Ogos 1882 Wan Ahmad diisytiharkan sebagai Sultan Pahang. Isterinya Tuan Besar Wan Fatimah bergelar Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang.³³

Muar

Perang merebut teraju pemerintahan meletus di Muar, Johor, pada tahun 1879-1880, antara Tengku Alam (putera Sultan Ali) dengan Maharaja Abu Bakar. Peperangan ini berpunca daripada masalah kekuasaan ke atas Johor dan Muar-Kesang. Tengku Husin (Sultan Husin) berkuasa di Johor melalui persetujuan yang dicapai di antara Temenggung Abdul Rahman (Temenggung Johor) dengan Sir Stamford Raffles.³⁴ Tengku Husin tiba di Singapura dari Riau pada 1 Februari 1819 dan berikutnya, pada 6 Februari 1819, diisytiharkan sebagai Sultan Johor.³⁵ Seterusnya perjanjian ditandatangani antara Sultan Husin dan Temenggung Abdul Rahman dengan pihak British pada 6 Februari 1819. Dengan ini terbukti bahawa Tengku Husin telah diakui oleh Temenggung Abdul Rahman sebagai Sultan Johor, yang mempunyai hak dan kedaulatan ke atas negeri Johor yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Pada tahun 1834 Sultan Husin berpindah dari Singapura ke Melaka, dan mangkat di Umbai, Melaka, pada tahun 1835.³⁶ Walaupun Sultan Husin mangkat pada tahun 1835, Tengku Ali diisytiharkan dengan gelaran 'Sultan' pada 16 September 1840.³⁷ Kelewatan pengisytiharan ini kerana ada tanda-tanda pihak British tidak mahu mengiktiraf gelaran ini.

Namun demikian pengakuan ini tidak berpanjangan kerana Temenggung Ibrahim mula cuba meluaskan pengaruhnya dan bercita-cita untuk menjadi pemerintah Johor. Sejak itulah wujudnya persaingan antara keluarga sultan (Sultan Ali) dengan keluarga Temenggung (Temenggung Ibrahim).

Pihak British memihak kepada keluarga Temenggung yang menjalinkan rancangannya memujuk serta menasihati Sultan Ali supaya menyerahkan pentadbiran Johor kepada Temenggung Ibrahim.³⁸ Te-

menggung Ibrahim mendapat sokongan kuat daripada kerajaan British terutamanya kerana kerjasama yang diberikan oleh Temenggung kepada British. Misalnya, pada tahun 1836, Temenggung Ibrahim memberi kesanggupan bekerjasama dengan Gabenor Bonham untuk menghapuskan kegiatan lanun di Selat Melaka.³⁹ Pada bulan September 1846 pihak British menghadiahkan sebilah pedang kepada Temenggung Ibrahim.⁴⁰ Temenggung Ibrahim juga menjalankan usaha mempengaruhi pegawai-pegawai dan saudagar British di Singapura, dan pemimpin tempatan menyebelahnya kerana beliau tidak mengiktiraf Tengku Ali sebagai pengganti Sultan Husin.⁴¹ Oleh kerana dipengaruhi oleh British dan juga masalah kewangan menyebabkan Sultan Ali menandatangani perjanjian dengan Temenggung Ibrahim pada 10 Mac 1855. Dengan berkuatkuasanya Perjanjian 1855, Sultan Ali menyerahkan kedaulatannya ke atas Johor kepada keluarga Temenggung turun-temurun, tetapi baginda serta keturunannya akan berkuasa di Muar.⁴² Temenggung Ibrahim mengakui Tengku Ali sebagai Sultan Ali; dan Sultan Ali serta warisnya tidak akan menuntut kerajaan (Johor); dan beliau akan terlebih dahulu memberitahu Temenggung sekiranya hendak tinggal di Johor.⁴³

Apabila Temenggung Ibrahim meninggal dunia pada tahun 1862, beliau digantikan oleh anaknya, Abu Bakar⁴⁴ yang pada mulanya menggunakan gelaran 'Temenggung', kemudiannya menggunakan gelaran 'Maharaja'. Sekiranya Temenggung Ibrahim dapat berkuasa di Johor, Maharaja Abu Bakar pula cuba meluaskan kuasanya ke Muar. Cita-cita Temenggung Abu Bakar dapat dilihat apabila beliau mengisytiharkan dirinya sebagai 'Maharaja' pada tahun 1868.⁴⁵ Sebagai seorang yang cekap bermain politik, Maharaja Abu Bakar sangat rapat dengan pegawai-pegawai dan saudagar British di Negeri-negeri Selat;⁴⁶ malah mendapat penghormatan daripada Ratu British (Queen Victoria).⁴⁷

Ketika A.E.H. Anson memangku jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat,⁴⁸ Sultan Ali mangkat pada 20 Jun 1877 di Umbai, Melaka. Kemangkatan baginda mencetuskan masalah pengganti sehinggakan jenazah baginda lewat dimakamkan,⁴⁹ iaitu pada 8 Julai 1877.⁵⁰ Kelewatan ini kerana adanya percubaan untuk menghalang pengisytiharan pengganti Sultan Ali, dan ini bertentangan dengan adat Melayu yang memutuskan perlantikan pengganti sultan dilakukan sebelum jenazah sultan dikebumikan. Walaupun demikian Temenggung dan penghulu-penghulu Muar menandatangani surat kuasa mengakui Tengku Alam

putera Sultan Ali adalah pengganti Sultan Ali.⁵¹

A.E.H. Anson telah menghantar J.D. Douglas menghadiri upacara pemakaman Sultan Ali di Umbai, Melaka, dengan arahan rahsia supaya memastikan tidak ada sebarang pengisytiharan pengganti Sultan Ali dibuat pada hari pemakaman itu.⁵² Setelah itu A.E.H. Anson dengan mencontohi tindakan Gabenor Sir William Jervois meletakkan semula Tunku Antah sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan⁵³ telah menawarkan pentadbiran Muar buat sementara kepada Maharaja Abu Bakar, tokoh yang disukainya sehingga pemilihan dibuat.⁵⁴

Pada tahun 1877 pemilihan pemerintah Muar dijalankan di Kuala Kesang. Dalam pemilihan ini penghulu-penghulu Muar telah sebulat kata bersetuju Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar. Walaupun begitu, tersebar berita dalam akhbar *Straits Times* dan *Pall Mall Gazette* bahawa Maharaja Abu Bakar telah membawa Temenggung dan penghulu-penghulu Muar ke Singapura dengan paksaan untuk mendapatkan pengakuan menyokongnya.⁵⁵

Keputusan di Kuala Kesang meletakkan Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar tidak menamatkan persaingan di antara keluarga Sultan (kini Tengku Alam) dengan keluarga Temenggung (Maharaja Abu Bakar). Persaingan di antara Tengku Alam dengan Maharaja Abu Bakar bertambah genting lagi. Tengku Alam menghantar surat bantahan keputusan di Kuala Kesang dan menuntut gelaran dan hak ke atas Muar kepada pemangku Gabenor A.E.H. Anson dan Gabenor W.F. Robinson.⁵⁶ Bantahan dan tuntutan Tengku Alam tidak mendapat layanan yang memuaskan. Gabenor Negeri-negeri Selat, (W.F. Robinson) dan Pejabat Tanah Jajahan London (Lord Carnavon dan Robert Meade) menerima tindakan A.E.H. Anson menyerahkan Muar kepada Maharaja Abu Bakar dan pengundian di Kuala Kesang (1877).⁵⁷ Selain mendapat sokongan W.H. Read⁵⁸ dan I.S. Bond,⁵⁹ Tengku Alam juga mendapat sokongan penduduk tertentu di Singapura.⁶⁰ Rayuan penduduk Singapura ini hanyalah dijanjikan akan dipertimbangkan.⁶¹ Sebaliknya pula Maharaja Abu Bakar merayu supaya kerajaan British menganugerahkan gelaran "sultan" kepadanya.⁶² Keadaan ini telah menambahkan lagi keruncingan hubungan antara Tengku Alam dengan Maharaja Abu Bakar, yang seterusnya membawa meletusnya Perang Muar. Perang Muar meletus dari akhir bulan Oktober 1879 sehingga awal bulan Januari 1880. Dalam perang ini pasukan Tengku Alam ditewaskan oleh pasukan Maharaja Abu Bakar.

Faktor-faktor yang Menyebabkan Berlakunya Perang Muar

Secara umum, wujudnya konflik yang seterusnya mencetuskan Perang Muar 1879 disebabkan oleh keinginan keluarga Temenggung hendak berkuasa penuh di Johor, dan adanya usaha mempertahankan hak oleh keluarga sultan. Dalam usaha menghuraikan sebab-sebab yang membawa meletusnya Perang Muar, maka perbincangan ini dibahagikan pada dua bahagian;

- (i) Sebab mula, iaitu sebab yang mewujudkan konflik
- (ii) Sebab cetus, iaitu sebab yang mencetuskan perang

Sebab Mula

Seawal-awalnya sebab mula dapat dikesan apabila Sultan Husin Muhammad Syah mangkat di Umbai, Melaka pada tahun 1835.⁶³ Temenggung Ibrahim pada tahun 1819 (putera Temenggung Abdul Rahman yang setia telah meletakkan Tengku Long/Husin sebagai Sultan Johor)⁶⁴ telah mengambil kesempatan ini untuk meluaskan wilayah dan kewibawaannya ke atas Johor. Dengan menggunakan sahabatnya pegawai British, Temenggung Ibrahim telah menjalankan langkahnya. Usaha-usaha dijalankan untuk menghalang Tengku Ali (putera Sultan Husin) menggantikan ayahandanya.⁶⁵ Walaupun begitu usaha-usaha ini gagal kerana pada tahun 1840 Tengku Ali diisytiharkan sebagai sultan menggantikan ayahandanya.⁶⁶

Kegagalan ini tidak menghalang hasrat Temenggung Ibrahim untuk berkuasa di Johor. Sekali lagi melalui sahabatnya, pegawai British, Temenggung Ibrahim memujuk Sultan Ali supaya menyerahkan kekuasaan ke atas Johor kepada beliau.

Pada peringkat awal, Temenggung Ibrahim gagal mencapai cita-cita, kerana seringkali ditentang oleh Sultan Ali.⁶⁷ Namun begitu pada 10 Mac 1855 Sultan Ali mengambil keputusan menandatangani perjanjian dengan Temenggung Ibrahim.⁶⁸ Perjanjian ini sebenarnya adalah rancangan British⁶⁹ kerana British mempunyai kepentingan ekonomi di Johor.⁷⁰ Akibat kesempitan ekonomi, kekurangan wang, banyak bertutang dengan ceti,⁷¹ serta pujukan pegawai British menyebabkan Sultan Ali tidak ada pilihan, kecuali menandatangani perjanjian tersebut. Dengan berkuatkuasanya perjanjian ini Sultan Ali telah menyerahkan kekuasaan Johor kepada Temenggung Ibrahim kecuali kawasan Muar-Kesang.

Walaupun begitu kalau ditinjau dari sudut kekuasaan dan kewibawaan sultan, Sultan Ali menyerahkan pentadbiran Johor, tidak termasuk Muar-Kesang kepada Temenggung Ibrahim, dan baginda berkuasa di Muar-Kesang tidaklah berbeza dengan tindakan Sultan-sultan Johor (Sultan Abdul Jalil Riayat IV (naik takhta 1699)⁷² sehingga Sultan Mahmud III (mangkat 1812),⁷³ menyerahkan pentadbiran Johor (tetapi tidak menyerahkan dalam bentuk perjanjian) kepada Temenggung; dan sultan-sultan sendiri bersemayam di Pulau Bintan dan Lingga.⁷⁴ Dalam konteks ini, walaupun Sultan Ali menyerahkan negeri Johor kepada Temenggung Ibrahim pada tahun 1855, namun penyerahan itu hanyalah untuk menjalankan pentadbiran sahaja. Hakikatnya Sultan Ali adalah Sultan Johor dan bersemayam di Muar-Kesang.

Temenggung Ibrahim setakat ini hanya berkuasa di Johor, tidak termasuk di Muar-Kesang. Apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1862, usaha Temenggung Ibrahim diteruskan oleh anaknya, Che Wan Abu Bakar (dikenali juga sebagai Daeng Abu Bakar).⁷⁵ Tradisi hubungan rapat dengan pegawai British berterusan pada masa pentadbiran Temenggung Abu Bakar.

Pada tahun 1868, dalam usaha untuk meneguhkan kedudukannya sebagai pemerintah Johor, dalam satu upacara rasmi Temenggung Abu Bakar mengisytiharkan dirinya sebagai Maharaja Abu Bakar. Konflik keluarga ini berlanjutan kerana Maharaja Abu Bakar ingin berkuasa di Muar-Kesang.

Peluang keemasan untuk berkuasa di Muar diambil oleh Maharaja Abu Bakar setelah Sultan Ali mangkat di Umbai, Melaka pada tahun 1877.⁷⁶ Walaupun satu surat kuasa telah ditandatangani oleh Temenggung dan penghulu-penghulu Muar bahawa Tengku Alam (putera Sultan Ali) adalah pengganti ayahandanya, tetapi ada usaha untuk menyekat penggantian ini, menyebabkan jenazah Sultan Ali lambat dimakamkan.⁷⁷

British juga terlibat dalam perkara ini. Dalam arahannya kepada J. Douglas, Setiausaha Tanah Jajahan bagi Negeri-negeri Selat, Pemangku Gabenor A.E.H. Anson⁷⁸ meminta beliau supaya memastikan tidak ada sebarang perlantikan diisytiharkan menggantikan Sultan Ali.⁷⁹ Malahan A.E.H. Anson tanpa merujuk kepada Dewan Undangan Negeri-negeri Selat dan Pejabat Tanah Jajahan di London⁸⁰ telah menawarkan pentadbiran sementara Muar kepada Maharaja Abu Bakar.⁸¹ Bagi Maharaja Abu Bakar, yang telah lama mempunyai hasrat ini, menerima

tawaran itu.⁸² Tindakan A.E.H. Anson menimbulkan rasa tidak puas hati Tengku Alam. Beliau bukan sahaja dituduh bukan anak gahara⁸³ dan tidak berkebolehan menjalankan pentadbiran,⁸⁴ tetapi juga menganggap perlantikan Tengku Alam sebagai pengganti Sultan Ali, yang telah disetujui oleh Temenggung dan penghulu-penghulu Muar adalah tidak sah.⁸⁵

Sebagai usaha memujuk Tengku Alam, Maharaja Abu Bakar menawarkan elaun sara hidup kepadanya dan saudara-saudaranya (keluarga Sultan Ali).⁸⁶ Walaupun demikian Tengku Alam menolak tawaran tersebut. Begitu juga British (A.E.H. Anson) turut sama aktif mempengaruhi Tengku Alam supaya menerima wang sara hidup itu.⁸⁷ Dengan penolakan ini bermakna konflik antara keluarga sultan (kini Tengku Ali) dengan keluarga Temenggung (kini Maharaja Abu Bakar) berterusan. Di sini juga membuktikan bahawa Perjanjian 10 Mac 1855 belum boleh menetapkan kekuasaan keluarga Temenggung di Johor.

Sebab Cetus

Konflik di antara Tengku Alam dengan Maharaja Abu Bakar berterusan dan menjadi bertambah tegang lagi selepas peristiwa pemilihan di Kuala Kesang pada hari Jumaat 9 November 1877.⁸⁸ Dalam pemilihan ini mereka yang dilantik menjadi badan pemilih telah diberi kuasa untuk menentukan siapakah yang akan memerintah Muar. Badan pemilih dianggotai oleh Penghulu Adam dari Tanjung Gading, Penghulu Khamis dan Shamsu dari Tasik, Penghulu Sudin dari Chohong, Penghulu Senchu dari Gemir, Penghulu Seman dari Reng, Penghulu Khamat dari Jementah, Penghulu Rahmat dari Kundang, Penghulu Subuh dari Legeh dan Penghulu Hashim dari Sungai Datu.⁸⁹ Mereka dengan sebulat suara bersetuju bahawa Maharaja Abu Bakar sebagai pemerintah Muar.⁹⁰ Melalui perlantikan ini, kini Maharaja Abu Bakar menjadi pemerintah bagi Johor dan Muar (Johor sekarang).

Bagi Tengku Alam keputusan pemilihan di Kuala Kesang ini adalah tidak sah, kerana, pertama, beliau telah pun diakui oleh Temenggung dan penghulu-penghulu Muar sebelum ini sebagai pengganti ayahandanya, maka dengan itu beliau adalah pemerintah Muar. Ini sebenarnya tidak bercanggah dengan Perjanjian 10 Mac 1855. Kedua, berlakunya paksaan kepada ahli-ahli yang diberi tugas memilih pemerintah Muar. Tengku Alam menuduh Maharaja Abu Bakar telah menangkap Temenggung dan penghulu-penghulu Muar dan dibawa ke

Johor Bahru dan Singapura. Di sini mereka diberi amaran supaya memilih Maharaja Abu Bakar dalam pemilihan yang akan berlangsung di Kuala Kesang.⁹¹ Walaupun ada penafian oleh Maharaja Abu Bakar,⁹² tetapi agak sukar untuk menerimanya kerana perkara ini ditimbulkan sendiri oleh Hakim Negeri-negeri Selat yang bernama Sir Peter Benson Maxwell.⁹³

Walaupun Tengku Alam membantah keputusan di Kuala Kesang, dan meneruskan tuntutan ke atas Muar, serta mendapat sokongan daripada golongan tertentu di Singapura, tetapi beliau tidak mendapat layanan yang memuaskan. Oleh kerana menyedari tentang kemungkinan tidak mencapai tuntutannya melalui rundingan, maka Tengku Alam mengambil tindakan menuntut hak melalui peperangan.

Strategi dan Taktik Perjuangan Tengku Alam

Sebagai langkah pertama, Tengku Alam dengan mendapat bantuan daripada saudara sepupunya, Tengku Sulong dalam satu upacara ringkas kenduri arwah di Kampung Gelam, Singapura, pada 11 Januari 1879 telah diisytiharkan sebagai Sultan Johor-Pahang dan Muar dengan gelaran Sultan Alauddin al-Masik Billah al-Manen/al-Mutamassik Billah al-Mannan/Alauddin Alam Shah.⁹⁴

Sebagai wakil Tengku Alam, Tengku Nong⁹⁵ memilih Jementah dan Chohong sebagai tempat melancarkan gerakan. Sebuah kubu telah dibina di Lubuk Bandan. Kubu ini dipagar, dan di dalamnya dibina rumah, dikenali dengan panggilan Seenara Rumoo.⁹⁶ Kubu-kubu lain juga dibina di Sungai Siput dan Dedap. Tiap-tiap kubu ini dipimpin oleh ketua-ketua yang dihaskan. Khatib Derus⁹⁷ di Sungai Siput, dan di dalamnya ada seratus orang, termasuk kanak-kanak dan wanita; Tengku Nong di kubu Dedap dan Layut di Lubuk Bandan.⁹⁸ Penduduk Jementah dipanggil untuk menguatkan kubu di Lubuk Bandan.

Tengku Nong menjemput orang-orang datang makan jamuan di kubu Lubuk Bandan.⁹⁹ Di antara mereka yang hadir ialah Panglima Besar Senchu, Wan Abas, Wan Daud, Bawi, Tuk Sutan dan Sekling.¹⁰⁰ Dalam perhimpunan ini Tengku Nong telah diisytiharkan sebagai Yam-tuan Muda.¹⁰¹ Pada hari Jumaat 10 Oktober 1879, selepas sembahyang Jumaat, satu perhimpunan diadakan di kubu Tengku Nong, dan di sini Tengku Nong melantik Khatib Derus sebagai Penghulu Besar, berkuasa di Jementah,¹⁰² Bawi menjadi penghulu di Tanjung,¹⁰³ dan Wan Daud bergelar Temenggung Paduka Tuan.¹⁰⁴

Kemudiannya Tengku Nong mengeluarkan arahan mengerah penduduk kampung supaya menyokong perjuangan Tengku Alam. Dalam usaha ini kadangkala berlaku kekerasan. Misalnya Penghulu Bawi dan Sebang ke rumah Maharaja Lela; dan Layut ke rumah Khalil memberitahu bahawa Tengku Nong mengkehendaki mereka dan keluarga datang ke kubu Dedap. Sekiranya mereka ingkar, mereka akan diserang.¹⁰⁵ Dengan itu Maharaja Lela dan Khalil serta keluarga mereka datang ke kubu pertahanan tersebut.

Pada 13 Oktober 1879, Panglima Besar Senchu bersama-sama dua puluh dua orang lengkap dengan senjata telah membakar rumah dan merampas harta Penghulu Sudin di Chohong.¹⁰⁶ Tindakan itu dilakukan kerana Penghulu Sudin telah menunjukkan bahawa dia memihak kepada Maharaja.¹⁰⁷ Di kubu Lubuk Bandan, mereka yang bertanggungjawab sebagai pegawai awam dan tentera ialah Wan Daud, Penghulu Besar Khatib Derus dan Penghulu Bawi.¹⁰⁸ Tidak ada seorang pun penghulu lama yang menyokong pergerakan Tengku Nong.¹⁰⁹

Kubu Lubuk Bandan yang di bawah perintah Penghulu Besar Khatib Derus, Wan Daud dan Bawi telah diserang dan ditawan oleh pasukan Maharaja Abu Bakar yang dihantar untuk menghapuskan gerakan Tengku Alam yang dipimpin oleh Temenggung Muhammad Salleh (Temenggung Muar) dan Penghulu Besar Khamat. Apabila kubu ini ditawan,¹¹⁰ Pawang Juling,¹¹¹ Pawang Setu, Panglima Dalam Lawit¹¹² dan Khalil melarikan diri ke Lenga.¹¹³ Kemudiannya, mereka ini menyokong Maharaja Abu Bakar. Begitu juga dengan Maharaja Lela, yang akhirnya menyokong Maharaja Abu Bakar.¹¹⁴ Dengan itu Panglima Besar Senchu melaporkan kekalahan ini kepada Tengku Nong, dan menasihatkannya supaya berundur.¹¹⁵ Dengan itu Tengku Nong berundur ke Nyalas.¹¹⁶ Beliau tinggal di sini selama dua malam sebelum berundur ke Jementah,¹¹⁷ di Mering. Ketika berada di sini Tengku Nong mengarahkan tiga orang pengikutnya mengawal Bukit Asahan dan kemudiannya menambah enam orang lagi. Di sini berlaku pertempuran, tujuh orang daripada pasukan Maharaja Abu Bakar terkorban.¹¹⁸ Pertempuran ini sebenarnya berlaku antara pasukan Maharaja Abu Bakar sesama sendiri. Kejadian ini dilaporkan kepada Tengku Nong oleh Panglima Besar Senchu.¹¹⁹

Orang-orang Maharaja telah meninggalkan dua kubu pertahanan di Jementah. Tengku Nong mengambil kesempatan ini dan berjaya menduduki kedua-dua kubu ini. Di sini Tengku Nong mengarahkan

Panglima Besar Senchu dan lima orang mengawal jalan menuju ke Mering.¹²⁰ Di samping itu Tengku Nong membina sebuah lagi kubu pertahanan di kawasan rumah Maharaja Lela. Ketika pembinaan kubu ini sedang dijalankan, pasukan Maharaja Abu Bakar menyerang dan pertempuran berlanjutan hampir tiga jam.¹²¹ Pasukan Maharaja berundur, dengan itu pembinaan kubu diteruskan sehingga selesai.¹²² Pertempuran tersebut mencederakan seorang pengikut Tengku Nong. Setelah beberapa kali bertempur, Tengku Nong menghadapi kekurangan senjata dan peluru, tetapi bekalan beras masih mencukupi, malahan mencukupi sehingga setahun.¹²³

Pada 12 November 1879, orang-orang Maharaja di bawah pimpinan Encik Andak dan Wan Muhammad Salleh (Temenggung Muar) bersama-sama dengan kira-kira tiga ratus orang menyerang orang-orang Tengku Nong seramai lima puluh orang, yang dipimpin oleh Panglima Senchu di Chohong.¹²⁴ Serangan ini dilancarkan dari Kesang,¹²⁵ dan pertempuran berlaku selama lapan atau sembilan hari. Begitu juga kubu Sungai Siput yang diketuai oleh Khatib Derus diserang oleh pasukan Maharaja di bawah pimpinan W. Hole.¹²⁶ Dengan itu Khatib Derus dan beberapa orang pengikutnya berundur ke Relau. Di sini beliau menemui W. Hole dan memihak kepada Maharaja.¹²⁷

Pada 10 Disember 1879, Datuk Bentara Luar Muhammad Salleh Perang tiba di Lubuk Bandan, Segamat, untuk menghentikan gerakan Tengku Alam. Setelah bermesyuarat dengan Engku Ahmad, Datuk Bentara Luar membahagikan pengikutnya kepada empat pasukan. Pasukan pertama di bawah pimpinan Panglima Perang Isa; pasukan kedua, di bawah pimpinan Panglima Kiri Awang; pasukan ketiga, di bawah pimpinan Panglima Besar Yusof dan pasukan keempat, di bawah pimpinan Panglima Dalam Lamat.¹²⁸ Pada 12 Disember 1879 pasukan ini mara dari Lubuk Bandan ke Dusun Dedap, kira-kira enam batu dari Lubuk Bandan. Di sini pasukan ini membina kubu pertahanan. Sedang pasukan ini membina kubu, pengikut Tengku Alam menyerang hendap dan menyebabkan kira-kira tujuh puluh orang pasukan Maharaja tercedera, dan beberapa hari kemudian tiga orang daripada mereka meninggal dunia. Walaupun begitu kubu ini akhirnya siap dibina dan letaknya kira-kira satu batu dengan kubu pertahanan Tengku Nong dan Panglima Senchu. Kedua-dua pasukan ini sering bertempur di antara satu sama lain.¹²⁹

Tengku Alam mengarahkan Tengku Nong mencederakan atau

membunuh W. Hole.¹³⁰ Arahan juga diberikan kepada Tengku Nong supaya melancarkan serangan pada waktu malam; dan bersembunyi pada siang harinya. Dalam setiap rancangan yang diarahkan, Tengku Alam menasihati Tengku Nong supaya sentiasa berbincang dengan Panglima Senchu, Tuk Sutan dan pengikut-pengikut yang lain untuk menjalankan sesuatu rancangan atau tindakan.¹³¹ Selain itu Tengku Alam meminta Tengku Nong berunding dengan Datuk-Datuk di kawasan pedalaman, seperti Datuk Johol, Datuk Inas dan Kulup Takat untuk mendapatkan bantuan. Tengku Alam juga menasihati Tengku Nong dan pengikutnya supaya mempertahankan kemaraan mereka itu sedaya upaya yang boleh. Sekiranya tidak dapat, Tengku Nong diarahkan berundur ke dalam hutan. Kemudiannya bertindak semula pada waktu malam. Tengku Nong juga dinasihatkan kalau hendak melakukan serangan, hendaklah ketika pasukan Maharaja sedang menghentikan serangan. Pada masa ini Wan Chilee, Wan Kuning dan Wan Kechut menyebelahi Maharaja, dan berjanji serta sanggup menangkap Panglima Senchu dan Tengku Nong dengan cara memberi makan buah cembukian (buah beracun) supaya mereka pengsan. Tengku Alam pula telah menasihati Tengku Nong dan Panglima Senchu memerhatikan gerak-geri Wan Chilee, Wan Kuning dan Wan Kechut, agar jangan mudah percaya dengan kedatangan mereka. Jika mereka menunjukkan sesuatu yang tidak baik, maka mereka sewajarnya ditentang.

Dalam usaha bertindak balas ke atas pasukan Maharaja, Tengku Sulong mengarahkan pengikutnya membuat lubang kira-kira satu *fathom* di bahagian tengah kubu Lubuk Bandan dan ditanam dengan *gunpowder*,¹³² kemudiannya membuat sumbu dan dimasukkan ke dalam buluh supaya tidak basah.¹³³ Sumbu ini hendaklah ditarik ke luar dari kubu lebih kurang lima puluh *fathom* atau di satu tempat yang boleh seseorang bersembunyi untuk menyalakan sumbu itu.¹³⁴ Buluh yang ada sumbu ini hendaklah ditanam kira-kira satu *span* dalam tanah.¹³⁵ Orang yang sesuai menjaga sumbu itu sama ada Tengku Nong atau Tengku Ahmad. Selain itu Encik Abas dan Encik Daud juga dikehendaki mengawasi sumbu itu bersama-sama Tengku Nong dan Tengku Ahmad. Seterusnya apabila pasukan Maharaja menyerang, Tengku Nong diarahkan bertahan sahaja dan berundur daripada kubu. Apabila pasukan Maharaja masuk ke dalam kubu, Tengku Nong diarahkan membakar sumbu tadi. Dengan itu *gunpowder* yang ditanam dalam kubu itu akan meletup.

Pasukan Maharaja di bawah pimpinan Encik Salleh berjaya menduduki Kubu Tengku Nong di Lubuk Bandan. Tengku Nong menyerang balas untuk menawan semula kubu itu pada 16 dan 24 Disember 1879 tetapi gagal.¹³⁶ Pada 18 Disember 1879, Encik Salleh yang berku bu di Lubuk Bandan mengarahkan lima puluh orang pengikutnya yang diketuai oleh Encik Awang bergerak ke kawasan pedalaman menyerang pasukan Tengku Nong. Manakala Tengku Nong pula mengarahkan orang-orang asing menyerang pasukan Maharaja di Lubuk Bandan. Di sini berlaku pertempuran selama satu malam dan pasukan Tengku Nong berundur. Pada 20 Disember 1879 pasukan Maharaja di bawah pimpinan Datuk Bentara Luar berjaya membina sebuah lagi kubu di Padang Juling. Kedudukan kubu ini juga berhampiran dengan kubu pertahanan pengikut Tengku Alam. Walaupun begitu, kedua-dua kubu ini tidak kelihatan kerana dilindungi oleh pokok buah-buahan dan belukar. Walaupun beberapa kali serangan dilancarkan oleh Datuk Bentara Luar, pengikut Tengku Alam masih bertahan di kubu mereka. Memandangkan pada keadaan yang demikian Datuk Bentara Luar mengambil keputusan memberhentikan serangan itu buat sementara.¹³⁷

Pada 24 Disember 1879 Tengku Nong sekali lagi mengarahkan kira-kira dua puluh atau tiga puluh orang menyerang orang-orang Maharaja di Lubuk Bandan. Ketika di pertengahan jalan, pasukan ini dihadang oleh orang-orang Maharaja dan mereka terpaksa berundur.

Pada 28 Disember 1879 Datuk Bentara Luar mengarahkan orang-orangnya menebang buluh untuk membina kubu pertahanan. Pada pukul 4.00 petang (29 Disember 1879) Datuk Bentara Luar mengarahkan tiga ratus orangnya menyerang Tengku Nong untuk memastikan sama ada Tengku Nong sanggup berperang secara terbuka atau tidak. Tengku Nong dan orang-orangnya hanya membalas tembakan dari dalam kubu sahaja. Pada pukul 7.00 malam (29 Disember 1879) Datuk Bentara Luar menghimpunkan semua panglimanya untuk membuat persiapan bagi menawan kubu Tengku Nong. Dalam persiapan ini empat pucuk meriam dan empat biji peluru disediakan dan diberikan kepada Panglima Besar Yusof dan Panglima Kiri Awang berserta seratus orang diperintahkan mengawal dengan cara merangkak dan mengendap kubu Tengku Nong, Panglima Dalam Lamat berserta seratus orang mengangkut buluh; Panglima Isa dan Datuk Bentara Luar berserta lima puluh orang membuat benteng, dan yang lain menjaga kubu. Pada pukul 12.30 malam (30 Disember 1879), ketika hujan gerimis, Datuk Bentara

Luar membina kubu daripada berkas-berkas buluh yang telah disediakan itu. Lebih kurang pukul 3.30 pagi kubu pertahanan siap dibina. Tiga pucuk meriam tembaga diatur di kubu pertahanan itu. Kubu yang dibina ini dianggarkan tidak akan ditembusi oleh peluru lela dan senapang. Kubu ini letaknya di tengah-tengah kawasan lapang dan jaraknya kira-kira dua puluh lima depa dengan kubu Tengku Nong.

Pada pukul 4.30 pagi, Datuk Bentara Luar mengarahkan orang-orangnya bersiap sedia di dalam kubu. Kemudiannya Datuk Bentara Luar memasang meriamnya dan diikuti oleh tiga meriam lain serta lima puluh senapang kopak ditembak ke arah kubu Tengku Nong. Akibat tembakan ini pengikut Tengku Nong melepaskan tembakan balas. Balas-membalas tembakan ini berterusan hingga ke waktu pagi (siang).¹³⁸

Pada hari Rabu 30 Disember 1879, pukul 3.00 petang kira-kira dua ratus orang pasukan Maharaja datang menyerang pasukan Tengku Nong di kubu Maharaja Lela.¹³⁹ Kubu Maharaja Lela ini letaknya ke atas daripada Kubu Dedap,¹⁴⁰ dan hampir dengan kubu Juling.¹⁴¹ Akibat serangan ini seorang pengikut Tengku Nong mengalami kecederaan di kedua-dua belah tangannya.¹⁴² Pertempuran ini berlaku dari pukul 3.00 hingga 6.00 petang.¹⁴³ Pengikut Tengku Nong yang dihantar mengawal jalan pulang setelah usahanya menyekat kemaraan orang-orang Maharaja gagal. Kubu Maharaja Lela dapat ditawan pada pukul 10.00 pagi, 31 Disember 1879.¹⁴⁴ Di sekeliling kubu ini ditanam dengan ranjau.¹⁴⁵

Walaupun pelbagai taktik dan strategi dilakukan oleh Tengku Alam dan Tengku Nong dalam peperangan di Muar tetapi mereka ditewaskan juga oleh pasukan Maharaja Abu Bakar pada awal Januari 1880.

Bekalan Keperluan dan Senjata Pasukan Tengku Alam

Bekalan makanan dan senjata pasukan Tengku Nong di Muar diuruskan oleh Tengku Alam melalui kerannya, Awang Ibrahim di Kampung Gelam Singapura. Selain itu gerakan ini juga mendapat bekalan dan senjata daripada orang Eropah perseorangan, W.H. Read dan Charles Keun. Pasukan yang menyokong Maharaja Abu Bakar pula mendapat bekalan daripada Maharaja Abu Bakar.

Tengku Nong ada meminta wang dan sebilah keris daripada Tengku Alam dan sepucuk pistol *six chambered* daripada Charles Keun.¹⁴⁶ Tengku Alam memberikan dua puluh pucuk senapang asak (*musket*) lima atau enam kotak topi (*caps*) kepada Tengku Nong. Bekalan dan

senjata ini dibeli oleh Haji Hasan dengan arahan Tengku Alam. Walaupun beliau takut kerana tidak mempunyai surat kebenaran membawa senjata, Haji Hasan berjaya membawa barang-barang ini ke Melaka dan disimpan di rumah orang Cina. Kemudiannya dengan bantuan seorang Melayu dari Kampung Jawa beliau membawa senjata itu ke Muar setelah dibayar upah.¹⁴⁷

Haji Hasan juga telah membawa senapang asak, seratus *catridge* peluru pistol dan lapan puluh *percussion caps*. Barang-barang ini dibawa dari Singapura, dan kos pengangkutannya \$20.00.¹⁴⁸ Selain bekalan makanan asas, diperlukan juga gambir, garam dan tembakau. Bekalan makanan yang ada cukup untuk enam bulan hingga setahun. Walaupun begitu pasukan Tengku Nong menghadapi kekurangan gambir, garam dan tembakau kerana barang-barang ini tidak dibenarkan masuk ke Muar. Oleh kerana menghadapi masalah ini Tengku Nong meminta wang sebanyak \$500.00 daripada Tengku Alam. Beliau juga meminta dua puluh *coats*, kira-kira sepuluh keris, sundang dan kain sarung, dan sebilah pedang khas untuk dihadiahkan kepada Datuk Inas.¹⁴⁹ Di samping itu Tengku Alam, juga melalui Haji Hasan membekalkan lapan puluh kati *gunpowder* dan lima kati *lead* kepada Tengku Nong.¹⁵⁰

Pada 16 Disember 1879 Tengku Nong membeli barang bekalan dan senjata, seperti gambir, garam, *musket*, *lead*, *gunpowder*, *caps* dan *wadding*.¹⁵¹ Tengku Nong menguatkan lagi kedudukan dengan membeli tiga *musket* berharga \$11.00 secara hutang. Untuk membeli lagi *musket* dan *gunpowder* terutamanya untuk dibekalkan kepada orang asing yang sanggup membantu perjuangan di Muar, Tengku Nong meminta Tengku Alam menghantar wang sebanyak \$300.00.¹⁵² Wang ini hendaklah dihantar dengan segera.¹⁵³ Tengku Alam mengarahkan Tong (seorang Cina) datang ke Singapura mengambil senapang dan peluru untuk dibekalkan kepada Tengku Nong.¹⁵⁴ Tong tidak dapat memenuhi arahan ini kerana kedainya dimusnahkan oleh orang-orang Maharaja, kerana membantu dan bekerjasama dengan Tengku Nong. Oleh itu sebagai ganti Tengku Nong mengarahkan Tauke Ah Sin ke Singapura untuk mendapatkan bekalan. Tengku Nong mengarahkan Tauke Ah Sin memberitahu Tengku Alam yang beliau berkehendakkan satu baju *flannel* yang baik, sepasang seluar dan satu *cap* untuk kegunaannya sendiri.¹⁵⁵

Tengku Nong juga mengarahkan Khatib Derus, Wan Abas, Wan Daud, Penghulu Bawi dan Sekling membawa suratnya kepada Tengku Alam di Kampung Gelam, Singapura.¹⁵⁶ Ketika berada di Singapura,

Wan Abas menerima wang daripada Encik Awang Ibrahim, kerani Tengku Alam sebanyak \$800.00.¹⁵⁷ Ketika pulang ke Jementah mereka dibekalkan sepuluh helai kain sarung, seluar, baju dan dua puluh uncang (*pouches*)¹⁵⁸ dan menyerahkannya kepada Tengku Nong.¹⁵⁹

Bekalan dan senjata dihantar lagi oleh Tengku Alam. Pada kali ini Haji Hasan diarahkan membawa peluru pistol dalam satu gugus dan dua puluh *musket* untuk disampaikan kepada Tengku Nong. Kesemua barang ini dibawa oleh seorang Cina yang disimpan dalam sebuah *schooner* Melaka dengan arahan Tengku Alam. Haji Hasan berlepas dari Singapura dan tiba di Serkam (di Melaka) dan menyerahkan barang-barang ini kepada mata-mata Bujang. Barang-barang ini ditinggalkan kerana Haji Hasan mendapat berita Tengku Nong telah berundur ke Nyalas.¹⁶⁰ Mata-mata Bujang pernah membekalkan lima puluh kati *gunpowder*, tiga ratus lima puluh peluru, lima kati *lead*, tiga kati *small shot*, sembilan kati tembakau, seribu keping gambir, tiga *musket* dan lima puluh kotak penggesek api kepada Tengku Nong di Jementah.

Pada hari Ahad 23 November 1879 pukul 8.00 pagi, Tengku Nong mengarahkan Sekling bersama-sama seorang mata-mata yang bernama Bujang mendapatkan bekalan dan senjata: sembilan kati tembakau berharga 75 sen, tiga *muskets* berharga \$18.00, lima puluh kati *gunpowder* berharga \$32.50, sepuluh kati *caps* berharga \$3.25, tiga kati *lead* berharga 36 sen, dua *scores* kotak mancis api (*matches*) berharga 40 sen, tiga kati *small shots* berharga 45 sen dan seratus lapan puluh peluru berharga \$1.62 $\frac{1}{2}$.¹⁶¹ Selain itu Tengku Nong juga mendapat bekalan dari Melaka iaitu, empat ratus gantang beras berharga \$43.00, setengah pikul tembakau Jawa berharga \$11.00, sehelai kain kapas kasar berharga \$4.00, tiga helai baju hitam berharga \$4.50, dan sehelai kain lasam berharga \$3.25. Tengku Nong juga mengambil dua pikul guni berharga 95 sen dan seorang buruh dengan upah 95 sen.¹⁶² Pada 23 November 1879 (8 Zulhijah 1296) Tengku Nong menghantar surat kepada Tengku Ahmad di Pahang meminta pandangannya tentang perkembangan yang berlaku di Muar, dan mengharapkan Tengku Ahmad memberikan bantuan.¹⁶³

Pada 24 November 1879 Tengku Nong menerima bekalan seperti kerbau dan kambing biri-biri, senjata, kain daripada Penghulu Tanjung, sebanyak enam belas ekor kerbau berharga \$187.00, tujuh *musket* berharga \$32.75, dan dua ekor kambing biri-biri berharga \$5.00. Beliau juga menerima duit berjumlah 39.00, sebilah pedang berharga \$6.00

dan sehelai kain Bugis berharga \$2.00.¹⁶⁴

Tengku Alam meneruskan rancangannya dengan mengarahkan Tengku Nong mengambil langkah-langkah yang perlu terhadap pasukan Maharaja, dan segala tindakan ini hendaklah sentiasa mengingati Allah dan Nabi Muhammad SAW dan juga Tengku Alam.¹⁶⁵ Tengku Alam menambahkan lagi bekalan kepada Tengku Nong di Muar, dan dikirimkan melalui Haji Hasan dan Sumon. Di antara bekalan itu ialah dua puluh *muskets*,¹⁶⁶ seratus *catridges* dan lapan kotak *percussion caps* mengandungi dua ribu.

Tengku Alam juga mengirinkan wang sebanyak \$500.00 melalui Pawang Perak tetapi beliau hanya sanggup membawa \$30.00 atau \$40.00 sahaja. Namun demikian Pawang Perak membawa kiriman Tengku Alam kepada Tengku Nong, seperti dua belas helai kain pelikat, dua belas helai baju kot, dua belas pasang seluar Acheh dan Terengganu dan dua belas *caps* merah. Tentang sundang dan keris yang diminta oleh Tengku Nong, Tengku Alam tidak dapat mengirinkannya. Walaupun demikian Tengku Alam cuba mendapatkannya, manakala Panglima Besar Senchu cuba mendapatkan tiga ekor kerbau daripada Tengku Nong, tetapi Tengku Nong hanya memberikan dua ekor kerbau sahaja, kerana tidak ada kerbau lagi.¹⁶⁷

Tengku Nong juga telah menerima wang sebanyak \$80.00, seluar, baju kot, topi dan dua puluh *muskets* dan empat kotak *caps* serta surat yang dibawa oleh Imaum (Imam Maden) dari Kampung Gelam, Singapura. Dengan itu sebagai sagu hati kerana membawa barang-barang yang dikirimkan oleh Tengku Alam ini, Tengku Nong memberikan wang sebanyak \$9.00 kepada Imaum. Tengku Ahmad pula membawa wang sebanyak \$30.00 dan sepucuk pistol kepada Tengku Nong. Manakala Pawang Perak membawa \$40.00, dua belas helai sarung, dan belas helai baju kot, dua belas *fez caps* dan dua belas pasang seluar kepada Tengku Nong. Selain itu Imaum kemudiannya sekali lagi membawa wang sebanyak \$30.00 kepada Tengku Nong.¹⁶⁸ Kesemua bekalan senjata, pakaian dan duit ini dikirimkan oleh Tengku Alam.

Dalam usaha mengatasi tentangan pengikut Tengku Alam ini, Maharaja telah mengarahkan orang-orangnya mengawal jalan masuk bekalan ke Muar. Dengan langkah ini, Maharaja berharap gerakan di Muar menjadi lemah. Walaupun demikian Tengku Alam masih boleh menghantarkan bantuan ke Muar. Tengku Alam menghantar *musket* kepada Tengku Nong melalui Imaum dan seorang Cina, Ah Sin, juga me-

ngirimkan sebanyak \$80.00, seribu *split caps* untuk disampaikan kepada Tengku Nong. Tengku Sulong pula mengirimkan sehelai baju kot yang pernah dipakai oleh Sultan Ali kepada Imaum dan Ah Sin untuk disampaikan kepada Datuk Johol.

Bekalan keperluan dan senjata kepada Tengku Nong diuruskan oleh Tengku Alam dari Singapura. Beliau pula mendapat bantuan daripada orang-orang tertentu seperti Haji Hasan, tauke Ah Sin, dan Imaum untuk membawa barang-barang ini kepada Tengku Nong di Muar.

Perdamaian

Dalam pertempuran yang berlaku itu Tengku Alam mengalami kekalahan. Maharaja Abu Bakar mengeluarkan perintah menangkap mereka yang terlibat dalam gerakan Tengku Alam.¹⁶⁹ Antara yang terlibat ialah Wan Daud, Tengku Muhammad, Raja Panjang Rambut dan Tengku Nong telah ditangkap dan dibawa ke Singapura.¹⁷⁰ Begitu juga dengan Awang Ibrahim, telah ditahan dan kemudiannya dihadapkan di mahkamah. Dalam perbicaraan yang diadakan Awang Ibrahim didapati tidak bersalah dan dibebaskan.¹⁷¹

Tengku Alam sebelum ini menolak sebarang tawaran elau, kini menyatakan kesanggupan menerimanya pada 20 Mei 1880. Walaupun begitu beliau masih tidak puas hati dengan keputusan di Kuala Kesang.

Dengan tamatnya pertempuran ini, maka berakhirilah perang dan wujudlah perdamaian. Namun begitu perdamaian yang terhasil ini bukan melalui perjanjian di antara Tengku Alam dan Maharaja Abu Bakar, tetapi akibat kekalahan, Tengku Alam tidak berupaya lagi untuk meneruskan gerakannya.

Kesimpulan

Perang Muar yang berlaku pada tahun 1879–1880 menunjukkan salah satu ciri perang dalaman (perang merebut teraju pemerintahan) yang meletus di Tanah Melayu dan juga mencerminkan ciri pergolakan politik Melayu kurun ke-19. Tamatnya perang tanpa perjanjian bertulis adalah juga menunjukkan suatu ciri perdamaian dalam politik Melayu kurun ke-19.

Nota

¹Sebelum wujud Persekutuan (1896; 1948) negeri-negeri Melayu terdiri daripada unit politik tersendiri. Misalnya di antara Perak dengan Selangor atau Kelantan dengan Terengganu, adalah unit-unit pentadbiran yang bebas.

²Nik Mahmud b Hj Ismail, 1934. *Ringkasan Cetera Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Press, hlm 21 – 22. Arifin b Abdul Rashid, 1962. *Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Al-Ahliyah Press, hlm 38 – 41.

³*Ibid.*

⁴Sila lihat Mohd Amin Hassan, 1985. "The Klang War 1867–1873", *Malaysia in History*, Jilid 28, hlm 55 – 75. Wan Mohd. Amin b Wan Mohd Said, 1966, *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 6 – 37.

⁵Ketika Belanda menduduki Melaka, Naning kerap menimbulkan masalah kepadanya. Dengan itu pada tahun 1643 Belanda menyerang Naning. Naning ditewaskan dan perjanjian ditandatangani pada tahun 1643 di antara Belanda dengan Penghulu Naning dan Empat Suku. Di antara syarat yang diperuntukkan, Naning sanggup membayar 1/10 daripada hasil tahunannya kepada Belanda di Melaka. Abdullah Zakaria b Ghazali, 1985. "Perang Naning 1831", *Jurnal Melaka*, Bil 9, hlm 24 – 25.

⁶Misalnya di Melaka, perang tamat apabila Raja Kasim berjaya membunuh Raja Ibrahim atau Abu Shahid. W.G. Shellabear (ed.), 1950. *Sejarah Melayu*, Singapura: The Malayan Publishing Ltd., hlm 70 – 71. Kedah – berakhirnya perang di antara Tengku Muhammed Jiwa dengan Tengku Ahmad Tajuddin. R.O. Winstedt, 1963. "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, Vol. 14, Pt. 3, hlm 177–178. Kelantan – berakhirnya perang di antara Long Yunus dengan Long Pandak, H. Marriott, 1916. "A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan", *JSBRAS*, No 72, hlm 7. Perak – tamatnya perang antara Sultan Muzaffar Syah 111 (Raja Inu) dengan Yang Dipertuan Muda Muhammad Syah (Raja Bisnu). Raja Chulan, 1966. *Misa Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, hlm 22–26.

⁷Di antara putera-putera Long Yunus ialah Long Muhammad, Long Tan, Long Jinal (Zainal), Long Ismail, Long Muda, Long Yusof dan Long Pandak.

⁸Sultan Mansur I banyak memberikan bantuan kepada Long Yunus sehingga berjaya menduduki takhta kerajaan Kelantan.

⁹Haji Buyong Adil, 1974. *Sejarah Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 54.

¹⁰Rahmat Saripan, 1979. *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776 – 1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 64.

¹¹Nik Mahmud, *Cetera Kelantan*, hlm 33.

¹²Arifin b Abdul Rashid, *op. cit.*, hlm 60. "Sekarang baiklah kita (Long Jinal) sendiri jadi tuan (Raja) menjalankan pemerintahan menggantikan al-marhum baginda".

¹³H. Marriott, *op. cit.*, hlm 12–13.

¹⁴Rahmat Saripan, *op. cit.*, hlm 108.

¹⁵Nik Mahmud b Hj Ismail, *op. cit.*, hlm 39.

¹⁶Nik Mahmud b Hj Ismail, hlm 38. Rahmat Saripan, *op. cit.*, hlm 104. Muhammad Husin Haji Khali Hj Awang, 1969. *Kelantan dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd., hlm 60–61.

¹⁷Arifin b Abdul Rashid, *op. cit.*, hlm 74 –76.

¹⁸Abdullah Zakaria b. Ghazali, 1976. "Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu

PERANG DAN DAMAI

1921–1928", tesis Sarjana, belum diterbitkan, Universiti Malaya, hlm 22.

¹⁹Haji Mubin Sheppard, Oktober 1968. "Baginda Omar the Conqueror", *Malaysia in History*, Vol. 12. No. 1, hlm 34.

²⁰Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang, 1978. *Terengganu Dari Bentuk Sejarah hingga tahun 1918 M (1337)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, hlm 328. Haji Mubin Sheppard, "Baginda Omar the Conqueror", hlm 34.

²¹*Ibid.*, Haji Mubin Sheppard, hlm 34–37.

²²Zakaria bin Md Dom, 1977/78. "Wan Muhammad bin Wan Idris Maharaja Perba Jelai", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm 13.

²³Haji Buyong Adil, 1972. *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 118.

²⁴Zakaria bin Md. Dom, *op. cit.*, hlm 13.

²⁵*Ibid.*, hlm 17.

²⁶*Ibid.*, hlm 18.

²⁷W. Linehan, 1973. *A History of Pahang*, (reprint), MBRAS, Kuala Lumpur, hlm 68.

²⁸Zakaria bin Md. Dom, *op. cit.*, hlm 33.

²⁹*Ibid.*, hlm 29, 31.

³⁰*Ibid.*, hlm 30.

³¹*Ibid.*, hlm 33. W. Linehan, *op. cit.*, hlm 75. Haji Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm 141.

³²*Ibid.*, hlm 47.

³³W. Linehan, *op. cit.*, hlm 104.

³⁴Raja Ali Haji, 1965. *Tuhfat al-Nafis*, Singapura: Malaysia Publication Ltd., hlm 276–277. Haji Buyong Adil, 1972. *Sejarah Singapura*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 60 – 62.

³⁵Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, hlm 62 – 63.

³⁶C.O. 273/406, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Benggal, 21 Oktober 1846.

³⁷C.O. 273/416, "CMDSJ", Willim C. F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Lord Carnavon, 26 Disember 1877.

³⁸R.O. Winstedt, 1979. *A History of Johor (1365–1895)*, (reprint) MBRAS, No 6, Kuala Lumpur hlm 92.

³⁹Carl A. Trocki, 1979. *Prince of Pirates*, Singapura: Singapore University Press, hlm 67.

⁴⁰Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, 1930. *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, Singapura: The Malayan Publishing House, Ltd., (Jawi), hlm 6.

⁴¹F. Swettenham, 1429. *British Malaya*, London, hlm 87.

⁴²C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Syah bin Sultan Iskandar Syah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu British, 20 Mac 1879.

⁴³N. Tarling, 1969. *British Policy in the Malaya Peninsula and Archipelago, 1824 - 1871*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 60.

⁴⁴Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman, *op. cit.*, hlm 12.

⁴⁵*Ibid.*, hlm 21.

⁴⁶Khoo Kay Kim, 1972. *The Western Malaya States 1850-1873*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 101.

⁴⁷C.O. 273/416, "CMDSJ", Lord Carnavon kepada A.E.H. Anson, 3 September 1877.

⁴⁸Jawatan ini dipangku sementara menunggu perantaraan Gabenor baru kerana Sir William Jervois bercuti dan seterusnya akan bertugas di Australia. C.N. Parkinson, 1964. *British Intervention in Malaya 1867-1877*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm 321.

⁴⁹Mahmood Adam, 1975. "Johor di bawah Abu Bakar: Satu Kajian Mengenai Keutuhan Politik Johor", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm 32.

⁵⁰C.O. 273/92, "TMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir *Singapore Daily Times*, 12 Disember 1877, tercatat surat Tengku Alam kepada A.E.H. Anson, 4 Julai 1877.

⁵¹C.O. 273/416, "CMDSJ", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877.

⁵²C.O. 273/91, W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir memo, (L.L.)

⁵³C.O. 273/416, A.E.H. Anson kepada Lord Carnavon, 6 Julai 1877.

⁵⁴C.O. 273/92, "CTAMS", William F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁵⁵C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *Straits Times*, C.O. 273/101, P. Benson Maxwell, "Correspondence A Malayan Grievance", *Pall Mall Gazette*, 14 Mei 1879.

⁵⁶Sir William F. Robinson memegang jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat yang sebelum ini dipangku oleh A.E.H. Anson. Dengan itu A.E.H. Anson pulang bertugas semula di Pulau Pinang.

⁵⁷C.O. 273/95, "TMS", minit Robert Meade, 5 Oktober 1878.

⁵⁸William Henry Read (1819-1908) ialah anak Christopher Rideout Read. Beliau adalah Pengerusi Dewan Perniagaan Singapura dan ahli tidak rasmi Majlis Undangan Negeri-negeri Selat.

⁵⁹C.O. 273/92, "TMS", William C.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877.

⁶⁰Misalnya, C.O. 273/92, "CTAMS", Encik Suman, Encik Hurus dan seratus tiga orang kepada W.F. Robinson, 20 Ogos 1877; Haji Musa dan tiga ratus empat puluh lima orang kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 22 Ogos 1877.

⁶¹Sila lihat C.O. 273/93, "CTAMS", surat J. Douglas kepada (misalnya) Encik Suman, Encik Hurus dan seratus tiga orang, 22 November 1877.

⁶²C.O. 273/95, "TMS", minit Michael Hicks Beach, 13 Ogos 1878 dan C.O. 273/93, "RMJS", minit Robert Meade, 5 Oktober 1878.

⁶³C.O. 273/405, R.J. Wilkinson kepada Davis, 3 Julai 1913, terlampir "Sultan Ali", terlampir surat W.J. Butterworth kepada Timbalan Gabenor Bengal, 21 Oktober 1846.

⁶⁴*Ibid.*

⁶⁵Abdullah Zakaria b. Ghazali, 1984. "Persaingan di Antara Keluarga Sultan dengan keluarga Temenggung di Johor 1835-1885", Tesis Ph.D. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 44 - 45.

⁶⁶*Ibid.*, hlm 44.

⁶⁷*Ibid.*, hlm 62 - 63.

⁶⁸C.O. 273/416, "Copy of the Treaty of 1855 between the Sultan of Johor and his Tumonggong (Temenggung)".

⁶⁹R.O. Winstedt, *A History of Johore (1365-1895)*, hlm 92.

⁷⁰Ini jelas daripada dakwaan yang dibuat oleh R.O. Winstedt (*ibid.*).

⁷¹Misalnya, Sultan Ali pernah berhutang dengan ceti Kavana Chana Shellapah sebanyak \$1 500.

⁷²Baginda adalah Bendahara Tun Abdul Jalil (Bendahara Johor) dan menduduki takhta kerajaan Johor selepas kemangkatan Sultan Mahmud pada tahun 1699.

⁷³Mahmood Adam, *op. cit.*, hlm 3.

⁷⁴Misalnya Sultan Sulaiman Badrul Alam (putera Bendahara/ Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV) bersemayam di Riau (Bintan); manakala Sultan Abdul Rahman pengganti (putera) Sultan Mahmud III bersemayam di Pulau Lingga.

⁷⁵J. de V. Allen, "Johore 1901-1914", *JMBRAS*, Vol. 45, Pt. 2, 1972, hlm 1.

⁷⁶C.O. 273/101, Sultan Alaudin Alam Syah bin Sultan Ali Iskandar Syah (Sultan yang sah bagi Muar dan jajahannya) kepada Ratu Inggeris, 20 Mac 1879.

⁷⁷C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 4, Surat Temenggung Ismail, Lubuk Tebrau kepada A.E.H. Anson, 28 Julai 1877.

⁷⁸Ketika ini jawatan Gabenor dipangku oleh A.E.H. Anson sementara menunggu Gabenor baru dilantik kerana Gabenor Sir William Jervois bercuti dan seterusnya akan bertugas ke Australia.

⁷⁹C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877.

⁸⁰C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 24 Oktober 1878.

⁸¹C.O. 273/416, "CMDSJ", Enclosure 2, A.E.H. Anson kepada Maharaja Johor, 29 Jun 1877.

⁸²C.O. 273/98, "PLC", Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 30 Jun 1877.

⁸³Padahal Tengku Alam adalah anak Sultan Ali; dan ibunya Raja Siti (keturunan Daeng Bugis).

⁸⁴C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 6 Julai 1877.

⁸⁵C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 4 Ogos 1877, Enclosure 2, "Minute by the Colonial Secretary", 17 Julai 1877.

⁸⁶C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 18 Mei 1878, terlampir "Memorandum of proposals made by His Highness the Maharaja of Johor for the benefit of the family of the late Sultan Ali in the event of His Highness' recognition by Her Majesty's Government as future Ruler of Muar".

⁸⁷C.O. 273/416, "CMDSJ", A.E.H. Anson kepada Carnavon, 29 September 1877, Enclosure 1, Maharaja Abu Bakar kepada A.E.H. Anson, 28 September 1877.

⁸⁸C.O. 273/416, A.M. Skinner kepada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Negeri-negeri Selat, 12 November 1877.

⁸⁹*Ibid.*

⁹⁰*Ibid.*

⁹¹C.O. 273/92, "CTAMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, terlampir keratan akhbar *The Straits Times* C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, C.O. 273/416, "CMDSJ", W.F. Robinson kepada Carnavon, 5 Disember 1877, Enclosure 2, Tengku Alam bin Sultan Ali Iskandar Syah kepada Carnavon, 26 November 1877.

⁹²C.O. 273/92, "TMS", W.F. Robinson kepada Carnavon, 13 Disember 1877, terlampir surat Maharaja Abu Bakar kepada W.F. Robinson, 5 Disember 1877.

⁹³C.O. 273/101, P. Benson Maxwell, "Correspondence A Malayan Grievance", *Pall Mall Gazette*, 14 Mei 1879.

⁹⁴MP., "TMTD", hlm 8. MP., "PFSMG", R. 3, p. 79, hlm 30, MP., "PFSMG", kenyataan Wan Muhammad, 15 Mac 1880, hlm 54; kenyataan Tengku Muhammed Ariffin, mahkamah polis, 24 Mac 1880, hlm 74. C.O. 273/98, "Proclamation of Tunku Alam as Sultan over marriage and divorce" (seterusnya digunakan "PTASMD"), William F. Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879; C.C. Smith kepada Kadi Haji Hamzah, 1 Februari 1879. C.O. 273/98, "PTASMD", William Robinson kepada Michael Hicks Beach, 1 Februari 1879, terlampir surat A.M. Skinner, "Report further interview with Tunku Alam and result, and Tunku Alam being proclaimed Sultan by certain Malay and Bugis", 14 Januari 1879.

⁹⁵Tengku Nong juga dikenali dengan nama Tengku Omar, dan beliau adalah sepupu Tengku Alam.

⁹⁶MP., "PFSMG", kenyataan Penghulu Besar Khamat, 31 Mac 1880, hlm 83.

⁹⁷MP., "PFSMG", kenyataan Khatib Derus, Mahkamah Polis, 2 April 1880, hlm 93.

⁹⁸*Ibid.*, hlm 92.

⁹⁹MP., "PFSMG", kenyataan Sekling, Mahkamah Polis, 2 April 1880, hlm 94.

¹⁰⁰*Ibid.*

¹⁰¹MP., "PFSMG", kenyataan Khatib Derus, Mahkamah Polis, 2 April 1880, hlm 91.

¹⁰²MP., "PFSMG", kenyataan Maharaja Lela, 6 April 1880, hlm 102.

¹⁰³MP., "TMTD", hlm 14.

¹⁰⁴Muhammed bin Haji Alias, 1928. *Tarikh Dato' Bentara Luar Johor*, Johor Bahru, hlm 86.

¹⁰⁵MP., "PFSMG", kenyataan Khalil, 6 April 1880, hlm 104; kenyataan Panglima Dalam Lawit, 6 April 1880, hlm 104; kenyataan Maharaja Lela, 6 April 1880, hlm 102.

¹⁰⁶MP., "TMTD", hlm 14.

¹⁰⁷MP., "PFSMG", Police A. 103. Translation of an Extract from Inche Awang Ibrahim's Memorandum Book, p. 73, 20 Oktober 1879, hlm 121.

¹⁰⁸MP., "TMTD", hlm 14.

¹⁰⁹*ibid.*, hlm 15.

¹¹⁰MP., "PFSMG", kenyataan Mukim Undang, 7 April 1880, hlm 106.

¹¹¹MP., "PFSMG", kenyataan Pawang Juling, Mahkamah Polis, 7 April 1880, hlm 105.

¹¹²MP., "PFSMG", kenyataan Panglima Dalam Lawit, 6 April 1880, hlm 104.

¹¹³MP., "PFSMG", kenyataan Khalil, 6 April 1880, hlm 104.

¹¹⁴MP., "PFSMG", kenyataan Maharaja Lela, 6 April 1880, hlm 102.

¹¹⁵MP., "PFSMG", R. 7, Diari Tengku Nong, p. 89, hlm 31-32. Muhammad bin Haji Alias. *op. cit.*, hlm 86.

¹¹⁶MP., "PFSMG", R. 7, Diari Tengku Nong, p. 89, hlm 31.

¹¹⁷MP., "PFSMG", kenyataan Haji Hasan, Mahkamah Polis, 6 April 1880, hlm 98.

¹¹⁸MP., "PFSMG", Police B. 104, Tunku Omar atau Nong (terdapat nama samaran di bawah tandatangan "Allallah") kepada Tunku Allum, 27 Zulhijah 1296, Jumaat 9.00 pagi, hlm 128.

¹¹⁹MP., "PFSMG", kenyataan Encik Mahmud, Mahkamah Polis, 31 Mac 1880. Encik Mahmud adalah salah seorang pemimpin dalam pasukan Maharaja Abu Bakar.

¹²⁰MP., "PFSMG", police B. 104, Tunku Omar atau Nong (terdapat nama samaran di bawah tandatangan, "Allallah") kepada Tunku Allum, 27 Zulhijah 1296, Jumaat 9.00 pagi, hlm 129.

¹²¹*ibid.*

¹²²MP., "PFSMG", R. 7, Diari Tengku Nong', p. 89, hlm 32.

¹²³MP., "PFSMG", Police D. 101, Tunku Omar atau Nong kepada Yang Maha Mulia Paduka Kekanda Sultan al-Iddeen Allum Syah al-Malek-ul-Johor di Kampung Gelam, 30 Zulkaedah 1296, pukul 11.00 Jumaat (15 November 1879), hlm 125.

¹²⁴MF., "PFSMG", police D. 101, Tunku Omar atau Nong kepada Yang Teramat Mulia Seri Kekanda Sultan al-Iddeen Allum Syah al-Malek-ul-Johor, Kampung Gelam, 30 Zulkaedah, Jumaat 11.00 pagi (15 November 1879), hlm 125.

¹²⁵MP., "PFSMG", Police D. 101, hlm 125.

¹²⁶Sernasa bertugas di Singapura, W. Hole menjadi Setiausaha dan Bendahari Kehormat Persatuan *Amateur Musical*.

- ¹²⁷MP., "PFSMG" Police A. 105, hlm 127.
- ¹²⁸Muhammad bin Haji Alias, *op. cit.*, hlm 87.
- ¹²⁹*Ibid.*, hlm 88.
- ¹³⁰MP., "PFSMG", Awang Ibrahim (di bawah nama samaran, A.Z.B.) Setiausaha Tunku Allum kepada Tunku Nong atau Omar, sepupu Tunku Allum, 8 Disember 1879, hlm 20.
- ¹³¹*Ibid.*, hlm 18.
- ¹³²MP., "PFSMG", kekanda Tengku Sulong kepada Adinda Tengku Omar, 3 Januari 1880 (20 Muharam 1297), hlm 24.
- ¹³³*Ibid.*, hlm 24; 25.
- ¹³⁴*Ibid.*, hlm 24. Lima puluh *fathom* = + tiga ratus kaki.
- ¹³⁵*Ibid.*, hlm 25. Satu *span* = sembilan inci.
- ¹³⁶MP., "PFSMG", kenyataan Encik Sally (Salleh), 20 Mac 1880, hlm 76.
- ¹³⁷Muhammad bin Haji Alias, *op. cit.*, hlm 89 – 90.
- ¹³⁸*Ibid.*, hlm 90 – 93.
- ¹³⁹MP., "PFSMG", R. 8, Buku harian Tengku Nong, pp. 80 – 90, hlm 32.
- ¹⁴⁰MP., "PFSMG", kenyataan Haji Hasan, 2 April 1880, hlm 96.
- ¹⁴¹MP., "PFSMG", kenyataan Encik Sally (Salleh), 24 Mac 1880.
- ¹⁴²MP., "PFSMG", R. 8, Buku harian Tengku Nong, pp. 89 – 90, hlm 32.
- ¹⁴³*Ibid.*
- ¹⁴⁴*Ibid.*
- ¹⁴⁵MP., "PFSMG", kenyataan Haji Hasan, 6 April 1880, hlm 96.
- ¹⁴⁶MP., "PFSMG", Police A. 101, Tunku Omar Ibn Almarhum Tunku Abdul Jalil di Muar, Jementah kepada Paduka Sahabat Beta Charles Keun di Singapura, Kampung Geylang, 12 Ramadan 1296, pukul 8.00 pagi Sabtu (30 Ogos 1879), hlm 119.
- ¹⁴⁷MP., "PFSMG", kenyataan Haji Hasan, Mahkamah Polis, 6 April 1880, hlm 97.
- ¹⁴⁸MP., "PFSMG", Police B. 104, Tunku Omar atau Nong (terdapat nama samaran di bawah tandatangan "Alallah") kepada Tunku Allum, 27 Zulhijah 1296, Jumaat 9.00 pagi, hlm 129 – 130.
- ¹⁴⁹MF., "PFSMG", Police D. 101, Tunku Omar atau Nong kepada Yang Maha Mulia Paduka Kekanda Sultan ala-Iddeen Allum Syah al-Malek-ul-Johor di Kampung Gelam, 30 Zulkaedah 1296, pukul 11.00 Jumaat (15 November 1879), hlm 125 – 126.
- ¹⁵⁰MP., "PFSMG", Awang Ibrahim (di bawah nama samaran A.Z.B.) Setiausaha Tunku Allum kepada Tunku Nong atau Omar sepupu Tunku Omar, 8 Disember 1879 (23 Zulhijah 1296), hlm 18.
- ¹⁵¹MP., "PFSMG", R. 9, Buku Harian Tengku Nong, p. 171, hlm 33.
- ¹⁵²MP., "PFSMG", Police B. 100, Tunku Omar atau Nong kepada Yang Mulia Sri Paduka Kekanda Yang Dipertuan Besar al-Sultan al-Iddeen Allum Syah Ibn al-marhum Sultan Ali Iskandar Syah al-Malek-ul-Johor, di Singapura, Kampung Gelam, 25 Rabiul-awal 1296 (19 Mac 1879), Selasa pukul 2.00 petang, hlm 114.

¹⁵³*Ibid.*

¹⁵⁴MP., "PFSMG", Police D. 100, Awang Ibrahim kepada Tuan Patik (Tunku Omar atau Nong), (t.t.). hlm 119 – 120.

¹⁵⁵MP., "PFSMG", Police D. 103, Tunku Omar atau Nong kepada Tunku Allum, (t.t.).

¹⁵⁶MP., "TMTD", hlm 14. MP. "PFSMG", kenyataan Khatib Derus, Mahkamah Polis, 2 April 1880, hlm 92; kenyataan Sekling, Mahkamah Polis, 2 April 1880. hlm 93.

¹⁵⁷*Ibid.*, kenyataan Sekling, hlm 94.

¹⁵⁸MP., "PFSMG", kenyataan Khatib Derus, Mahkamah Polis, 2 April 1880, hlm 92.

¹⁵⁹MP., "PFSMG", kenyataan Sekling, Mahkamah Polis, 2 April 1880, hlm 94.

¹⁶⁰MP., "PFSMG", kenyataan Haji Hasan, Mahkamah Polis, 6 April 1880, hlm 98.

¹⁶¹MP., "PFSMG", R. 10, buku harian Tengku Nong, p. 174, hlm 34.

¹⁶²MP., "PFSMG", R. 11, buku harian Tengku Nong, p. 177, hlm 34.

¹⁶³MP., "PFSMG", S., Sri Paduka Anakanda Yang Dipertuan Muda Tunku Omar (Tengku Nong) kepada Paduka Ayahanda Tengku Ahmad Pahang, 8 Zulhijah 1296 (23 November 1879), hlm 34.

¹⁶⁴MP., "PFSMG", Extracts from Tunku Nong's (Omar's) memorandum book, p. 6, 24 November 1879, hlm 29.

¹⁶⁵MP., "PFSMG", Awang Ibrahim kepada Yang Dipertuan Muda Tunku Omar (Tengku Nong), 29 Zulkaedah 1296.

¹⁶⁶MP., "PFSMG", Azzab kepada Tunku Nong, Jementah, 15 Zulhijah 1296 (30 November 1879), hlm 16.

¹⁶⁷MP., "PFSMG", T., Yang Dipertuan Muda Tengku Omar (Tengku Nong) kepada Panglima Besar Senchu, 13 Zulhijah 1296 (28 November 1879), hlm 36.

¹⁶⁸MP., "PFSMG", Extracts from Tunku Nong's memorandum book, p. 63, 5 Disember 1879, hlm 29 – 30.

¹⁶⁹C.O. 273/103, "PAI", A.E.H. Anson kepada The Principal Secretary of State for the Colonies, London, 29 April 1880, terlampir Maharaja Johor kepada H.E. Administrator, 23 Februari 1880.

¹⁷⁰MP., "PFSMG", Mahkamah Polis, 10 Mac 1880, kenyataan Rodyk, hlm 4.

¹⁷¹C.O. 273/103, "CAT", Sir Frederick Weld kepada Lord Kimberley, 12 Mei 1880.

Singkatan

- CAI – Case of Awang Ibrahim
- CMDSJ – Copy of the Treaty of 1855 between SULTAN OF JOHOR and TUMONGGONG /TEMENGGUNG/, and for the CORRESPONDENCE respecting MUAR Since the DEATH of the late SULTAN of Johor
- C.O. – Colonial Office
- CTAMS – Claims of Tunku Allum to the Moar Succession
- JMBRAS – Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
- JSBRAS – Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society
- MP – Muar Papers
- PFSMG – Punic Faith or The Way in which the rightful Sultan of Muar has been treated by the British Government
- FLC – Papers laid before the Legislative Council by Command His Excellency the Governor
- RMJS – Request of the Maharaja of Johore to be recognized as Sultan
- TMS – The Muar Succession
- t.t – tanpa tarikh

HUBUNGAN SIAM-KEDAH: PENSTABILAN PENTADBIRAN TRADISIONAL KEDAH PADA ABAD KE-19

Dr. Kobkua Suwannathat-Pian

Penyelesaian yang dicapai pada tahun 1839-41 telah mewujudkan kembali naungan Siam ke atas negeri Kedah dan membolehkan Sultan Ahmad Tajuddin mengambil alih kedudukan lamanya di negeri Kedah. Naungan ini juga meneruskan persambungan sistem pentadbiran tradisional Melayu di negeri tersebut. Terdapat beberapa kajian mengenai keadaan politik dan sosioekonomi di negeri Kedah pada abad ke-19. Kebanyakan kajian itu menumpukan perhatian kepada sistem pentadbiran tradisional negeri Kedah yang membezakan negeri itu daripada negeri-negeri Melayu di pantai barat yang berada di bawah perlindungan British.¹ Nampaknya, sebagai kesan daripada sistem pentadbiran itu, Kedah telah dianggap menjadi contoh pentadbiran tradisional yang baik.² Kejayaan ini dicapai apabila negeri Kedah terpaksa menjalin hubungan rapat dengan Siam. Kedudukan negeri Kedah dari segi geografi pada waktu itu juga telah terbuka kepada tekanan British yang telah menjadi kuasa jirannya.

Terdapat salah faham yang menganggap bahawa Kedah selalu

menghadapi ancaman daripada tekanan luar, sama ada daripada pihak berkuasa British ataupun Siam, dan akibatnya, sistem pentadbiran di negeri Kedah terjejas selepas tahun 1839. Sebenarnya perkembangan politik di negeri Kedah pada abad ke-19, terutamanya selepas penyelesaian tahun 1839-41, memperlihatkan keuntungan besar yang diterima oleh negeri Kedah, yang dapat dibuktikan sebagai kesan membina dasar campur tangan yang dilaksanakan oleh Siam. Pada masa yang sama, terdapat hanya sedikit sahaja tekanan secara langsung daripada pihak berkuasa Negeri-negeri Selat. Pihak British telah dipaksa sejak tahun 1826 menerima kedudukan negeri Kedah sebagai negeri naungan Siam. Kajian ini bertujuan membahaskan tentang hak dan kuasa negeri Siam untuk campur tangan dalam hal-ehwal negeri Kedah yang pada praktiknya memberi kesan yang membina kepada perkembangan politik di negeri Kedah sepanjang abad ke-19. Sebenarnya, peranan Siam membolehkan Kedah memperkukuhkan kedudukan mereka dari segi politik mahupun ekonomi, mereka juga dapat memodenkan negerinya tanpa campur tangan daripada negeri ketiga, dan tanpa sebarang penentangan dari dalam negeri.

Perhubungan naungan antara Siam dengan Kedah di peringkat ini, pada asasnya memerlukan pemimpin di negeri Kedah menentukan suasana yang sesuai kepada kegiatan perdagangan dan kestabilan kawasan itu supaya pihak berkuasa British tidak mendapat peluang untuk campur tangan di negeri Kedah. Sekiranya kejadian itu dapat dilakukan, maka ia akan melemahkan kedudukan Ketuanan Siam ke atas kawasan pantai barat empayarnya. Sebagai balasan kepada kecekapan dan keadaan teratur sistem pentadbiran Kedah serta ketaatsetiaannya kepada Siam, Bangkok sedia memberi sokongan yang bermakna kepada golongan yang memerintah Kedah. Sokongan Siam itu akan mencegah pertikaian dan perselisihan yang biasanya timbul di kalangan kaum kerabat diraja Kedah sepanjang zaman tradisional iaitu sebelum tahun 1821. Keadaan ini akan melumpuhkan kuasa sultan, serta mengancam kestabilan politik dan keselamatan Kedah.³ Jelas bahawa dengan kesadaran baru terhadap perkembangan politik di kawasan itu, kedua-dua pihak iaitu Siam sebagai negeri dipertuan, dan Kedah sebagai negeri naungannya, saling bergantung dalam usaha masing-masing untuk mencapai objektif politik mereka. Persefahaman dan kerjasama yang baik antara mereka menjamin kestabilan sosiopolitik di negeri Kedah dan memberikan sultan kebebasan dalam urusan pentadbiran negerinya.

Perhubungan naungan antara Siam dengan Kedah bukan sahaja tidak melemahkan kedudukan sultan menghadapi penentang-penentang dalam negeri tetapi juga mengukuhkan pemerintahan sultan.

Kedua-dua kelas yang memerintah negeri Kedah dan pemimpin Siam di Bangkok sedar tentang aspek membina sistem naungan dalam usaha mereka memperkuat kedudukan golongan pemimpin Melayu di negeri Kedah. Ternyata bahawa sekiranya Kedah memilih, misalnya, untuk menerima perlindungan British, golongan pembesar Kedah akan hilang segala kedudukan istimewanya serta hak-hak tradisional yang dinikmati dalam bidang politik dan ekonomi seperti yang telah dialami oleh pembesar-pembesar Melayu yang berada di bawah perlindungan British. Chulalongkorn telah memahami dengan mendalam keadaan itu apabila baginda mencadangkan kepada Sultan Abdul Hamid, supaya mempertimbangkan dengan teliti kedudukan dan pengaruh seorang sultan di bawah kuasa British dengan kedudukan dan pengaruh Sultan Kedah yang berada di bawah lingkungan pengaruh Siam.⁴

Nampaknya, dalam suasana politik abad ke-19 dan awal abad ke-20, golongan pembesar di Kedah dapat mengekalkan kedudukan dan hak istimewa mereka selama mereka mengekalkan sistem naungan dengan Siam. Pihak berkuasa Thai telah memenuhi beberapa permintaan pemerintah Kedah sehingga kadangkala mengecewakan hasrat British. Contohnya, kes mengenai tuntutan ke atas Kerian di mana kerajaan Negeri-negeri Selat berusaha menentukan tuntutan negeri Perak. Pihak berkuasa Inggeris telah mengemukakan tuntutan Perak kepada Sultan Ahmad Tajuddin, tetapi baginda menolaknya. Walaupun Bangkok ingin mengekalkan hubungan yang baik dan rapat dengan Britain, tetapi Bangkok memberikan kebebasan mutlak kepada sultan untuk menyelesaikan masalah tersebut mengikut pertimbangan baginda; pihak Bangkok menyedari bahawa kes itu merupakan suatu isu yang sensitif yang melibatkan kuasa mutlak sultan ke atas tanah jajahan Kedah yang dianggap sebagai bidang kuasa pemerintah yang tidak dapat dipersoalkan. Sultan Ahmad Tajuddin berjaya menolak semua tekanan British untuk memaksa baginda menyerahkan kawasan yang dituntut itu kepada negeri Perak. Bangkok menyokong keputusan baginda itu.⁵ Masalah ini hanya dapat diselesaikan semasa Sultan Ahmad Tajuddin II memutuskan menerima penyelesaian yang dibuat oleh Chao Phraya Nakhon (Noi) dan Kapten James Low pada tahun 1824. Sekali lagi Bangkok bersetuju dengan sempadan baru antara Kedah dengan Perak, iaitu ke-

san daripada keputusan Sultan Ahmad Tajuddin II itu.

Menjelang awal abad ke-20 merupakan tahun-tahun yang mencatatkan kejayaan sistem naungan yang dapat dilaksanakan untuk kepentingan Siam dan negeri Kedah. Dari sudut pandangan Siam, sistem tersebut telah memperkuat hak dan kedudukan istimewa negeri dipertuan. Raja Chulalongkorn pernah menerangkan kepada Kementerian Hubungan Luar di London tentang tuntutan negeri dipertuan iaitu Siam ke atas Kelantan. Tuntutan itu dapat juga digunakan sebagai garis panduan hak dan kuasa dipertuan Bangkok ke atas negeri-negeri naungan Siam yang lain. Tuntutan dipertuan Siam itu termasuk juga hak untuk mencalonkan atau/dan mengesahkan pemilihan seorang sultan baru dan Raja Muda di sesebuah negeri naungannya; hak untuk memeriksa penyata pendapatan negeri atau laporan mengenai hal-ehwal negeri naungan; hak untuk menyelesaikan kekacauan tempatan; hak untuk memberi keputusan ke atas pertikaian antara pemerintah di bawah Siam; dan hak untuk menempatkan pasukan tentera di sesebuah negeri naungan.⁶ Selain itu, kuasa dipertuan Siam selepas tahun 1839 dapat mengesahkan kedudukan seseorang Sultan di negeri-negeri di pantai barat Siam. Aspek mengenai kuasa Siam yang baru ini bukan sahaja menonjolkan Bangkok sebagai kuasa yang mengesahkan kedudukan pemerintah negeri naungannya di Semenanjung Tanah Melayu, tetapi juga menegaskan buat pertama kalinya yang tuntutan itu dapat dikuatkuasakan pada teori mahupun praktiknya. Sejak tahun 1839, tiada seorang pun sultan di negeri-negeri Melayu naungan Siam dan Kawasan Tujuh Buah Negeri Kecil yang bersandar hanya kepada sokongan tempatan untuk mengekalkan kedudukannya.

Kuasa dipertuan Siam untuk mencalonkan dan/atau mengesahkan kedudukan seseorang calon kepada jawatan sultan atau jawatan Raja Muda merupakan aspek yang paling penting yang dapat mencegah tercelusnya kejadian yang menamatkan undang-undang dan merosakkan ketenteraman di negeri Kedah. Sejak tahun 1839, Siam telah menuntut hak eksklusif untuk mengesahkan kedudukan seseorang sultan atau Raja Muda. Kesannya, hanya calon-calon yang disahkan dan diiktiraf oleh Bangkok dapat memerintah negeri Kedah dengan kuasa mengikut undang-undang. Kesultanan Kedah, walaupun, pada teorinya, masih terbuka kepada semua calon yang dapat menunjukkan tuntutan yang secukupnya, tetapi, pada praktiknya, tidak lagi menjadi satu kemestian kepada seseorang calon yang mendapat sokongan daripada go-

longan majoriti pembesar Kedah ataupun kepada sesiapa yang dapat memperlihatkan pengaruh dan kuasa politik yang terbesar. Perkembangan dalam aspek ini menamatkan pengalaman pahit yang dihadapi oleh negeri Kedah sejak abad ke-18, dan yang mengancam negeri itu dengan keadaan kacau-bilau dan pergolakan politik. Hak dipertuan Siam untuk melantik dan mengesahkan kedudukan seorang Sultan Kedah mewujudkan kembali ketenteraman dan kestabilan politik di negeri Kedah. Ia juga membolehkan Kedah menikmati penguatkuasaan undang-undang dan ketenteraman yang paling panjang dan yang tidak diketahui dalam sejarah negeri Kedah. Zaman tersebut digunakan untuk memperkuat pentadbiran tradisional Melayu yang telah dimusnahkan semasa "intermission" dalam tahun 1821-1839 iaitu semasa pemerintahan langsung Siam.⁷ Tanpa cabaran dan komplot politik dalam negeri, Sultan Kedah dapat mengukuhkan kedudukannya serta memperbaiki pelbagai aspek pemerintahannya supaya negeri Kedah dapat bersaing dengan sistem pentadbiran moden yang dijalankan di negeri-negeri Melayu yang berada di bawah kuasa British. Tuntutan Siam yang tidak dapat dipertikaikan sebagai kuasa pengesahan politik di negeri Kedah, dan oleh itu juga sebagai punca kestabilan dan keselamatan negeri tersebut, diperlihatkan dengan jelas dalam peristiwa persengketaan mengenai penggantian takhta di negeri Kedah pada tahun 1879-1885.

Masalah penggantian takhta muncul selepas kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin II pada tahun 1879. Selain adik baginda yang bernama Tengku Dhiauddin, bekas Pemangku Raja Selangor, Sultan Ahmad Tajuddin pula meninggalkan dua orang putera yang telah dewasa, iaitu Tengku Zainal Rashid dan Tengku Abdul Hamid sebagai calon utama untuk menggantikan baginda. Tengku Zainal Rashid yang lebih tua adalah putera Sultan Ahmad Tajuddin dengan isteri kedua baginda iaitu Wan Jah. Putera itu juga menjadi menantu kepada bapa saudaranya yang berkuasa iaitu Tengku Dhiauddin. Pada masa itu, Tengku Dhiauddin sanggup mengabaikan tuntutan sendiri semata-mata untuk menyokong tuntutan menantu baginda sebagai pengganti takhta Kedah. Tengku Abdul Hamid ialah putera Sultan Ahmad Tajuddin dengan isteri pertama baginda iaitu Wan Hajar. Putera itu disokong oleh seorang lagi bapa saudaranya iaitu Raja Muda Tengku Yaakob. Pertikaian mengenai penggantian takhta ini mencapai kemuncaknya apabila Tengku Dhiauddin meninggalkan negeri Kedah bersama-sama dengan Tengku

Zainal Rashid ke Pulau Pinang setelah Raja Muda Tengku Yaakob enggan melayan tuntutan Tengku Zainal Rashid atas alasan yang Tengku itu hanya anak kepada isteri kedua sultan sahaja. Lagipun, Bangkok belum lagi mengesahkan pilihan yang dibuat oleh pihak pembesar di istana Kedah yang juga di bawah tekanan politik pihak Tengku Dhiauddin.⁸ Bangkok yang berasa bimbang terhadap campur tangan daripada kerajaan Negeri-negeri Selat, dengan segera menghantar seorang Pesuruhjaya yang juga merupakan sahabat baik kepada keluarga diraja Kedah untuk mengawal keadaan yang amat berbahaya itu. Tengku Akib dari Setul dihantar untuk membawa pulang Tengku Dhiauddin dan keluarga dirajanya. Kedua-dua pihak disuruh datang mempersembahkan kes masing-masing di Bangkok.

Raja Chulalongkorn mengambil keputusan untuk melantik Tengku Zainal Rashid sebagai sultan dan Tengku Abdul Hamid sebagai Raja Muda yang baru.⁹ Tengku Yaakob dan Tengku Dhiauddin dianugerahkan dengan gelaran yang sepatutnya dan dibebankan dengan tanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar kepada sultan yang baru mengenai pemerintahan negeri. Raja Siam juga berharap dengan peraturan yang baru ini, kedua-dua bapa saudara itu tidak mendapat terlalu banyak kuasa yang akan membolehkan mereka mencetuskan satu lagi krisis politik di negeri Kedah.¹⁰ Tetapi tidak lama kemudian harapan Raja Siam musnah apabila Sultan Zainal Rashid II mangkat pada tahun 1881. Sekali lagi negeri Kedah mengalami krisis politik yang amat serius.¹¹ Tengku Yaakob dan Tengku Dhiauddin menjadi sangat kecewa sehinggakan Tengku Yaakob membuat keputusan untuk membawa Tengku Abdul Hamid, calon yang disokong oleh baginda ke Bangkok, dan membuat tuduhan kepada istana di Bangkok menentang Tengku Dhiauddin. Pada kali ini, Tengku Dhiauddin mengemukakan tuntutan baginda ke atas takhta Kedah, walau bagaimanapun, sekiranya tuntutan baginda ke atas takhta Kedah itu gagal, baginda hanya sanggup menyokong pencalonan Tengku Kassim, iaitu adik kandung Almarhum Sultan yang baru mangkat sahaja.

Dalam membuat keputusan mengenai masalah penggantian takhta Kedah pada tahun 1881, Raja Chulalongkorn memberi perhatian utama kepada dua faktor terpenting iaitu untuk mempertahankan pengaruh dan kedudukan Bangkok di negeri Kedah, dan untuk membalas jasa baik Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin II kepada Siam. Akhirnya, Raja Siam memutuskan untuk melantik Tengku Abdul Hamid sebagai

sultan yang baru. Untuk mengurangkan ketegangan dan persaingan antara dua pihak yang bertentangan, Raja Chulalongkorn menghapuskan jawatan wizurai yang disandang oleh dua orang bapa saudara diraja itu. Raja Chulalongkorn juga tidak ingin melantik sesiapa pun untuk menjadi Raja Muda iaitu jawatan yang dikosongkan oleh Tengku Abdul Hamid yang dilantik menjadi Sultan Kedah. Sultan yang baru itu dilantik dengan hak dan kuasa mutlak untuk mentadbir negerinya. Arahan rasmi dari Bangkok ialah:

"Patutlah Phraya Zai mengikut teladan Chao Phraya Zai (Ahmad Tajuddin II) dalam segala-gala hal. Phraya Zai dilarang menghapuskan atau menukar corak pentadbiran yang dibuat (oleh Sultan Ahmad Tajuddin II). Jika berlakunya keperluan untuk mengubah suatu aspek pentadbiran, beliau dikehendaki menghantar surat untuk menerangkan butir-butir (perubahan itu) serta keperluan bagi tindakannya ke Bangkok. Phraya Ritthisongkhrum dilarang mengambil suatu tindakan mengikut kehendaknya kerana langkah seperti itu akan menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan saudara-mara serta Ahli-ahli Majlis (Kedah). Tambahan pula, tindakan itu akan juga melanggar adat negeri Kedah.¹²

Raja Chulalongkorn telah memberi nasihat kepada Sultan Kedah yang baru mengenai cara yang patut bagi sultan menjalankan tanggungjawabnya.

"Keadaan masa sekarang tidak sama dengan keadaan pada masa yang lepas. Kedah sekarang berada berhampiran dengan tanah orang Barat. Apa sahaja cara yang diperlukan dalam percubaan memperkalkan aspek-aspek moden yang akan memperbaiki cara hidup rakyat serta melicinkan hubungan Kedah dengan negeri jirannya, patutlah (Sultan Abdul Hamid) berhati-hati dalam pelaksanaannya. Mengekalkan cara lama sahaja tanpa mahu menyesuaikan diri kepada keadaan baru merupakan mustahil. Sebaliknya, menghapuskan semua adat resam dan cara hidup kita untuk cara moden pun merupakan mustahil juga. Oleh itu, (patutlah Sultan Abdul Hamid) berfikir dengan teliti tentang kedua-dua cara iaitu cara lama dan cara baru, (kemudiannya, sesuaikan dengan keperluan Kedah). Negara dan rakyat akan hidup dengan makmur dan bahagia".¹³

Namun begitu, penyelesaian masalah penggantian pada tahun 1881 itu tidak dapat menamatkan dengan berkesan perebutan kuasa di negeri Kedah, meskipun penyelesaian itu boleh mengawal perebutan tersebut kepada golongan pemimpin tempatan yang kecil sahaja iaitu

Tengku Dhiauddin, Tengku Yaakob, dan sultan yang baru.¹⁴ Oleh itu, penyelesaian tahun 1881 dapat menghalang pertikaian di kalangan pemimpin Kedah daripada menyebabkan kekacauan politik di negeri itu. Tengku Dhiauddin sangat kecewa kerana berada di bawah pemerintahan anak saudaranya. Akhirnya, pada tahun 1885, persaingan politik tercetus apabila masalah kewangan telah memberikan peluang kepada Tengku Dhiauddin untuk berpindah ke Pulau Pinang sebagai membantah langkah-langkah yang diambil oleh sultan yang dikatakan keterlaluan. Pada masa yang sama, Bangkok banyak menerima aduan daripada pihak sultan mengenai sikap bapa saudara baginda yang tidak mahu bekerjasama dengannya dan yang bertujuan untuk melemahkan kuasa dan kedudukan diraja.¹⁵ Nampaknya, kesulitan dalam bidang kewangan yang dihadapi oleh negeri Kedah membolehkan sultan memotong elaan Tengku Dhiauddin dan Tengku Yusoff. Apabila kedua-dua bapa saudara baginda itu membantah tindakan baginda dengan berpindah ke Pulau Pinang, Sultan Abdul Hamid telah memberhentikan terus bayaran pencen tersebut. Bangkok campur tangan dengan membawa balik Tengku Dhiauddin dan Tengku Yaakob dari Pulau Pinang dan menyuruh sultan membayar semula pencen yang patut mereka terima.¹⁶

Dengan campur tangan Bangkok itu, persaingan antara dua pihak itu dapat diselesaikan untuk sementara waktu. Ternyata bahawa pertikaian antara dua pihak itu, serta perlantikan dari Bangkok Tengku Abdul Aziz, adik Sultan Abdul Hamid, menjadi Raja Muda, menyebabkan Tengku Dhiauddin pulang semula ke Pulau Pinang. Sekali lagi Bangkok terpaksa campur tangan untuk menyelesaikan pertikaian itu. Putera Kromluang Devawongse menyuruh sultan untuk menjemput pulang Tengku Dhiauddin ke negeri Kedah supaya baginda dapat berkhidmat untuk negaranya.¹⁷ Hanya selepas Siam mengenakan tindakan tegas barulah pertikaian kerabat diraja Kedah dapat dihentikan.

Dalam menyelesaikan masalah penggantian Sultan Kedah, Bangkok menggunakan kuasa dipertuannya untuk melantik sesiapa sahaja di antara calon yang dipercayai oleh Bangkok sebagai calon yang paling sesuai. Peraturan penggantian di negeri Melayu, termasuk juga negeri Kedah, pada amnya tidak dapat menjadi halangan kepada pilihan yang dibuat oleh Bangkok. Walaupun, adalah betul bahawa pilihan anak daripada isteri kedua dan mengabaikan hak anak kepada isteri pertama atas alasan yang putera pertama itu merupakan lebih tua, tidak begitu tepat, namun tiada sesiapa pun di negeri Kedah yang berani menentang

keputusan itu. Sebenarnya, tiga tahun kemudian timbul bantahan daripada pegawai Siam yang juga menjadi pengawal kepada Wan Jah, ibu kepada Sultan Zainal Rashid II, calon yang ditentang olehnya¹⁸. Masalah penggantian takhta itu mengesahkan kekuatan hubungan antara Siam dengan negeri Kedah mengikut tafsirannya yang difahami dan diterima oleh Bangkok mahupun Kedah.

Lebih penting daripada itu ialah pengesahan bahawa sekiranya Siam tidak campur tangan dalam politik Kedah, pertikaian itu tentu akan mencetuskan peperangan di negeri itu. Konflik sebegini akan melemahkan kuasa dan maruah sultan serta meruntuhkan sistem pentadbiran tradisional, contohnya, semasa pemerintahan Sultan Abdullah ataupun Sultan Ahmad Tajuddin II iaitu sebelum tahun 1821. Pada kali ini, Tengku Dhiauddin dilarang menimbulkan sebarang kekacauan di negeri Kedah oleh kesedaran baginda bahawa tanpa pengiktirafan kedudukan baginda dari Bangkok, baginda tidak dapat menonjolkan dirinya sebagai pemerintah negeri Kedah, sungguhpun baginda mempunyai pengaruh politik tempatan yang kuat dan juga mendapat sokongan sulit daripada pihak berkuasa di Negeri-negeri Selat.¹⁹

Sokongan Siam yang menjamin kestabilan politik di negeri Kedah juga meningkatkan maruah pemerintah Kedah yang diiktiraf oleh Bangkok. Lantaran itulah sultan dapat menggunakan kuasa mutlaknya pada teori mahupun praktik di seluruh negerinya. Misalnya, semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin II, yang memperlihatkan kerjasama dan persefahaman yang agaknya paling rapat dalam perhubungan Siam dengan Kedah, menunjukkan dengan ketara kuasa mutlak pemerintah yang dinikmati oleh sultan dalam segala aspek hal-ehwal dalam negeri Kedah. Pergaduhan antara sultan dengan adiknya, Raja Muda Tengku Dhiauddin menyebabkan pihak Bangkok menarik balik gelaran Raja Muda yang disandang oleh Tengku Dhiauddin. Peristiwa tersebut menekankan yang kuasa sultan merupakan suatu yang tidak dapat dipertikaikan. Dengan persetujuan Bangkok, Sultan Ahmad Tajuddin melantik Tengku Yaakob menggantikan Tengku Dhiauddin. Begitu juga semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, apabila baginda gering tenat dan tidak boleh melaksanakan tugas diraja dengan cekap. Walaupun begitu, tidak ada satu institusi dalam negeri Kedah yang mempunyai kuasa untuk melepaskan baginda daripada tanggungjawabnya. Hanya melalui campur tangan daripada Siam sahaja, yang Raja Muda Tengku Abdul Aziz dilantik sebagai Pemangku Raja dan mengambil

alih tugas mentadbir negeri daripada Sultan.²⁰

Tidak syak lagi bahawa pemimpin negeri Kedah, terutamanya sebelum tahun 1890-an, mendapat faedah daripada suasana sosiopolitik yang wujud untuk memperkuat serta memperbaiki sistem pentadbiran tradisional negeri Kedah supaya dapat mengurangkan tekanan dan campur tangan dari luar. Pada masa yang sama juga, beberapa projek untuk memodenkan negeri Kedah dilaksanakan. Tujuan utama projek tersebut ialah untuk menambahkan pendapatan negeri dan memperbaiki keadaan hidup rakyat jelata, dan melalui mereka, memperkuat kedudukan sosioekonomi golongan pemerintah sendiri. Sebagai contoh, Sultan Ahmad Tajuddin II dapat menjalankan rancangan memodenkan negeri Kedah dengan jayanya sehingga baginda menerima pujian daripada yang dipertuannya, iaitu:

"Sesudah melihat secara keseluruhannya perkembangan dalam negeri Kedah yang menunjukkan usaha Phraya Zai seperti pembinaan bangunan-bangunan batu-bata serta kemakmuran dalam negeri, dan dengan pengetahuan yang Phraya Zai memainkan peranan utama dalam mengorganisasikan pemimpin-pemimpin dan rakyat Melayu dari negeri-negeri naungan yang lain untuk membina jalan raya dari Zaiburi (Kedah) ke Songkhla ... (Duli Yang Maha Mulia) mengangap perkhidmatan (Phraya Zai) sebagai suatu yang menguntungkan negeri-negeri yang terlibat. Tambahan lagi, Phraya Zai adalah amat taat setia dan lebih rapat hubungannya dengan Istana Siam daripada (Sultan) negeri naungan Melayu yang lain ... oleh itu, Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah dengan ramah-tamah menaikkan pangkat Phraya Zai ke pangkat Chao Phraya dengan segala kemuliaan yang patut mengikut kedudukan barunya Duli Yang Maha Mulia juga mengeluarkan negeri Kedah daripada lingkungan kuasa penyeliaan Nakhon negeri dan meletaknya secara langsung di bawah kuatkuasa Bangkok".²¹

Sesungguhnya, Chulalongkorn berbangga dengan perkembangan yang dicapai oleh negeri Kedah sehingga baginda pernah menyatakan kepada Sir Frank Swettenham pada tahun 1901 bahawa Kedah "merupakan contoh pemerintahan yang baik".²²

Tempoh antara tahun 1839-1900 telah menyaksikan kejayaan diplomasi bercorak naungan antara Siam dengan negeri Kedah yang memberikan kestabilan politik kepada negeri Kedah yang agaknya tidak dikenalnya sejak abad ke-18. Hubungan Siam dengan negeri Kedah pada zaman yang disebutkan ini sebenarnya menegaskan sifat

bertolak-ansur hubungan tradisional yang sebaliknya, memberi keuntungan kepada negeri dipertuan mahupun negeri naungannya. Perhubungan naungan juga memaparkan kebolehan sistem itu untuk menyesuaikan dirinya kepada suasana sosiopolitik semasa tanpa menjejaskan syarat asas yang dikehendaki daripada sistem tersebut.

Nota

¹Lihat Sharom Ahmat, 1984. *Tradition and Change in Malay State : A Study of the Economic and Political Development 1879 -1923*, Monograf no. 12, MBRAS, Kuala Lumpur, Zaharah binti Haji Mahmud, 1966. "Change in a Malay Sultanate: An Historical Geography of Kedah before 1939", tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

²FO 422/54 Sir Frank Swettenham kepada Chamberlain, 23 Julai 1901

³Untuk kajian lanjut tentang perubahan politik di negeri Kedah, lihat R. Bonney, 1974. *Kedah 1771-1821 : The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

⁴Raja Siam menulis surat kepada Majlis Diraja semasa baginda membuat lawatan ke Semenanjung Tanah Melayu, tahun 1891 bahawa,

"(baginda bertitah kepada Sultan Abdul Hamid) sekarang selepas Phraya Zai telah melihat banyak hal negeri-negeri yang lain (iaitu negeri-negeri Melayu di bawah kuasa British) di samping hal-hal negeri kami, Phraya Zai patut mengambil apa yang baik dan apa yang kurang baik. Oleh itu, janganlah kita curiga-mencurigai tindakan satu sama lain".

Chulalongkorn, *Journal of the Royal Tour of the Malay Peninsula by Land and Sea*, Bangkok: Kurusabha B.E. 2507/1964, bil 2.

⁵Dokumen Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri, yang berbentuk buku bil 63. Surat daripada Sultan Ahmad Tajuddin kepada Gabenor Butterworth, 4 Ramadan 1260:

"Berhubung dengan pembayaran sewa untuk Pulau Pinang yang patut saya terima tetapi pada ketika ini dihentikan oleh Syarikat sehingga masa yang saya akan bersetuju dengan apa yang diminta oleh Gabenor, iaitu menyerahkan kawasan Kerian kepada negeri Perak. Tetapi ini tidak dapat saya lakukan kerana Kerian adalah sebahagian daripada kerajaan Kedah sejak zaman segala Al-Marhum yang lepas iaitu sebelum waktu Syarikat (Hindia Timur Inggeris) datang menyewa Pulau Pinang daripada Ayahanda saya pun. Saya ingin menerangkan bahawa bayaran tahunan untuk Pulau Pinang tidak kena-mengena dengan masalah Kerian. Mengikut surat Lord Minto kepada ayahanda saya selama Syarikat tetap tinggal di Pulau Pinang, sampai waktu itulah yang pihak Inggeris akan terus membayar sewa sejumlah \$10 000 kepada (ayahanda saya) dan keturunannya tanpa gagal ..."

⁶FO 422/56 Memorandum mengenai draf perjanjian yang telah diperbaiki dengan Sultan Kelantan dan Terengganu, 3 Mei 1902.

⁷Untuk penerangan lanjut tentang sejarah umum negeri Kedah selepas tahun 1841, lihat Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Sharom Ahmat, *op. cit.*

⁸Dokumen Khas Pemerintahan V, bil 3, J.S. 1239-1241, Phraya Montri-suriyawong kepada Chao Phraya Surawong-waiyawat, Isnin, bulan penuh ke-12, bulan 8, J.S. 1241/1879.

⁹M.2 12K/1-8, Somdetch Chao Phraya kepada Chulalongkorn, Hari Ahad, bulan penuh ke-10, bulan 3, J.S. 1243/1881, dalam surat itu Somdet Chao Phraya membuat kritikan yang tajam terhadap keputusan diraja untuk melantik Tengku Zainal Rashid sebagai Sultan Kedah, iaitu:

"pada waktu kemangkatan Chao Phraya Zai (Sultan Ahmad Tajuddin II, Duli Yang Maha Mulia membuat keputusan untuk menaikkan Tengku Zainal Rashid, seorang putera daripada isteri kedua (sultan) tetapi yang berumur lebih tua, kepada kesultanan Kedah. Tindakan itu tidak sewajar dengan amalan biasa ... Sepatutnya, Duli Yang Maha Mulia melantik Tengku Abdul Hamid, putera daripada isteri pertama (sultan) menjadi pemerintah negeri itu; perlantikan itu adalah tepat mengikut adatnya".

¹⁰*Ibid.* Chulalongkorn kepada Chao Phraya Surawong, Hari Ahad, bulan penuh ke-9, bulan 9, J.S. 1241/1879; dan Chulalongkorn kepada Si Suriyawong, Sabtu, bulan sabit ke-11, bulan 1, J.S. 1243/1881, dalam Nathawudhi Suthisongkhram, B.E. 2516/1979. *Somdet Chao Phraya Borommaha Si Suriyawong*, Bangkok : Phrae-phitaya, bil 2, hlm 621-30.

¹¹B. 1.2, bil 1/4, Chulalongkorn kepada Chao Phraya Surawong-waiyawat, Sabtu, bulan penuh ke-3, bulan 3, 1243/1881. Masalah itu adalah serius kemungkinan besar pihak berkuasa British akan campur tangan sekiranya pertikaian itu tidak dapat diselesaikan. Gabenor Negeri-negeri Selat telah pun menyatakan yang Tengku Dhiauddin patut dilantik sebagai sultan yang baru.

¹²K.H. bil 28, J.S. 1242-1243, Chao Phraya Akkramaha-senabodi kepada Phraya Kaedaisawarindra/Phra Krasetsai-satholburindr, Khamis, bulan penuh ke-13, bulan 4, J.S. 1243/1881.

¹³*Ibid.* Nasihat yang diberikan kepada Tengku Abdul Hamid, Khamis, bulan penuh ke-13, bulan 4, J.S. 1243.

¹⁴Tengku Dhiauddin meminta baginda diberi kawasan Kuala Muda sebagai takluknya yang berasingan daripada Kedah dan juga yang dapat menghantar bunga emas dan perak kepada Siam secara langsung tanpa melalui Kedah. Baginda juga meminta elaan tambahan daripada pengutipan cukai tertentu terutamanya cukai beras. Di samping itu, Tengku Dhiauddin meminta Tengku Kassim, adik kandung Sultan Zainal Rashid, dilantik sebagai Raja Muda Kedah, serta kenaikan pangkat Tengku Abdul Salieh, seorang lagi adik kandung Sultan Zainal Rashid, yang akan memberinya kuasa penuh ke atas Pulau Langkawi dan Tarutau. Hak istimewa itu dianugerahkan kepada mereka serta kepada keturunannya daripada selama-lamanya.

Lihat B.1.2 bil 1/4, Chulalongkorn kepada Chao Phraya Surawong, Sabtu, bulan sabit ke-8, bulan 3, 1243/1881; R.5, M.2, 12K/1-8, Phraya Yuthakan/Tengku Dhiauddin ke-

pada Kalahom, Hari Ahad, bulan sabit ke-2, bulan 3, J.S. 1243/1881. Semua permintaan ini ditolak sama sekali kerana Chulalongkorn tidak bersetuju dengan rancangan pembahagian Kedah kepada beberapa kawasan kecil yang akan menambahkan peluang untuk kuasa asing campur tangan dalam hal negeri tersebut. Lagipun, pemberian cukai negeri kepada pembesar-pembesar tentu akan melemahkan kedudukan Sultan.

Dalam surat baginda kepada Phra Kalahom, Tengku Dhiauddin mengakui bahawa permintaan baginda bagi adik lelaki Sultan Zainal Rashid sebenarnya adalah untuk menjaga air muka baginda sahaja supaya "baginda tidak dipandang rendah oleh segenap lapisan masyarakat". Tengku Yaacob dan Tengku Abdul Hamid menentang permintaan itu sebab menurut baginda permintaan itu merupakan "satu langkah yang bertentangan dengan adat yang selalu dipegang kuat oleh semua *al-marhum* di Kedah". Lihat R.5.M

12K/1-8, *Ibid.*, surat Tengku Dhiauddin pada Hari Jumaat, bulan penuh ke-15, bulan 3, J.S. 1243, dan surat daripada Phraya Suraphonphiphit/Tengku Yaakob dan Phra Senin-arongrit/Tengku Abdul Hamid kepada Kalahom, Khamis bulan sabit ke-6, bulan 3, J.S. 1243/1881.

¹⁵R.5 M.2K/18, Phraya Zaiburi kepada Kalahom, Jamadilawal 6, A.H. 1304.

¹⁶Phraya Yuthakan kepada Kalahom, Selasa, bulan penuh ke-7, bulan 6, J.S. 1250/1888.

¹⁷*Ibid.*

¹⁸Lihat nota kaki 9.

¹⁹B 1-2 bil. 1/4, Chulalongkorn kepada Chao Phraya Surawong-waiyawat, *op. cit.*

²⁰M 44/20-33. *Monthon* Zaiburi (Kedah), bil 2, dokumen-dokumen sulit, Damrong kepada Chulalongkorn, Februari 1, R.S. 119/1902.

²¹K.H. R.5, bil 6, J.S. 1233/34, Akkramaha-senabodi kepada Phraya Nakhon dan Phra Palat dan Phra Saneha-montri serta Raja Muda, Jumaat bulan sabit ke-10, bulan 10, J.S. 1234/1872.

²²Lihat nota kaki 2.

Singkatan

- FO - Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri Britain Mahatthai/
Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri Thai
- B - Rampai
- KH - Kalahom/Kementerian Pertahanan Thai
- R.5 - Masa Pemerintahan 5
- J.S. - Jula Sakrat
- R.S. - Zaman Rattanakosin.

6

PENYERTAAN ORANG MELAYU-ISLAM DALAM PENTADBIRAN SARAWAK DAN SABAH PADA ABAD KE-19

Dr. Sabihah Osman

Sebahagian besar isi tajuk ini memperkatakan tentang penyertaan orang Melayu-Islam dalam pentadbiran Sarawak semasa pentadbiran Brooke, dan juga di Sabah semasa pemerintahan Syarikat Berpiagam. Dalam konteks kertas kerja ini, istilah Melayu-Islam perlu dijelaskan. Di Sarawak, istilah ini menjelaskan tentang kumpulan Melayu-Islam dan Melanau yang menganut agama Islam, bertutur dialek Melayu, dan mengamalkan adat istiadat Melayu.¹ Di Sabah, istilah itu dirujuk kepada kumpulan berikut: Orang Melayu-Brunei, Bajau, Kedayan, Balang-nini, Bisaya, Idaan, Illanun dan Sulu. Perlu dinyatakan bahawa Syarikat Berpiagam tidak menggunakan istilah Melayu; sebaliknya, Syarikat itu menamakan setiap kumpulan peribumi asli dengan nama etnik masing-masing.² Di kedua-dua buah negeri itu, orang Melayu-Islam merupakan kumpulan minoriti. Di Sarawak, pada tahun 1840-an orang Melayu-Islam hanya merupakan 32 peratus daripada jumlah penduduk berban-

ding dengan penduduk bukan Melayu-Islam yang seramai 65.9³ peratus, manakala di Sabah, pada tahun 1880-an, orang Melayu-Islam hanyalah 35 peratus daripada jumlah penduduk berbanding dengan 50 peratus anak negeri bukan Melayu-Islam.⁴

Perbincangan ini dimulakan dengan penyelidikan tentang zaman awal kedua-dua buah negeri itu semasa Kesultanan Brunei dan Sulu bagi mengesan asal-usul dan perkembangan penyertaan orang Melayu-Islam dalam bidang politik. Dengan kembali kepada zaman pra-Brooke dan zaman pra-Syarikat Berpiagam, proses kesinambungan dan perubahan penglibatan orang Melayu-Islam dalam pentadbiran Sarawak dan Sabah dapat dikesan. Walaupun hanya sebagai kumpulan minoriti di kedua-dua buah negeri itu, tetapi orang Melayu-Islam dapat menguasai 75 peratus daripada kuasa pemerintahan. Ini adalah kerana pentadbiran Syarikat Berpiagam di Sabah, yang terus menggunakan orang Melayu-Islam sebagai Pegawai Anak Negeri dan juga dasar Brooke yang meneruskan amalan ini dan memelihara sistem Datu yang tradisional dan turun-temurun. Empat orang bangsawan Melayu-Islam telah dilantik sebagai Ketua Anak Negeri peringkat bawah dalam pentadbiran rejim Brooke. Sistem Datu ini menunjukkan kedua-dua kesinambungan dan perubahan penglibatan orang Melayu-Islam dalam pentadbiran. Faktor-faktor lain yang menyebabkan kedudukan orang Melayu-Islam menjadi dominan termasuklah pengaruh agama Islam yang positif dan kedudukan geografi yang menguntungkan yang mendedahkan mereka kepada pengaruh luar. Di kedua-dua buah negeri itu, peranan politik orang Melayu-Islam melebihi peranan mereka dalam bidang ekonomi. Walau bagaimanapun, peranan politik bagi orang Melayu-Islam di Sarawak adalah lebih menonjol berbanding dengan di Sabah, yang sebahagian besarnya kerana di Sarawak mereka menguruskan hal-ehwal pentadbiran di peringkat negeri dan tempatan, sedangkan di Sabah penyertaan mereka terhad hanya pada peringkat tempatan.

Dalam kajian mengenai peranan yang dimainkan oleh orang Melayu-Islam di Sabah dan Sarawak pada abad ke-19, boleh dikatakan bahawa mereka memainkan peranan yang sangat penting. Mereka bekerja sebagai pengutip cukai kerajaan, sebagai Hakim tempatan dan berfungsi sebagai pembantu Pegawai Daerah di kawasan pedalaman. Bermula sebagai 'ketua feudal', tetapi akhirnya sebahagian besar daripada mereka menjadi pentadbir yang bergaji di bawah Rejim Brooke dan Syarikat Berpiagam.

Penyertaan Ketua Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak pada Zaman Kesultanan Brunei

Orang Melayu-Islam di Sarawak telah menyertai secara aktif kegiatan politik Kesultanan Brunei sejak abad ke-16 sehingga abad ke-19. Mereka juga aktif dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Pada masa itu Sarawak adalah sebahagian daripada wilayah Brunei. Apabila Brunei meluaskan penguasaannya ke kawasan lembah-lembah sungai di barat laut Borneo pada abad ke-18, maka sungai-sungai tersebut telah dipe-rintah oleh golongan bangsawan atau Pangeran. Sebahagian daripada kawasan tersebut menjadi harta yang dimiliki sebagai anugerah kerana menjawat jawatan tinggi dalam pemerintahan dan ada juga kawasan yang dijadikan harta persendirian yang turun-temurun.⁵ Di Sarawak, misalnya, pada setiap sistem sungai, terdapat seorang Ketua Melayu-Islam. Mereka biasanya menduduki dan mengawal kualiti sungai yang strategik, dengan demikian sebahagian besar penempatan mereka tertumpu di kawasan pantai. Setiap Ketua Melayu-Islam menganggap diri mereka sebagai pemerintah bagi keseluruhan sungai itu tetapi kuasanya yang sebenar ke atas penduduk di kawasan pedalaman di sekeliling sungai tersebut berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain. Kuasa pemerintah tersebut bergantung sebahagian besarnya pada kemahiran individunya dalam politik dan kemampuannya mengawal perdagangan yang berulang-alik di sepanjang sungai itu. Pada masa itu hampir semua golongan bangsawan Melayu-Islam berharap dapat berdagang, dan juga memerintah.⁶ Tambahan pula pada ketika itu tidak ada batas yang jelas di antara fungsi perniagaan dan politik dalam sistem nilai tradisional.

Selain Pangeran atau golongan bangsawan yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran di tanah jajahan Brunei itu, terdapat juga ketua tempatan yang mentadbir urusan dalam daerah mereka sendiri seperti di Sarawak. Biasanya mereka dilantik oleh Sultan Brunei. Ketua Melayu-Islam yang berasal dari Sarawak ini mengisytiharkan mereka sebagai keturunan daripada Datu Merpati Jepang. Menurut cerita rakyat Melayu dan Dayak, Datu Merpati dilahirkan di Santubong. Beliau adalah anak lelaki kepada Raden Minangkabau atau Jawa, yang kemudian berkahwin dengan perempuan tempatan, dan dua orang anaknya menjadi Datu yang pertama di Sungai Sarawak. Keturunan mereka yang seterusnya menjadi golongan elit Melayu yang turun-temurun di Kuching.⁷

Sebagaimana jajahan kecil Brunei yang lain, Sarawak juga pernah ditadbir oleh Brunei sebelum ketibaan James Brooke yang akhirnya menjadikan tanah jajahan itu sebagai harta warisannya.⁸ Apabila James Brooke tiba di Sarawak pada tahun 1839, jajahan itu diperintah oleh Pangeran Mahkota. Beliau telah dilantik beberapa kali di antara tahun 1824 dan 1830.⁹ Pada masa itu orang bangsawan tempatan dan pengikut mereka tinggal di Lidah Tanah, bukannya di Kuching. Lidah Tanah merupakan pusat pertemuan dua cabang Sungai Sarawak dan menjadi pusat perdagangan. Kawasan ini juga menjadi pusat pengumpulan dan pengagihan perdagangan penting bagi orang Melayu-Islam yang utama. Kedudukan kawasan ini sangat baik kerana dapat mengawal perdagangan 'riverine' dengan orang Dayak di hulu sungai.

Apabila Pangeran Mahkota tiba di Sarawak pada akhir tahun 1820-an, beliau mendirikan bandar Kuching dan membangunkannya sebagai sebuah pelabuhan yang penting dari segi politik dan strategi di kuala sungai yang dapat menandingi pusat pengagihan perdagangan di Lidah Tanah. C.A. Lockard menganggap kedudukan ini menimbulkan ancaman kepada masyarakat tempatan di Lidah Tanah kerana ketiadaan sebuah pelabuhan di kawasan pantai kuala sungai. Lockard berpendapat ketibaan Mahkota dan pengikutnya tidak disukai oleh elit Melayu tempatan, yang menganggap kuasa mereka semakin berkurangan akibat kehadiran Mahkota.¹⁰ Dengan mempunyai satu pusat pengaruh-kuasa yang merdeka di Kuching, Mahkota dapat mengelakkan diri daripada persaingan dan rasa iri hati yang telah wujud di kalangan orang Melayu di Lidah Tanah, misalnya jika Mahkota tinggal bersama-sama dengan mereka, beliau akan terbabit dalam kumpulan-kumpulan yang bertenangan. Kuching yang terletak di selatan tepi kawasan pantai yang berupaya adalah sesuai menjadi pusat pertemuan kedua-dua kuala sungai sejauh 21 batu dan lombong antimoni sejauh 25 batu ke hulu sungai. Tambahan pula, jarak dari laut, bukit yang sesuai untuk pembinaan kubu pertahanan dan sungai yang sempit, kesemuanya itu menjadikan bandar Kuching senang dipertahankan.¹¹ Justeru itu bandar Kuching dibangunkan oleh orang Melayu-Brunei khususnya kerana mereka telah mengetahui bahawa harga antimoni tinggi di pasaran Singapura. Mereka menganggap bahawa penduduk Dayak Darat yang sedia menolong boleh dipujuk untuk mengerjakan perlombongan bijih tersebut. Pertimbangan ini mempengaruhi Mahkota dan pengikutnya untuk membuka kawasan lombong dan menetap di Kuching. Oleh itu semasa ketibaan

James Brooke, bandar Kuching sudah pun didirikan oleh seorang putera Raja Brunei.

Walaupun Bahagian Kedua dianggap sebagai wilayah orang Iban, tetapi terdapat juga sekelompok penduduk Melayu-Islam yang tinggal di sepanjang kawasan tanah datar sungai-sungai penting termasuk Batang Lupar dan Sungai Saribas. Sebuah dokumen Brunei yang bertarikh awal abad ke-18 menghuraikan ufti yang diterima oleh pemerintah Brunei dari negeri jajahan barat daya, termasuklah Saribas dan Batang Lupar. Ufti tahunan yang dikutip oleh Ketua Melayu-Islam tempatan yang dilantik dari Saribas mengandungi sebuah perahu perang dan 800 pasu padi, dan juga sumbangan untuk tujuan tertentu seperti kemangkatan atau perkahwinan seorang sultan. Pembayaran ufti seperti ini jelas mempengaruhi penempatan Melayu yang banyak berdekatan dengan pantai.¹² Oleh itu, menjelang pemerintahan Brooke, masih terdapat jurang perbezaan yang agak besar tentang penglibatan Brunei secara langsung di kedua-dua daerah pengeluaran sagu yang diduduki oleh orang Melanau dan kawasan Bahagian Pertama yang berhampiran dengan pantai yang kaya dengan bahan galian, tetapi tidak pernah timbul minat untuk berdagang atau mengutip cukai di daerah orang Iban di kawasan pedalaman.

Bahagian Kedua sangat kurang dengan hasil bumi tetapi kaya dengan kemahiran perjuangan yang dimiliki oleh orang Iban. Persaingan untuk memerintah dan mendapatkan sokongan daripada pejuang-pejuang Iban ini telah mencetuskan konflik di antara Ketua Melayu-Islam dan James Brooke dari tahun 1843 sehingga tahun 1851. Di kawasan ini, riwayat tentang perkembangan hubungan orang Iban dengan kawasan pantai yang wujud daripada tradisi Iban melibatkan bukan sahaja pembesar-pembesar Brunei tetapi juga ketua-ketua Melayu-Islam tempatan yang terpilih di kalangan heterogen, termasuk 'Syarif' Arab. Golongan bangsawan Melayu Saribas di Bahagian Kedua ini mengaku berasal daripada keturunan Abang Gundam dan Temenggung Kadir ia-itu sepasir, pengembara yang mempunyai darjat yang tinggi, berasal dari Pagar Ruyong di Sumatera dan Brunei.¹³

Di utara Banting yang terletak bersebelahan dengan Undup dan Sekrang, terdapat kawasan penempatan orang Melayu yang berselerak di antara rumah-rumah panjang Iban. Di kawasan ini, kedua-dua adik-beradik, Syarif Sahap dan Syarif Mullah, berpengaruh dalam arena politik pada awal abad ke-19.¹⁴ Pada tahun 1832, Raja Muda Hashim

mencalonkan Syarif Sahap memerintah Sadong, bagi menggantikan Patinggi, Ketua Melayu tempatan.¹⁵ Sejak itulah kedua-dua bersaudara ini menjadi aktif dalam urusan di Sadong dan akan memberikan saingan yang hebat, maka Brooke telah memutuskan untuk mengeluarkan mereka daripada arena politik Sarawak. Ketua-ketua Arab itu biasanya dianggap bercita-cita tinggi, cekap dan selalu mendalangi penduduk Iban yang suka berperang di Sekrang. Brooke mengetahui atau mempelajari bahawa fakta ini adalah berfaedah kepada mereka pada masa depan. Kemudiannya mereka menggunakan taktik kuasa perjuangan Iban yang sama ini seperti yang telah digunakan oleh Syarif-syarif Arab sebelum Brooke mengambil alih kuasa di daerah ini.

Sebelum kedatangan Brooke, daerah-daerah lain di Sarawak, kecuali daerah Saribas yang dikuasai oleh pimpinan orang Iban yang lebih kuat, adalah dikawal oleh seorang pemimpin Melayu-Islam.¹⁶ Konsep Melayu mengenai raja, yang berasal daripada tradisi Hindu dan Islam, mendorong ketua-ketua Melayu-Islam itu, tanpa mengira betapa kecilnya lingkungan kawalannya, menjalankan tindakannya seperti seorang Raja Melayu. Ketua Melayu-Islam biasanya menduduki dan mengawal kuala sungai yang strategik, walaupun pengaruh mereka yang sebenar ke atas penduduk sungai yang terpencil jauh berbeza dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Brooke memahami hakikat ini dan untuk melemahkan kuasa ketua Melayu-Islam ini, Brooke lebih suka mengubah pola petempatan yang tradisional dengan mengasingkan penduduk mengikut etnik daripada pengasingan masyarakat yang bersifat geografi. Mereka memindahkan masyarakat Melayu-Islam ke satu tapak yang lebih jauh dari hulu sungai dan meneruskan pertandingan puak lawan puak.

Selepas mendapat pengesahan pemerintahannya di Sarawak daripada Sultan Brunei pada tahun 1843, James Brooke dengan menjadikan 'perlanungan' sebagai alasan telah mempergunakan Tentera Laut Diraja British untuk memusnahkan saingan politik yang mungkin wujud di Sarawak. Misalnya dengan bantuan kapal *HMS Dido*, Brooke telah menyerang kubu Syarif Sahap di Sekrang dan Saribas. Untuk menghalau Mahkota dari Kuching, dia menggunakan kekuatan kapal *Royalist*. James Brooke membentuk kerajaannya berdasarkan konsep Barat bagi menguasai daerah dan 'perdagangan bebas'. Timbul beberapa masalah apabila James Brooke selalu mendakwa dan menganggap cara pemerintahannya adalah betul dan konsep pemerintahan Melayu adalah salah

dan jahat.¹⁷ Akibatnya cita-cita dan perbezaan idea Brooke ini telah menyebabkan timbulnya konflik dengan ketua Melayu-Islam yang sudah berkuasa dan cuba mengekalkan kuasa mereka.

Golongan bangsawan Brunei dan Syarif Arab bukan sahaja berpengaruh dan aktif di Bahagian Pertama (Kuching dan Sadong) dan daerah Iban, malahan mereka juga berpengaruh di petempatan orang Melayu yang menghasilkan sagu di Bahagian Ketiga. Di daerah ini juga golongan bangsawan Brunei dan Syarif-syarif Arab serta Brooke bertentangan kerana persaingan terhadap kepentingan ekonomi. Seperti kesultanan Melayu yang lain, dalam kerajaan Brunei, terdapat ciri-ciri pemerintahan Melayu yang memberi perhatian terhadap rakyatnya dan bukan terhadap wilayahnya.¹⁸ Dengan demikian garis kewibawaan itu dipancarkan daripada sultan kepada petempatan yang jauh terpencil dari kuala sungai, secara tidak seimbang. Pola umum tentang penglibatan Brunei adalah tidak menentu dan bergerak sebahagian besarnya kepada pertimbangan perdagangan. Ramai orang Melanau menjadi muslim berikutan dengan kegiatan orang Melayu Brunei yang hebat dalam perdagangan. Pedagang Brunei sangat aktif di Mukah dan Oya kerana sungai-sungai ini terletak berhampiran dengan bandar Brunei dan mempunyai penduduk yang ramai serta mempunyai sumber ekonomi yang bernilai. Pada masa yang sama, kemajuan Singapura telah menjadikan pasaran antimon di sagu dari Sarawak sangat menggalakkan.

Adalah agak malang bahawa kepentingan daerah ini dalam ekonomi telah mempengaruhi James Brooke, bersama-sama dengan anak saudaranya Charles Brooke, campur tangan dalam permusuhan antara golongan bangsawan Melayu yang bertentangan di Mukah, misalnya antara Pangeran Ersat dan Pangeran Matusin.¹⁹ Menjelang penjajahan Brooke di Mukah dan Oya, daerah yang kaya dengan sagu ini ditadbirkan oleh Pangeran Ersat sebagai Gabenor Brunei yang sah di Mukah. Dalam perselisihan itu, James Brooke menyokong Matusin, yang dianggapnya sebagai seorang yang jujur, dan telah campur tangan beberapa kali bagi pihaknya. Pada hakikatnya, Matusin adalah seorang pembunuh dan sangat dibenci oleh penduduk Mukah.²⁰ Akan tetapi James Brooke telah bertindak supaya Matusin mendapat kekuasaan di daerah itu. Apabila Charles Brooke berkuasa, Matusin terpaksa dipindahkannya kerana rasuah. Namun demikian, Brooke masih menyokongnya kerana mereka percaya bahawa golongan yang memusuhi Sarawak di Istana Brunei membantu Pangeran Nipa, anak Ersat sebagai

bakal pengganti Ersat. Tambahan pula, penyokong utama Nipa ialah abang iparnya, Syarif Masahor, seorang Arab. Dia adalah seorang ketua yang cekap dari Sarikei tetapi dipecat dan dihukum oleh Charles Brooke apabila dia didapati menentang Matusin pada tahun 1859.

Untuk mengawal kawasan ini, Brooke tidak pernah melepaskan sebarang peluang bagi mencampuri perselisihan antara dua golongan itu. Dalam permusuhan yang berterusan antara Matusin dan Nipa, Masahor menyokong Nipa dengan mempengaruhi orang Dayak tempatan menentang Matusin. Akibatnya Charles Brooke memecat beliau daripada jawatannya. Selepas pemberontakan Cina pada tahun 1857 Charles Brooke terpaksa mengembalikan jawatan itu kepada Masahor.²¹ Walau bagaimanapun, peluang untuk menghapuskan Masahor daripada arena politik Sarawak wujud apabila dua pegawai orang putih yang bertugas di Kubu Kanowit yang berhampiran dengan daerahnya telah dibunuh pada tahun 1859. Brooke menuduh Masahor terlibat dalam pakatan sulit yang bertujuan hendak mengusirnya dari Borneo. Walaupun Charles Brooke mengesyakinya, dia tidak dapat menunjukkan bukti yang meyakinkan. Walau bagaimanapun, pada bulan Januari 1860, Charles Brooke telah diyakinkan bahawa Masahor didapati bersalah walaupun Bishop MacDougall pernah mengatakan bahawa, "... on Johnson's (Charles Brooke's) return from Kanowit it was declared that my suspicions were groundless and that the Datu Hadji and Syarif Masahor had behaved admirably and quite to be trusted".²² Pada hakikatnya Masahor adalah seorang pemimpin yang sangat cekap. Seperti yang dinyatakan oleh St. John bahawa Masahor adalah orang yang paling berbakat yang ditemuinya di Borneo.²³ Tetapi Brooke tidak dapat menerima ketua yang berkebolehan seperti ini kerana akan menghalang usaha Brooke bagi mendapatkan pengaruh daripada orang Iban.

Di samping memburu Masahor, Charles Brooke juga telah menyerang Igan, Oya dan Mukah pada tahun 1860, sehinggalah Gabenor Edwards memerintahkan supaya pasukan tentera di Sarawak ditarik balik. Tetapi kepulangan St. John yang tergesa-gesa sebagai Konsol-Jeneral Borneo telah berjaya mempengaruhi Masahor supaya menyerah diri dan menyerahkan daerah sagu itu kepada Brooke.²⁴ Masahor tidak dapat memberikan sebarang tentangan apabila dia diminta meninggalkan Mukah kerana Brooke dan St. John datang dengan angkatan laut *HMS Charybdis*. Masahor tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa bersejuru meninggalkan Sarawak sebagai orang buangan ke Singapura. Bagi

pitak sultan pula dengan tekanan yang sedemikian, beliau tidak mempunyai pilihan lain juga melainkan menyerahkan wilayah sagu dan sebagai ganti rugi beliau telah menerima pembayaran \$4 000 setahun daripada Brooke.²⁵

Apabila Masahor meninggalkan Sarawak, peristiwa yang dikenali sebagai "The Malay Plot" (pakatan orang Melayu) dianggap telah selesai. Sejak itu, golongan bangsawan Brunei dan Syarif tidak lagi mempunyai harapan untuk menyertai politik Sarawak dan tidak dapat mencabar kuasa Brooke. Kehilangan kawasan pengeluaran sagu akhirnya melemahkan Brunei dari segi ekonomi. Dengan demikian, Brunei tidak lagi menjadi saingan kepada Sarawak. Apabila Charles Brooke mengambil alih kerajaan Sarawak, dia cuba menguasai semua wilayah Brunei sehinggalah tindakannya diberhentikan oleh kerajaan British apabila mereka melantik seorang residen British di Brunei pada tahun 1906.

Penyertaan Orang Melayu-Islam dalam Politik Semasa Rejim Brooke

Walaupun pengaruh ekonomi dan politik orang Melayu-Islam sebagai satu kumpulan yang dominan telah merosot selepas James Brooke mengambil Sarawak, tetapi mereka masih membentuk kumpulan pemerintahan di Sarawak. Di bawah pemerintahan Brooke, khususnya James Brooke, mereka terus mendapat kedudukan yang istimewa, meskipun mereka terpaksa tunduk kepada Rajah Putih (*The White Rajahs*).

Untuk menjamin kesetiaan orang tempatan, James Brooke telah mengkaji institusi peribumi yang wujud pada masa itu. Apabila beliau telah mendapat kuasa memerintah sebagai raja, James Brooke membiarkan peribumi bersendirian. Jadi dalam konteks yang demikian beliau bersedia memberi kelonggaran kepada adat istiadat dan amalan tempatan.²⁶ Dari sejak awal pemerintahannya, Rejim Brooke bergantung pada beberapa orang pegawai Eropah yang kecil bilangannya. Oleh itu mereka terpaksa bergantung pada pegawai peribumi di peringkat rendah.

Kebanyakan daripada pegawai ini ialah orang Melayu-Islam yang biasanya bertugas di stesen kerajaan yang kecil. Pegawai peribumi ini biasanya datang daripada kalangan bangsawan Melayu-Islam. Mereka dilantik di setiap daerah oleh Rajah Putih seperti yang dinasihatkan oleh Pegawai Daerah. Pegawai-pegawai ini menerima gaji yang tetap.

Mereka memainkan peranan penting dan menjadikan pentadbiran Brooke lebih berkesan di luar wilayah Kuching. Mereka bertanggungjawab menjamin kejayaan pentadbiran Brooke.

Kegiatan orang Melayu-Islam dalam kerajaan pada awal pemerintahan Brooke berdasarkan dua fungsi. Pertama, perjuangan ketua-ketua Brunei untuk mempertahankan kuasa mereka, dan kedua, sebagai penyokong kepada tuan besar yang baru. Penyokong Regim Brooke daripada kalangan peribumi biasanya terdiri daripada ketua-ketua tempatan walaupun terdapat kekecualian, seperti Datu Patinggi Gapur, menantu lelaki Datu Patinggi Ali, yang dituduh terlibat dalam pakatan orang Melayu.

Dalam konsep kerajaan Melayu-Islam yang tradisional, pusat bagi sistem tradisional adalah pengagihan hak ekonomi berdasarkan individu ikatan penaung dari segi sosial dan politik.²⁷ Oleh kerana penguasaan sebenar terhadap wilayah itu terletak kepada seorang wakil tempatan yang dipilih atau mereka yang dilantik oleh kerajaan Brunei, maka kuasa Pusat yang berkesan hanya dirasai di kawasan pantai kerana ketiadaannya sistem komunikasi yang baik pada masa itu. Apabila kerajaan Brunei mengalami kemerosotan politik, pada akhir abad ke-18 dan awal abad ke-19, maka kuasa politik pusat menjadi semakin mengecil dan kurang berkesan. Oleh itu ketua tempatan dalam setiap kawasan dengan mudah dapat membebaskan diri mereka. Pada masa itu ketua-ketua tempatan memperolehi pendapatan daripada monopoli dan hadiah yang diberi oleh sultan sebagai tanda penghargaan terhadap perkhidmatan mereka. Bagaimanapun, apabila James Brooke menempatkan semula ketua-ketua tempatan di Kuching, mereka hanya diberi gaji tetap sebagai gantian kepada pendapatan tradisional.

James Brooke mengekalkan golongan elit tradisional untuk memelihara dan melindungi kedudukannya di Sarawak terutama sekali selepas dia kehilangan sokongan daripada Angkatan Laut British disebabkan oleh pertempuran Beting Maru yang memalukan pada tahun 1849.²⁸ Selepas peristiwa itu James Brooke lebih banyak bergantung sokongan daripada sekutu tempatan. Langkah ini bukan sahaja untuk mengukuhkan sokongan tempatan tetapi juga terpaksa dilakukan kerana kekurangan pegawai Eropah. Tambahan pula dia sedar bahawa kebanyakan pegawai peribumi ini adalah orang yang mempunyai pengalaman di bawah pemerintahan yang dahulu. Dengan mendapat kerjasama daripada ketua tempatan dan ketua kampung ini, James Brooke dapat

memelihara undang-undang dan aturan serta membuka negeri itu kepada perdagangan dan perniagaan. Dasar ini dilaksanakan secara beransur-ansur dari satu wilayah ke wilayah yang lain. James Brooke menggubal dasar ini berasaskan prinsip mendekatkan diri dengan golongan dalam kerajaan Sarawak. Beliau juga menghormati dan mengekalkan apa saja bentuk undang-undang dan adat yang tidak bercanggah dengan undang-undang Barat ²⁹. James Brooke menjadi pemerintah yang mutlak. Ketua-ketua Melayu, terutamanya Datu-Datu di Kuching, dibenarkan dan digalakkan mengambil bahagian dalam semua urusan yang berkaitan dengan kerajaan negeri. James Brooke selalu berusaha mencari dan mendapatkan nasihat dan kerjasama daripada Datu-Datu ini. Selaku peribumi Sarawak, mereka digunakan sebagai panduan kepada pemikiran dan tindak balas orang tempatan. Pada asalnya terdapat tiga orang Datu Sarawak dalam Kesultanan Brunei. Mereka ialah Datu Patinggi (Ketua Datu-Datu), Datu Bandar, dan Datu Temenggung, Panglima Tertinggi. Datu Patinggi Ali ³⁰ merupakan Datu pertama yang membantu menubuhkan dan mengukuhkan kerajaan James Brooke. James Brooke gagal mempertahankan kedudukan Datu Patinggi kerana pengganti Patinggi Ali (menantu lelakinya), Datu Patinggi Abd. Gapur telah dipecat daripada jawatan itu pada tahun 1854. Pemecatan ini disebabkan oleh penentangannya terhadap dasar Brooke yang dianggapnya cenderung melemahkan kuasa Datu-Datu. Tambahan pula James Brooke mengesyakinya terlibat dalam pakatan orang Melayu menentang Brooke di Bahagian Ketiga. Sejak itu Datu Bandar, iaitu jawatan yang dipegang oleh anak sulung Ali, Mohd. Lana, menjadi Ketua Datu di Kuching dan Sarawak. Dia menjadi Hakim Melayu dan Presiden Mahkamah Pendaftaran Perceraian Muslim (President of the Muslim Probate Divorce Court) dan Presiden Mahkamah Datu yang membicarakan kebanyakan kes awam yang melibatkan orang Melayu dan Dayak. Dengan kematian Mohd. Lana, saudaranya Haji Bua Hassan menjadi Datu Bandar pada tahun 1865. Haji Bua Hassan memegang jawatan Datu Bandar selama 60 tahun.

Bagi kepentingan pentadbirannya, James Brooke melantik dua orang Datu lagi, iaitu Datu Imam dan Datu Hakim. Datu Imam ialah ketua agama dalam masyarakat muslim dan Datu Hakim ialah ketua hakim Melayu.

Walau bagaimanapun, Datu Temenggung tidak lagi diberi gaji bagi jawatan Panglima Tertinggi tetapi beliau mendapat gaji sebagai se-

orang anggota Majlis Tertinggi bersama-sama dengan tiga orang Datu yang lain.³¹ Salah satu corak penyertaan mereka dalam pemerintahan Brooke ialah sebagai anggota dalam Majlis Tertinggi bersama-sama dengan tiga pegawai awam Eropah dan Rajah. Keempat-empat orang Datu ini mendapat suara majoriti dalam Majlis Tertinggi selaras dengan jaminan Brooke memerintah dengan mendapat persetujuan rakyat. Selaku pegawai penting dalam kerajaan, sejak awal lagi James Brooke menggunakan mereka semata-mata bagi menyelamatkan asas politik Brooke. Malahan Raja Brooke berpendapat bahawa adalah perlu baginya menghormati agama dan cara tradisional rakyat bagi menghapuskan saingannya yang paling cekap dan berbeza daripada Pangeran Brunei dan Syarif Arab, yang dianggapnya sebagai orang luar yang akan merampas kuasa. James Brooke menerima undang-undang Islam dan adat istiadat yang bersangkutan dengan semua hal yang mempengaruhi sebahagian penduduk Sarawak yang beragama Islam.

Majlis Tertinggi diwujudkan oleh James Brooke pada 27 Oktober 1855. Dalam suratnya kepada Templer, James Brooke menyebutkan tentang keahlian Datu-Datu Melayu Kuching dalam Majlis itu katanya, "I followed Lord Greys advice and appointed a Council of State, composed of Brooke, C. Johnson, Datu Bandar, Datu Temenggung, Imam, Tuan Khatib and myself. The four native chiefs and myself were present at our final meeting".³² Majlis ini bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk menimbangkan semua hal penting yang berkaitan dengan kebajikan dan pentadbiran negeri. Majlis ini juga menimbangkan segala hal yang dirujuk kepadanya oleh pengadilan rendah. Dalam komennya tentang Majlis tersebut, St. John (1899) berkata bahawa,

... the Rajah created a 'Council of Sarawak', the first members of which were himself and his two nephews to represent the English element, and four Malay chiefs to represent the native inhabitants of Sarawak. It proved a most useful measure and the native members showed themselves highly efficient".³³

Walaupun kenyataan St. John ini menunjukkan bahawa penyertaan ketua-ketua Melayu-Islam dalam Majlis bukan hanya sebagai barang yang patut dipamerkan, tetapi pada hakikatnya mereka memang tidak berpengaruh dan hanya diminta memberi nasihat kepada Brooke. Rajah adalah pemerintah yang mutlak dan Majlis itu adalah institusi tunggal yang membuat undang-undang. Kehadiran ahli-ahli Melayu dalam mesyuarat pada umumnya adalah sebagai suatu peraturan biasa.

Walau bagaimanapun, mereka mengambil bahagian cergas dalam perdebatan dan membuat keputusan.

Seperti yang dinyatakan oleh Pole-Evans, "They were diligent in finding out the views of their community when asked to do so, seem to have been meticulous in spreading information when this was required of them and were cooperative in stating their own views – valuable because of their experience in and knowledge of local affairs – when they were asked".³⁴

Majlis ini diberi kuasa untuk memberi nasihat apabila diminta oleh Rajah. Sungguhpun pada dasarnya Majlis ini adalah badan penasihat sehingga tahun 1941, tetapi pembentukan undang-undang mestilah mendapat kebenaran Majlis ini.³⁵ Daripada minit-minit mesyuarat dari tahun 1881 sehingga tahun 1941 adalah jelas bahawa setiap ahli jarang ditanya untuk memberikan pendapat mereka. Biasanya setiap ahli mempunyai pendapat yang sama. Oleh yang demikian, sesuatu peraturan itu akan diluluskan.

"More often, when the Rajah had definitely decided to do something, the Council members were asked, apparently as body, whether they agreed with the Rajah, which they invariably did, ... A clear indication of the Rajah's intention that a measure should be adopted always seemed to have the desired effect. The Council succumbed to the Rajah's determination and nerve".³⁶

Contoh yang jelas mengenai perkara ini dapat dilihat dalam mesyuarat yang diadakan pada 1 Februari 1897. Ahli-ahli diminta menyatakan pendapat mereka mengenai rang undang-undang yang berkaitan dengan hukuman penjara yang berat akan dikenakan kepada sesiapa yang didapati bertsalah membuat hubungan sulit dengan tunang orang lain. Abang Kassim menyatakan bahawa dia lebih suka sekiranya menurut undang-undang Islam. Datu Bandar menasihatkan bahawa hukuman yang lebih berat mesti dikenakan lebih daripada yang telah dilaksanakan dalam Mahkamah mereka. Datu Imam bersependapat dengan Abang Kassim. Haji Sudin menyatakan bahawa beliau tidak bersedia untuk mengesahkan kedua-dua pandangan itu. Akibatnya Rajah telah memutuskan bahawa adat istiadat adalah dikekalkan seperti yang sedia ada tetapi jika ahli-ahli itu dengan sebulat suara menentukan bahawa perubahan perlu dibuat, dia bersedia memberi pertimbangan.³⁷

Kadangkala ahli-ahli Melayu juga diminta oleh Rajah supaya memberikan cadangan mengenai hal-hal tertentu yang harus dilakukan

oleh Rajah, tetapi tidak akan mengubah amalan semasa sehingga ahli-ahli itu telah berfikir sedalam-dalamnya dan menyiasat perkara itu. Dalam kes-kes sedemikian, Rajah bersetuju menerima keputusan salah satu daripadanya tanpa keberatan.³⁸ Meskipun demikian pada kebiasaannya ahli-ahli akan bersetuju dengan keputusan Rajah.

Dalam mesyuarat Majlis yang pertama, telah dicatatkan bahawa sungguhpun ahli-ahli peribumi selalu ditanya sama ada mereka mempunyai sesuatu cadangan untuk dikemukakan, tetapi mereka tidak pernah melakukannya. Walau bagaimanapun secara beransur-ansur sikap ini telah berubah. Perubahan ini telah dijelaskan dalam minit mesyuarat pada 16 Ogos 1910, yang menyatakan bahawa:

The Council was convened this day when the Malay-Mohamedan members placed before his Highness the Rajah in Council a code of Laws which they wished to have approved and passed through Council in order to have the rules of procedure circulated throughout the Territory and followed in all the Mohamedan courts held by the different chiefs.

Sungguhpun Datu-Datu Melayu Kuching seperti yang dinyatakan di atas telah menyertai dengan lebih aktif dalam Majlis Tertinggi pada tahun 1910, namun Charles Brooke berpendapat Datu-Datu itu tidak begitu layak untuk memberikan sumbangan kepada kerajaan. Beliau percaya bahawa banyak perubahan yang berlaku di dunia luar dan oleh yang demikian pentadbiran di Sarawak juga semestinya mengalami perubahan. Oleh itu beliau telah mula membuat beberapa perubahan dalam struktur politik tradisional. Ini dapat diramalkan apabila beliau mengisytiharkan Majlis Tertinggi yang dibentuk pada tahun 1892, sudah ketinggalan zaman. Beliau berpendapat bahawa nasihat daripada orang-orang yang kurang berpendidikan Barat akan menimbulkan banyak masalah teknikal.³⁹ Menyentuh tentang kekurangan pendidikan Barat di kalangan Datu-Datu itu, beliau berkata;

...allowing full credit to the five Datos who sit on it as a majority with as a rule two European (s) and the Rajah as President and wishing to keep as intact as possible in its functions which were instituted by the first Rajah. Yet without any desire to lesser its dignity - it can scarcely how stand as a full quantity to administer the requirement (s) of such a population as Sarawak territory possesses when educated European heads are required to solve and balance so many

questions that more or less have to do with the outside world ... The Edifice may stand but it requires substantial outside supports.⁴⁰

Walaupun bagaimanapun Charles Brooke tidak pernah berusaha untuk memberikan pendidikan yang lebih tinggi kepada ketua-ketua Melayu, sebaliknya pendidikan yang diterima hanyalah setakat Darjah 5 sekolah Melayu. Malahan beliau tidak pernah menggalakkan mereka supaya mempelajari Bahasa Inggeris, apatah lagi untuk membuka sekolah kerajaan Inggeris di Sarawak.⁴¹

Walaupun peranan Datu-Datu itu tidak penting tetapi mereka menjadi ahli rasmi dalam Majlis Tertinggi. Majlis Tertinggi tidak lagi mengadakan mesyuarat rasmi selepas tahun 1927,⁴² tetapi Majlis masih berfungsi selepas tahun 1926, kerana perintah No. C-1 Perlembagaan 1941 menyatakan, "The Chief Secretary and the Financial Secretary shall be members of the Supreme Council ex-officio, and those Sarawak subjects who were members of the Supreme Council immediately prior to the enactment of this Ordinance shall remain members of the Supreme Council for the remainder of their lives."⁴³ Sehingga tahun 1926 Majlis Tertinggi boleh dianggap, "as an organ to give 'constitutional' approval to the Rajahs schemes and wishes, ... but it can hardly be said to have played a decisive part in actually moulding policy."⁴⁴ Pada umumnya boleh dikatakan bahawa Majlis Tertinggi itu hanyalah sebagai badan penasihat Datu-Datu Kuching. Walaupun secara tidak rasmi keahlian mereka dalam Majlis masih penting tetapi Majlis ini mirip seperti satu perhimpunan sosial dengan pembicaraan yang terhad kepada, "Apa khabar Datu-Datu? Khabar baik Tuan Rajah".

Selain menjadi ahli dalam Majlis Tertinggi, Datu-Datu juga merupakan ahli kepada Jawatankuasa Pentadbiran *ad hoc* yang dilantik untuk mentadbirkan Sarawak semasa ketiadaan Rajah di Sarawak. Jawatankuasa Pentadbiran ini berfungsi sebagai pengganti Majlis Tertinggi. Peraturan ini mula berkuatkuasa pada tahun 1884 apabila Rajah berada di England. Di samping Residen dari Bahagian Pertama yang mempengerusikan mesyuarat, ahli-ahli lain adalah ahli Majlis Tertinggi, dan kerani kepada Jawatankuasa itu. Ahli Jawatankuasa biasanya bertemu setiap bulan dan membincangkan perkara yang berkaitan dengan pentadbiran. Minit mesyuaratnya menunjukkan bahawa jawatankuasa telah membincangkan lebih banyak hal dan lebih banyak keputusan telah dibuat oleh badan ini daripada Majlis Tertinggi walaupun susunan kedua-dua badan itu adalah serupa. Walau bagaimanapun pada

tahun 1915 susunan kedua-dua badan ini berubah apabila pada 4 Oktober 1915, sebuah Jawatankuasa Pentadbiran Tetap yang baru telah ditubuhkan. Ahli-ahlinya terdiri daripada 8 orang Eropah, sementara ahli-ahli peribumi hanya dijemput untuk menghadiri mesyuarat hanya apabila difikirkan perlu. Oleh itu, Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Pentadbiran menjadi badan yang berlainan selepas tahun 1915. Pada tahun 1925, Jawatankuasa Pentadbiran menjadi lebih berkesan daripada Majlis Tertinggi apabila sebuah Jawatankuasa baru dibentuk yang mengandungi seorang ahli tambahan iaitu seorang Cina, dua orang ahli penasihat Melayu yang boleh mengundi dalam sebarang perkara yang bersangkutan dengan mereka.⁴⁵

Di samping sebagai ahli Majlis Tertinggi, Datu-Datu, bersama-sama dengan pegawai peribumi juga menjadi Ahli Majlis Negeri. Majlis ini dibentuk oleh Charles Brooke pada tahun 1865 bertujuan untuk merapatkan hubungan antara pegawai daerah dan pemimpin peribumi dengan kerajaan pusat. Mereka bertemu setiap tiga tahun dan membincangkan dasar-dasar yang umum. Dengan menghimpunkan pegawai-pegawai di Kuching, Brooke cuba menggalakkan mereka membangkitkan satu 'identiti' dan penyertaan dalam segala aspek kerajaan pusat. Dengan mewujudkan kesedaran sedemikian di kalangan mereka, Brooke berjaya mendapatkan kepercayaan dan kerjasama mereka. Tetapi dalam ertikata sebenarnya, mesyuarat itu adalah lebih menyerupai perhimpunan upacara tiga tahun sekali yang cuma mendengar ucapan Rajah daripada 'takhta' dan berunding sesama mereka sambil merayakan sesuatu.⁴⁶ Di bawah Perlembagaan 1941 yang diperkenalkan oleh Rajah Ketiga sempena Hari Perayaan 100 tahun pemerintahan Brooke pada bulan September 1941, peranan peribumi tetap sama seperti dahulu. Seperti kata seorang Residen di luar Kuching, mereka akan selalunya bersetuju dengan ahli kerana jawatan iaitu Bendahari, Ketua Setiausaha dan Residen dari Bahagian Pertama. Oleh itu mereka akan selalu berkata, "Mana Kata Tuan" dengan menggantikan "Mana Kata Raja".⁴⁷ Tambahan lagi, di bawah Perlembagaan 1941, bahasa Inggeris mesti digunakan sebagai bahasa laporan walaupun lebih daripada separuh Ahli Majlis Negeri tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris.⁴⁸

Peranan Ketua Melayu-Islam dalam Pentadbiran Sarawak

Seringkali dikatakan bahawa hanya pada masa pemerintahan Rajah Pertama, ketua-ketua Melayu-Islam diberi peranan dalam pentadbiran. Ini

mungkin benar dalam kes Datu-Datu Melayu Kuching, walaupun mereka memainkan peranan yang kurang penting sebagai pemimpin politik tetapi lebih penting sebagai pegawai rasmi di bawah pemerintahan Brooke. Apabila pemerintahan Brooke telah mantap pada akhir pemerintahan James Brooke dan pada zaman Charles Brooke, pemerintah berpendapat bahawa toleransi awal terhadap pandangan peribumi tidak lagi dikehendaki. Ini sangatlah ketara dalam kes Datu-Datu Melayu Kuching yang fungsi mereka semakin bersifat upacara dan hanya menyediakan keabsahan terhadap kepimpinan Rajah.

Sebaliknya di luar Kuching, Ketua-ketua Anak Negeri Melayu-Islam terus memainkan peranan yang lebih bermakna dalam pentadbiran di pedalaman. Charles Brooke tidak menghadapi masalah keselamatan yang sama seperti yang dialami oleh James Brooke pada masa awal pemerintahan Brooke. Oleh itu Charles Brooke tidak perlu bergantung sangat pada Datu-Datu Melayu Kuching untuk mendapatkan sokongan. Semasa pemerintahannya, peranan khusus bagi Pegawai Anak Negeri menjadi semakin penting, bukan hanya dalam konteks bilangan stesen luar mereka, tetapi juga kerana umumnya mereka banyak melaksanakan fungsi yang sama sebagai Penolong Residen. Mereka kerap kali diberikan tanggungjawab yang sepenuhnya dalam jabatan kerajaan di kawasan mereka. Mereka berfungsi lebih daripada hanya sebagai penasihat seperti Datu-Datu Melayu Kuching, di samping menjadi panglima peringkat rendah dalam ekspedisi penghukuman terhadap penentangan Iban.⁴⁹

Charles Brooke memerintah Sarawak selama hampir setengah abad (1868–1917). Dalam jangka waktu yang panjang ini, beliau telah menjalankan kekuasaan yang lebih penting pengaruhnya daripada Rajah-Rajah Brooke yang lain.⁵⁰ Beliau percaya bahawa seorang pemerintah Kolonel yang berjaya perlu mengetahui bahasa dan adat istiadat rakyatnya, menunjukkan rasa hormat kepada mereka dan mengiktiraf institusi mereka. Beliau seterusnya berpendapat bahawa untuk mengetahui lebih lanjut lagi tentang kebudayaan peribumi adalah lebih baik jika Pegawai Kolonel itu khususnya di peringkat pegawai daerah adalah seorang yang masih bujang. Dia menyimpulkan bahawa perkahwinan campur antara orang Eropah dan peribumi akan menghasilkan satu kumpulan manusia yang lebih dapat menyesuaikan diri daripada orang Eropah untuk membangunkan sumber ekonomi Sarawak.⁵¹ Oleh itu Raja Charles Brooke percaya bahawa Pegawai Dacrah dan Pegawai

Kolonel perlu menyedari dan memberi penghormatan yang sewajarnya kepada pandangan peribumi yang mungkin dikemukakan secara tradisional daripada menurut kaedah Barat. Seterusnya Charles Brooke menyatakan bahawa tatacara peribumi itu bukan sahaja perlu dipelihara kerana penghargaannya terhadap status 'noble savage' mereka, "but also because of the fact that it was only by maintaining authority largely along traditional lines within the native system that Sarawak could be ruled by a handful of Europeans. This indirect rule by a small number of Europeans was entirely dependent upon the maintenance of traditional native leadership and authority".⁵²

Pada tahun 1890 untuk tujuan kemudahan pentadbiran, Charles Brooke membahagikan negeri Sarawak kepada empat bahagian pentadbiran. Bahagian Pertama mengandungi sistem Sungai Sarawak dan Sandong; Bahagian Kedua, Sungai Batang Lupar, Saribas dan Kalaka; Bahagian Ketiga, Sungai Rajang, Oya, Mukah, Bintulu dan Matu; Bahagian Keempat, Sungai Baram dan Trusan. Apabila Limbang ditakluk pada tahun 1890, Charles Brooke mewujudkan satu lagi Bahagian yang dinamakan Bahagian Kelima pada tahun 1912. Setiap bahagian dibahagikan kepada beberapa daerah. Seorang Residen kelas pertama atau Residen Bahagian adalah bertanggungjawab terhadap Bahagian masing-masing, dan dia adalah secara langsung bertanggungjawab kepada Rajah.⁵³ Charles Brooke membahagikan pegawainya ke dalam beberapa peringkat, sementara Ketua Anak Negeri Melayu berkhidmat dalam Bahagian Ketiga dan Bahagian Keempat. Dalam Bahagian Ketiga, perkhidmatan Pegawai Peribumi meliputi pegawai Peribumi Melayu yang berkhidmat secara langsung di bawah Perkhidmatan Pentadbiran Kanan di Jabatan Stesen Luar. Dalam Bahagian Keempat, Perkhidmatan Pentadbiran Rendah meliputi kerani Melayu, Cina dan Iban. Seorang Residen bertanggungjawab ke atas setiap perincian pentadbiran Bahagiannya termasuk pemungutan cukai dan menyediakan laporan kepada kerajaan pusat. Adalah menjadi tugasnya bagi mendapatkan kepercayaan daripada ketua kelompok etnik dan membimbing mereka menerima Kerajaan Brooke dan 'faedah-faedah' daripada Kerajaan Brooke sebagai balasan kepada cukai kecil yang dikenakan ke atas mereka.⁵⁴

Di samping sebilangan kecil pegawai Eropah yang mentadbirkan stesen luar, terdapat juga Pegawai Anak Negeri yang memberi sumbangan kepada kejayaan pemerintahan Brooke. Banyak stesen dipertanggungjawabkan ke atas pegawai bukan Eropah dan kebanyakan

mereka ialah pegawai Melayu-Muslim, kecuali di Sibu pada tahun 1880-an dan Kalaka selepas 1900.⁵⁵ Misalnya, di Betong, Pusa, Tuban, Kabong, Saribas, Balleh dan Kanowit, pegawai-pegawai Kanan dan keseluruhan kakitangan junior biasanya adalah peribumi. Di stesen yang lebih besar, seperti Mukah, biasanya terdapat dua orang pegawai Eropah dan lima orang pegawai peribumi. Di Bintulu, biasanya terdapat seorang Eropah, tetapi kesemua yang lain ialah pegawai peribumi. Di Batang Lupar, biasanya terdapat dua orang Eropah dan sekurang-kurangnya tiga orang Pegawai Anak Negeri.⁵⁶ Apabila seorang Ketua Anak Negeri dilantik, biasanya mereka tinggal di stesen dan tidak pernah dihantar keluar daripada daerah mereka. Oleh itu pengetahuan mereka tentang hal-hal tempatan sangat diperlukan oleh Residen-Residen. Untuk setiap Bahagian, biasanya terdapat seorang Pegawai Peribumi yang kanan dan jawatan ini dipegang oleh Ketua Melayu-Muslim yang paling berpengalaman dan dipercayai. Setelah dilantik, mereka jarang diganti sehinggalah seseorang itu meninggal dunia. Satu contoh yang baik ialah kes Abang Aing, seorang Pegawai Anak Negeri di Bahagian Kedua. Dia memegang jawatan itu hampir selama 30 tahun dari tahun 1850-an sehingga tahun 1884. Abang Aing adalah Pegawai Anak Negeri yang disayangi oleh Charles Brooke. Dia merupakan salah seorang Panglima Charles Brooke semasa kempennya menentang Rentap pada tahun 1850-an. Apabila dia meninggal dunia pada tahun 1884 *Warta Kerajaan Sarawak (Sarawak Gazette)* menyebut kerjayanya sebagai satu contoh yang perlu diteladani. Obituarinya menyebut "Abang Aing's whole life has been given up to government affairs, he has not striven to enrich himself by trade not used his position of influence among the people for his own advantage".⁵⁷

Pegawai-pegawai Anak Negeri ini kesemuanya dianggap sebagai orang yang budiman seperti pegawai-pegawai Eropah "as with a European so with a native, the man well born and well to do takes a great pride in his work, if he has pride in himself and a character to lose".⁵⁸ Bermula daripada peringkat pentadbiran yang khusus ini, Charles Brooke menegaskan keperluan mencari orang yang sesuai untuk memerintah peribumi, sebahagiannya untuk mengukur simpati rakyat dan yang penting ialah melaksanakan fungsi kehakiman dengan betul dan meluas. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menjalankan pentadbiran serta mendapatkan pengetahuan tempatan. Bagi Charles Brooke, bangsawan Melayu-Islam adalah sesuai menjadi pentadbir.⁵⁹ Mereka juga sangat

sesuai dengan tanggapan Brooke yang ideal.

Dalam ucapannya kepada calon-calon pentadbir Sarawak pada tahun 1877(?) beliau menegaskan;

"Proper deference should always be shown to the chiefs, of what ever class they may be; and in any case of difficulty, more especially, when an officer feels he has not sufficient experience to decide with safety and even after-times in trivial affairs it is as well to ask the advise and opinion of the head-men. It satisfies them and strengthen you You are obliged in all cases to follow their advice, but the fact of asking is a compliment to them, and gives them an interest in what is being done by the government.⁶⁰

Justeru itu Charles Brooke selalu menegaskan bahawa adalah penting bagi pegawai Eropah mengambil kira pendapat peribumi dan menempatkan Pegawai Anak Negeri menurut kedudukan yang tinggi dan penting dalam pentadbiran tempatan. Namun demikian beliau tetap memastikan bahawa Pegawai Anak Negeri mestilah taat kepada Residen atau Pegawai Daerah Eropah. Beliau mengatakan;

The best manner in the long-run with natives is to be thoroughly natural, and in no way patronizing. A mixture of kindness and freedom with severity when required, without harshness of bullying. Joking to be limited to the comprehensions of the if they cannot understand a joke they are liable to misintepret and gather wrong impressions. Never put natives on a familiar footing. They hold their position in society, and you, yours. They are not inferior, but they are different.

Dengan demikian pengawasan terakhir masih berada dalam tangan orang Eropah, walaupun setiap peluang diambil untuk mendapatkan nasihat mendapatkan manfaat daripada pengetahuan pegawai peribumi yang mendalam tentang negeri itu dan rakyatnya.⁶¹

Pegawai peribumi dibayar gaji. Tugas mereka ialah membantu Pegawai Daerah dalam urusan pentadbiran am khususnya tugas polis di mahkamah yang menyelesaikan kes tempatan. Sebagai pengadil peribumi, mereka banyak memikul beban kerja di mahkamah. Kebanyakan mereka berasal daripada keluarga Melayu-Islam yang baik-baik. Charles Brooke percaya bahawa sebagai pemimpin tradisional, pegawai peribumi Muslim yang berpangkat tinggi ini boleh membangkitkan rasa hormat dan takut kepada orang Iban. Misalnya mengenai Abang Aing, Pegawai Peribumi Kanan di Bahagian Kedua, pernah dilaporkan sebagai "He was a legendary figure among the Ibans of the Second Divi-

sion, whose stories related that he could change himself into a pig' to frighten the Dayaks, in spite of the fact that pigs are, of course, Loatsome to good Muslims".⁶² Dengan memperkenalkan dan membiasakan golongan bangsawan dengan kerajaan, Charles Brooke telah mempertingkatkan kemampuan mereka bagi menimbulkan kesetiaan dan penghormatan yang lebih besar. Beliau mengharapkan supaya golongan ini dapat memperdalam undang-undang Islam, bahasa Iban dan undang-undang adat. Mereka juga ditugaskan untuk memberikan laporan kepada Residen-Residen yang baru dilantik mengenai hal-ehwal tempatan. Kadangkala apabila Charles Brooke campur tangan dalam hal-ehwal pentadbiran di Bahagian Kedua, beliau akan mengikut nasihat Ketua Peribumi dan bukannya mengikut nasihat Residen. Contoh yang baik mengenai hal ini ialah peranan yang dimainkan oleh Ketua-ketua Peribumi Kanan seperti Abang Aing dan Pangeran Matali. Pangeran Matali yang menggantikan Abang Aing sebagai Ketua Peribumi Kanan di Bahagian Dua, adalah cucu lelaki kepada Wazir Brunei. Beliau telah berjuang bersama-sama 'lanun' menentang Brooke pada tahun 1840-an sebelum balik ke kubu pertahanan Sekrang untuk berkhidmat dengan kerajaan yang baru. Mengulas tentang perlantikannya sebagai Pegawai Peribumi Kanan, *Sarawak Gazette* mencatatkan, "Full confidence is placed in this Pangeran, and has always been considered the best leader of warlike expeditions, knowing the different tribes and their languages better than any other Malay in these parts".⁶³

Dalam bukunya *Rajah's Servant*, A.B. Ward telah menjelaskan mengenai peranan peribumi yang sedemikian adalah jauh lebih bermakna daripada peranan Datu yang dikenal umum dan hanya berfungsi sebagai 'ceremonial' dalam Majlis Tertinggi di Kuching. Pegawai Peribumi stesen luar, selalu merupakan rumpun penduduk perbatasan yang kasar, mungkin kekurangan budi bahasa yang halus daripada saudara mereka di Kuching, tetapi mereka memegang jawatan yang sangat penting dan bertanggungjawab dalam kerajaan, menunjuk ajar pegawai Eropah dalam kerja-kerja Mahkamah, berkhidmat sebagai pemimpin dalam ekspedisi penghukuman untuk menentang penentang Iban dan memangku sebagai pentadbir yang jarang-jarang diawasi di daerah kecil yang penting seperti Betong dan jabatan perbatasan seperti Lubok Antu.⁶⁴ Pegawai-pegawai Anak Negeri Kanan ini selalunya bersifat "gentlemen" menurut anggapan Charles Brooke, sedangkan Pegawai Anak Negeri Kelas Kedua pula, yang buta huruf, dianggap oleh Charles

tidak 'gentlemen' dan tidak boleh dipercayai sangat walaupun mereka berguna untuk menyelesaikan kekacauan yang kecil dan sangat berguna untuk mengerahkan tenaga menjalankan ekspedisi yang tidak mengugut pemerintahan di pedalaman.

Oleh sebab Charles percaya bahawa sistem yang sesuai untuk memerintah masyarakat yang berbeza-beza dari segi etnik berdasarkan pemerintahan tidak langsung, dia memastikan bahawa di peringkat daerah pentadbirannya adalah diserahkan kepada penguasaan pentadbiran tempatan. Misalnya, dalam masyarakat Melayu dan Melanau di kawasan pesisir, salah seorang daripada dua orang tempatan yang lebih tua dan berpengaruh akan dilantik sebagai Tua Kampung oleh Rajah atas nasihat Pegawai Daerah. Tugas Tua ini ialah menyelesaikan perselisihan kecil, memungut cukai, memelihara undang-undang dan aturan dalam kampungnya dan kadangkala dia juga bertanggungjawab untuk memanggil polis stesen luar apabila dia tidak dapat memelihara undang-undang dan aturan di kawasanannya. Adalah menjadi tugas ketua kampung untuk menasihati Pegawai Daerah berhubung dengan perkara yang melibatkan penduduk kampungnya dan menjadi jurucakap untuk kepentingan kampung. Dengan kata lain, dia bertindak sebagai orang perantaraan kerajaan dengan rakyatnya. Oleh sebab itu ketua kampung tidak diberi gaji, membenarkan mereka menyimpan 10 peratus daripada cukai yang dikutip sebagai upah. Tetapi upah jenis ini telah diubah kepada satu sistem upah yang dapat mengurangkan pemerasan.⁶⁵ Penghulu-penghulu yang lebih tinggi kuasanya daripada Ketua Kampung biasanya merupakan peribumi bukan Melayu-Islam. Seorang penghulu biasanya bertanggungjawab kepada satu atau lebih kampung selain kampungnya sendiri. Sebagaimana Ketua Kampung, mereka dilantik oleh Rajah dengan nasihat Pegawai Daerah. Seorang penghulu biasanya memelihara undang-undang dan peraturan dan boleh mengadili kes jenayah dan kes yang kecil. Beliau juga memungut cukai pintu dan adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menggunakan budi bicaranya bagi mengecualikan cukai kepada orang tua dan orang yang sakit. Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan pasukan tentera apabila diperlukan oleh Rajah dan beliau perlu menyertai ekspedisi itu selaku panglimanya. Seterusnya, seorang penghulu dianggap sebagai penyambung asas antara sistem kerajaan peribumi sebelum ketibaan Brooke dan kerajaan yang dibentuk oleh keluarga Brooke. Kebanyakan penghulu diberi bayaran sugu hati daripada cukai yang dikutip tetapi ada

juga yang dibayar gaji dan memegang kedudukan yang sama dengan kedudukan seorang Pegawai Anak Negeri.

Pada peringkat pentadbiran tempatan yang paling rendah, terdapat ketua kampung atau ketua masyarakat yang dipilih oleh penduduknya sebagai Penolong Penghulu. Biasanya mereka mengawal peraturan, menyelesaikan perselisihan kecil dan membantu memungut cukai. Walau bagaimanapun ketua kampung daripada pelbagai kumpulan etnik yang berlainan ini bukanlah pegawai yang bergaji, sebaliknya hanya sebilangan kecil sahaja yang menerima bayaran sugu hati daripada cukai yang dipungut. Seperti yang telah dinyatakan oleh Lockard, "this whole structure of local participation was in no way formalized and in detail varied from time to time and place to place".⁶⁶

Di peringkat daerah, walaupun Charles Brooke mengiktiraf bangsawan Melayu tempatan tradisional dari kawasan-kawasan sungai sebagai kelas pemerintah yang asal tetapi dalam beberapa kes tertentu apabila keadaan tempatan yang berbeza daripada pola umum, Charles Brooke tidak ragu-ragu untuk melantik peribumi bukan-Islam sebagai Pegawai Anak Negeri. Tetapi penduduk minoritinya ialah Melayu-Islam. Ini adalah ketara dalam kes pemimpin Iban seperti Nanang, Insol dan Ringkai dari Saribas. Malahan Charles Brooke menganggap misalnya Pegawai Anak Negeri Nanang tergolong dalam kumpulan elit peribumi Sarawak dan Nanang akhirnya menjadi Ahli Majlis Negeri. Keadaan ini juga berlaku kepada Ringkai yang diberi gelaran Pengarah pada tahun 1882. Beliau juga dilantik sebagai seorang Ahli Majlis Negeri. Pada hakikatnya Ringkai adalah Ketua Anak Negeri bukan muslim yang pertama menerima gaji dalam senarai Perkhidmatan Awam Tahun 1900. Kesemua pegawai lain dalam senarai itu adalah Ketua Anak Negeri Melayu-Islam.⁶⁷

Dalam satu kawasan yang terdiri daripada orang Islam dan bukan Islam, seperti daerah Melanau, pentadbiran Brooke menerima kepimpinan Islam. Ini agak mudah disesuaikan oleh Brooke tentang Melayu-Islam, dan mengabaikan yang bukan muslim. Oleh itu kita dapati bahawa orang Melanau-Islam berkhidmat dalam Majlis Negeri, sementara orang Melanau bukan Islam tidak pernah diberi peluang demikian. Orang Melanau-Islam dilantik menjadi Pegawai Anak Negeri dalam masyarakat campuran itu. Misalnya di daerah Oya, bahasa pentadbiran Brooke dan dokumen rasmi ditulis dalam bahasa Melayu dalam tulisan Jawi. Sebagai akibatnya, kakitangan perkhidmatan awam peringkat ren-

dah selalunya diambil daripada kalangan orang Islam.⁶⁸

Di samping faktor yang dibincangkan di atas, Rajah Kedua melatih segolongan orang Melayu-Islam peribumi berdasarkan beberapa sebab. Apa juga alasan yang dikatakannya tentang masalah yang dihadapinya dan tidak mempunyai banyak pilihan untuk memilih daripada beberapa "rotten apples" (dia tidak mempunyai sumber lain yang lebih baik untuk mendapatkan Ketua Anak Negeri yang baru), pentadbirannya keseluruhannya dianggotai oleh Pegawai Anak Negeri Melayu-Islam. Dengan mengambil mereka, beliau menyelamatkan tenaga manusia, wang dan yang terpenting sekali beliau boleh mendapat lebih keyakinan daripada orang tempatan. Malahan dengan bergantung secara berterusan kepada mereka, kerajaan Sarawak dapat menyimpan wang tabungan yang banyak. Misalnya pada tahun 1880, sebuah akhbar Singapura mendapati bahawa pentadbiran Brooke membelanjakan kurang daripada seringggit seorang penduduknya berbanding dengan \$6.00 hingga \$19.46 untuk beberapa negeri di Tanah Melayu.⁶⁹ Dengan berbuat demikian, Rajah dapat menjimatkan lebih kurang 0.5 juta ringgit setahun dalam tempoh dari tahun 1920 sehingga tahun 1930-an.

Pengetahuan khusus Pegawai Peribumi dalam hal-hal tempatan membolehkan Brooke tidak perlu bimbang tentang pembentukan undang-undang dan adat istiadat seragam yang bertulis. Namun begitu, Brooke juga memperkenalkan undang-undang bertulis untuk membi-cayakan kes pembunuhan, rompakan dan jenayah lain dengan segera selepas menjawat jawatan tersebut pada tahun 1841. Bagi Brooke, hakikat bahawa adat istiadat yang berbeza dari satu tempat ke satu tempat lain mewujudkan kesukaran. Itulah yang menyebabkan Charles Brooke tidak pernah membuat sebarang usaha yang serius bagi membentuk sistem undang-undang yang seragam. Sebaliknya, dia lebih suka menjadikan Residen dan Pegawai Daerah terlalu bergantung pada pegawai Peribumi dan Penghulu.

Beliau hanya memperkenalkan pembaharuan secara perlahan-lahan dan berhati-hati untuk menghapuskan adat istiadat yang "buruk" dalam adat Melayu-Islam dan adat bukan Melayu-Islam. Misalnya adat mengenai 'kuasa'. Ini merupakan cara untuk memelihara hubungan dengan pemimpin Melayu-Islam, sementara rakyat jelata terus dengan cara kehidupan mereka tanpa menimbulkan sebarang masalah kepada Brooke. Pada hakikatnya rakyat tidak menyedari kesan yang mendalam dan implikasi daripada apa yang telah dilakukan oleh Brookes kepada mereka.

Kesimpulannya boleh dikatakan bahawa penyertaan orang Melayu-Islam dalam pentadbiran semasa rejim Brooke boleh dilihat dalam tiga peringkat. Datu-Datu Melayu Kuching memainkan peranan dalam peringkat pentadbiran paling atas, terutamanya semasa zaman awal pemerintahan James Brooke. Tetapi peranan mereka beransur-ansur dikurangkan dan akhirnya menjadi satu upacara sahaja semasa zaman Charles dan Vyner. Sebaliknya, pegawai golongan tengah misalnya Pegawai Anak Negeri menjadi bertambah penting dalam pentadbiran Brooke. Mereka bukan sahaja penting dalam konteks bilangan mereka, malahan juga penting dalam beberapa kawasan di mana pegawai-pegawai sepatutnya seorang Eropah, sebaliknya jawatan itu telah dipenuhi oleh Ketua Anak Negeri Melayu-Islam. Di peringkat bawah ialah kategori ketiga, iaitu ketua kampung yang biasanya menyertai pentadbiran tempatan. Mereka juga memainkan peranan penting menguruskan hal-ehwal tempatan sesuai dengan adat istiadat rakyatnya.

Jadi, oleh sebab Brooke tidak mampu dan juga enggan membawa masuk pentadbir Eropah, pentadbiran mereka adalah sebahagian besarnya bergantung pada perkhidmatan Pegawai Peribumi. Pegawai Eropah yang kecil bilangannya itu telah memaksa mereka bergantung pada persetujuan bersama peribumi, walaupun ia bukanlah kerjasama yang sebenar.⁷⁰ Sungguhpun begitu peranan politik yang baru ini menjadi terhad, pertama, mengikut konsep politik Barat iaitu sesiapa yang menadbir tidak sepatutnya terlibat dalam perdagangan. "Rulers did not soil their hands in trade".⁷¹ Kedua, oleh ketidakluasan dalam jawatan dan tugas pentadbiran yang membenarkan mereka berbuat demikian.

Justeru itu, dari segi ekonomi, kedatangan pemerintahan Brooke yang mempercayai bahawa percantuman antara kegiatan perdagangan dan pentadbiran akan mengakibatkan rasuah dan kemasukan pedagang Cina secara besar-besaran, dan akan menurunkan orang Melayu ke taraf yang kurang penting dalam perdagangan walaupun sebelum kedatangan Brooke, nakhoda-nakhoda Melayu-Islam dan pedagang kecil telah menunjukkan kejayaan perdagangan yang baik. Charles Brooke dan Vyner Brooke kurang bersimpati terhadap pedagang Melayu-Islam. Mereka percaya bahawa pegawai kerajaan tidak harus menjadi pedagang sambil kerana ini akan mencemarkan kewibawaan dan keadilan mereka. Oleh sebab kebanyakan golongan bangsawan di Kuching adalah kakitangan kerajaan, maka ini menghalang mereka berdagang.⁷² Walau bagaimanapun hubungan rapat dengan pentadbiran itu sekurang-

kurangnya telah memberikan sedikit pengalaman kepada ketua-ketua Melayu-Islam dan memberikan kefahaman tentang kesedaran politik dan pengetahuan umum mengenai perlengkapan dan jentera kerajaan.

Di Sabah, pada masa yang sama, penyertaan orang Melayu-Islam dalam politik dan pentadbiran adalah berbeza sedikit dengan kes yang berlaku di Sarawak. Perbezaan ini boleh dilihat dalam konteks penyertaan mereka dalam kerajaan. Di Sabah, penyertaan orang Melayu-Islam terhad di peringkat tempatan, sedangkan di Sarawak, mereka berkhidmat di peringkat negeri dan tempatan.

Dalam tempoh ini (1881-1941), Sabah (Borneo Utara) diperintah oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British.⁷³ Walaupun Syarikat Berpiagam mendapat Piagam Diraja (Royal Charter) pada tahun 1881, tetapi pelopor pentadbirnya, seperti William Pretyman, H.L. Leicester dan William Pryer telah berada di Sabah sejak tahun 1878 lagi. Untuk mengimbangi kekurangan pengaruhnya di Borneo semasa menunggu Piagam Diraja daripada Kerajaan British, Sindiket Dent⁷⁴ membentuk tiga pusat pentadbiran di Tempasuk, Papar dan Kampung Serman (Sandakan).

Semasa Pretyman menjadi Residen pertama di Tempasuk pada tahun 1878, tidak ada ketua yang kuat untuk mengawal daerah itu selepas kematian Syarif Usman pada tahun 1845. Apabila Pretyman tiba, kawasan pantainya diduduki oleh orang Bajau dan Illanun, manakala kawasan pedalaman didiami oleh masyarakat orang Dusun dan Murut. Penduduk di kawasan ini diperintah oleh Datu Roumbangong. Dalam buku catatan hariannya⁷⁵, Pretyman mencatatkan cerita bagaimana pada awal pentadbirannya, beliau banyak bergantung pada ketua tempatan seperti Datu Roumbangong, Datu Temenggung, Syarif Hussein dan Syarif Ali bagi mengatasi perselisihan di antara orang Dusun, Bajau dan Illanun. Apabila beliau mula mentadbir Tempasuk, beliau telah ditentang oleh orang Bajau, tetapi bukannya Datu Roumbangong. Datu itu telah memberitahu Pretyman bahawa ada segolongan rakyatnya yang menentang peraturan yang baru itu, walaupun dia sendiri menyambut baik peraturan tersebut.

Pretyman tertarik hati dengan sikap terbuka Datu Roumbangong kerana beliau bukan sahaja ditentang oleh orang Bajau dan Suluk, malah juga oleh orang Dusun. Mereka enggan membayar cukai yang baru dan menyalahkan kehadiran kerajaan yang baru itu yang menyebabkan kekacauan berlaku ketika itu. Tetapi apabila Pretyman mulai

memperkukuhkan kedudukannya di daerah itu, dan orang Dusun mendapati Mahkamah Pretymen begitu cekap dan dapat menyelesaikan perselisihan mereka dengan orang Bajau secara damai, maka mereka dengan sukarela telah membayar cukai sepuluh gantang beras untuk seorang, yang pada suatu masa dulu dibayar kepada orang Bajau.⁷⁶ Selepas mentadbir daerah tersebut untuk beberapa lama, secara beransur-ansur beliau memperoleh sokongan daripada orang tempatan. Beliau memulakan mesyuarat mingguan dengan ketua-ketua Bajau, Illanun dan Dusun. Walaupun ini merupakan sebahagian daripada kejayaan yang dicapainya, namun Pretymen terus bekerja bersama-sama mereka. Sebelum dijalankan upacara pengurniaan Piagam Diraja, beliau telah mengumpulkan semua ketua di sepanjang Sungai Tempasuk bagi memilih ketua-ketua kampung. Ketua kampung masih bertanggungjawab menjaga keamanan kampung mereka dan menyediakan laporan mengenai sebarang kejadian jenayah; mereka perlu menyatakan dengan ringkas dari semasa ke semasa kepada ketua mereka atau kepada Residen jika terdapat sesiapa yang tidak mematuhi undang-undang.⁷⁷

Di Papar, semasa H.L. Leicester dihantar sebagai Residen pertama pada tahun 1879, daerah itu ditadbir oleh seorang ketua Muslim. Bekas tuan punya daerah itu telah dihalau oleh sekumpulan orang Bajau yang diketuai oleh Datu Amir Bahar. Tidak seperti Pretymen, Leicester hanya dapat bersabar dan menghadapi masalah dalam mentadbir daerah itu lebih kurang selama satu setengah tahun. Beliau meletakkan jawatan pada bulan Ogos 1879 kerana tidak dapat mentadbir masyarakat yang mempunyai sistem adat dan sistem pencukaian peribumi yang 'kompleks'. Beliau digantikan oleh A.H. Everett yang datang dari Sarawak. Dengan bantuan Gabenor Treacher dan Sultan Brunei, Everett berjaya menghalau Datu Bahar dari daerah itu ke Sungai Pangalat.⁷⁸ Kemudian sungai itu dikurniakan pula kepada Syarikat Berpiagam oleh sultan tanpa berunding terlebih dahulu dengan pemiliknya iaitu Pangeran Abd Rauf yang mewarisi daerah itu. Walau bagaimanapun, Pangeran Abd Rauf bersetuju menyerahkan daerah itu dengan bayaran \$300 setahun selepas berunding dengan pegawai-pegawai Syarikat.

Di Sabah, antara ketiga-tiga orang Residen yang dilantik oleh Syarikat Berpiagam iaitu, Pretymen, Leicester dan Pryer, pada tahun 1878, Prayer dianggap sebagai pentadbir yang paling berjaya. Beliau berjaya mendapat keyakinan dan sokongan peribumi di Sandakan.

Penduduk di Sandakan terdiri daripada orang Bajau dan Suluk. Se-

belum tahun 1878, mereka berada di bawah penguasaan Sultan Sulu yang nominal. Hubungan di antara dua kumpulan itu sebahagian besarnya dijalin melalui satu sistem sosial yang teratur yang berdasarkan terutamanya kepada keturunan, dan kewibawaan diberi kepada datu atau ketua Sulu yang tertinggi. Sistem ini menyebutkan;

"A way of organizing ... villages into superlocal political units and ... of incorporating individuals of different ethno-linguistic groups, as well as non-contiguous villages, into extensive albeit loosely structural confederacies of ruling datu".⁷⁹

Hasil hutan dan laut di Borneo merupakan sebab penting yang menyebabkan Datu Sulu berpindah dan menubuhkan penempatan di pantai Borneo.⁸⁰ Datu-Datu yang separuh bebas bersama-sama dengan orang Illanun dan Bajau tinggal di kuala sungai dan mengukuhkan kedudukan dan kuasa mereka dengan mengenakan cukai dan merompak penduduk dan pedagang yang melintasi kawasan tersebut. Kuasa dan reputasi seorang Datu atau ketua adalah diukur dengan jumlah bilangan hamba atau pengikut yang dimilikinya. Perhambaan adalah sebahagian daripada sistem hubungan sosial dan politik yang wujud di kalangan orang Suluk.⁸¹ Inilah keadaan yang dihadapi oleh Pryer apabila beliau tiba di Sandakan.

Pada peringkat awal pentadbirannya di Sandakan, kewibawaan Pryer memainkan peranan yang sangat penting untuk memantapkan kerajaan baru itu. Beliau adalah seorang yang cergas serta mempunyai minat yang tinggi terhadap negeri dan rakyatnya dan mempunyai hasrat untuk memperbaiki keadaan mereka. Misalnya dasar pemujukan yang digunakan secara damai telah berjaya mendapat sokongan dan membolehkan mereka bekerjasama untuk mewujudkan keamanan dan mengembangkan perdagangan. Beliau juga telah dapat mengeratkan hubungan persahabatan dengan golongan rakyat bawahan. Beliau tidak memperkenalkan sebarang perubahan secara terburu-buru, sebaliknya beliau mempraktikkan sesuatu perubahan secara beransur-ansur dan mengambil kira adat istiadat yang wujud di kalangan penduduk. Dalam urusan pentadbiran pengadilan, beliau menjemput Ketua Daerah bersama-sama-samanya sebagai hakim. Sekiranya beliau mempercayai ketua-ketua itu, beliau akan menyerahkan kesalahan kecil dibicarakan oleh mereka dengan hak untuk merayu kepada Residen jika pesalah tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan. Tidak seorang pun dibenarkan membeli tanah daripada peribumi melainkan menerusi Residen yang

seharusnya memastikan sama ada penjual itu menerima hasil jualan yang adil atau ganti rugi yang setimpal.⁸² Dari sejak permulaan kedatangannya, Pryer kerap melawat daerah dan ketua-ketua anak negeri, ketua kampung, kapten kapal dan anak-anak kapal berbincang tentang sesuatu perkara atau mencari penyelesaian sesuatu masalah. Selama empat tahun sebelum penubuhan pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara, pada tahun 1881 Pryer berjaya mentadbir pantai timur laut Sabah secara bersendirian.⁸³

Tidak seperti James Brooke di Sarawak, Pryer bernasib baik kerana tidak menghadapi tentangan daripada ketua-ketua tempatan. Di Sandakan, penduduknya berpecah-belah dan tidak ada ketua yang boleh mengembangkan kekuasaan di luar sempadan petempatannya yang terbatasi kecuali dengan sokongan kuat Kesultanan Sulu.

Dalam usahanya untuk membentuk sistem kerajaan yang kekal dan luas, beliau menyedari bahawa adalah perlu menggunakan sistem politik peribumi, 'sistem Datu'; dan juga kebijaksanaannya sendiri untuk mendapatkan keyakinan dan sokongan mereka secara sukarela. Beliau mengetahui bahawa penduduk residensi itu adalah masih taat kepada Sultan Sulu, oleh itu beliau cuba sedaya upaya mengingatkan mereka bahawa beliau adalah dilantik oleh Datu Baron Von Overbeck, Maharaja Sabah dan Raja Gaya dan Sandakan (gelaran yang diberi oleh Sultan Sulu), sebagai salah seorang Datu Kesultanan Sulu. Tanpa sokongan daripada rakyat dan ketua mereka, tidak mungkin untuk Pryer memerintah kawasan ini hanya dengan dibantu oleh dua orang pembantu yang terdiri daripada seorang Afrika dan seorang India Barat, yang diperkenankan oleh Overbeck untuk menjadi pegawainya.⁸⁴ Dalam bulan pertama pemerintahannya, beliau telah menunjukkan kemampuan bagi mendapatkan penyelesaian terhadap satu peristiwa yang serius yang berlaku di Timbong.

Apabila beliau tiba di Sandakan, beliau ditugaskan untuk memungut cukai yang dikenakan ke atas kesemua perdagangan yang berulang-alik melalui pelabuhan Sandakan dan juga dalam mengeluarkan undang-undang dan perintah. Untuk mengelakkan berlakunya sesuatu kejadian yang tidak diingini, akibat daripada undang-undang dan cukai yang baru itu, beliau telah menjemput ketua-ketua kampung tempatan dan cuba menjelaskan tindakannya dan cukai tarif yang dipungut itu akan digunakan untuk melindungi mereka daripada dieksploitasi dan dirompak oleh orang asing. Beliau meminta kerjasama dan sokongan

menentang sebarang pencerobohan.⁸⁵ Walau bagaimanapun, orang Bajau masih tidak dapat diyakinkan dan selepas mengadakan beberapa mesyuarat, mereka memutuskan bahawa 'tuan putih' itu mesti dihalau keluar. Pada masa itu ketua mereka yang bernama Emaum Jelanee, telah pergi ke tempat lain dan mereka bersetuju tidak akan mengambil sebarang tindakan sebelum mendapat nasihat daripadanya. Pada masa yang kritikal ini berita mengenai Kampung Timbong telah diserang oleh pengacau telah diberitahu kepada mereka. Mendengarkan berita itu, Pryer dengan segera mengumpulkan orang Sandakan dan mengarahkan beberapa orang pegawainya untuk melindungi kampung itu. Pryer telah pergi ke Timbong dan memujuk penduduk di sana supaya jangan meninggalkan tempat itu dan menjelaskan bahawa keselamatan mereka adalah terjamin. Jaminan itu dipastikan dengan mengarahkan pasukan bersenjata mengawal kawasan itu. Beliau meminta pertolongan panglima Abdul Rahman ketua orang Bajau di Dapak dan 100 orang anak buahnya bagi menangkis serangan musuh. Walaupun penyerang itu sudah melarikan diri, usaha dan sikapnya yang tegas telah memberi kesan baik kepada penduduk-penduduk di situ. Oleh itu mereka mula menaruh kepercayaan kepadanya sebagai seorang pelindung dan pada masa yang sama beliau dengan mudah memperoleh sokongan dan pertolongan daripada ketua-ketua peribumi yang terkemuka seperti Panglima Abdul Rahman dan Datu Temenggung Gumbah.

Datu Gumbah adalah seorang Pengadil Peribumi yang menjadi lambang bagi penyatuan kepimpinan tradisional yang wujud pada ketika itu ke dalam pemerintahan bercorak kolonel. Beliau merupakan seorang ketua Sulu dan pada suatu masa memegang kedudukan yang penting dalam Mahkamah Sulu. Semasa Sepanyol mengepung gugusan kepulauan Sulu, beliau diarahkan untuk mengawasi beberapa perkara penting. Sebagai salah seorang pegawai peribumi yang ulung dalam kerajaan Syarikat Berpiagam, beliau telah banyak membantu Pryer menjalankan tugas yang sulit bagi menyusun peraturan di kawasan Teluk Sandakan. Pada tahun 1882 Datu Gumbah dilantik menjadi Pengadil Peribumi di Teluk Darvel.

Oleh yang demikian, Pryer telah membangunkan Elopura yang kemudiannya dikenali sebagai Sandakan bersama-sama dengan Pegawai Anak Negeri dan Ketua Kampung Elopura. Sandakan telah dibangunkan secara beransur-ansur. Selepas memusnahkan kubu lanun kepunyaan Datu Kurunding di Tunku akibat serangan kapal *The HMS Kestrel*, San-

dakan menjadi makmur, kerana perdagangan semakin berkembang dan lebih ramai orang datang mendiami bandar itu. Ramai orang Bajau, pengikut Datu Kurunding, telah melarikan diri ke Pulau Omaddal, yang merupakan tempat pertemuan dan kubur tradisional bagi orang Bajau Laut, yang terletak di sudut tenggara Teluk Darvel, iaitu tempat mereka membentuk satu tapak gerakan yang jauh daripada kawalan syarikat.⁸⁶ Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1881, lebih daripada 30 perahu dapong dari Sibutu dan pulau-pulau yang lain di utara seperti Sulu datang berdagang.⁸⁷ Dalam usaha untuk memelihara undang-undang dan peraturan, Pryer dibantu oleh pasukan polis yang kecil, yang diantar dari Singapura, dan juga dibantu oleh ketua-ketua peribumi tempatan.

Dalam dekad awal pentadbiran Pryer, Pretymen dan Leicester, ketua-ketua peribumi tidak digabungkan sebagai pegawai bergaji, tetapi terus mentadbir pengadilan, memelihara keamanan dan memungut cukai atas dasar komisen seperti pada masa lalu. Dengan mengekalkan struktur institusi peribumi yang tradisional, ketiga-tiga orang Residen itu dapat memelihara dan mengukuhkan kedudukan mereka. Menerusi kemahiran dan keberanian, mahupun dengan cara mengadu-dombakan seorang ketua dengan ketua yang lain terutamanya Pryer telah dapat mentadbir daerah mereka dengan bantuan ketua-ketua peribumi saja.

Pentadbiran Peribumi Syarikat Berpiagam

Di bawah pentadbiran Syarikat Berpiagam, keperluan untuk mendapatkan sokongan kepada kewibawaan peribumi adalah diakui dengan pengkalan teras asas institusi peribumi yang tradisional dan struktur itu hanya diubah sedikit yang disesuaikan dengan keruwetan pentadbiran. Institusi Peribumi yang utama yang kemudian digabungkan ke dalam pentadbiran Syarikat ialah Institusi Ketua Anak Negeri, Ketua Kampung (Orang Tua) dan Mahkamah Anak Negeri. Dasar syarikat yang cuba mentadbir dan membangunkan daerah besar yang berkembang dengan kakitangan Eropah yang terhad mengakibatkan pergantungan kepada sejumlah besar Ketua Kampung Tempatan. Untuk menjamin kecukupan dan penguasaan yang baik, Syarikat telah membahagikan ketua-ketua itu kepada ketua yang diakui dan yang tidak diakui. Pemilihan dibuat berdasarkan pengaruh dan kekuatan seseorang ketua. Ketua yang diperakui akan digelar Ketua Anak Negeri dan digabungkan ke dalam pentadbiran Syarikat. Kemudiannya mereka dibahagikan pula

kepada Ketua Anak Negeri yang dibayar gaji dengan Ketua Anak Negeri yang tidak dibayar gaji. Pada teorinya, tugas Ketua Anak Negeri yang bergaji ialah memelihara keamanan dan peraturan, mengutip cukai kepala dan mentadbir keadilan di daerah mereka. Walau bagaimanapun, dengan peredaran masa, kebanyakan ketua bergaji itu juga menjalankan tugas mereka di kawasan ketua-ketua yang tidak bergaji. Sebaliknya, ketua yang tidak bergaji diberikan tugas memungut cukai kepala yang disalurkan sama ada terus kepada Pegawai Daerah Eropah atau melalui ketua bergaji. Dengan cara itu keseimbangan masyarakat tradisional dipelihara dan ditingkatkan, malah prinsip kepimpinan yang berdasarkan etnik dilaksanakan dengan tegas. Dalam kes Ketua Kampung pula, Ketua Kampung yang diperakui akan menerima bayaran antara \$3.00 ke \$5.00 sebulan sebagai upah. Memandangkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi dan untuk membiayai kakitangan kerajaan yang ramai, satu kaedah telah dicipta iaitu suatu bentuk kerajaan yang tidak formal akan diperkenalkan. Bentuk kerajaan tidak formal ini ialah memperuntukkan penguasaan kawasan yang luas kepada beberapa orang ketua. Walau bagaimanapun tidak mungkin bagi Syarikat mengadakan penyeliaan penguasaan yang berkesan ke atas ketua-ketua tradisional di kawasan terpencil.

Kedudukan Ketua Kampung telah diiktiraf pada tahun 1891 dalam akta 'Village Administration Proclamation'. Tujuannya ialah untuk menguatkan kedudukan Ketua Kampung. Pengisytiharan itu menggariskan tanggungjawab dan kuasa Ketua Kampung yang dilantik oleh kerajaan. Antara lain, Ketua Kampung diberi kuasa sebagai Pengadil Minor. Tetapi semasa W.C Cowie menjadi pengarah Syarikat (1900-1910) iaitu ketika kekuasaan Syarikat meluas di Sabah, tenaga Ketua Anak Negeri begitu kurang digunakan berbanding pada masa pentadbiran Pryer. Sebahagiannya adalah disebabkan oleh kurangnya keyakinan pegawai Eropah terhadap kebolehan Ketua Peribumi. Walau bagaimanapun, sebab utama ialah kerana penumpuan Cowie terhadap pembangunan ekonomi sehingga menyebabkan urusan pentadbiran kurang diberikan perhatian. Semasa Birch menjadi Gabenor pada tahun 1901-1904, usaha telah dibuat untuk menyusun semula sistem Ketua Anak Negeri.⁸⁸ Birch percaya bahawa untuk memperbaiki pentadbiran Syarikat dan memastikan bahawa peribumi akan diawasi dengan baik, maka beliau memerlukan penambahan seorang atau lebih pegawai Eropah untuk ditempatkan di kawasan luar bandar. Dasar Birch yang demikian dapat

ditafsirkan sebagai satu petanda ketidakpercayaan Birch terhadap Ketua Anak Negeri dan lebih senang kalau bilangan pegawai Eropah ditambah bagi memudahkan tugas pengawasan tadi. Malahan beliau terus melaksanakan dasar ini kerana selaras dengan pandangannya yang menganggap meskipun peribumi diizinkan menyertai pentadbiran, tetapi kuasa kolonial sepatutnya menguasai keseluruhan pentadbiran itu.

Sehingga tahun 1902 Birch berjaya menambahkan bilangan pegawai Eropah daripada 28 orang, pada tahun 1985 menjadi 60 orang.⁸⁹ Dengan berbuat demikian beliau berharap akan dapat membangunkan Sabah sebagai "harta yang sangat berharga, ...".⁹⁰ Beliau memohon bantuan kewangan bagi membiayai penempatan pegawai di kawasan pedalaman untuk mengawasi pekerja membina jalan kecil yang menghubungi daerah melalui kereta api, di samping meluas dan memperbaiki kutipan hasil pendapatan. Mengenai pentadbiran peribumi, Birch menulis "the secret of success in investigating native affairs lies in personal enquiry on the spot. To hug the coast like the Dutch in Acheen and make periodical sorties on some inland vastness is a policy doomed to failure".⁹¹ Oleh itu, Birch memastikan bahawa pegawai-pegawai dihantar ke serata pelosok negeri supaya tidak ada pusat penduduk dan pusat kegiatan ekonomi yang ketinggalan tanpa pengawasan pegawai Eropah dalam masa yang lama. Dengan cara yang demikian kesemua kawasan akan dapat dikunjungi secara lebih teratur.

Dengan perluasan pentadbiran Syarikat dan pertambahan bilangan pegawai Eropah, kegiatan Ketua Anak Negeri diawasi dengan teliti bagi mengelakkan penyelewengan. Birch menyusun semula Undang-undang 1891, yang telah ditulis oleh Gabenor C.V. Creagh, untuk membezakan antara Ketua Anak Negeri dengan Ketua Kampung. Ketua Kampung tidak dibayar gaji tetapi menerima 10 peratus komisen daripada cukai kepala.⁹² Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah besar yang dibayar dengan gaji \$5.00 sebulan. Dalam proses pemilihan, Pegawai Daerah memainkan peranan penting untuk menimbangkan sama ada seorang Ketua Kampung patut menerima gaji \$5.00 atau hanya berfungsi sebagai Ketua Kampung biasa yang tidak dibayar gaji. Ketua Kampung yang terbaik biasanya memainkan peranan penting sebagai Pengadil Anak Negeri mengawasi daerah mereka, menyelia pemungutan cukai dan melaksanakan kerja seorang Pegawai Daerah di daerah pedalaman. Dalam keadaan tertentu ketua-ketua itu lebih dikenali oleh penduduk daripada Pegawai Eropah. Satu contoh yang baik dalam kate-

gori ini, ialah Panglima Udang, yang menggantikan Maharaja Alam di Teluk Darvel pada tahun 1903. Panglima Udang ialah seorang pemimpin yang berkebolehan dan memainkan peranan penting membantu Syarikat meluaskan kekuasaannya di Teluk Darvel.

Selain Panglima Udang, terdapat beberapa orang ketua yang terkemuka seperti Pangeran Haji Omar, Pangeran Abbas, Orang Kaya Haji Mohd Arshad dan Haji Pati. Pangeran Haji Omar, seorang Melayu Brunei, menjadi ketua di Sipitang pada tahun 1911. Kemudian, beliau dilantik sebagai Ketua Kepple Selatan (Putatan dan Papar) dengan dibayar gaji sebanyak \$50.00 sebulan. Beliau ialah Ketua Anak Negeri yang pertama dilantik sebagai Timbalan Pembantu Pegawai Daerah (DADO) oleh kerajaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara pada tahun 1915. Beliau bertanggungjawab terhadap daerah Putatan. Pangeran Abbas seorang Ketua Province Dent (Semenanjung Padas Klias) dari sejak penyerahan daerah itu. Orang Kaya Haji Mohd Arshad pula adalah seorang Ketua Bajau di Kota Belud yang mentadbir orang Dusun dan Bajau. Beliau adalah bekas kerani kerajaan Borneo Utara. Sebelum itu beliau memegang jawatan Ketua Anak Negeri di Kota Belud. Beliau menjadi DADO di daerah Tempasuk pada tahun 1916. Beliau berkahwin dengan adik perempuan seorang ketua Illanun yang terkemuka. Haji Pati pula ialah seorang Tidong, menjadi seorang ketua yang berjaya di daerah Labuk. Bilangan ketua yang berkebolehan mengikut definisi Syarikat adalah terhad.

Selepas kematian Cowie pada tahun 1910, Syarikat diletakkan di bawah pengerusi barunya, Sir West Ridgeway.⁹³ Ridgeway telah menilai semula pentadbiran negeri itu. Pada tahun 1912 beliau bukan sahaja menyusun semula Institusi Ketua Anak Negeri tetapi juga Majlis Penasihat yang tidak pernah bermesyuarat sejak tahun 1905. Pembentukan undang-undang mengenai Ketua Anak Negeri hanya diwartakan pada tahun 1912 dengan bertujuan untuk melahirkan pengkhususan dan kecekapan yang lebih baik. Akhirnya undang-undang ini telah membawa kepada proses birokrasi yang lebih tegas. Dalam pembentukan undang-undang tersebut, Ketua Anak Negeri dibahagikan kepada Ketua Gred 1 dan Gred 2 (kemudian Gred 3) berdasarkan pengaruh, kebolehan perkhidmatan dan prestasi kerja masa lalu. Oleh sebab ketua-ketua ini juga dikehendaki menyimpan rekod kes-kes peribumi, pemulangan cukai kepala dan pemindah milik tanah, kebolehan membaca dan menulis adalah menjadi kriteria penting dalam pemilihan itu. Ketua Gred 1

menjadi wakil Ketua Daerah, manakala Ketua Gred 2 adalah wakil bagi Ketua Daerah kecil.⁹⁴

Di samping membahagikan Ketua Anak Negeri kepada dua kategori, Ridgeway juga menggantikan Majlis Penasihat yang lama dengan Majlis Undangan pada tahun 1912. Majlis yang baru ini mengandungi tujuh orang ahli rasmi dan empat ahli tidak rasmi yang mewakili orang Cina dan masyarakat Asia, peladang dari kawasan pantai timur dan barat dan golongan perniagaan.⁹⁵ Adalah amat menarik diperhatikan bahawa walaupun dalam Majlis itu dicatatkan terdapat seorang ahli tidak rasmi yang mewakili masyarakat Asia, tetapi tidak terdapat seorang pun wakil peribumi. Masyarakat Asia diwakili oleh seorang ahli Cina. Pada tahun 1923 seorang lagi ahli Cina ditambah kerana peningkatan jumlah Cina yang menjadi pemilik tanah, peneroka dan pedagang.⁹⁶ Walau bagaimanapun, disebabkan oleh beberapa kritikan, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa dua ahli Cina dalam Majlis Undangan itu hanya mewakili masyarakat Cina sahaja. Sebagai sebuah kerajaan yang 'paternalistics' (kebapak-bapakan), Syarikat menjelaskan bahawa kepentingan masyarakat peribumi dan masyarakat Asia yang lain adalah lebih selamat diletakkan dibawah kawalan Gabenor dan ahli rasmi Majlis Undangan.⁹⁷ Lembaga Pengarah berpendapat bahawa di samping "undesirability of Chinese members representing other alien Asiatic Communities, there seems at present to be no need for direct representation of those other communities whose interest at this date are adequately safeguarded by Government".⁹⁸ Namun demikian, Lembaga Pengarah menjelaskan bahawa jika pada masa depan, perkara ini dianggap sangat diperlukan, maka Lembaga bersedia menimbangkan perlantikan ahli tidak rasmi yang lain bagi mewakili masyarakat peribumi. Tetapi seperti yang telah dilihat, sehingga akhir pemerintahan syarikat tidak terdapat seorang pun wakil peribumi dalam Majlis Undangan.

Peribumi hanya diwakili dalam Majlis Penasihat untuk hal-ehwal Peribumi yang dibentuk pada tahun 1887. Walau bagaimanapun selepas itu hanya nama saja yang wujud. Dari segi amalannya, ia tidak membawa sebarang makna dan tidak pernah berfungsi secara berkesan. Hanya pada tahun 1915 apabila C.W.C. Parr menjadi Gabenor, maka Majlis dengan nama barunya, Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri (Native Chiefs' Advisory Council-NCAC) dihidupkan semula. Menurut Parr, Majlis itu dihidupkan semula pada tahun 1915 untuk mempertingkatkan kerekapan ketua-ketua itu. Majlis mengandungi semua Ketua

Anak Negeri Gred I yang dilantik oleh Gabenor dengan gelaran Orang Kaya.⁹⁹ Antara sembilan orang Ketua Anak Negeri yang dilantik dalam Majlis, lapan daripadanya mewakili masyarakat Melayu-Islam dan seorang lagi mewakili masyarakat Dusun. Pada tahun 1916 wakil orang Dusun ditambah menjadi dua orang. Di muka surat sebelah ialah senarai Ketua Anak Negeri Gred I dalam NCAC pada tahun 1915 dan 1916. Dua ahli yang terkemuka dan aktif dalam NCAC pada tahun 1915 hingga tahun 1917 ialah O.K.K. Pangeran Mohd Abas dan O.K.K. Pangeran Haji Omar. Mohd. Abas adalah ketua yang paling berpengaruh di Semenanjung Klias. Beliau adalah seorang yang ahli dalam undang-undang peribumi (Islam dan bukan Islam). Pandangan dan pendapat Pangeran Abas mendapat pengakuan masyarakat dan kerajaan untuk lebih daripada 30 tahun. Pada tahun 1915 beliau menjadi pemimpin dan jurucakap tidak rasmi bagi Ketua Anak Negeri. Manakala Pangeran Haji Omar adalah salah seorang ketua yang penting dari Keppel Selatan dan juga terkenal sebagai ahli dalam undang-undang Islam. Pada tahun 1912 beliau telah mengumpulkan kod undang-undang Islam yang kemudiannya disemak oleh O.K.K. Mohammed Saman pada tahun 1936 dan digunakan dengan rasmi dalam Mahkamah Anak Negeri.¹⁰⁰

Keahlian Anak Negeri dalam NCAC adalah kekal kecuali dalam kes perletakan jawatan, atau dipecat oleh Gabenor. Di samping Ketua Anak Negeri, NCAC juga mengandungi Gabenor sebagai Presiden, Setiausaha Kerajaan dan Residen Pantai Barat dan Timur. Fungsi NCAC ialah memberi nasihat dan majlis ini tidak mempunyai kuasa menggu- bal undang-undang. Walau bagaimanapun Ketua Anak Negeri mempunyai hak untuk mengundi dan ketetapan yang diluluskan sama ada oleh undi majoriti atau sebulat suara. Ahli-ahli Eropah pula tidak mempunyai hak mengundi. Mereka hanya menyertai acara kerja (proceed- ings) sahaja.

Ketua Anak Negeri Gred I

Nama	Daerah
O.K.K. Pangeran Mohd. Abas	Province Dent
O.K.K. Pangeran Haji Omar	Keppel Selatan
O.K.K. Haji Mohamed Arshad	Keppel Utara

O.K.K. Habib Shaikh	Tawau
O.K.K. Haji Salehudin	Kudat
O.K.K. Pangeran Haji Pati	Labuk dan Sugut
O.K.K. Dato Agasi	Lahad Datu
O.K.K. Duaun	Papar
O.K.K. Haji Mohammed Noor	Kinabatangan
O.K.K. Gunsanad	Penampang

Sumber: Minit Mesyuarat NCAC tahun 1915
dan 1916, NBCA73 dan CO 874/815
Ketua Anak Negeri 1913-1940.

Ketua Anak Negeri Gred 2 dan 3

Nama	Gred	Daerah
Panglima Kiang	3	Lahad Datu
Panglima Mohammad Salleh	3	Teluk Darvel
Imam Mohammad	2	Semporna
Haji Abu Bakar	2	Paitan dan Sugut
Panglima Nait	3	Terusan dan Tetabuan
Haji Sandukung	3	Bilit dan Sukau

Gak	3	Kwamut dan Tengkulop
Bagun	3	Pengah dan Ulu

Sumber: NBCA 141 Skim Klasifikasi Ketua
Anak Negeri.

Dari tahun 1915 sehingga tahun 1917 NCAC bersidang setiap tahun dan mesyuaratnya adalah ringkas tanpa agenda. Setiap mesyuarat dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Gabenor dan diikuti dengan perbincangan terbuka di kalangan ahli-ahlinya. Gabenor sebagai Presiden NCAC biasanya memulakan perbincangan. Walau bagaimanapun selepas tahun 1917, NCAC tidak lagi mengadakan mesyuaratnya setiap tahun. Sebab kenapa NCAC tidak lagi berfungsi pada tahun itu adalah kabur dan tidak dinyatakan. Tetapi mungkin disebabkan oleh pentadbir Syarikat kurang minat dan kurang daya usaha. Walaupun mesyuarat tidak lagi diadakan selepas tahun 1917, namun Ketua Anak Negeri Gred I terus menikmati gelaran Orang Kaya-Kaya yang dianugerahkan kepada mereka kerana perlantikannya sebagai ahli NCAC.

Usia NCAC yang pendek itu telah memberi peluang kepada Ketua Anak Negeri menyuarkan pandangan mereka dan mengadakan perbincangan tentang isu yang amat penting seperti kesihatan, kemarau, bantuan kerajaan, cukai samsu/tapai, kawalan penanaman padi yang lebih baik oleh kerajaan melalui pengawasan ketua, potongan harga yang dicadangkan ke atas sewa tanah sagu dan hal-hal kekeluargaan yang berkaitan dengan soal peribumi, penjualan tanah peribumi kepada orang asing, dan penterjemahan peraturan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia.

Oleh sebab Majlis tidak mempunyai kuasa membuat undang-undang, maka ketetapan hanya tinggal sebagai ketetapan sahaja kecuali jika dipersetujui dan dilaksanakan oleh kerajaan. Misalnya dalam mesyuarat tahun 1915, Gabenor berjanji bahawa kerajaan akan memberi peruntukan bantuan segera kepada kawasan-kawasan yang dilanda kemarau teruk. Dalam masa yang sama, ketetapan yang dibuat dalam Majlis mengenai keperluan pencacaran yang diwajibkan, telah mendedak kerajaan menyediakan draf undang-undang untuk dilaksanakan pada tahun 1916. Dalam beberapa kes, walaupun ketetapan telah dibuat, tetapi kerajaan gagal mengambil tindakan. Misalnya pada tahun 1916,

satu ketetapan telah diambil bagi mengurangkan penjualan tanah peribumi kepada orang asing. Walaupun kerajaan berjanji akan menyiasat masalah itu tetapi tidak ada sebarang tindakan yang diambil.

Di samping menjadi dasar bagi Ketua Anak Negeri untuk membincangkan masalah mereka dan mengemukakan cadangan, NCAC juga menyediakan peluang kepada Gabenor bagi mendapatkan sokongan moral mengenai undang-undang yang dicadangkan. Misalnya dalam mesyuarat tahun 1916, beliau memperkenalkan kepada ahli-ahli mengenai skim kerajaan yang cuba mengurangkan bilangan ketua yang bergaji secara beransur-ansur. Walaupun tidak ada pengurangan dicadangkan, namun jawatan kosong masih tidak diisi. Tujuannya ialah untuk membentuk persatuan Ketua Anak Negeri yang lebih kecil bilangannya tetapi lebih cekap. Adalah diharapkan agar kecekapan yang lebih tinggi boleh dicapai daripada pertambahan upah kepada ketua yang telah sedia ada. Juga diharapkan bahawa pada akhirnya ketua-ketua itu boleh berdikari dan memperolehi pendapatan daripada sumber lain dan membolehkan mereka mencurahkan kebanyakan masa dan tenaga kepada perkhidmatan kerajaan. Sebagai akibatnya, kerajaan telah memperkenalkan skim klasifikasi untuk Ketua Anak Negeri pada tahun 1916.¹⁰¹

NCAC bertugas untuk meninggikan taraf Ketua Anak Negeri dan menambahkan kecekapan mereka sebagai ejen kerajaan. Bagi pihak kerajaan pula, NCAC bertugas sebagai badan yang berkesan untuk menerangkan dasar kerajaan.¹⁰² Mengenai fungsi NCAC, Gabenor Pearson dalam suratnya kepada Pengerusi Syarikat berkata:

A part from the fact that the useful suggestions are often forth coming during the discussions, the public recognition of the chiefs gives them increased prestige with their followers, and inspires the chiefs themselves with confidence.¹⁰³

Di samping Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri, kerajaan juga membentuk Majlis Daerah dengan matlamat untuk meninggikan kebesaran dan taraf Ketua Anak Negeri. Kerajaan berharap akan dapat melantik ketua yang lebih cekap dalam Majlis Daerah. Majlis ini, yang sepatutnya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, adalah tidak pernah berjaya. Pada tahun 1917, Sistem Majlis Residen telah dibentuk untuk menggantikan Majlis Daerah, majlis ini dianggotai oleh ketua-ketua dan pembesarnya. Majlis ini juga tidak memberikan kesan. Kegagalannya adalah disebabkan oleh sama ada sikap apati mereka yang berke-

naan atau sikap kerajaan yang tidak berminat meneruskan rancangan itu.¹⁰⁴

Pada umumnya boleh dikatakan bahawa pada masa awal pemerintahan, pegawai Syarikat tidak begitu mengambil kira tentang kelayakan dan kebolehan Ketua Anak Negeri, tetapi setelah Syarikat itu mantap sepenuhnya, pegawai-pegawai ini mula mempersoalkan kebolehan dan latar belakang ketua-ketua ini. Tidak seperti Pryer, dalam beberapa hal tertentu, juga Pretymen, pegawai Syarikat khususnya Pegawai Daerah, terlalu mengharapkan mutu pencapaian kerja ketua-ketua mengikut nilai dan standard pegawai itu sendiri.¹⁰⁵ Oleh sebab terdapat beberapa orang ketua yang tidak aktif, pegawai-pegawai syarikat sering mengkritiknya dengan mengatakan ketua-ketua itu tidak berguna, bodoh dan acuh tidak acuh saja.

I.D. Black dalam tesisnya menyatakan bahawa pegawai-pegawai Syarikat akan mengkritik Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung jika mereka gagal berkelakuan seperti Ketua Murid Sekolah British.¹⁰⁶ Mengenai hal ini, Treacher mengulas "we are trying to govern the native through his headmen, but we find it very difficult to discover headmen of any influence, the population being so split up into antagonistic kampungs".¹⁰⁷ Malahan E.P. Gueritz, Gabenor Keempat, yang bukanlah merupakan seorang pentadbir yang baik, mengatakan, "the only chiefs of any assistance in the whole territory could be counted on the fingers of one hand".¹⁰⁸ Ini mungkin suatu yang diperbesar-besarkan, dan menunjukkan pengharapan mereka adalah terlalu tinggi.

Walau bagaimanapun, kekurangan ketua yang berkebolehan telah mendorong Gabenor Pearson membuka sebuah sekolah untuk anak-anak Ketua Anak Negeri pada tahun 1915. Dalam minitnya beliau menegaskan bahawa, "the scarcity of reliable government chiefs is a matter for grave concern. There are a few principal chiefs, such as O.K.K. Arshad in Tempasuk, Pangeran Mohd. Abbas in Province Dent and Pangeran Haji Omar in South Keppel, whose services are invaluable but they are all men well-advanced in years. The majority of the minor chiefs are absolutely illiterate and without much influence."¹⁰⁹ Pearson sangat mengambil berat soal buta huruf di kalangan Ketua Anak Negeri dan terhadap umur ketua-ketua yang berpengalaman dan berpengaruh itu telah menjangkau tua. Untuk mengatasi masalah ini, beliau telah mencadangkan untuk melatih peribumi yang mungkin dapat dijadikan ketua-ketua yang mungkin dapat dijadikan ketua yang berpotensi pada

masa akan datang kerana perkhidmatan yang cekap tidak dapat diwujudkan dalam sekelip mata sahaja.

Pada hakikatnya kritikan terhadap Ketua Anak Negeri adalah berpunca daripada kekurangan kefahaman tentang keserbasalahan yang dihadapi oleh sebahagian daripada ketua-ketua itu. Dari satu segi, mereka perlu mematuhi pemerintahan dan peraturan Syarikat, dan dari sudut lain pula mereka perlu berkhidmat dan mendengar keluhan penduduk. Walaupun dalam masyarakat Islam, seseorang ketua itu tidak menghadapi banyak masalah seperti yang dihadapi oleh ketua masyarakat yang tidak beragama, namun mereka masih mendapati adalah sukar untuk melaksanakan kehendak-kehendak kerajaan dengan melangkaui kewajipan mereka yang tradisional seperti mendengar pendapat dan hasrat anak buah mereka. Pengaruh sistem baru ke atas masyarakat 'pagan' seperti orang Dusun dan Murut adalah lebih besar kesannya daripada ke atas masyarakat Islam kerana orang 'pagan' ini mempunyai lebih kebebasan semasa diperintah oleh Kesultanan Brunei dan Sulu. Pada masa itu selagi mereka membayar cukai, Pangeran-pangeran dan Datu-Datu tidak akan campur tangan dalam hal-hal tempatan mereka. Oleh itu, Syarikat mengambil masa yang agak lama untuk mengukuhkan penguasaan politik yang berkesan di kawasan pedalaman.

Masyarakat Melayu-Islam tinggal di kawasan pantai dan mereka secara langsung ditadbir di bawah Pangeran atau Datu. Oleh itu mereka didedahkan kepada kerajaan 'orang asing' ini dan secara tidak langsung sebahagian daripada orang Islam yang terkemuka telah mempelajari urusan mentadbir daerah selaku pentadbir tempatan. Apabila Sabah ditadbir oleh Syarikat, ketua-ketua tempatan ini, yang sebahagian besarnya adalah terdiri daripada orang Islam dengan mudah menyesuaikan diri mereka dengan pemerintah British yang baru itu. Malahan kebanyakan ketua-ketua yang dilantik oleh Syarikat adalah ketua Melayu-Islam, sama ada orang Bajau, Sulu, Tidong, Melayu Brunei atau Bugis. Misalnya pada tahun 1915 daripada jumlah sembilan orang Ketua Anak Negeri, lapan orang daripadanya ialah ketua Melayu-Islam.

Sokongan kepada Pentadbiran Anak Negeri pada sekitar tahun 1880-an tidak semestinya bermakna bahawa pentadbir Syarikat yang awal percaya pada teori pemerintahan secara tidak langsung seperti yang kemudiannya diutarakan oleh D.J. Jardine pada tahun 1935.

Sebenarnya pelaksanaan awal itu adalah kerana pentadbiran dianggap lebih mudah dan kelihatan 'memuaskan' sebagai satu langkah

yang praktikal bagi mengatasi kesulitan tempatan dan kekurangan kakitangan Syarikat. Oleh yang demikian, sokongan terhadap pentadbiran Anak Negeri adalah dianggap sebagai satu penyelesaian yang praktikal bagi mentadbir peribumi dengan cara peribumi menyertai kerajaan penjajah British dan berkhidmat untuk penjajah itu. Setengah-setengah pegawai penjajah seperti Pretyman dan Pryer dengan mahirnya belajar memanfaatkan konsep politik dan sosial ke dalam sistem tradisional bagi memperkenalkan perubahan politik tanpa perbelanjaan yang tidak semestinya atau tanpa birokrasi yang luas. Misalnya dalam kes perubahan sosial seperti percubaan membasmi perhambaan. Pryer, sebagai Residen yang berpengalaman telah berjaya mengelakkan penentangan besar-besaran terhadap pembasmian itu dengan mengusulkan supaya pembebasan hamba di pantai tenggara itu ditangguhkan untuk jangka masa yang tidak terbatas dan tidak dihapuskan secara mendadak. Beliau begitu menyedari akibat yang akan menimpa struktur sosial dan politik masyarakat itu sekiranya perhambaan dibasmi secara mendadak. Dengan menjadikan pembasmian perhambaan suatu proses yang perlahan, Pryer boleh mempergunakan sistem hierarki sosial Melayu-Islam yang tradisional untuk melaksanakan perubahan pada akhirnya. Cadangan Pryer telah dilaksanakan oleh pentadbiran Syarikat pada tahun 1884.

Dalam kes perubahan sistem politik, Pryer menyokong sistem Datu dengan cara memanfaatkan kewujudan Datu-Datu yang autokratik bagi memperkenalkan pentadbiran yang sudah terbentuk dengan baik. Oleh itu dari sejak awal lagi Ketua Anak Negeri perlu menjalankan perintah tuan baru mereka mengikut Undang-undang 1891 dan kemudiannya mengikut Pengisytiharan Pentadbiran Kampung 1913. Pengisytiharan Pentadbiran Kampung 1913 menyatakan bahawa tugas ketua ialah menolong semua pegawai kerajaan melaksanakan tugas mereka, membantu pemungutan hasil dan hak kewangan kepada kerajaan dan apabila diperlukan oleh Pegawai Daerah untuk menyediakan kenderaan bagi tujuan memudahkan urusan pegawai kerajaan atau perbekalan kerajaan. Ketua-ketua itu juga seharusnya bertindak sebagai ejen tanah kerajaan dengan kuasa memperuntukan tanah kosong bagi pembinaan rumah atau pertanian sehingga ke tahap tertentu dan dalam keadaan di mana Pegawai Daerah dengan persetujuan Residen boleh membuat arahan demikian.¹¹⁰

Walau bagaimanapun, peranan Ketua Anak Negeri yang demikian

adalah agak terbatas. Kedudukan dan kewibawaan Ketua Anak Negeri telah dilemahkan dengan serius di beberapa kawasan dengan pembangunan negeri, khususnya dengan peluasan estet tembakau dan getah dengan kumpulan buruh yang ramai. Dengan tanggungjawab yang berat dan bayaran yang sedikit ini, adalah tidak mungkin untuk seseorang Ketua Anak Negeri atau Ketua Kampung memelihara kuasa dan kawalannya ke atas pekerja estet yang dibayar gaji tinggi. Arahan ini telah menyebabkan mereka menjadi tidak berminat untuk menunaikan tanggungjawab kepada kerajaan.

Penubuhan Syarikat mengakibatkan satu bentuk baru dalam penyertaan politik dan hubungan baru antara ketua-ketua tempatan dan Syarikat. Sebagai seorang kakitangan awam yang mencontohi Barat, ketua-ketua itu dijangka dapat menyesuaikan diri mengikut peraturan perkhidmatan Syarikat yang tidak mempunyai kepentingan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, sedangkan di bawah kesultanan dahulu ikatan politik 'feudal' berdasarkan hubungan menumpang, antara perseorangan atasan bawahan dengan Datu, pengikut dan 'hamba' mereka.¹¹¹ Dalam Tempoh Peralihan ini, tahun 1890-an, pegawai Syarikat yang bergaji menghadapi dilema memilih antara dua set norma. Kerap kali pembayaran gaji sebanyak \$5.00 Selat yang diterima tidak dapat menjamin ketaatsetiaan yang penuh kepada Syarikat. Walau bagaimanapun, apabila Syarikat telah cukup kukuh untuk tidak bergantung pada pemimpin lama, maka Syarikat boleh memilih Ketua Anak Negeri berdasarkan nilai dan kehendak Syarikat walaupun ketua-ketua itu tidak diiktiraf sebagai pemimpin tradisional. Pemilihan serupa ini dibuat dengan tujuan untuk menjamin ketaatsetiaan ketua-ketua tersebut dan untuk mengelakkan daripada berlakunya pertentangan kepentingan. Misalnya, Gabenor Birch (1901-1904) mula melantik ketua-ketua yang dianggap layak berbanding dengan ketua-ketua lain pada zaman pra-Syarikat. Mereka dilantik berdasarkan ketaatsetiaan yang telah terbukti kepada pentadbiran dan kecekapan mereka mengikut pengertian kecekapan orang Eropah. Ketua Anak Negeri ini pada dasarnya menjadi 'broker' politik antara orang asing yang berkenaan dengan sistem peribumi yang tradisional.¹¹²

Walaupun hubungan antara pemerintah dan yang diperintah adalah serupa di Sabah dan Sarawak, kerana kedua-dua set peribumi itu tidak lagi memperolehi pendapatan mereka daripada hak monopoli lama tetapi menerima gaji tetap daripada kerajaan seperti kakitangan kerajaan

yang lain. Penyertaan ketua-ketua peribumi di Sarawak tidak terbatas kepada peringkat tempatan sahaja. Di Sarawak, James Brooke menggunakan elit tradisional bagi memelihara pentadbiran dan mengukuhkan kekuasaan mereka. Kemudiannya keluarga Brooke menggabungkan jawatan Datu Melayu ke dalam peringkat kerajaan yang lebih tinggi dalam Majlis lebih dari 50 tahun membataskan penyertaan Ketua Anak Negeri dalam pentadbiran tempatan yang rendah. Rajah Brooke menempatkan dirinya sebagai Raja dalam struktur politik Melayu seperti yang wujud di kalangan orang Melayu di Semenanjung. Pandangan ini boleh dihubungkan dengan konsep raja dalam masyarakat Melayu kerana Rajah Brooke itu juga berfungsi sebagai sultan. Untuk memelihara dan menjamin kedudukannya, James Brooke, Raja Putih Pertama telah mengekalkan elit tradisional dan melaksanakan dasar 'pecah dan perintah'. Di bawah pemerintahannya beliau telah memberi pengiktirafannya kepada elit Melayu tradisional walaupun kedudukan itu tidak mempunyai kuasa politik yang sebenar. James Brooke telah mengembalikan kedudukan Datu-Datu Melayu apabila beliau menjadi Raja pada tahun 1844. Walau bagaimanapun, taraf jawatan mereka kini adalah lebih rendah. Kedudukan mereka tidak lebih daripada menjadi pentadbir perkhidmatan awam biasa yang menerima gaji tetap sebagai gantian kepada pemungutan hasil tahunan daripada orang Melayu dan Dayak tempatan. Oleh sebab Datu-Datu menjadi Ahli Majlis Negeri, maka ini bermakna bahawa mereka akan diminta memberikan nasihat jika sebarang perubahan yang penting hendak dijalankan dalam negeri. Mereka juga diwakili dalam Majlis Tertinggi yang bersidang dua kali seminggu. Majlis ini dipengerusikan oleh Raja dan bersidang untuk membincangkan urusan pentadbiran yang umum. Walaupun pada hakikatnya fungsi mereka hanya berkesan dalam aspek-aspek sosial tertentu, tetapi sekurang-kurangnya suara mereka boleh didengar dalam Majlis Negeri dan Majlis Tertinggi. Oleh itu, akibat daripada dasar ini tidak ada kesamaran yang wujud dalam struktur kepimpinan Melayu, kerana kedudukan Datu-Datu adalah jelas diakui oleh semua pihak sebagai personaliti peribumi yang utama.¹¹³

Di Sabah, pola kepimpinan yang wujud semasa Kesultanan Brunei dan Sulu tidak diikuti sepenuhnya oleh Syarikat. Tambahan pula Ketua Anak Negeri di Sabah adalah berpecah-pecah antara mereka dan kedudukan/status mereka tidak sekukuh Ketua Anak Negeri Sarawak. Kebanyakan Datu dan ketua di Sarawak adalah orang tempatan. James

Brooke menempatkan semula kedudukan mereka dan menonjolkan kemertabatan mereka dengan tujuan bagi digunakan oleh Brooke untuk menentang ketua-ketua Brunei, sama ada Pangeran atau Syarif yang dianggap oleh Brooke sebagai musuh mereka. Di Sabah, Syarikat tidak menghadapi banyak pertentangan daripada Pangeran Brunei atau Datu Sulu kecuali kejadian di sungai yang bebas seperti Lawas, Kawang dan Padas Damit dan penentangan Mat Salleh pada akhir tahun 1890-an.¹¹⁴ Tiada bukti yang menunjukkan bahawa Mat Salleh terlibat dalam kekacauan yang awal yang melibatkan pembunuhan dua orang pedagang Dayak yang telah menceroboh masuk hulu Sungai Sugut.

Dalam menentang perluasan pemerintahan ala-Barat, Mat Saleh, seperti juga Pangeran Shahbandar di Padas Damit, berasa tidak puas hati dengan perselisihan kecil yang berlaku akibat pertentangan dengan pegawai Syarikat. Namun demikian, beliau sedia mencapai persetujuan dengan Syarikat tetapi tidak seorang pun pegawai Syarikat memandangnya sebagai pemimpin tempatan yang sah walaupun beliau adalah pemimpin yang sah. Mat Salleh kesal bahawa Beaufort, dan bukannya Pryer yang mentadbir negeri semasa kekacauan itu berlaku. Beliau dan pengikutnya telah melancarkan serangan kerana Syarikat tidak menukai janji untuk menyerahkan pentadbiran Syarikat ke atas penduduk di lembah Tambunan kepada Mat Salleh.

Selepas kematian Mat Salleh pada bulan Februari 1900, Syarikat tidak lagi menghadapi sebarang rusuhan yang serius kecuali Peristiwa Rundum yang terjadi di kawasan pedalaman pada tahun 1915. Peristiwa itu berlaku kerana campur tangan dalam soal perhambaan dan pengayauan serta pembinaan jalan kecil yang merentasi tanah peribumi. Dalam soal pembinaan jalan kecil itu, Pegawai Syarikat telah menimbulkan kemarahan beberapa orang Ketua Anak Negeri seperti Belayong yang diminta untuk memotong bahagian jalan yang menjejaskan batu pejal yang dipercayai mempunyai semangat hantu. Dalam masa yang sama apabila jalan kecil dari Rundum ke Pensiangan sedang dibina, penduduk di kawasan itu kebetulan mengalami kemarau selama lapan bulan. Pada musim kemarau ini hampir semua tanaman padi telah musnah dan kebanyakan peribumi mengalami kebuluran. Akibatnya peribumi meletakkan kesalahan kepada kerajaan kerana mengganggu hantu itu semasa membina jalan kecil tersebut. Kejadian itu dikusutkan lagi dengan kekuatiran mengenai pengenaan cukai baru ke atas tapai dan larangan menebang hutan menerusi Undang-undang Ladang 1913 yang

bertujuan melindungi hutan rimba.¹¹⁵ Akibatnya, peribumi menjadi marah dan melancarkan pemberontakan menentang kerajaan. Ketua-ketua yang terlibat ialah Belayong (sebagai pelopor), seorang Murut, Lantagon, Kulintud (salah seorang ketua penentang), Bongol, Antok dan anaknya Pulangga. Kecuali Bongol, yang dibunuh dalam peristiwa Rundum, manakala yang lain ditangkap dan dipenjarakan.¹¹⁶

Pada awal pemerintahan Syarikat, ketiga-tiga pentadbir pelopor, khususnya Pryer, menggunakan Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung pada tahap tertentu untuk memerintah peribumi dengan berkesan. Dasar ini diteruskan apabila Syarikat menggabungkan kebanyakan Ketua Melayu-Islam ke dalam perkhidmatan pentadbirannya. Ketua Anak Negeri ini berkhidmat di peringkat negeri melalui NCAC. Walau bagaimanapun, fungsi utama mereka adalah di peringkat tempatan melalui Institusi Peribumi tradisional seperti Mahkamah, Ketua Anak Negeri dan Ketua Kampung. Ketiga-tiga institusi ini dikekalkan semasa pemerintahan Syarikat.

Nota

¹Definisi istilah Melayu ini tidak banyak berubah. Menurut Perlembagaan 1963, Melayu dirujuk kepada seorang yang mengaku beragama Islam, biasanya bertutur bahasa Melayu dan mengikut adat istiadat Melayu. *Perlembagaan Malaysia 1963* (Fasal 160 (2)).

²Penulis telah menggunakan istilah 'Melayu-Islam' bagi menggolongkan masyarakat Islam daripada beberapa puak di bawah satu tajuk. Bagi memudahkan penjelasan kumpulan-kumpulan etnik di Sarawak dan Sabah, penulis juga membahagikan penduduk itu kepada Melayu-Islam dan bukan Melayu-Islam.

³Robert Pringle, *Rajahs and Rebels*, 1970, *The Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*, London: Macmillan, hlm 15 dan 16.

⁴Anwar Sullivan dan Patricia Regis, 1981. "Demography", dalam Anwar Sullivan dan Cecilia Leong (eds.), *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Sabah State Government, hlm 549.

⁵"Strictly speaking it is not the land that belongs to these pangerans, but the right to tax the people living in it ...". FO 12/59, Memorandum P. Leys, 5 Mei, 1883; dan J.M. Gullick, 1958. *The Indigenous Political System of Western Malaya*, London: The Athlone Press, "(In) Malay States political power though it is exercised in respect of defined territorial areas is based on control of the people", hlm 113.

⁶H. Low, 1848. *Sarawak: Its inhabitants and Production being Notes during a Residence in that country with H.H. The Rajah Brooke*, London: Bentley, hlm 136.

⁷Terdapat tiga orang Datu yang dilantik di Sarawak oleh pihak berkuasa Brunei. Mereka ialah Datu Patinggi (Ketua Tertinggi), Datu Bandar (Ketua Pelabuhan), dan Datu Te-

menggung (Panglima Tertinggi). Ketiga-tiga Datu itu memang memegang kuasa ke atas orang Dayak, kemungkinan termasuk dalam hak keistimewaan mereka ialah monopoli ke atas sarang burung, hak pencukaian secara tidak langsung, dan buruh paksaan, dan hak "merampas harta benda orang Dayak sebagai ganti cukai atau memperhamba orang Dayak yang berhutang". J.C. Templer (ed.), 1948. *The Private Letters of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak, Narrating the Events of His Life from 1838 to the Present Times*, London: Bentley, Vol. I hlm 159-160, dan R. Mundy, 1884. *Narrative of Events in Borneo and Celebes down to the Occupation of Labuan: From the Journals of James Brooke Esq*; London: John Murray, Vol. I, hlm 59. Lihat juga G. Roberts, 1950. "Datu Merpati (A Sadong Version)" *Sarawak Museums Journal* (SMJ) 5/2 September, hlm 265 dan M. Y. Shibli, 1950. "The Descent of Some Kuching Malays", *SMJ*, 5/2 September, hlm 262-264.

⁸Lihat Donald. E. Brown, "Sociopolitical History of Brunei. A Bornean Malay Sultanates". Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan, Universiti Cornell, New York, 1969. Bab 8 huraian mengenai struktur kerajaan.

⁹S. Baring-Gould dan C.A. Bampfylde, 1990. *A History of Sarawak Under its Two White Rajahs 1838-1908*, London: Southern, hlm 64.

¹⁰Craig A Lockard, "From Kampong to City: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970", (typescript) hlm 28.

¹¹R. Pringle, 1970. *Rajahs and Rebels, The Ibans of Sarawak Under Brooke Rules, 1841-1941*, London: Macmillan. Bab I ke-3.

¹²Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 43.

¹³Untuk keterangan lanjut mengenai satasilah geologi tentang Melayu Saribas, lihat AJN Richards, "The Descent of Some Saribas Malays", *SMJ*, XI, 21-2, Julai-Disember 1963, hlm 99-107 dan B. Sandin, "The Descent of some Saribas Malays (and Ibans)" - 11, *SMJ*, XI, hlm 23-4.

¹⁴Mereka ialah anak seorang pengembara Arab yang berkahwin dengan seorang puteri Sultan Brunei dan kemudiannya dilantik untuk mentadbir jajahan takluk utama Sekrang di Batang Lupar, dan beliau menggantikan Ketua Tempatan, Laksamana Minudeen. Syarif Sahap dilahirkan di Brunei, dan tinggal di Sekrang. Templer, *Letters*, Vol. III, hlm 64.

¹⁵Mundy, *Narrative*, Vol. I, hlm 370-5.

¹⁶Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 55.

¹⁷H. Keppel, 1846. *The Expedition to Borneo of HMS Dido*, London, Vol. I, hlm 281.

¹⁸Gullick, *Indigenous*, hlm 113.

¹⁹Ini adalah satu ciri taktik British yang tipikal; British menyokong kumpulan yang nampak lebih kuat dalam peristiwa pertelingkahan antara kumpulan. Lihat juga taktik British yang sama dalam campur tangan mereka di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Untuk perbincangan tentang campur tangan British di negeri-negeri yang disebutkan di atas, lihat C.D. Cowan, 1961. *Nineteenth Century Malaya: The Origins of British Political Control*, London, C.N. Parkinson, 1960. *British Intervention in the Malaya States 1867-77*, Kuala Lumpur, dan Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-*

1895, Kuala Lumpur.

²⁰S. St. John, 1879. *The Life of Sir James Brooke, Rajah of Sarawak*, London, hlm. 283–284, dan *Rajah Brooke: The Englishman as Ruler of an Eastern State*, London: Fisher-Unwin; hlm 179–180.

²¹Pemberontakan Cina berlaku pada 18 Februari 1857 apabila pelombong emas Cina Hakka di sekitar Bau di hulu Sungai Sarawak di Bahagian Pertama, menawan dan merampas bandar Kuching. Pemberontak Cina yang terbatas pada sistem Sungai Sarawak menjadi pengancam besar kepada kerajaan Brooke kerana mereka menerima sebarang arahan daripada Brooke di Kuching. Satu huraian yang lengkap tentang 'pemberontakan' ini boleh dilihat dalam Steven Runcimen, 1960. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*, Cambridge University Press, hlm 125–33.

Manakala pandangan untuk perdamaian terhadap konflik ini boleh dirujuk kepada C.A. Lockard, "Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820–1970". Desertasi Ph. D. Tidak Diterbit, Universiti Wisconsin, Madison, 1973, hlm 83–97.

²²C.J. Bunyon, 1889. *Memoir of Francis Thomas McDougall, Sometime Bishop of Labuan and Sarawak and of Harriette His Wife*, London: Longmans Green, hlm 193–194, 198.

²³St. John, *Life*, hlm 343–4.

²⁴Seperti yang dinyatakan oleh Brooke, "Kemakmuran negeri ini sebahagian besarnya bergantung pada perdagangan sagu ini". FO 12/27 Brooke kepada Pejabat Luar Negeri pada 6 Jun 1860.

²⁵Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 112, dan D.K. Bassett, "A Problem of Historical Interpretation Inherent in British Attitudes to Indigenous States in South East Asia in the Nineteenth century", 7th. Conference of IAH, Bangkok, Ogos, 1977, hlm 43.

²⁶Brooke Papers, Vol. 38 Box 11/3, Rhodes House Library, Oxford.

²⁷Ikatan ini berdasarkan hubungan antara penaung dan pengikut. Penaung menawarkan perlindungan dan faedah kepada pengikutnya yang lemah dan berkedudukan rendah dari segi sosial. Pengikut dikehendaki membayar semula perlindungan penaungnya dengan memberikan sokongan dan perkhidmatan. Hubungan sedemikian keseluruhannya adalah tidak rasmi dan personal, atau lebih terbuka, ikatan yang diakui antara mereka misalnya, orang gaji dan ketua penghulu dan orang bangsawan yang berkuasa. Heather Sutherland, "The Taming of the Trengganu Elite", dalam Ruth T. Mcvey, 1978. *South-east Asian Transitions, Approaches through Social History*, Yale University Press, hlm 1–31.

²⁸Dalam peperangan Beting Maru, pasukan campuran orang Iban dan Melayu di bawah James Brooke, dengan bantuan angkatan laut British di bawah Komandan Panglima Laut British, memusnahkan lebih kurang 100 perahu 'lanun' dan membunuh lebih kurang 500 orang Iban Saribas dan Sekrang.

²⁹Charles Hose dan William McDougall, 1966. *The Pagan Tribes of Borneo*, Frank Cass & Co. Ltd., Vol. hlm 260.

³⁰Datu Patinggi meninggal dunia dalam pertempuran berjuang untuk Kerajaan Brooke pada tahun 1844. Lihat Baring-Gould, *History of Sarawak*, hlm 877.

³¹Keterangan lanjut boleh dirujuk kepada Lockard, "Kuching", Lampiran B, hlm 662, bahagian II.

³²G.L. Jacob, 1876. *The Rajah of Sarawak: An Account of Sir James Brooke*, K.C.B., L.L.D. Given Chiefly through Letters and Journals, Macmillan, London, Vol. II, hlm 11.

³³S. St. John, 1879. *The Life of Sir James Brooke Rajah of Sarawak*, London, hlm 137, dan R.J. Pole-Evans, "The Supreme Council of Sarawak", *SMJ*, (NS), 7 Jun 1956, hlm 89.

³⁴Pole-Evans, "Supreme Council", hlm 91.

³⁵*Ibid*, hlm 92-93.

³⁶*Ibid*, hlm 96.

³⁷*Ibid*, hlm 94.

³⁸Minit Mesyuarat pada 21 Februari 1898, 13 Julai 1899, dan 16 Ogos 1910, *ibid*, hlm 94-96.

³⁹Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 332.

⁴⁰Pringle, *ibid*, hlm 1.

⁴¹Untuk keterangan lanjut lihat Sabihah, 1983. "Malay-Muslim Political Participation in Sarawak and Sabah 1841-1951". Tesis Doktor Falsafah. Tidak diterbitkan, Universiti Hull, Bab II.

⁴²*The Handbook of Sarawak*, hlm 25.

⁴³1941 *Constitution of Sarawak*, Perpustakaan Muzium Sarawak.

⁴⁴Pole-Evans, "Supreme Council", hlm 103.

⁴⁵Antara ketiga-tiga Majlis ini, iaitu Majlis Tertinggi, Majlis Negeri dan Jawatan-kuasa Pentadbiran, yang terkemudian itu adalah badan yang paling penting. Badan ini membincangkan semua hal umum yang mempengaruhi pentadbiran negeri itu.

⁴⁶A.B. Ward, 1966. *Rajah's Servant*, Cornell University, Southeast Asia Program Data Paper No. 61, New York Ithaca, hlm 142-4.

⁴⁷R.H.W. Reece, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, pscript, hlm 108.

⁴⁸Brooke Papers Box 10/14 meetings of the Committee of Administration 3rd. Ogos, 1941.

⁴⁹Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 118-119.

⁵⁰C. Brooke, *Ten Years in Sarawak*, London, Vol. II, hlm 75-76.

⁵¹C. Brooke, *Queries: Past, Present and Future*, London: The Planet, 1707, dan *Ten Years*, hlm 532-538, dipetik dalam Reece. *The Name of Brooke*, hlm 18-19.

⁵²C. Otto Doering III, "Government in Sarawak under Charles Brooke, *JMBRAS*, XXXIX, 2 Disember 1966, hlm 97.

⁵³Baring-Gould, *History of Sarawak*, hlm 130, dan Hose dan MacDougall, *The Pagan Tribes*, hlm 269.

⁵⁴Hose dan MacDougall, *ibid.*, hlm 270.

⁵⁵Pole-Evans, "Supreme Council," hlm 102.

⁵⁶*Sarawak Gazette* (SG) 1880-1883, dipetik daripada *ibid*.

⁵⁷SG, 3rd. Januari, 1885 dipetik dalam Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 286.

⁵⁸Brooke, *Ten Years*, Vol. I, hlm 329.

⁵⁹Seperti kebanyakan Residen di Tanah Melayu, Brooke juga berasal daripada kelas menengah atas, yang merupakan "budiman" yang berketurunan baik atau terpelajar dibayangkan dalam 'etos' perkhidmatan awam dan cara hidup mereka tetapi juga menurut pandangan mereka terhadap masyarakat dan dasar-dasar. James Brooke adalah anak seorang kakitangan awam Syarikat Hindia Timur. Dengan kematian bapanya, dia menerima wang sagu hati sebanyak \$30 000.

⁶⁰Hints to Young outstation officers from the Rajah' appended to use her consular Report of 1877, dalam St. John, *Life*, Appendix, hlm 399.

⁶¹A. Ireland, 1905. *The Eastern Tropics-Studies in the Administration of Tropical Dependencies*, Boston: Houghten Mifflin, hlm 77.

⁶²Benedict Sandin, dipetik daripada Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 150.

⁶³Baring-Gould, *History of Sarawak*, hlm 155, SG, 3 Januari 1899.

⁶⁴Kata Pendahuluan oleh Pringle dan Doering untuk Ward, *Rajah's, Rajah's*, hlm VIII.

⁶⁵Doering, "Charles Brooke", hlm 104 tidak bertarikh.

⁶⁶Lockard, "Kuching", hlm 125.

⁶⁷Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 155. Memorandum bertarikh 6 Mac 1900, HRR'S Order Book, II.

⁶⁸H.S. Morris, 1953. *Report on a Melanau Sago Producing Community in Sarawak*, London, HMSO, hlm 327.

⁶⁹Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm 161; dicetak semula dalam SG 30 April 1880, berdasarkan banci tahun 1887 yang menganggarkan jumlah penduduk Sarawak berjumlah 222 000 orang dan perbelanjaan kerajaan sebanyak \$197 150 pada tahun 1878.

⁷⁰Doering, "Charles Brooke", hlm 107. Malah jika mereka menyedari bahawa ia sebagai upacara sahaja, tiada apa yang boleh mereka buat. Dasar Vyner dan dasar James serta Charles boleh dilihat dalam Bab V dan VI, Sabihah, "Malay-Muslim Political Participation in Sarawak and Sabah".

⁷¹SG, 1 Jun 1900.

⁷²Untuk keterangan lanjut lihat Lockard, "Kuching", hlm 106-143.

⁷³Sebelum tahun 1881 Sabah tidak wujud sebagai sebuah negeri tetapi sebagai wilayah yang ditadbir pada nama sahaja oleh Kesultanan Brunei dan Sulu. Dengan syarat-syarat dan persetujuan yang ditandatangani di antara Baron Von Overbeck yang mewakili Alfred Dent dari London dengan Sultan Brunei dan Sulu pada bulan Disember 1877 dan Januari 1878 Sabah menjadi unit politik yang terasing daripada Kesultanan Brunei dan Sulu. Pada tahun 1880 Overbeck menjual semua kepentingannya kepada Dent Brothers sebelum Syarikat Berpiagam Borneo Utara British dibentuk. Dent memindahkan hak dan kuasanya kepada persatuan, sementara yang mendapat Surat Piagam Diraja daripada ke-

rajaan British dan menjadi Syarikat Berpiagam Borneo Utara British pada tahun 1881. Semenjak tarikh itu sehingga tahun 1941, Sabah telah ditadbir oleh Syarikat Berpiagam. Keerangan lanjut boleh dilihat dalam M.O. Arrif, 1970. *The Philippines Claim to Sabah: Its Historical, Legal and Political Implications*, Kuala Lumpur: OUP, hlm 1-3. *British North Borneo Treaties and Documents*, Sabah State Archives, dan K.G. Tregonning, 1965. *A History of Modern Sabah 1881-1963*, Singapura: University of Malaya Press.

⁷⁴Overbeck menjual semua kepentingannya di Sabah kepada Dent Brothers pada tahun 1880.

⁷⁵CO 874/70-72 Catatan Harian Pretymman pada 6 Mei 1878, dan T. Harrison, "The Diary of Mr. Pretymman", *Sarawak Museum Journal* (SMJ), Vol. 7, No 8 (NS), Disember 1956, hlm 341-2.

⁷⁶Walaupun terdapat perselisihan faham di antara orang Dusun dan Bajau, tetapi jarang berlaku secara besar-besaran kerana kedua-dua kumpulan itu adalah saling bergantung dalam ekonomi mereka - orang Dusun dalam pertanian dan orang Bajau dalam perdagangan laut. CO 874/70-72. Pretymman's Diary 15 Oktober 1878, 22 Mac 1879 dan 16 Oktober 1879.

⁷⁷Harrison, "Pretymman", hlm 341 dan CO 874/73, Buku Catatan Harian A.H. Everett, 14 April 1880 dan 2 Mei 1880.

⁷⁸CO 874/73, Buku Catatan Harian A.H. Everett; April 1880 dan 2 Mei 1880.

⁷⁹Clifford A. Sather, "Social Rank and Marriage Payments in an Immigrant Moro Community in Malaysia", *Ethnology* VI, (1967), hlm 97, dipetik daripada J.F. Warren, "The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909. The Pacification of a Maritime Nomadic People", kertas kerja dalam International Studies Southeast Asia Series No. 22, Ohio University Centre for International Studies Southeast Asia Program. 1971. Athens Ohio dalam *Sabah Society Journal*, 1972, hlm 300.

⁸⁰Trepan dan sarang burung merupakan hasil yang paling berharga kerana boleh mendatangkan keuntungan yang banyak dalam perdagangan dengan China. Begitu juga sumber ekonomi ini membantu Syarikat Berpiagam memberikan subsidi kos pentadbiran pada masa awal pemerintahannya.

⁸¹Terdapat satu perbezaan yang asas di antara perhambaan di kalangan orang Sufuk dan perhambaan yang difahami di Barat iaitu dari segi tingkat persamaan sosial yang wujud di antara hamba dan Tuan. K.G. Tregonning, September 1961. "William Pryer" - the founder of Sandakan", *Sabah Society Journal* (SSJ), No 1, hlm 37 dan Warren, "Bajau", hlm 303.

⁸²Warren, "Bajau", hlm 303.

⁸³*Ibid.*, hlm 8. Untuk huraian tentang kegiatan Dent dan Overbeck dan bagaimana dan mengapa BNBC dibentuk, lihat keseluruhan G. Irwin, *Nineteenth century Borneo*, dan Tregonning, *Sabah*, hlm 1-80.

⁸⁴Tregonning, "Pryer", hlm 167.

⁸⁵*Ibid.*

⁸⁶Tregonning, *Sabah*, hlm 167.

⁸⁷Tregonning, "Pryer", hlm 45. Buku Catatan Harian, 3 September 1879.

⁸⁸*North Borneo Government Gazette* ; 1 September 1903, Pengisytiharan XIV.

⁸⁹CO 874/265, hlm 171, CO 874/271, hlm 824.

⁹⁰CO 874/268, Governor to Chairman, 31 Julai 1901.

⁹¹CO 855/16, *BNBH* , 1 Disember 1902, hlm 405.

⁹²*Gazette*, 1 September 1903, Pengisytiharan XIV.

⁹³ Sir West Ridgeway adalah seorang bekas Pegawai Awam British yang berpengalaman di Sri Lanka. Di bawah pentadbirannya, walaupun memelihara penguasaan pengaruhnya ke atas dasar dan pentadbiran, Syarikat menjalankan satu dasar yang berbeza daripada yang diikuti semasa pentadbiran Cowie. Dalam konteks pentadbiran yang sebenar, kecenderungan Ridgeway adalah melonggarkan pengawasaan yang ketat daripada London yang dilakukan oleh Cowie.

⁹⁴Di bawah pentadbiran Ridgeway terdapat dua kategori Ketua Anak Negeri tetapi pada tahun 1916 satu kategori baru dibentuk. Lihat NBCA 141 Native Chief Classification Scheme.

⁹⁵CO 874/664, hlm 52 dan CO 874/669 Legislative Council Meeting of Borneo.

⁹⁶NBCA 1005 unofficial Members of the Legislative Council, pada 1 Mei 1922.

⁹⁷CO 874/668 Acting Secretary to OAG (Officer Administring Government) 23 Januari 1931.

⁹⁸*Ibid* .

⁹⁹*Sabah Government Gazette March 15*, tahun 1915. Ketua Anak Negeri dibahagikan kepada 2 dan 3 gred. Mereka diberi lencana *Surat Kuasa* sebagai simbol upacara. Di samping penyusunan semula itu, Gabenor Ridgeway mengurangkan bilangan Ketua Anak Negeri tetapi lebih cekap.

¹⁰⁰Tregonning, *Sabah* , hlm 115-117.

¹⁰¹NBCA 141 Native Chiefs Classification Scheme.

¹⁰²Governor to Chairman, BNBC, 25 September 1916, Minutes of NCAC 1915 and 1916 Sabah State Archives NBCA 1/73.

¹⁰³NBCA 73 Native Chiefs' Advisory Council Meetings.

¹⁰⁴Alasan yang sebenar bagi kegagalan itu tidak pernah dibincangkan.

¹⁰⁵CO 874/1012, "Borneo Administration Enquiry". Memorandum oleh A.B.C. Francis pada 17 Januari 1927. Francis seorang Pegawai Daerah sejak tahun 1900, kemudian dinaikan pangkat kepada Pemangku Residen di kawasan pedalaman pada tahun 1910. Dia telah menulis sebuah buku bertajuk *Twenties Years in Borneo* menggunakan nama pena C. Bruce pada tahun 1924.

¹⁰⁶I.D. Black, "Native Administration by the British North Borneo Chartered Company 1878-1915". Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan, Australia National University, 1971, hlm 388.

¹⁰⁷W. Treacher to Dent 26 Mei, 1882, dipetik daripada Tregonning, *Sabah*, hlm 108.

¹⁰⁸CO 874/273, Council Minutes 29 Julai 1904.

¹⁰⁹CO 874/815, Native Chiefs 1913-1940.

¹¹⁰The Village Administration Ordinance 1913, bahagian 2, 9 dan 11 dan The Pall

Tax Ordinance 1902 dan Ordinance 9 of 1902.

¹¹¹Warren, "Bajau", hlm 348.

¹¹²*Ibid.*, hlm 335.

¹¹³Lihat Bab I mengenai "Sarawak Native Administration" dalam Sabihah, "Malay-Muslim Political Participation in Sarawak and Sabah".

¹¹⁴Untuk keterangan lanjut sila lihat N.Tarling, 1976. *Britain the Brooke and Brunei*, Kuala Lumpur: OUP., hlm 300-363; Colin Crisswell, 1971. "The Mat Salleh Rebellion Reconsidered", *SMJ*, Vol. 19, No 38-39, hlm 155-166 dan F.G. Whelan, 1970. *A History of Sabah*, Singapura: Macmillan and Company.

¹¹⁵CO 874/834 BNBH, 3 November 1914.

¹¹⁶*Ibid.*, dalam CO 531/10 Original Correspondence Pearson to Chairman, 28 Jun 1916.

**PERANAN ULAMA DAN KESANNYA TERHADAP
SIKAP ANTIPENJAJAHAN DENGAN RUJUKAN
KEPADA PENGAJARAN TASAWWUF SAYID ABDUL
RAHMAN BIN MUHAMMAD (TOK KU PALOH)
BERASASKAN KARANGANNYA MA'ARIJ
AL-LAHFAN**

Shafie Abu Bakar

Pendahuluan

Abad ke-19 merupakan puncak bagi lanjutan zaman tradisional¹ di negeri-negeri Melayu yang mulai menghadapi ugutan campur tangan British.² Walaupun begitu terdapat negeri yang berjaya mempertahankan maruah pemerintahan daripada campur tangan oleh kuasa luar sehingga awal abad ke-20. Negeri yang dimaksudkan dan menjadi tumpuan kajian ialah Terengganu. Akan tetapi apabila Inggeris menjadikan negeri tersebut sebagai salah sebuah negeri naungannya pada tahun 1919³ dan Inggeris mula campur tangan dalam hal-hwal pemerintahannya, maka tercetuslah penentangan⁴ daripada rakyat sebagai manifestasi ketidakrelaan mereka terhadap aturan-aturan baru yang di-

kenakan ke atas mereka oleh pihak penjajah.

Kajian ini tidaklah bertujuan untuk mengungkap kembali peristiwa-peristiwa sejarah penentangan yang telah pun banyak ditulis tetapi membicarakan aspek dalaman yang menjadi penggerak teretusnya peristiwa-peristiwa tersebut. Salah satu ciri yang menjadi dasar penentangan tersebut adalah faktor keislaman yang membangkitkan perasaan antipenjajah terhadap golongan bangsa kafir.⁵ Faktor ini timbul kerana rakyat negeri Terengganu secara relatifnya lebih kuat pegangannya terhadap agama Islam sekiranya dibandingkan dengan setengah-setengah negeri-negeri Melayu yang lain.⁶ Kajian ini bertujuan meneliti peranan seorang ulama bernama Sayid Abdul Rahman bin Sayid Muhammad dalam membentuk sikap antipenjajahan berlandaskan tulisannya yang berjudul *Ma'arij al-Lahfan*.

Latar Belakang Masyarakat

Orientasi kemasyarakatan sama ada yang bersifat kesedaran keagamaan mahupun berbentuk penentangan tidak berlaku secara mendadak atau dalam masa yang singkat. Sebaliknya kesedaran ini lahir secara berhubung kait dengan unsur-unsur penggerak secara teratur dan berkesan sama ada bersifat institusi atau individu ataupun kedua-duanya sekali. Kelahiran seseorang tokoh atau wira dalam konteks sesuatu kesedaran, kebangkitan atau penentangan bukanlah merupakan suatu kelahiran secara individu semata-mata tetapi merupakan kelahiran keseluruhan masyarakat yang menonjolkannya sebagai pengemudi tindakan atau jurubicara masyarakatnya. Mengenai hal ini seorang ahli falsafah Perancis bernama Montesquieu⁷ (1689–1755) pernah mengatakan: "Greater men and important events are the signs and results of greater and lengthier processes".⁸ Begitu juga halnya dengan ketokohan manusia, Hegel⁹ (1770–1831) mengatakan: "Great men do not give birth to history but act as midwives".¹⁰

Dalam konteks kelahiran ulama di Terengganu dan pengaruh mereka dalam mencetuskan penentangan terhadap penjajahan serta penerimaan masyarakat terhadap perjuangan mereka itu merupakan hasil daripada proses orientasi keagamaan yang telah berjalan dalam jangka masa yang panjang. Boleh dikatakan bahawa sikap antipenjajahan yang berlaku pada hakikatnya adalah suatu pertembungan yang kontras di antara nilai-nilai tamadun dan kebudayaan yang telah diasaskan oleh Islam dengan sistem nilai dan kaedah yang bertentangan dengan yang di-

hayati dan diikuti yang berpunca daripada pihak yang selamanya telah dianggap sebagai musuh.

Secara perbandingan bolehlah dikatakan bahawa pembinaan jiwa Islam di kalangan masyarakat negeri Terengganu mempunyai ciri-ciri persamaan dengan yang terdapat dalam masyarakat Aceh.¹¹ Terengganu sebagai salah sebuah negeri Melayu yang boleh dikatakan paling awal menerima agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu iaitu kira-kira pada 702 H/1303 M,¹² lantas mengalami peningkatan dari segi keislaman. Peranan menanam jiwa keislaman dan memperluaskannya telah dilaksanakan oleh ulama menerusi institusi pendidikan Islam yang berbentuk formal dan juga tidak formal. Peningkatan keislaman yang dialami oleh negeri tersebut menunjukkannya telah mencapai tahap yang agak tinggi, walaupun tidaklah setaraf dengan tahap yang dicapai oleh Aceh. Namun begitu sepanjang sejarah pengislamannya lahiriah karya-karya persuratan Melayu-Islam yang dihasilkan oleh ulama-ulama tempatan secara berentetan. Peradaban yang dicapainya adalah selari dengan kemajuan yang telah dicapai oleh negeri-negeri lain dalam zaman tradisional. Buktinya terdapat dalam kesenian dan pertukangan tangan rakyatnya, misalnya dalam pembinaan perahu besar, bertenun kain songket dan pembuatan perkakas tembaga.¹³ Di samping itu terdapat laporan pelawat luar khususnya dari Barat yang menyifatkan ibu negeri Terengganu sebagai "international trading centre" sejak awal abad ke-18.¹⁴ Pada zaman tradisional, negeri Terengganu merupakan sebuah negeri Melayu yang maju di pantai timur.

Daripada kemajuannya ini ilmu pengetahuan keislaman turut sama berkembang yang mula tersemai sejak penerimaan Islam dan membentuk jiwa keislaman yang merupakan benteng yang kukuh bagi mempertahankan nilai dan maruah masyarakat daripada pencerobohan asing.

Peranan Keturunan Sayid di Terengganu

Tokoh-tokoh ulama yang paling menonjol dan memainkan peranan penting pada akhir abad ke-19 adalah daripada keturunan Sayid al-Idrus yang datang menetap di negeri Terengganu pada akhir abad ke-18.¹⁵ Beberapa orang tokoh daripada keturunan ini sangat kuat berpengaruh dalam bidang pentadbiran mahupun dalam bidang kemasyarakatan, khususnya dalam konteks hubungan mereka dengan golongan diraja Terengganu. Antara mereka yang terkenal sebagai ulama dan banyak menghasilkan karya persuratan Islam ialah Sayid Muhammad bin Zai-

nal Abidin (Tok Ku Tuan Besar), Sayid Abdul Rahman bin Muhammad (Tok Ku Paloh) dan Sayid Ahmad (Tok Ku Melaka). Manakala yang lain menjawat jawatan yang penting dalam pemerintahan negeri Terengganu misalnya Sayid Mustaffa (Tok Ku Tuan Dalam) yang menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III (1881–1918).

Dari segi persuratan, pertengahan kedua abad ke-19 merupakan era yang paling pesat dengan perkembangan persuratan Islam sama ada yang bersifat keilmuan mahupun yang bersifat kesusasteraan. Peranan ini dimainkan oleh keturunan al-Idrus lantaran kerana mereka merupakan kalangan terpelajar yang terkemuka pada zaman itu. Meskipun mereka tidak mendirikan institusi pengajian Islam yang khusus seperti pondok tetapi mereka tidak pula kurang dalam usaha menyemarakkan perkembangan ilmu pengetahuan Islam di Terengganu pada abad ke-19 dengan karangan-karangan yang bukan sahaja digunakan di pondok-pondok tetapi di surau-surau, di masjid-masjid dan juga di rumah-rumah guru agama. Dengan kata lain, mereka telah menghasilkan buku-buku teks yang menjadi bahan pengajian dan pengajaran yang terbuka di samping keistimewaan yang terkandung dalam karya-karya mereka, iaitu unsur sastera.

Tok Ku Tuan Besar selain mendapat didikan daripada Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas, Kuala Terengganu, juga dikatakan mendapat pendidikan agama di Patani sebelum menyambung pengajiannya di Makkah.¹⁶ Selepas pulang dari Makkah, beliau telah mengajar di surau Cabang Tiga yang dihadiri oleh pelajar-pelajar tempatan dan luar negeri. Pengajaran yang disampaikan meliputi usuluddin, fiqah, tasawwuf, nahu, saraf, hadith, dan sastera. Sebagai seorang yang kreatif, beliau tidak sahaja mengajar tetapi di samping itu juga menghasilkan karangan-karangan yang bersifat ilmu pengetahuan dan sastera. Justeru kerana itu beliau telah dianggap oleh seorang penulis yang terkenal di Terengganu sebagai seorang pelopor dan bapa kesusasteraan Melayu Terengganu.¹⁷ Sebahagian besar karangannya dalam bentuk puisi yang dikenali sebagai "nazam" iaitu:

1. *Kanz al-Ula* (mengisahkan riwayat Nabi Muhammad)
2. *Jawahir al-Saniyyah* (mengenai aqidah)
3. *Sirah al-Nabawiyah* (sejarah)

4. *Tahliyat al-Wildan* (fiqah)
5. *Al-Durrat al-Fakhirat* (aqidah).

Karangan-karangan lain adalah berbentuk prosa atau "nathar" ia-itu:

1. *Targhib al-Sibyan fi Hifz 'Aqa'id al Iman* (aqidah)
2. *Diya' Uqud al-Durratayn fi Tarjamat Kalimatay al Shahadatayn* (dua kalimah syahadah)
3. *Mukhtasar*
4. *Sullam al-Tawfiq*.

Puisi dan prosa Tok Ku Tuan Besar adalah bercorak pendidikan yang menekankan persoalan aqidah iaitu mengenai Allah dan Nabi Muhammad serta aturan-aturan syariat untuk pegangan dan amalan dalam kehidupan harian. Penggunaan puisi atau nazam adalah bertujuan untuk menarik perhatian terutama di kalangan anak-anak muda yang biasanya lebih tertarik kepada keindahan bentuk seninya di samping secara langsung tertarik pula kepada isi pengajaran yang terkandung dalamnya.

Sayid Ahmad bin Muhammad al-Ildrus atau lebih terkenal dengan gelaran Tok Ku Melaka ialah seorang pengarang sezaman dengan Tok Ku Paloh dan telah berkahwin dengan anak beliau yang bernama Tuan Nik. Di antara tulisan beliau adalah:

1. *Mujarrabat al-Fawa'id* yang disalin berasaskan karangan berbahasa Arab – *Al-Fawa'id fi al-Salat wa al-Awa'id dan Fath al-Malik al-Majid* (ubat-ubatan).
2. *Husul al-Najah fi Ahkam al-Nikah* (membicarakan perundangan nikah)
3. *Hidayat al-Ikhwan* (aqidah) disusun pada tahun 1308 H
4. *Ta'rif al-Khullan fi Tajwid al-Quran* (tajwid)
5. *Tanbih al-Ghafilin* (kelebihan Nabi Muhammad) dalam bahasa Arab
6. *Targhib al-Ibid fi Qira'i Ratib al-Hadad* (wirid) tamat dikarang pada tahun 1301 H.

Nampaknya Sayid Ahmad juga menghasilkan karya dalam bidang perubatan. Ada kemungkinan beliau telah menghasilkan tulisan dalam bentuk nazam dalam bahasa Melayu.¹⁸

Pada hujung abad ke-19, seorang lagi tokoh al-Idrus bernama Abdul Rahman atau lebih terkenal dengan gelaran Tok Ku Paloh telah menghasilkan karangan yang penting serta membawa kesan yang besar kepada masyarakatnya semasa dan selepas zamannya. Tidak dapat dipastikan berapakah jumlah karangan beliau tetapi yang jelas adalah mengenai pendidikan awal beliau yang didapatinya daripada bapanya iaitu Tok Ku Tuan Besar. Seterusnya beliau belajar dengan ulama terkenal di Terengganu iaitu Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin (Tok Syekh Duyung). Beliau menyambung pengajian ke Makkah dengan ulama terkenal seperti Sayid Ahmad Zaini Dahlan Sayid Abdullah al-Zawawi dan Saidi Muhammad Madzhar al-Ahmadi. Bidang-bidang ilmu pengetahuan yang beliau pelajari ialah: tasawwuf, usuluddin, fiqh, tafsir, hadith dan bahasa Arab.¹⁹ Bidang yang paling diminatinya ialah tasawwuf.

Sekembalinya dari Makkah, beliau telah mengajar di surau bapanya di Chabang Tiga tetapi kemudiannya berpindah ke Kampung Paloh yang jauhnya kira-kira lima batu dari Kuala Terengganu. Di Paloh, beliau telah mendirikan sebuah surau yang dijadikan sebagai pusat pengajarannya. Pengajarannya berjaya menarik ramai penuntut bukan sahaja dari persekitaran Kuala Terengganu, bahkan juga dari Pahang dan Kelantan. Sultan Zainal Abidin III (yang melantik beliau sebagai *Syekh al-Ulama*) ialah salah seorang murid beliau di samping tokoh-tokoh keturunan sayid yang lainnya.²⁰ Haji Abdul Rahman Limbong dan Lebai Abdul Rahman (Tok Janggut) yang terlibat dalam kebangkitan di Hulu Terengganu pada tahun 1920-an juga pernah mengikuti pengajian agama di surau Tok Ku Paloh.

Dalam pengajarannya beliau telah menyampaikan pelbagai bidang ilmu yang pernah dipelajarinya termasuklah yang telah diperolehi daripada bapanya. Beliau telah juga menerangkan isi kandungan karya-karya ayahnya iaitu 1) *Targhib al-Sibyan fi Hifz 'Aqa'id al-Iman* dan 2) *Diya'Uqud al-Durratayn fi Tarjamat Kalimat al-Shahadatayn*. Walau bagaimanapun bidang yang amat, diminatinya dan paling banyak menarik perhatian pelajar-pelajar adalah ilmu tasawwuf.

Pengajian Tasawwuf

Pengaruh pengajian tasawwuf di negeri Terengganu adalah berpegang kepada dua kitab tasawwuf yang terpenting dalam konteks masyarakat Terengganu iaitu kitab *Hikam Melayu* yang dikarang oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah²¹ pada akhir abad ke-17 dan kitab *Ma'arij al-Lahfan* yang dikarang oleh Tok Ku Paloh.²² Mereka adalah pengarang tempatan Terengganu yang menghasilkan kitab-kitab tasawwuf di samping pengarang-pengarang lain yang ada di alam Melayu pada ketika itu. Di samping itu terdapat juga kitab-kitab tasawwuf dalam bahasa Arab yang dipelajari pada peringkat yang lebih tinggi.

Kitab *Hikam Melayu* merupakan syarahan yang panjang lebar mengenai matan hikam yang dikarang oleh Ibn Ata'illah²³ yang mengandungi kata-kata hikmat yang tinggi daya seninya dan dalam maknanya. Kitab ini merupakan luahan jiwa dan fikiran murni tokoh sufi Ibn Ata'illah menurut Tareqat Syadhili.²⁴ Kandungan matan hikam merupakan perimbangan pendekatan dari sudut makrifat dan falsafah tauhid Islam. Dalam perimbangan tersebut kehambaan haruslah berasaskan kepada adab dan pendekatannya bukanlah semata-mata bersifat teoritikal, intelektual dan filosofikal tetapi selaras dengan amalan dalam kehidupan.

Dari segi pendekatan, *Hikam Melayu* menampakkan lanjutan pendekatan etika yang dianjurkan oleh Imam al-Ghazali yang berpunca daripada aliran tasawwuf sunni aliran al-Muhasibi. Walau bagaimanapun Ibn Ata'illah tidak pula menentang aliran falsafah wujudiiyyah sebaliknya membelanya apabila tokoh-tokoh seperti Ibn Taimiyah (728 H/ 1328 M) dan golongan teologi mazhab Ibn Hanbal mengkritiknya.²⁵ Namun begitu, dari segi aliran pendekatan tasawwuf Syadhili, Ibn Ata'illah dianggap mempunyai pendekatan yang tersendiri yang bercorak sederhana yang berada antara falsafah dengan etika. Bahkan beliau lebih terikat dengan segi pandangan teologi mazhab Ashari yang merupakan satu aliran Usuluddin sunni.

Antara kitab-kitab terjemahan yang terkenal ialah kitab *Sayr al-Salikin* dan kitab *Hidayat al-Salikin* yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syeikh Abdul Samad al-Falembani daripada kitab-kitab karangan Imam al-Ghazali yang berjudul *Ihya' Ulum al-Din* dan kitab *Bidayat al-Hidayah*. Kedua-dua kitab di atas merupakan kitab yang sangat berpengaruh dalam pengajian tradisional di samping kitab tasawwuf yang berjudul *Minhaj al-Abidin* yang diterjemahkan oleh

Syeikh Daud al-Fatani daripada karangan Imam al-Ghazali yang sama judulnya. Syeikh Daud juga telah menterjemah kitab tasawwuf berjudul *Kanz al-Minan* yang dikarang oleh Abi Madyan. Dengan kata lain, tasawwuf sunni yang menekankan etika dan ubudiyah yang menurut aliran sunni²⁶ adalah aliran yang mendapat dukungan di kalangan yang meminati tasawwuf sehingga kini. Bahkan pada peringkat akhir karangan tasawwuf seperti kitab *Jala'al-Qulub* dan *Bab Harap* oleh Haji Abdul Samad bin Muhammad Saleh yang lebih terkenal dengan gelaran Tuan Tabal juga memperkukuhkan aliran ini. Ini menunjukkan bahawa pengajian tasawwuf ini bukan sahaja berkembang di Terengganu tetapi juga di pusat-pusat pengajian tradisional di negeri-negeri lain.

Di Terengganu, selepas terhasilnya kitab *Hikam Melayu*, terdapat sebuah lagi kitab tasawwuf dikarang oleh seorang ulama terkemuka bernama Sayid Abdul Rahman bin Muhammad (1817-1917 M) berjudul *Ma'arij al Lahfan*.²⁷

Pendekatan dan Kandungan *Ma'arij al-Lahfan*

Tok Ku Paloh mempelajari ilmu tasawwuf daripada beberapa orang guru, antaranya ialah Tok Syeikh Duyung (Haji Wan Abdullah) dan juga guru-gurunya di Makkah,²⁸ terutamanya Saidi Muhammad Madzhar al-Ahmadi yang menjadi guru tareqat Naqsyabandiyah.²⁹

Sebagai seorang yang terpelajar dalam banyak bidang ilmu pengetahuan khususnya tasawwuf, usuluddin dan fiqah, maka sekembalinya dari Makkah, beliau merasakan adalah menjadi kewajibannya untuk mengajarkan ilmu-ilmu agama pada peringkat asas di surau Chabang Tiga dan kemudian membina suraunya sendiri di Kampung Paloh. Perihal pembinaan surau atau madrasah di Paloh itu, Tok Ku Paloh mencatatkan: "Daripada berbagai-bagai bidaah itu, bidaah yang sunat seperti berbuat madrasah dan menghuraikan segala masalah yang halus-halus".³⁰

Dalam pengajian dan pengajarannya Sayid Abdul Rahman nampaknya terpengaruh dengan pengajaran ayahnya yang menekankan pengajian usuluddin.³¹ Namun begitu dalam pengajarannya, kitab-kitab yang digunakan bukan sahaja merupakan tulisan ayahnya bahkan juga pelbagai kitab usuluddin, fiqah, tasawwuf, tafsir dan hadith termasuklah ilmu-ilmu bantu yang lain.³² Beliau juga merasakan perlu menyusun sebuah karangan sendiri yang boleh dijadikan pegangan dalam pengajarannya khususnya dalam bidang usuluddin dan tasawwuf. Oleh

kerana itu beliau telah mengarang kitabnya yang berjudul *Ma'arij al-Lahfan* yang bermakna dalam bahasa Melayu: "Peningkatan Orang-orang Yang Dahaga/Lapar/Lahap". Dalam menghasilkan karangan ini Sayid Abdul Rahman berpendapat bahawa adalah menjadi kewajipan ulama-ulama menghasilkan karangan dalam bidang kepakaran masing-masing. Pendapatnya berdasarkan kepada pendapat Imam Nawawi dan Izzuddin bin Abdul Salam yang mengatakan:

Bidaah yang wajib seperti mentafsir akan Quran dan mensyarahkan Hadith mentaalifkan³³ ilmu alat seperti lughah³⁴ dan sarf dan nahu dan ma'ani dan bayan 'arud dan faraid dan menghafaz akan masa'il³⁵ yang gharibah³⁶ dan mengarang usul al-fiqah dan usuluddin dan mustalahat al-Hadith.³⁷

Menghasilkan karangan usuluddin dan tasawwuf adalah satu kewajipan dalam usaha menyebarkan ilmu pengetahuan tersebut seperti mana katanya: "Kata ulama wajib atas setiap orang itu membawa akan iktikadnya kepada semua ulama dan menzahir akan dia mudah-mudahan jika tersalah dia nescaya segera dia rujuk kepada yang benarnya dan jika benar dia nescaya segala ulama itu menjadi saksi atas benarnya di hadapan Allah."³⁸

Sehubungan dengan hal yang tersebut di atas, sebab Sayid Abdul Rahman mendirikan surau/madrasah di Kampung Paloh iaitu untuk menampung keperluan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan bimbingan ulama yang sememangnya berke-wajipan mengajar.³⁹ Tok Ku Paloh bukan sahaja bergiat di madrasah-nya tetapi kawasan-kawasan lain di sekitar negeri Terengganu.⁴⁰

Melalui pengajarannya, Tok Ku Paloh dapat menarik ramai murid tempatan dan luar di samping menjalin hubungan yang erat dengan pemerintah pada zamannya iaitu Sultan Zainal Abidin III yang telah melantik beliau sebagai pemimpin ulama (Syeikh al-Ulama) serta menempatkan beliau pada kelas sosial yang tinggi dalam masyarakat. *Ma'arij al-Lahfan* nampaknya telah dikarang di akhir hayat beliau kerana karangan itu tidak dapat ditamatkan.⁴¹ Isi kandungan karangan ini memperlihatkan tahap pengajian tasawwuf yang jauh lebih berat dan tinggi jika dibandingkan dengan yang sebelumnya terdapat dalam karangan bapanya yang lebih bersifat umum dan ditujukan kepada orang awam yang sesuai disebarkan secara luas di kalangan masyarakat awam. Sebaliknya kitab Tok Ku Paloh membicarakan persoalan falsafah dan metafizik yang sukar difahami oleh pelajar-pelajar secara

bersendirian tanpa panduan daripada gurunya. Di samping itu pelajar-pelajarnya memerlukan persediaan asas dalam bidang tasawwuf sebelum dapat menerima isi kandungannya.

Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam karangannya itu, kita dapat mengatakan bahawa Sayid Abdul Rahman ialah seorang pemimpin tareqat Naqsyabandiyah⁴² sebagai tareqat ikutannya.⁴³ Jadi boleh dikatakan dalam pengajarannya, beliau juga memperluaskan pengaruh tareqat tersebut di kalangan penuntutnya. Bertareqat dengan mengikut tareqat tertentu bermakna menyertai satu organisasi secara teratur yang pada asalnya bertujuan untuk beramal ibadat bagi mendekatkan diri dengan Allah SWT. mengikut rangka pendekatan sesuatu tareqat itu.

Ditinjau dari segi pendekatan, susunan karangan *Ma'arij al Lahfan* dapat kategorikan sebagai sebuah kitab tasawwuf tetapi tidak terlepas daripada orientasi usuluddin sehingga boleh dikatakan sebagai sebuah kitab usuluddin. Hal ini tidak menghairankan kerana pengajian bidang ini amat ditekankan oleh ayahnya. Akan tetapi perbincangan Tok Ku Paloh adalah lebih mendalam daripada yang terkandung dalam karangan bapanya.

Pada umumnya kitab-kitab tasawwuf membicarakan tentang tareqat dengan mengambil pendekatan yang bermula daripada syariat ia-itu: 1) syariat membawa kepada tareqat, 2) tareqat membawa kepada hakikat dan 3) hakikat membawa kepada makrifat.⁴⁴

Dalam usaha bertareqat menuju kesucian ke Hadrat Allah, haruslah melalui jalan-jalan, kaedah-kaedah dan maksudnya yang tertentu. Seorang murid yang mendapat bimbingan guru haruslah mematuhi dari peringkat awal berhubung dengan amalan syariat sebagaimana yang terkandung dalam rukun Islam dan pecahan-pecahannya. Dari peringkat ini barulah melalui peringkat tareqat yang pada peringkat ini jiwanya melihat bahawa Allah menjadi pengandali Yang Maha Esa.

Peringkat ini dikenali sebagai peringkat hakikat. Manakala peringkat makrifat adalah peringkat penemuan tertinggi yang sukar dicapai melainkan oleh para rasul, anbia dan awaliya. Jika diibaratkan peringkat makrifat merupakan penemuan mutiara dalam lautan, maka menurut Syekh Najamuddin al-Kubra seorang ulama sufi yang berkata bahawa syariat itu sebagai perahu/kapal, sedangkan tareqat itu sebagai laut yang diharungi perahu, manakala hakikat sebagai mutiara dan makrifat itu ialah penemuannya.⁴⁵

Pendekatan yang dibuat oleh Sayid Abdul Rahman: adalah seperti berikut: 1) jalan tauhid, 2) jalan makrifat, 3) jalan tareqat, dan 4) jalan hakikat.⁴⁶ Jika diperhatikan secara teliti, terdapat perbezaan pendekatan yang pada umumnya melalui pendekatan syariat sedangkan Sayid Abdul Rahman mengambil pendekatan tauhid. Peringkat kedua yang sepatutnya melalui tareqat, bagi beliau melalui makrifat yang pada kebiasaannya berada di peringkat puncak, manakala tareqat disebut sebagai peringkat ketiga dan hakikat sebagai peringkat keempat yang pada kebiasaannya kepada kedudukan peringkat kedua dan ketiga. Perbezaan ini disebabkan Sayid Abdul Rahman tidak terikat dengan pendekatan tasawuf semata-mata sebaliknya melihatnya daripada sudut tauhid.⁴⁷

Pendekatan Tauhid

Sekiranya kita membaca bahagian pertama kitab ini mungkin kita menyimpulkan bahawa kitab ini adalah kitab tauhid yang dicampur dengan unsur tasawwuf. Tambahan pula perbincangan mengenai tauhid itu terkandung dalam empat puluh dua halaman daripada seratus sembilan halaman.⁴⁸ Pengarang kitab ini menegaskan sekiranya seseorang Islam ingin menuju ke peringkat makrifat maka dia haruslah membersihkan pegangan tauhidnya supaya terhindar daripada unsur-unsur syirik yang mungkin menyebabkan dia terkeluar daripada syahadah dan terjerumus ke dalam syaqawah. Menurut Sayid Abdul Rahman, mendalami tauhid merupakan mikraj selain melalui sembahyang. Peningkatan puncak bagi mikraj rohani ialah berjaya tiba ke peringkat makam "qab qawsayn"⁴⁹ yang diibaratkan sebagai peringkat tertinggi dalam bermikraj. Ini dikuatkan dengan ayat al-Quran yang bermaksud: "Dan sesungguhnya kepada Tuhan engkaulah tempat pengakhirannya".⁵⁰ Untuk peningkatan kepada peringkat tertinggi iaitu tauhid yang hakiki dan makrifat yang dhauqi yang tiba ke makam "qab qawsayn" maka seseorang itu memerlukan penelitian ilmu tauhid yang mendalam. Menurut Sayid Abdul Rahman, galian tauhid yang terkaya dan mendalam serta terdapat di dalamnya pelbagai logam dan intan permata yang mahal nilainya adalah terkandung dalam kalimah tauhid: Ini juga merupakan rahsia Allah yang telah dikurnia kepada kekasihnya Nabi Muhammad. Pendek kata segala ilmu terhimpun dalam kalimah tauhid tersebut.⁵¹ Untuk sampai ke peringkat "qab qawsayn" itu seseorang Islam haruslah melalui empat tahap yang telah disebutkan iaitu tauhid,⁵² makrifat, tareqat dan hakikat.

Mentauhidkan atau mengesakan Allah adalah pada zat, sifat dan afaal, iaitu dengan yakin tanpa syak, waham dan zann. Mengetahui tentang isbat dan nafi daripada Allah hingga tiba kepada peringkat penglihatan secara rohani akan Jamal dan Jalal Allah serta iftikarnya⁵³ makhluk kepada-Nya.

Iktikad yang tidak betul diibaratkan sebagai jiwa yang masih kotor seperti diri seseorang yang berhadass, sama ada kecil atau besar tidak membolehkan seseorang itu bersembahyang. Maka dari segi rohani, kekotoran akaid menghalang jiwa daripada mengenal Tuhan. Untuk meningkatkan diri ke peringkat yang lebih tinggi perlulah jiwa dibersihkan dengan jalan tauhid yang suci sebagai persediaan terhadap peningkatan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, Sayid Abdul Rahman memetik sebuah hadith Qudsi yang telah ditujukan kepada Nabi Allah Daud alaihi al-salam: yang bermaksud: "Sediakan kepadaku penginapan yang dapat aku diam di dalamnya iaitu penginapan yang bersih (hati)", kerana hati yang berlumur kecemaran merupakan berhala maknawi yang menghalang daripada didekati oleh yang tertinggi. Lantaran itu dikatakan: yang bermaksud "Hati yang merdeka adalah pertaruhan segala rahsia".

Pembersihan hati dilakukan melalui jalan tasawwuf sebagaimana yang dianjurkan oleh Imam al-Ghazali⁵⁴ dan diikuti oleh Sayid Abdul Rahman melalui peringkat-peringkat:

- (1) *Takhliyyah* (menjauhkan daripada sifat keji),
- (2) *Takhliyyah* (menghiasi dengan sifat terpuji),
- (3) *Tajliyyah* (bertajalli kepada Allah dengan jiwa yang suci).

Dalam membicarakan soal keimanan, Sayid Abdul Rahman telah menggunakan pembahagian Ibn Arabi tentang martabat keimanan yang terbahagi kepada lima martabat:

- (1) Iman taklid iaitu iman orang jahil,
- (2) Iman dalil iaitu secara ilmu al-yakin,
- (3) Iman Shuhud al-Haq iaitu ayn al-yakin,
- (4) Iman mushahadah iaitu haq al-yakin,
- (5) Iman fana iaitu iman yang hakiki.

Tiga peringkat terakhir itu dilimpahi cahaya Ilahi bagi sesiapa

yang mendapat hidayat-Nya.⁵⁵

Dalam membicarakan mengenai ketuhanan, Sayid Abdul Rahman menentang dan menolak fahaman yang mulhid, fahaman falsafah dan juga fahaman wujudiiyyah. Untuk mengelakkan diri daripada tergelincir kepada fahaman tersebut, seseorang itu perlu belajar dengan guru atau ulama yang muktabar.⁵⁶ Beliau menunjukkan iktikad dan aliran ahli al-Sunnah wa al-Jamaah adalah sebaik-baik jalan kerana aliran ini bersifat sederhana berbanding dengan aliran Qadariyah yang dianggapnya hina dan lebih keji daripada Yahudi dan Nasara.⁵⁷

Sayid Abdul Rahman menyatakan beberapa pegangan yang dianggap terkeluar daripada jalan al-sunnah yang sebenar iaitu Rafidiyyah, Kharijiyyah, Qadariyyah, Jabariyyah, Jahmiyyah dan Murjiyyah.⁵⁸

Di samping itu, beliau menyenaraikan tiga belas pegangan yang disifatkan sebagai zindik iaitu: *Hubbiyyah, Awliyaiyyah, Shamrakhiyyah, Ibahtiyah, Haliyyah, Huriyyah, Wakikiyyah, Mutaja-hiliyyah, Mutakasiliiyyah, Ilhamiyyah, Hululiyyah, Wujudiiyyah*,⁵⁹ dan *Mujassamah*. Semua pegangan ini diberi keterangan ringkas oleh Sayid Abdul Rahman.⁶⁰

Dalam bahagian akhir mengenai tauhid beliau telah mengajukan persoalan fiqh mengenai bidaah di samping membicarakan fasal tibb (perubatan).⁶¹

Peringkat Makrifat

Peringkat ini didekati oleh Sayid Abdul Rahman dengan gaya pendekatan usuluddin bercampur dengan dhauq ilmu tasawwuf. Pada peringkat awal kita dapat menanggapi apa yang dimaksudkan makrifat dari sudut ilmu usuluddin sebagaimana katanya: "Makrifat di kalangan imam-imam usuluddin ialah mengetahui akan Allah dengan sifat-sifat-Nya yang zatih dan maknawiah".⁶² Mengikut konsep ilmu usuluddin ini, makrifat itu adalah sama ertinya dengan istilah "ilmu". Menurut Syeikh Hussein Nasir yang terkenal dengan panggilan Tuan Hussein Kedah:

Makna makrifat pada lughah ertinya iaitu mengetahui dan mengenal maka bermula tiap-tiap ilmu iaitu makrifah. Bermula tiap-tiap makrifah itu ilmu. Bermula tiap-tiap orang yang mengetahui dengan Allah, iaitu yang mengenal dengan dia. Bermula tiap-tiap orang yang mengenal Allah, iaitu yang mengetahui dengan dia.⁶³

Secara rumusannya, Tuan Hussein mengatakan bahawa makrifat

dari segi ilmu usuluddin ialah: "Iktikad yang tetap yang tiada menaruh syak dan zann dan waham dengan pekerjaan yang bergantung dengan Allah dan dengan Rasul-Nya daripada sekira-kira muafakat dan berbetulan bagi yang sebenarnya yang diambil akan dia daripada dalil".⁶⁴ Pokoknya makrifat dari segi usuluddin merangkumi akan sifat-sifat Allah dari segi wajib, mustahil dan harus, bukan mengetahui zatnya kerana yang demikian tidak mungkin dicapai oleh akal dan adalah ber-salahan daripada makhluk sebagaimana sabda Nabi Muhammad.⁶⁵

Terjemahan: Tiap-tiap terlintas di hati, maka ia binasa (bukan) dan Allah adalah berlainan dari demikian.

Daripada mengenal Allah secara usuluddin, Sayid Abdul Rahman secara tidak langsung berpindah kepada pengenalan yang bersifat tasawwuf iaitu selepas membicarakan persoalan bahawa manusia tidak mungkin mengenali zat Allah, tetapi sebaliknya hendaklah memikirkan tentang makhluk Allah berdasarkan hadith Nabi Muhammad yang bermaksud: "Berfikirlah kamu tentang ciptaan Allah dan nikmatnya, tetapi jangan kamu fikir tentang zatnya, kerana tidak terjangkau oleh fikir-an".⁶⁶ Lalu beliau mengaitkan dengan pandangan orang-orang sufi yang asyik dengan kecintaan terhadap Allah dan melihat hakikat kewujudan sebenarnya hanya Allah, sehingga daripada rasa cinta yang mendalam, menjadikan mereka karam dalam lautan menyebabkan terkeluar daripada lidah mereka kata-kata sathiyat⁶⁷ yang pada lahirnya bertentangan dengan aqidah tetapi pada hakikatnya bukan bermaksud sedemikian.

Selepas itu beliau membicarakan konsep diri "Sesiapa mengenal dirinya maka sesungguhnya dia mengenal Tuhannya" ⁶⁸. Petikan ini dikatakan sebagai hadith yang menjadi permulaan tempat bertolaknya perbincangan ahli sufi terutamanya yang beraliran falsafah. Sayid Abdul Rahman menterjemah hadith ini dengan mengaitkan perbahasannya mengenai nyawa dan roh dengan mengatakan: "Barang siapa mengenal dia akan nyawanya itu memerintah akan badan pada segala perbuatan dan kelakuan nescaya mengenallah dia akan Tuhannya yang memerintah akan nyawanya".⁶⁹ Namun begitu pengenalan yang dimaksudkan bukan terhadap nyawa sahaja bahkan konsep "diri" itu bukan terhadap pada diri badani dan rohani insan sahaja sebagai alam saghir (macrocosm) tetapi keseluruhan alam ini sebagai alam kabir (microcosm) yang membuktikan kuasa Allah SWT.

Sayid Abdul Rahman menyentuh tentang konsep diri manusia sebagai alam saghir yang merupakan cermin bagi alam kabir dengan

membandingkan " ... kejadian manusia itu seperti naskhah bagi makrifat akan Allah SWT sebab berlipat-lipat padanya beberapa benda yang bagi alam yang besar-besar dan tiada daripada sesuatu yang pada alam melainkan adalah bandingnya pada manusia".⁷⁰ Beliau berpendapat bahawa oleh kerana pada diri manusia itu tercermin kandungan alam yang besar, maka daripada rahsia inilah manusia telah dijadikan khalifah Allah di bumi ini dan kerana manusialah menjadi tempat pernyataan Jamal dan Jalal Allah, di samping menjadi tempat pernyataan sifat dan nama-nama Allah-Nya. Beliau juga telah memetik sebuah hadith Qudsi yang telah diterjemahkan bermaksud: "Yakni Aku jadikan segala makhluk itu kerana menzahirkan kemuliaan engkau dan Aku jadikan akan dikau kerana menyatakan kebesaran-Ku".⁷¹ Ternyata bahawa dengan membicarakan persoalan di atas, Sayid Abdul Rahman secara tidak langsung mencerminkan pengaruh falsafah tasawuf Ibn Arabi dan pendukungnya Ibrahim al-Jili yang membicarakan tentang konsep Insan al-Kamil itu.⁷²

Kedua-dua aspek usuluddin dan tasawwuf yang dibicarakan terkandung dalam kalimah *syahadah*. Dengan *makrifat dhaukiyyah* seseorang itu dapat sampai kepada tauhid yang sempurna. Kalimah *syahadah* inilah yang dikenali dengan beberapa nama iaitu kalimah *tayyibah*, *hisin Allah al-Hasin*, *Kanz Allah al-Akhbar*, *syajarah tayyibah*, kalimah *al-Tauhid* dan *shajarat al-Mubarakah*. Sebahagian daripada nama-nama tersebut telah diberi huraian yang agak panjang dan sebagai kesimpulannya beliau menyatakan bahawa dalam bertauhid sebenarnya ada empat martabat:

- (1) Orang yang berkata dengan lidahnya tetapi tiada pada hatinya makna dan hakikatnya iaitu martabat orang munafik.
- (2) Orang yang berkata dengan lidahnya dan ada pada hatinya maknanya dan hakikatnya iaitu martabat orang mukmin.
- (3) Orang yang berkata dengan lidahnya dan ada pada rohnya maknanya dan hakikatnya iaitu martabat awliyak yang dikenal sebagai orang yang syirik.
- (4) Orang yang berkata dengan lidahnya dan ada pada sirinya maknanya dan hakikatnya iaitu martabat khawass al-Khawass yang mencapai peringkat mukashaf.⁷³

Sayid Abdul Rahman juga menegaskan secara ringkas bahawa kesempurnaan tauhid bergantung pada kesempurnaan amalan syariat yang terkandung dalam rukun Islam yang lain daripada kalimah *syahadah* itu.⁷⁴

Peringkat Tareqat

Menurut J. Spenser Trimingham yang mengkaji tentang tareqat-tareqat dalam Islam:

A tariqa was a practical method (other terms were madhhab, rikaya and suluk) to guide a seeker by tracing a way of thought, feeling, and action, leading through a succession of 'stages' (makamat, in integral association with psychological experiences called 'states' *ahwal*) to of divine reality (haqiqa).⁷⁵

Tareqat yang dianjurkan oleh Sayid Abdul Rahman: ialah Naqsyabandiyah⁷⁶ iaitu tareqat yang menjadi ikutannya. Semasa bertareqat, menurut Trimingham:

The orders stressed the power of the word God, and hundreds of booklets have been written on the virtues and properties of the names of God, of phrases like the Basmala, or Quranic verses (Ayat al-Kursi), or chapters (Surah Ya Sin). The association of these 'words', as in ash-Shadhili's Hizb al-Bahr or al-Jazuli's Dala'il al-Khairat, gives these magical properties, Power symbolism in Islam is, therefore, primarily based on words.⁷⁷

Oleh kerana setiap tareqat itu mempunyai pendekatan dan amalan-nya yang tersendiri, khususnya tareqat Naqsyabandiyah, maka haruslah melalui bimbingan iaitu menerusi guru yang mursyid. Menurut Sayid Abdul Rahman, dalam ahwal tareqat dan adabnya ada empat fasal: 1) adab murid, 2) adab guru, 3) adab zikir dan kaifiatnya, dan 4) ustaz tareqat Naqsyabandiyah. Persoalan fasal-fasal tersebutlah telah dibicarakan oleh Sayid Abdul Rahman dalam bahagian akhir mengenai tareqat.⁷⁸

Antara adab murid dengan guru dan sahabatnya terdapat pegangan yang erat kepada sunnah, iktikad ahli al-Sunnah wa al-Jumaah, meninggalkan segala rukhsah, mengerjakan kebajikan, taubat setiap ketika, menghormati guru dan sekali-kali jangan bersahabat dengan ahli dunia.⁷⁹

Seseorang murid yang bertareqat dianjurkan oleh Sayid Abdul Rahman supaya melalui empat martabat iaitu taubat, beristikamah, ber-

tahdhib (iaitu melatih diri seperti tidak banyak bercakap kecuali apabila perlu meninggalkan pergantungan pada makhluk, mengurangkan tidur untuk dapat lebih mendekati Allah) dan menghampirkan diri kepada Allah.⁸⁰

Sebagaimana adab murid,⁸¹ begitulah juga adab guru amat banyak, antaranya mengajarkan supaya muafakat dengan berlandaskan al-Quran dan hadith, mengambil tareqat menerusi guru yang sebenar supaya hasil pertambahan maknawi antara guru dengan murid hingga kepada Nabi Muhammad dan seterusnya ke hadhrat Allah SWT.

Menurut Sayid Abdul Rahman, semua tareqat⁸² khususnya tareqat Naqsyabandiyah melalui al-Junaid sehingga Saidina Ali, di samping terdapat juga yang melalui Abu Yazid al-Bistami menerusi Saidina Ali.⁸³

Seterusnya Sayid Abdul Rahman menyenaraikan rantaian salsilah Naqsyabandiyah yang diterima melalui gurunya iaitu Saidi Muhammad Mazhar al-Ahmadi sehinggalah kepada Nabi Muhammad iaitu sebanyak 42 rantai persambungan. Rantaian yang bersambung ini mengesahkan pertalian yang diterima daripada Nabi Muhammad sebagaimana sahihnya hadith-hadith yang mempunyai sanad-sanad yang kukuh.

Berhubung dengan zikir, sebagaimana tersebut dalam tulisannya bahawa amalan bertareqat adalah bergantung pada amalan zikir sama ada daripada ayat Quran atau susunan ulama-ulama tareqat, maka demikianlah dengan tareqat Naqsyabandiyah mempunyai kaedah dan aliran dalam berzikir iaitu menurut sadat Naqsyabandiyah. Sayid Abdul Rahman berpendapat bahawa berzikir tanpa talkin guru tidak memberi faedah dan ditolak. Semasa berzikir haruslah bersuci daripada hadas dan najis sama ada pada badan, pakaian dan tempat dengan menghadapkan diri ke kiblat dalam keadaan bertawarruk dengan menghilangkan daripada ingatan yang lalu dan yang akan datang. Seterusnya membaca Istighfar 25 kali, al-Fatihah 3 kali, al-Ikhlâs 3 kali dan membaca:

الهي أنت مقصودي وءضاك مطلوبى اعطنى محبتك ومعرفتك

3 kali. Zikir lafaz zat (Allah, Allah) 1000 × 5 kali selepas sembahyang.⁸⁴ Kemudian disebut perjalanan tareqat itu ada tujuh (7) yang dipanggil dengan 'Litaif': Latifat al-Qalb (rahsia hati maknawi), Latifat al-Roh (rahsia yang halus), Latifat al-Sirr (rahsia yang halus), Latifat

al-Khafiyy (rahsia yang tersembunyi), Latifat al-Akhfa (rahsia yang sangat tersembunyi), Latifat al-Nafs (rahsia otak yang halus) dan Latifat (tidak disebut).⁸⁵ Selain itu disebut pula tentang jalan menyampaikan pendekatan kepada Allah itu melalui jalan zikir nafi isbat, jalan murakabah wilayah al-sughra, murakabah al-roh dan wilayah al-kubra yang disebut murakabah makiyyah. Di samping itu terdapat amalan yang memerlukan pengikutnya memperbanyakkan sembahyang rawatib dan selepas setiap sembahyang fardu bertasbih 50 kali, bertahmid 33 kali dan bertakbir 34 kali selain bertahajud di waktu malam ⁸⁶ dan sebagainya.⁸⁷

Peringkat Hakikat

Sebagaimana yang telah disebut sebelum ini mengenai bahagian ini bahawa Sayid Abdul Rahman tidak sempat menghuraikannya kerana sebelum buku ini disiapkan, beliau meninggal dunia. Hanya tercatat ayat berikut:

اعلم أن الحقيقة باطن كل شيء

yang bermaksud: Ketahuilah bahawasanya hakikat itu batin bagi sesuatu. Hakikat daripada susunan tasawwuf adalah peringkat terdekat dengan makrifat. Menurut al-Kamshakhanawi hakikat ialah makna yang berhubung dengan hati, peringkat yang terbuka yang ghaib-ghaib. Hakikat adalah pemberian Allah. Melalui hakikat, seseorang itu dapat meningkatkan kebajikan dan ketaatannya. Berkata Shadhili bahawa "tareqat ialah penerusan di hati, engkau melihat bahawa tidak ada yang memudaratkan atau memanfaatkan, tiada yang memberi dan menegah melainkan Allah".⁸⁸

Sumber Rujukan

Dalam menghasilkan kitab *Ma'arij al-Lahfan*, Sayid Abdul Rahman membuat rujukan bacaan dan memetik pendapat ulama. Antara rujukan yang disebutnya ialah kitab *Awarif al-Makarif* oleh al-Suhrawardi, *Al-Tamhid*, *Rawd al-Talib*, *Tarjuman al-Ashwaq* dan *Anwar al-Qudsiyyah*. Di samping itu beliau menyebut beberapa tokoh untuk menguatkan pendapatnya dalam bidang-bidang yang dibicarakan, misalnya selain di atas terdapat nama-nama Muhyiddin Ibn Arabi, Ibn Ataillah, Shibli, Syahrastan, Imam al-Ghazali, Nasafi, Imam Qurtubi, Imam Fakhru'l-Razi, Imam Ahmad, Ibrahim al-Liqani, Imam Nawawi, Izzuddin Abdul Salam, Imam al-Haramyni, Ibn al-Muqri, Junayd al-Baghdahi, Abu

Mansur al-Maturidi, Fath al-Musili dan Sahl Ibn Abdillah al-Qustari.

Sungguhpun Sayid Abdul Rahman tidak banyak menyebut kitab-kitab yang dirujuknya, ini bukan bererti beliau tidak banyak merujuk kepada sumber bacaan, sebaliknya persoalan yang dibicarakan membuktikan bahawa beliau membaca dan membuat rujukan. Beliau banyak merujuk pendapat Ibrahim al-Liqani yang mensyarahkan *Jawharat al-Tauhid*. Kita dapat menjangka yang beliau telah juga merujuk kepada *Ihya Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali di samping secara langsung atau tidak beliau mungkin telah membaca kitab-kitab Ibn Arabi seperti *Fusus al-Hikam* dan kitab-kitab tareqat daripada karangannya kita dapat membuat kesimpulan bahawa beliau bukan sahaja mahir dalam bidang usuluddin, tasawwuf dan fiqah, malahan mempunyai asas yang kuat dalam ilmu-ilmu seperti nahu, saraf, arud, kifayah, mantik, balaghah (makani, bayan dan badik), tafsir dan hadith, ubat-ubatan dan puisi penyair Islam yang terkenal.

Kesan Pengajaran Sayid Abdul Rahman

Sebagai kesan daripada pengajian dan pengajaran serta orientasi keislaman khususnya dalam bidang tasawwuf di negeri Terengganu, maka dapatlah dirumuskan bahawa pada hakikatnya ketokohan Sayid Abdul Rahman mempunyai keistimewaan menjelang zaman campur tangan asing di Terengganu pada awal abad ke-20. Walau bagaimanapun dalam konteks pengukuhan tradisi keagamaan di Terengganu, Sayid Abdul Rahman menampakkan kelebihan jika dibandingkan dengan ulama sebelumnya. Apabila termeterinya perjanjian tahun 1919 yang membawa campur tangan British di negeri Terengganu, maka unsur keagamaan dapat dikatakan sebagai unsur terawal yang telah membangkitkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat negeri Terengganu, khususnya daripada kalangan ulama yang sebelum ini telah mengulang-ulang ayat Quran yang menentang orang Yahudi dan Nasrani dan menegah orang Islam daripada menjadikan mereka sebagai pemimpin.⁸⁹

Kalau diperhatikan Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu, perkara perjanjian dengan orang luar khususnya kuasa Eropah dicatat sebagai peringatan kepada pemerintah bahawa:

Fasal 14

Tegahan di atas raja

Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian

atau menyerahkan negeri dan kerajaannya atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau hukunya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya.⁹⁰

Perjanjian tahun 1919 yang dianggap sebagai jalan ke arah penguasaan British di negeri Terengganu seperti yang telah berlaku kepada negeri-negeri Melayu yang lain sebelumnya adalah bercanggah dengan fasal 14 undang-undang tersebut. Justeru kerana itu percanggahan tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat, khususnya apabila beberapa peraturan cukai seperti cukai tanah dilaksanakan selepas kehadiran kuasa Eropah di Terengganu. Ini menimbulkan ketegangan dan kegelisahan sosial di Terengganu pada tahun 1922 yang berlarutan dan memuncak kepada penentangan pada tahun 1928.⁹¹

Punca yang mencetuskan kegelisahan dan penentangan tersebut telah disemai oleh Sayid Abdul Rahman. Kedudukan sosialnya sebagai ulama keturunan Rasulullah dan hubungannya yang rapat dengan pemerintah dalam sistem pentadbiran negeri dan kekerabatan diraja khususnya dengan Sultan Zainal Abidin III menjadikannya sebagai tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat Terengganu.⁹² Rasa tidak puas hati beliau dikatakan telah bermula sejak kemasukan ejen British pada tahun 1910 dan sikap antipenjajahan beliau tergambar dalam Undang-undang 1911 sebagaimana yang terdapat dalam petikan di atas, oleh kerana beliau merupakan salah seorang tokoh yang telah bertanggungjawab menyusun undang-undang tersebut. Perasaan tidak puas hati ini semakin berkobar apabila pihak kerajaan mengambil tanahnya di Bukit Losong untuk dijadikan tapak rumah Ejen British yang mengakibatkan hubungan beliau dengan Sultan Zainal Abidin III juga menjadi renggang. Perasaan anti-Nasrani sebagai penjajah menjadi semakin kuat apabila disemai di kalangan murid-muridnya seperti Haji Abdul Rahman Limbong, Lebai Abdul Rahman (Tok Janggut), Haji Wan Embong Paloh, Haji Abdullah Chik Hok Patani,⁹³ Haji Musa Abdul Ghani dan Sayid Sagap bin Sayid Abdul Rahman (Tok Ku Paloh).⁹⁴

Murid-murid Sayid Abdul Rahman telah meniupkan semangat penentangan terhadap campur tangan British dalam pemerintahan negeri Terengganu. Perintah-perintah baru yang berkaitan dengan cukai tanah yang sebelumnya tidak wujud dan bersalahan dengan hukum syarak telah dijadikan salah satu isu membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata. Seterusnya ini membangkitkan semangat penen-

tangan terhadap pemimpin-pemimpin tempatan.⁹⁵

Kalau diperhatikan peristiwa pemberontakan ini terdapat peranan penting yang dimainkan oleh unsur agama iaitu ulama-ulama bergiat menanamkan semangat antikafir. Sebenarnya Sayid Abdul Rahman telah menyebarkan idea antipenjajahan sebagaimana yang ternyata dalam tulisan beliau yang mencela golongan munafik yang dianggapnya sebagai golongan yang lebih berbahaya daripada orang kafir itu sendiri dan kedua-duanya adalah seteru Allah dan orang Islam.⁹⁶

Sekiranya diperhatikan kawasan yang terlibat dalam peristiwa pemberontakan dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu, ternyata bahawa kawasan tersebut menampakkan rentetan tempat yang mempunyai sejarah tersebarnya agama Islam. Di tempat-tempat tersebut terdapat pusat pengajian seperti di Pulau Manis dan Beladau.⁹⁷

Peranan agama Islam dalam mencetuskan pemberontakan terhadap penjajah Eropah merupakan fenomena umum dalam sejarah penentangan rakyat tempatan di negara-negara yang beragama Islam di rantau Asia Tenggara. Peristiwa yang hampir serupa berlaku di Aceh apabila rakyatnya menentang penjajahan Belanda. Karangan ulama seperti kitab *Nasihat al Mu'minin* oleh Syeikh Abdul Samad Palembang menjadi panduan dalam penentangan mereka terhadap penjajahan. Ada juga hasil sastra yang telah membakar semangat penentangan seperti *Syair Perang Sabil* (1881) yang telah dicipta oleh Tengku Muhammad Haji Pante Kulu sebagai menyahut permintaan daripada seorang pahlawan Aceh bernama Tengku Cit Ditiro.⁹⁸

Dalam kes penentangan di Terengganu, peranan puisi atau nazam Sayid Muhammad bin Zainal Abidin adalah amat ketara dalam penyebaran pengajaran Islam dan semangat penentangan terhadap orang kafir. Puisi-puisi beliau telah dilagukan seperti lagu berzanji dalam pelbagai rentak dan sangat terkenal di sepanjang lembah Sungai Terengganu. Puisi-puisi ini dinyanyikan dalam upacara keagamaan sebagaimana puisi berzanji. Manakala naskhah *asmak Badr*, iaitu nama pahlawan dalam peperangan Badar disalin dijadikan bahan azimat yang sudah tentu memberikan semangat perjuangan pemberontakan. Fenomena yang terjadi di Terengganu dan Aceh itu berlaku juga di wilayah Islam di Filipina iaitu di Pulau Mindanao dalam zaman pemerintahan Sepanyol, Amerika dan kini kerajaan pusat. Dalam sejarah pemberontakan yang panjang di wilayah tersebut terdapat juga sastra yang telah menghidupkan semangat perjuangan terhadap penjajahan dan penindasan golongan kafir dan sastra ini dikenali dengan puisi-puisi Perang Sabil.⁹⁹

Bahkan sekiranya ditinjau secara menyeluruh peranan agama Islam dalam gerakan kemerdekaan sama ada di Indonesia¹⁰⁰ mahupun di Malaysia, maka kepentingannya dalam membangkitkan semangat perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan adalah sukar diketepikan. Sekiranya dilihat secara mikro peranan agama Islam di Terengganu maka ternyata bahawa kesuburan perkembangannya telah menjiwai masyarakat dan dalam rentetan sejarah masyarakat itu lahir pula para ulama yang berwibawa yang telah menghasilkan karya-karya keagamaan yang menjadi bahan untuk terus memupuk jiwa keislaman hingga berlakunya pertembungan dengan penjajahan.

Nota

¹Pengertian tradisional daripada sudut budaya merujuk kepada aturan dan nilai yang diwarisi turun-temurun sehingga menjadikannya sebagai adat yang diikuti. Tradisi mengikut autoriti iaitu Quran dan Hadith. Dalam kertas penyelidikan ini, tradisi adalah merujuk kepada pengertiannya yang pertama tetapi pengertian kedua menjadi sumber penting dalam pengukuhan tradisi yang bakal dibicarakan untuk maksud di atas. Lihat Ahmad Ibrahim, 1973. "Unsur-unsur Budaya Tradisional Dalam Pemupukan Keperibadian Kebangsaan Malaysia", *Asas Kebudayaan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, hlm 13-21.

²Berhubung dengan sejarah campur tangan British, lihat C.D. Cowan, 1961. *Nineteenth-Century Malaya*, London: Oxford University Press, Lihat juga Chai Hon-Chan, 1967. *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

³Shaharil Talib, 1984. *After Its Own Image: The Terengganu Experience 1881-1941*, Singapore: Oxford University Press, Bab VII.

⁴Mengenai penentangan tersebut beberapa kajian telah dihasilkan antaranya: a) Muhammad bin Endut, 1970. "1928: Penderhakaan di Terengganu", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, b) Muhammad Abu Bakar, 1974. "Sayid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus", Latihan Ilmiah, Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, c) Abdullah Zakaria bin Ghazali, 1976. "Kekacauan dan Kebangkitan Terengganu 1921-1928", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dan d) Timah binti Hamzah, 1977. "Peranan dan Pengaruh Haji Abdul Rahman Limbong Dalam Masyarakat Terengganu pada Tahun-tahun 1920-an", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁵Banyak ayat al-Quran yang melarang orang Islam membiarkan diri daripada diperintah oleh orang kafir, antaranya lihat Surah al-Maidah, 5: 44, 45, 47.

⁶Shafie Abu Bakar, 1983. "Identiti Keagamaan dan Tradisi Pengajian di Terengganu", *Pesaka*, Kuala Terengganu Monograf Lembaga Muzium Negara Terengganu, hlm 8-16.

⁷Lihat Clarence L. Banhart & William D. Halsey, 1954. *The New Century Ency-*

clopedia of Names, Vol. II, New York Appleton-Century Crafts, hlm 2802.

⁸Dipetik oleh Murtada Mutahhari, 1985. "Islamic Philosophy of History," *Ash-Shahid*, Vol. I, No.2, hlm 131.

⁹Seorang ahli falsafah Jerman yang banyak menghasilkan tulisan dalam bidang falsafah. Lihat *Eyclopedia of Names*, Vol. II, hlm 1957-8.

¹⁰Murtada, "Islamic Philosophy", hlm 131.

¹¹Acheh telah diberi gelaran "Serambi Mekah" kerana negeri tersebut tebal dengan pengaruh keislamannya. Pada zaman kegemilangannya muncul beberapa orang ulama yang terkenal yang telah menghasilkan karya sastera Melayu-Islam. Lihat Syed Muhammad Naguib al-Attas, 1970. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.

¹²Baca Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1970. *The Correct Date of The Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara, hlm 1.

¹³Lihat Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (Misbaha), 1978. *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, hlm 4.

¹⁴Khoo Kay Kim, Disember 1974. "Kuala Terengganu: International Trading centre", *Malaysia in History*, Vol. XVII, No 2, hlm 16-30.

¹⁵Mohamed bin Abu Bakar, 1979. "Sayid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idrus (Tok Ku Paloh)", *Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm 34-35.

¹⁶Beliau sendiri dikatakan berasal dari Patani. Lihat Mohamad bin Abu Bakar, 1981. "Riwayat Hidup Tukku Paloh Anakanda Tukku Tuan Besar", *Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam Ke-VI*, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 22.

¹⁷Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (Misbaha), 1983. "Perkembangan Penulisan dan Pengarang-pengarang Terengganu Sebelum Perang Dunia Kedua", *Pesaka*, Kuala Terengganu Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu. hlm 87.

¹⁸Terdapat petikan puisi/nazam dalam kitab-kitab yang menyebutkannya sebagai dihasilkan oleh ulama negeri Terengganu tetapi nama pengarang tidak dikenal pasti. Lihat Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, 1344 H. *Miftah al-Murid fi Ilm al-Tauhid*, Pulau Pinang: Sulaiman Mari, hlm 15-16.

¹⁹Lihat Mohamad, "Sayyid Abdul Rahman", hlm 41.

²⁰*Ibid.*, hlm 49-50.

²¹Pengajian ilmu tasawwuf telah pun wujud sebelum terbitnya kitab Hikam Melayu. Ini terbukti dengan wujudnya risalah tasawwuf di institusi pondok Syaikh Abdul Malik bin Abdullah seperti naskah-naskah risalah *A yan Thabitah* bahasan mengenai syariat, tareqat, hakikat dan makrifat yang dikenal dengan usul tahkiki, takwilan terhadap huruf-huruf fatihah dan istilah-istilah yang penting seperti Muhammad dan Allah, pembicaraan tentang sakrat, tanya jawab di antara Saidina Ali dengan Rasulullah dan lain-lain lagi yang mencerminkan cara pendekatan pengajian di Acheh dalam zaman berkembangnya aliran wahdat al-wujud dan amat berbau Syiah dan agak kabur dari segi penulisan dan di mana dihasilkan. Pengaruhnya pula tidaklah begitu besar dan jelas di Terengganu.

²²Selain karangannya dalam bidang tasawwuf itu, terdapat juga karangan tasawwuf yang dihasilkan oleh seorang ulama keturunan al-Idrus iaitu Sayid Ahmad bin Muham-

mad yang telah menghasilkan karangan berjudul *Tarhib al-Ibad fi Qira' Ratib al-Haddad* (1301 H), iaitu satu hasil terjemahan bertujuan menarik minat orang Islam untuk membaca Ratib al-Haddad. Namun begitu karangan ini tidaklah dapat disamakan kepentingannya dengan *Ma'arij al-Lahfan*, apalagi *Hikam Melayu*.

²³Namanya ialah Imam Tajuddin berasal dari Iskandariah, Mesir. Beliau dilahirkan kira-kira pada pertengahan abad ke-7H/13 M dan meninggal dunia pada 709 H/1309 M. Ibn Ata'illah merupakan rantaian ketiga daripada tarekat Shadhili iaitu murid kepada Abu Abbas al-Mursi (meninggal dunia pada tahun 686 H/1288 M) yang berguru kepada Abu Hassan al-Shadhili. Selain kitab Hikam terdapat juga karangan lain iaitu *Miftah al-Falah wa Misbah al-Arwah*, *Kitab al-Tanwir fi Isqat al-Tadbir*, *Kitab al-Lata'if fi Manaqib Abi al-Abbas wa Shaykhihi Abi al-Hassan*, *al-Qasid al-Mujarrad fi Ma'rifat al-Isim al-Mufrad*, dan *Unwan al-Tawfiq fi Adab al-Tariq*. Lihat Tok Pulau Manis, t.t. *Hikam Melayu*, Sulaiman Mar'i, Singapore. Lihat juga Victor Danner, 1973. *Ibn Ata'illah: Sufi Aphorisms (Kitab al-Hikam)*, Leiden: E.J. Brill, hlm 1 dan 12-14.

²⁴Beliau ialah Abu al-Hasan Ali al-Shadhili. Lahir di Ghumara (Maghribi) pada 593 H/1196 M dan berpindah ke Mesir untuk menyebarkan tarekatnya. Di Mesir, beliau telah mendapat murid-murid yang terkenal seperti Abu al-Abbas al-Mursi dan Ibn Ata'illah. Lihat J. Spencer Trimingham, 1971. *The Sufi Orders in Islam*, London: Oxford University Press, hlm 47-48.

²⁵Danner, *Ibn Ata'illah*, hlm 2.

²⁶Sungguhpun begitu masih terdapat penulisan kitab-kitab tasawwuf beraliran falsafah, contohnya *Al-Durr al-Nafis* karangan Nafis al-Banjari, dan sebuah lagi yang berjudul *Al-Manhal al-Safi* tetapi tidak pula dapat dikenal pasti siapa pengarangnya. Perkembangan tasawwuf aliran falsafah tidaklah begitu menonjol pada pertengahan abad ke-19.

²⁷Tajuk kitab ini ialah *Ma'arij al-Lahfan li al-Tarraqi ila Haqa'iq al-Irfan*. Maknanya menurut pengarang: "Tangga bagi orang yang dahaga bagi naik kepada martabat segala hakikat." Naskhah hlm 3.

²⁸Lihat Mohamad bin Yusuf, 1984. "Sayid Abdul Rahman bin Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil 13, hlm 53.

²⁹Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 105.

³⁰*Ibid.*, hlm 36. *

³¹Karangan usuluddin Sayid Muhammad, *Tarhib al-Sibyan* telah diulas oleh Sayid Abdul Rahman.

³²Ilmu-ilmu bantu bagi ilmu utama di atas termasuklah saraf, balaghah, mantik, 'arud, kafiya, mustalah, falak, hisab, perubatan, mikat dan berbagai-bagai lagi.

³³Mengarang.

³⁴Bahasa.

³⁵Masalah-masalah.

³⁶Yang rumit-rumit atau aneh-aneh.

³⁷Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 36.

³⁸*Ibid.*, hlm 15.

³⁹*Ibid.*

⁴⁰Beliau dikatakan menghasilkan beberapa karangan yang lain untuk pengajarannya dan sering keluar mengajar di tempat-tempat lain.

⁴¹Berdasarkan naskah yang digunakan oleh penulis, pada mulanya penulis menyangka yang penyalinnya tidak menyempurnakan penyalinannya tetapi dalam temubual antara penulis dengan keluarga terdekat al-marhum menyatakan yang naskah milik keluarganya juga tidak tamat karangannya.

⁴²Tareqat Naqsyabandiyah dinisbahkan kepada Bahauddin al-Naqsyabandiyah. Walaupun pengasas sebenarnya lebih awal daripada beliau iaitu Abu Yakub Yusuf al-Hamadhani (mangkat 1140 M) dan diperkembangkan oleh Abd al-Khaliq al-Ghujdawani (mangkat 1220 M). Bahauddin berperanan memperbaharui dan memperkembangkan tareqat ini dengan teratur dengan pendekatan dan kaedah zikir yang tertentu. Lihat Trimmingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm 62-64.

⁴³Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 87.

⁴⁴Lihat Ahmad al-Kamshakhanawi, 1287H. *Jami' al-Usul fi al-Awliya'*, Misra: al-Matba'at al-'Amirat al-Wahabiyyat, hlm 75.

⁴⁵*Ibid.*, hlm 77

⁴⁶Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 7.

⁴⁷Masalah kelainan ini tidaklah terhad kepada Sayid Abdul Rahman sahaja, tetapi berlaku juga pendekatan tokoh-tokoh sufi umpamanya pendekatan tasawwuf Imam al-Ghazali yang mengambil pendekatan syariat dan akhlak untuk membersihkan diri ke Hadrat Ilahi. Lihat Abu Hamid al-Ghazali, 1395H/1975M. *Ihya' Ulum al-Din*, 6 Juz', Beirut: Dar al-Fikir, Lihat juga Abul Quasem, 1975. *The Ethics of al-Ghazali*, Kuala Lumpur: The Author.

⁴⁸Oleh kerana jalan tauhid bersambung dengan jalan makrifat, kerana menurut ilmu usul (tauhid): iaitu "kewajipan, terawal bagi setiap insan ialah mengenal Allah", dan tareqat bertalian dengan pendekatan peringkat hakikat iaitu susunan yang biasa dalam tareqat dan tasawwuf. Maka kitab ini juga dapat dilihat sebagai kitab yang mengandungi dua bidang pembicaraan iaitu bidang usuluddin dan bidang tareqat yang telah diwarnakan dengan pendekatan tasawwuf. Untuk mendapat maklumat mengenai bidang pertama, lihat umpamanya: Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, t.t. *Al-Durr al-Thamin*, Pulau Pinang: Dar al-Ma'arif, hlm 16.

⁴⁹Didasarkan pada ayat al-Quran, Surah al-Najm, 53:9.

⁵⁰*Ibid.*, 53:42.

⁵¹Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 7-8.

⁵²Dalam perbincangan ilmu tauhid semata-mata dua kalimah Syahadah dinamakan "simpulan atau akaid al-iman" yang mengandungi sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah dan Rasul-Nya yang berjumlah di bawahnya 50 sifat. Lihat Muhammad Zain Faqih Jalaluddin, t.t. *Bidayat al-Hidayat*, Pulau Pinang, Dar al-Ma'arif, hlm 40.

⁵³Berhajatnya makhluk. Istilah ini juga digunakan bagi kelompok sifat Allah sama ada iftikar dan istikhnaq (kayanya Allah daripada makhluk). *Ibid.*, hlm 33 dan 35.

⁵⁴Dengan konsep etika berdasarkan sifat muhlakat dan Munjiyat yang boleh membawa peningkatan jiwa kepada Yang Maha Pencipta. Lihat Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din*.

⁵⁵Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 13.

⁵⁶Penglibatannya dalam pengajaran ilmu usuluddin dan tasawwuf bertujuan menye-

lamatkan masyarakat Melayu-Islam khususnya di Terengganu daripada ajaran sesat.

⁵⁷Untuk ini lihat antaranya: Ibrahim al-Ligani, t.t. *Sharh bagi Maw Jawharat al-Tawhid*, (Terjemahan Bahasa Melayu) Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang, hlm 30-31.

⁵⁸Untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai pegangan itu, lihat W. Montgomery Watt, 1973. *The Formative Period of Islamic Thought*, Endinburgh: Endinburgh University Press, hlm 119-148.

⁵⁹Wujudiyah yang mulhid tetapi tidak pula wujudiyah yang muwahhid.

⁶⁰Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 30.

⁶¹Keluarganya memang terlibat menyadurkan kitab perubatan dan membuat ramuan-nya.

⁶²Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 43.

⁶³Hussein Nasir bin Muhammad Taib, 1393H, *Usul al-Tawhid*, Pulau Pinang: The United Press, hlm 30.

⁶⁴*Ibid.*

⁶⁵Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 43.

⁶⁶*Ibid.*, hlm 49.

⁶⁷Kata-kata permulaan yang bukan bermaksud pada hakikat lahirnya seperti "ana al-Haq" oleh al-Hallaj dan lain-lain. Ia terloncat daripada lidah orang yang telah mabuk dengan waridat ilahiyah. Lihat Khan Sahib Khaja Khan, 1971. *The Secret of Anal-Haqq*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.

⁶⁸Sebelum ini dibicarakan konsep nyawa dan roh.

⁶⁹Dengan diberi ulasan lanjut (10 huraian) mengenai nyawa dan pengenalan. Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 53-56.

⁷⁰*Ibid.*, hlm 57.

⁷¹*Ibid.*

⁷²Lihat Abu'l 'Ula Afifi, 1365H/1946M. *Fusus al-Hikam wa al-Ta'liqat 'alayhi*, 2 Juz, Dar Ihyā al-Kutub al-'Arabiyyah, Misr, Lihat juga Abdul Karim al-Jaylani, t.t. *al-Insan al-Kamil*, 2 Juz, Maktabah wa Matbaah Muhammad Ali Sabih wa Awwalidh.

⁷³Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 64-65.

⁷⁴Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm 3-4.

⁷⁵Ini adalah tareqat yang terpenting selepas tareqat Qadiri dan pada suatu peringkat kedua-dua tareqat ini bersatu menjadi Qadiri-Naqsyabandiyah. Kedua-duanya berasal daripada pecahan aliran Junaidi atau Bistami dan merupakan pecahan yang lain daripada Abi Madyan di Maghribi. Untuk mendapatkan penjelasan mengenai Penyatuan dua tareqat tersebut, lihat Syed Muhammad Naquib al-Atass, 1963. *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, Singapore, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., hlm 59 dan Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm 16.

⁷⁶Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm 28.

⁷⁷Ada pula yang membahagikan bab tareqat kepada bab tareqat zikir, wasilah dan suluk. Lihat misalnya Haji Yahya Rumbah, 1980. *Risalah Tareqat Naqshahandiyah Jalan Ma'rifat*, Kajang: Pengarang, hlm 3.

⁷⁹Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 84 dan 90.

⁸⁰*Ibid.*, hlm 91.

⁸¹Tentang bab murid ini, lihat antaranya tulisan Najib al-Din al-Suhrawardi, *Adab al-Muridin*; Shihab al-Din, *Awarif al-Ma'arif*; Najm al-Din, *Sifat al-Adab*; Ibn Arabi, *Al-Amr al-Mukham* dalam Trimingham, *The Sufi Orders in Islam*, hlm 29.

⁸²Sayid Abdul Rahman telah mencatatkan 40 tareqat yang masyhur dalam Islam yang telah disebutnya satu persatu, lihat *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 85-86.

⁸³*Ibid.*, hlm 96.

⁸⁴Bacaan tersebut disertai permohonan tertentu di samping perbuatan yang mempunyai kaedah yang tertentu pula.

⁸⁵Setiap perjalanan tersebut mempunyai cara bacaan dan gerakan tubuh badan yang tertentu.

⁸⁶Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 105-109.

⁸⁷Kaedah menyampaikan dan mengamalkan zikir ini nampaknya tidak sama antara seorang guru tareqat dengan guru tareqat yang lain.

⁸⁸Lihat Al-Kamshakhanawi, *Jami' Usul fi al-Awliya'*, hlm 68.

⁸⁹Al-Qur'an, Surah al-Ma'idah, 5:54 dan Surah an-Nisa', 4:143.

⁹⁰Lihat *Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1973.

⁹¹Tentang peristiwa kegelisahan sosial di Terengganu pada awal abad ke-20, Lihat Rahmat bin Saripan, "Kegelisahan Sosial pada Tahun-tahun 1920-an di Terengganu", *Pesaka II*, hlm 1-23.

⁹²Beliau juga berperanan menyemarakkan pemberontakan Pahang pada tahun 1890-an yang mana pemimpin-pemimpin pemberontak seperti Dato' Bahaman, Mat Kilau dan lain-lain pernah datang dan mendapat sokongan moral dan material. *Ibid.*, hlm 5.

⁹³Mohamad bin Abu Bakar, "Sayid Abdul Rahman", hlm 45-49.

⁹⁴Lihat Abdullah Zakaria, "Agama dan Kebangkitan Anti-British di Tanah Melayu", hlm 130.

⁹⁵*Ibid.*, hlm 130-131.

⁹⁶Sayid Abdul Rahman, *Ma'arij al-Lahfan*, hlm 62.

⁹⁷Haji Abdul Rahman Limbong berasal dari Beladatu dan dikatakan mendapat pendidikan pondok di Beladatu, di samping belajar agama dengan Sayid Abdul Rahman (Tok Ku Paloh). Beberapa orang pemimpin pemberontakan juga berasal dari tempat tersebut misalnya Haji Mat Zin Beladatu.

⁹⁸Hamdan Hassan, November 1977. "Beberapa Catatan Mengenai Naskhah Sastra Aceh", *Dewan Bahasa*, hlm 716-726.

⁹⁹Lihat Mohd. Salleh Jaafar, t.t. "Liangkit Perang Sabil of the Tausuq", *Jurnal Budaya Melayu*, Jil. 2, Bil. I, hlm 10-22.

¹⁰⁰Lihat Delier Noer, 1978. *The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942*, Kuala Lumpur, Oxford University Press.

KONSEP, PERANAN DAN INSTITUSI "PENASIHAT" DI TERENGGANU, KEDAH DAN JOHOR PADA AKHIR ABAD KE-19 DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Rahmat Saripan

Masyarakat Melayu-Islam pada akhir abad ke-19 di negeri Terengganu, Kedah dan Johor menunjukkan perkembangan agama Islam yang sungguh menarik khususnya dari segi pertumbuhan struktur negeri kerana sebahagiannya tiada mempunyai kepentingan pentadbiran politik dan ekonomi penjajah British yang meresap ke dalam masyarakat. Sebaliknya, campur tangan British di negeri Perak, Selangor, Sungai Ujong dan Pahang pada akhir abad ke-19 menerusi golongan pemerintah tradisional telah melahirkan satu corak sistem "Penasihat" yang sungguhpun meletakkan agama Islam dan adat istiadat Melayu di luar bidang kuasa penasihat British tetapi ternyata bahawa pemerintahan secara tidak langsung itu telah merombak jalinan hubungan agama Islam dengan sultan-sultan.¹

Lunas konsep Kesultanan Melayu-Islam bercorak tradisional sebagaimana yang dijelaskan dalam *Sejarah Melayu* sememangnya berkaitan dengan ajaran al-Quran yang merujuk kepada satu ayat yang bermaksud:²

Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan Rasul-Nya dan *Ulil-Amri* di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kamu kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya.

Rasulullah pernah menggariskan dalam sebuah hadith tentang tanggungjawab dua golongan elit yang terpenting dalam masyarakat Islam iaitu tentang kewajipan mereka untuk bekerjasama dan berbaik-baik antara satu dengan yang lain. Pertama, ialah pemerintah dan kedua, para ahli Fuqaha. Sekiranya kedua-dua golongan tersebut tidak berbaik-baik maka rosak binasalah masyarakat Islam itu.³

Kedua-dua nas tersebut menjelaskan kepentingan hubungan baik yang erat dalam konteks masyarakat Islam, terutamanya antara golongan pemerintah dengan golongan yang berilmu pengetahuan bagi kepentingan dan kesejahteraan seluruh umat Islam. Sebagai pewaris para Anbia, golongan alim ulama dalam masyarakat Melayu-Islam khususnya daripada keturunan Arab-Hadramaut memang telah menginsafi peranan yang telah diamanahkan kepada mereka dan justeru kerana itu mereka berusaha berkecimpung dalam susunan asas sesebuah negeri Melayu-Islam sebagai pengimbang kepada *Ulil-Amri* dan pihak rakyat jelata. Perbincangan ini lebih cenderung untuk meletakkan golongan ulama sebagai "Penasihat" berlandaskan pengertian yang terkandung dalam al-Quran dan Hadith. Allah SWT berfirman, maksudnya: "demi masa bahawa sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal salih dan nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan menepati kesabaran".⁴ Rasulullah pula bersabda yang bermaksud bahawa agama Islam itu nasihat, dan apabila baginda ditanyakan tentang maksud "nasihat", maka Rasulullah lantas menjelaskan bahawa, "nasihat itu terhadap Allah, al-Kitab, Rasul-Nya, pemimpin Islam dan kaum muslimin seluruhnya."⁵

Di negeri Terengganu, Kedah dan Johor terdapat pemahaman yang mendalam terhadap konsep "nasihat" sebagaimana yang terkandung dalam undang-undang asas pemerintahan yang nampaknya berlandaskan: pertama, tauhid terhadap Allah dan tunduk kepada perintah dan larangan-Nya; kedua, pegangan pada Sunnah yang banyak mengandungi contoh teladan; ketiga, bersama-sama menyokong pemimpin masyarakat dalam usaha menegakkan kebenaran dan keadilan; keempat, amar makruf, nahi munkar.⁶

Dari segi sosiologi, alim ulama sebagai golongan elit di negeri Terengganu, Kedah dan Johor nampaknya boleh dikategorikan kepada dua kelompok: pertama, ulama pentadbir, dan kedua, ulama bukan pentadbir.⁷ Ulama pentadbir terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pentadbiran. Sungguhpun ulama bukan pentadbir nampaknya lebih bergiat dalam bidang pendidikan Islam secara formal atau tidak formal tetapi ciri-ciri kegiatan mereka sebagai "penasihat awam" jelas kelihatan dalam institusi agama seperti masjid, surau dan sekolah pondok.

Setelah menggariskan gagasan berlandaskan nas-nas, maka kini bolehlah kita menganalisis peranan dan institusi yang melibatkan golongan ulama di negeri Terengganu, Kedah dan Johor pada akhir abad ke-19.

Sekiranya struktur dan sistem pemerintahan negeri-negeri Melayu di pantai barat dibandingkan dengan negeri Terengganu, ternyata bahawa agama Islam merupakan faktor utama yang membangunkan struktur dan sistem pemerintahan menjelang pembentukan negeri "Islamiyah Melayuiyah" pada awal abad ke-20 seperti yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu:

Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya Kerajaan Terengganu ini kerajaan "Islamiyah Melayuiyah" ialah dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain menjadi atau disebut agama negeri sekalipun banyak bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu.⁸

Kedudukan agama Islam dan ulama secara tidak langsung diper-teguhkan lagi dalam sistem politik negeri yang menggariskan dengan jelas kedudukan Syariah yang diterajui oleh segolongan pemimpin Melayu-Islam yang berusaha mendirikan struktur negeri berlandaskan hukum-hukum Syarak dan mereka digelar sebagai ahli- ahli "al-hal wal'aqad" yang diperuntukan kuasa mengendalikan perkara yang besar-besar.⁹ Undang-undang asas negeri nampaknya agak jelas tentang keahlian alim ulama dalam institusi tersebut.¹⁰

Sejarah perkembangan agama Islam di negeri Terengganu menunjukkan bahawa lunas perundangan telah diserapkan dalam struktur negeri dan dijadikan asas lambang keagamaan yang didukung oleh para ulama negeri. Secara kasarnya peranan ulama di negeri Terengganu boleh diperhatikan dalam bidang pentadbiran seperti berikut: pertama,

penglibatan dalam penggubalan dasar pertadbiran politik dan sosio-ekonomi; kedua, keahlian dalam Dewan Mesyuarat Negeri serta jawatan dalam institusi Jemaah Menteri dan Kepimpinan yang lain;¹¹ ketiga, merangka dan melaksanakan undang-undang negeri sebagai Hakim dan Kadi¹²; dan keempat, memimpin unit pertadbiran politik di kawasan-kawasan tertentu atas kehendak dan "cap kurnia" pemerintah.¹³

Ciri-ciri peranan golongan alim ulama agak ketara dalam bidang politik di negeri Terengganu khususnya mengenai perlantikan dalam sistem penggantian seperti yang dapat disaksikan dalam peristiwa perlantikan Sultan Omar pada tahun 1839¹⁴ dan perlantikan Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1881.¹⁵

Pemerintahan Sultan Omar (1839–1876) memperlihatkan jangka masa yang agak bebas daripada pengaruh kuasa asing. Dalam hubungan baginda dengan kerajaan Siam, Sultan Omar nampaknya enggan tunduk di bawah kekuasaan Siam. Keengganan ini ada kaitannya dengan peranan alim ulama, dan British dengan kuasa yang lebih besar sangat berminat untuk meluaskan pengaruh politik di negeri Terengganu; kerajaan negeri Terengganu cuba melaksanakan dasar luar yang bebas. Namun begitu, pihak British telah membuat perjanjian dengan kerajaan Siam pada tahun 1826 yang mengandungi syarat bahawa pihak kerajaan Terengganu hendaklah tunduk di bawah kekuasaan Siam.¹⁶

Apabila berlakunya serangan British terhadap Kuala Terengganu pada tahun 1862 dalam rangka pihak British berusaha mengendalikan perjanjian tersebut, pihak Sultan telah menghubungi para alim ulama dan mengadakan muzakarah bagi mendapatkan nasihat dan saranan yang bernas untuk memperolehi cara-cara yang mungkin dapat menyelesaikan kekusutan politik dengan kuasa-kuasa besar tersebut.¹⁷

Pada tahun 1890-an sekali lagi golongan alim ulama terlibat dalam hubungan yang bertentangan dengan kuasa British. Pada kali ini ada kaitannya dengan politik negeri Pahang.

Sistem Residen British yang telah dilaksanakan di negeri Pahang pada tahun 1880-an telah mendapat tentangan yang hebat daripada golongan aristokrat yang kurang berpuas hati dengan perjalanan dan implikasi sistem Penasihat British sehingga mencetuskan pemberontakan pada awal tahun 1890-an yang dapat dilihat dari beberapa tahap perjuangan.¹⁸ Tahap pertama mencirikan semangat anti-British, tetapi tahap kedua melibatkan Tok Ku Paloh yang dianggap oleh Hugh Clifford sebagai "the saint" yang sangat berpengaruh ke atas Sultan Zainal Abi-

din III.¹⁹ Rekod-rekod sejarah menunjukkan bahawa alim ulama negeri Terengganu yang diketuai oleh Tok Ku Paloh telah menasihati orang Pahang supaya melancarkan Perang Sabil terhadap penjajah British apabila orang Pahang mencari perlindungan di negeri Terengganu.²⁰

Tok Ku Paloh merupakan seorang ulama yang sangat menarik untuk dijadikan tokoh kajian sejarah negeri Terengganu kerana ketokohnya bukan sahaja ketara dalam bidang politik tetapi dalam bidang ilmu tasawwuf. Ayahnyalah seorang ulama bernama Sayid Muhammad bin Zainal Abidin (1795-1878) yang lebih terkenal dengan gelaran Tuan Besar atau Tok Ku Hadis.²¹ Pengaruh Tuan Besar amat jelas dalam penerapan nilai-nilai Islam bukan sahaja dalam bidang siasah yang berlandaskan syariah, bahkan lebih terkenal sebagai pemimpin masyarakat Melayu-Islam yang telah membentuk pandangan dunia bersendikan tauhid atau *Tauhidic Weltanschauung* melalui *nazam* dan risalah Syahadah.²² Sebagai seorang pendidik dan mursyid yang terbilang, beliau tidak mendekati istana untuk ketinggian status sosial, kuasa dan pengiktirafan terhadap bidang ilmu yang ada padanya, sebaliknya Sultan Omar kerap mengunjunginya untuk mempelajari ilmu pengetahuan dan mendapatkan nasihat. Hakikat ini sebenarnya suatu penghayatan hidup yang dapat dilihat daripada maksud sepotong hadith yang mengatakan bahawa ulama yang buruk itu pergi mendekati pemerintah sedangkan pemerintah yang baik pergi mendekati ulama.²³

Seorang lagi ulama yang terkenal di negeri Terengganu pada akhir abad ke-19 ialah Haji Muhammad bin Abdul Malik (1837-1909), iaitu seorang cicit ulama terkenal pada awal abad ke-18 bernama Syeikh Abdul Malik yang lebih terkenal dengan gelaran Tok Ku Pulau Manis. Shahril Talib dalam kajiannya mengenai negeri Terengganu,²⁴ mengatakan tokoh ini adalah cucu lelaki kepada Tok Ku Pulau Manis, tetapi sebenarnya beliau adalah anak kepada cucu Tok Ku Pulau Manis.²⁵ Haji Muhammad terkenal dengan gelaran Tok Kadi yang telah melanjutkan pendidikan Islam yang didirikan oleh Tok Ku Pulau Manis di samping menjadi Mufti semasa pemerintahan Sultan Omar.

Perkembangan siasah syariah Islam di negeri Terengganu banyak sekali bergantung pada kegiatan ulama di institusi-institusi pendidikan Islam dan pentadbiran politik sehingga kehidupan beragama menjadi nilai asas yang paling dominan. Institusi-institusi Syeikhul Ulama, Mufti, Kadi dan Imam yang ditauliahkan dan diterapkan dalam sistem pentadbiran siasah, syariah oleh pemerintah tradisional Melayu-Islam

memiliki status sosial yang tinggi. Justeru kerana itu mereka dipandang tinggi dan dihormati oleh rakyat jelata. Sebagai tokoh masyarakat Melayu-Islam yang berwibawa dalam bidang keagamaan, mereka menyumbangkan kepimpinan dan "institutional linkages" antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah, terutamanya melalui pengendalian institusi pendidikan keagamaan seperti masjid, surau dan sekolah pondok.

Ulama merupakan golongan dalam masyarakat Melayu-Islam yang telah menghidupkan institusi masjid, surau dan pondok sebagai tapak semaian pembentukan personaliti dan disiplin keagamaan berlandaskan lunas-lunas kebajikan hidup di dunia dan di akhirat. Antara tokoh ulama yang paling terkemuka pada akhir abad ke-19 ialah anak Tok Ku Tuan Besar iaitu Sayid Abdul Rahman (meninggal dunia 1918) yang dianggap oleh kebanyakan pengkaji sejarah negeri Terengganu sebagai pejuang Melayu-Islam menentang pengaruh penjajahan Barat di negeri-negeri Melayu menerusi penyibaran fahaman Sufi yang terdapat dalam sebuah karangannya berjudul *Ma'arijal Lahfan*.²⁶ Nampaknya risalah ini telah menjadi garis panduan pembentukan satu jenerasi *Rabbani* yang telah dirintis dan diasaskan oleh bapanya iaitu Tok Ku Tuan Besar.²⁷ Contohnya, gerakan *jihad fi Sabilillah* yang telah dicetuskan oleh Sayid Abdul Rahman di kalangan orang Pahang yang disokong oleh orang Terengganu pada tahun-tahun 1890-an juga telah berlaku di negeri Terengganu pada tahun-tahun 1920-an apabila murid beliau iaitu Haji Abdul Rahman memimpin gerakan agama menentang penjajahan Barat.²⁸ Peristiwa-peristiwa sejarah tersebut menunjukkan bahawa "institutional linkages" yang berbentuk mendatar dan menegak telah mengasaskan perpaduan di kalangan golongan ulama dan sebaliknya mengurangkan, walaupun tidak menghapuskan perbezaan tentang pendapat dan pandangan mengenai cara-cara bergerak antara ulama pentadbir dan bukan pentadbir.

Negeri Kedah mengalami perkembangan agama seperti juga di negeri Terengganu tetapi nampaknya perubahan dalam proses pengislaman di negeri Kedah adalah lebih perlahan. Golongan ulama di negeri Kedah pada akhir abad ke-19 nampaknya cuba menghurai dan mengatur tanggungjawab mengislahkan fahaman Islam dengan menganjurkan *ijtihad* dalam usaha mereka menolak taklid buta di kalangan masyarakat Melayu-Islam negeri Kedah. Gagasan untuk memurnikan fahaman Islam di negeri Kedah ada kaitan yang rapat dengan ibadat

haji yang merupakan faktor dalaman masyarakat di samping kesedaran terhadap wujudnya ancaman pengaruh pendidikan Barat yang mula meresap ke dalam jalinan hubungan masyarakat Melayu-Islam. Namun begitu, nampaknya faktor dalaman merupakan faktor yang lebih dinamik kerana usaha membuka pintu *itjihad* telah dipelopori oleh golongan ulama yang telah "menahun" di Makkah untuk memperdalam ilmu agama. Kebanyakan mereka mendapat kedudukan sosial yang tinggi serta kepercayaan masyarakat Melayu-Islam memimpin amal ibadat di masjid sebagai pegawai yang ditauliahkan oleh pemerintah. Ada antara mereka yang mengajar ilmu agama khususnya al-Quran, di rumah, surau dan masjid. Jika dibandingkan dengan perkembangan institusi pengajian Islam secara tradisional seperti sekolah pondok, ternyata bahawa pertumbuhan institusi pondok agak lewat di Kedah. Menurut kajian mengenai perkembangan agama Islam di negeri Kedah, sekolah pondok memainkan peranan yang agak jelas khususnya di sekitar Alor Setar pada tahun 1870-an.²⁹ Ciri penting yang ada hubungan dengan peranan sekolah pondok, sepertimana halnya dengan negeri-negeri Melayu utara yang telah membangunkan sekolah pondok sebagai institusi pengajian agama, ialah sekolah pondok telah bergiat membasmi buta huruf di kalangan masyarakat Melayu-Islam; memperkembangkan ilmu pengetahuan agama Islam dalam bidang Fiqah, Usuluddin, al-Quran, Mantik, Tasawwuf, Bahasa Arab dan cabang-cabang ilmu yang lain yang berkaitan; menterjemah dan menyusun teks agama daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu (Jawi); dan yang agak lebih penting dalam konteks masyarakat Melayu-Islam ialah mengaitkan pembentukan masyarakat Melayu-Islam yang berpusat di institusi pondok bagi membangunkan masyarakat dari segi ekonomi.³⁰

Institusi pondok yang dikendalikan oleh para alim ulama yang telah dilabelkan sebagai "scholar-teachers" oleh seorang pengkaji antropologi menunjukkan kecenderungan menerapkan sifat-sifat terpuji di kalangan murid-murid mereka pada abad ke-19.³¹ Seterusnya, murid-murid ulama tersebut yang mendapat penghormatan daripada masyarakat telah membolehkan mereka bergerak melunaskan proses pembudayaan berasaskan nilai-nilai Islam melalui pendekatan yang segar dalam lingkungan persekitaran institusi pondok yang melambangkan cara hidup berlandaskan siasah syariah Islamiyyah.

Alim ulama pondok telah menjadi penggerak utama dalam usaha meninggikan taraf sosioekonomi masyarakat Melayu-Islam khususnya

di kawasan desa menerusi pengemblengan tenaga dan pengumpulan sumber alam sebagai lanjutan usaha yang pada mulanya membolehkan mereka menunaikan fardu haji. Oleh kerana itu, kegiatan ulama pondok di institusi pondok boleh dianggap sebagai usaha dan amalan selepas haji. Dengan usaha mereka itu juga, mereka telah membuktikan kepada masyarakat Melayu-Islam umumnya bahawa agama Islam sememangnya menganjurkan aturan dan cara hidup yang pragmatik, bukannya satu sistem kepercayaan yang menitikberatkan kegiatan yang bersifat kerohanian semata-mata. Pendek kata, institusi pondok pada umumnya melambangkan orientasi keagamaan yang menekankan keperluan hidup yang berbentuk ibadat untuk kepentingan dunia dan akhirat.³²

Selain implikasi sosial di atas, ternyata bahawa ciri penerimaan golongan pemerintah di negeri Kedah tidak mungkin dianalisis dari sudut teori pengislaman yang ada kaitan dengan agama Islam sebagai alat politik yang diperalatkan oleh pemerintah bagi kepentingan ekonomi kerajaan tradisional.³³ Abad ke-19 menampilkan ciri gerakan Islam yang berkesan menerapkan asas syariah Islamiah ke dalam masyarakat sehingga seorang pegawai British yang terkenal dengan kajiannya mengenai masyarakat Melayu di sekitar abad ke-19, mencatatkan hakikat bahawa orang Melayu telah berubah menjadi " ... less of a Malay and more of a Mussulman (Muslim)".³⁴ Perkembangan yang agak positif dari segi Islam itu seharusnya dimengertikan dalam konteks penerangan dan penggalakan terhadap kegiatan institusi pondok sebagai penggerak utama dalam proses "internalization" nilai agama Islam ke dalam masyarakat. Ciri penggalakkan yang paling ketara adalah penganugerahan wakaf-wakaf daripada golongan pemerintah menerusi institusi politik tradisional seperti "ampun kurnia" yang membantu dan membiayai kegiatan golongan agama melaksanakan gagasan yang bermanfaat ke dalam masyarakat Melayu-Islam. Justeru kerana itu, perspektif sejarah sosial perlu digunakan untuk mamahami dengan agak tepat mengenai perkembangan Islam pada abad ke-19.

Oleh kerana kita memang kekurangan sumber sejarah mengenai pelaksanaan undang-undang Islam sebagai asas perundangan negeri, maka ada pengkaji bukan sejarah mengandaikan bahawa pada zaman sebelum kedatangan British, syariah tidak memberikan kesan terhadap negeri-negeri Melayu khususnya di pantai barat Semenanjung dan institusi Kadi misalnya, bukanlah merupakan institusi yang penting.³⁵ Pandangan yang agak negatif terhadap pelaksanaan syariah Islamiah seha-

rusnya tidak menjadi isu penting sekiranya sejarah masyarakat Melayu-Islam dikaji dari perspektif yang luas dan "holistic" yang secara langsung atau tidak langsung dapat mencakupi dan mendefinisi kehidupan sosial, ekonomi dan politik dalam konteks masyarakat negara bangsa.

Sejarah negeri Johor pada akhir abad ke-19 memperlihatkan implikasi pengaruh asing khususnya kuasa Barat yang agak mendalam sehingga keperluan untuk menggubal undang-undang tubuh bagi kerajaan agak ketara, sedangkan golongan alim ulama di negeri Kedah dianggap sebagai perunding dan penasihat dalam struktur negeri apabila mereka dilantik menganggotai institusi Majlis Mesyuarat dan Jemaah Menteri serta memegang jawatan Syeikhul Islam, Mufti dan Kadi.³⁶ Di negeri Johor, tiga aliran pemikiran yang berlandaskan keunggulan politik yang berbeza: pertama, memanifestasikan asas pemerintahan Melayu-Islam yang bercorak "ancient regime"; kedua, mengasaskan Islam sebagai "agama" negeri yang mencirikan syariah sebagai asas perundangan; dan ketiga, melembagakan institusi Islam selaras dengan pemikiran negara bangsa. Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor yang telah diisytihar sebagai "Perlembagaan 1895" menampilkan ketiga-tiga ciri aliran pemikiran tersebut.

Gagasan merakamkan undang-undang asas negeri sebenarnya bukannya sesuatu yang bermula di negara bangsa di Eropah, sebaliknya dapat disusurgalurkan dari zaman penubuhan negara yang telah diasaskan oleh Rasulullah pada abad ke-7 di Madinah.³⁷ Namun begitu, Perlembagaan 1895 di negeri Johor boleh juga dilihat dari segi balasan masyarakat Melayu-Islam terhadap ancaman pengaruh British. Adalah tepat jika dikatakan bahawa pengaruh British terhadap negeri Johor adalah lebih meresap daripada di negeri Terengganu dan negeri Kedah dari segi perubahan struktur kenegarian yang menampilkan proses birokrasi dalam pentadbiran. Sungguhpun institusi agama seperti Syeikhul Islam, Mufti dan Kadi telah menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri sejak tahun 187,³⁸ akan tetapi hanya pada tahun 1895 iaitu berasaskan Perlembagaan, satu jabatan yang khusus mengendalikan hal-ehwal agama dan pelajaran telah ditubuhkan. Dengan tertubuhnya jabatan tersebut yang terkenal dengan nama Jabatan Agama dan Pelajaran, maka agama Islam telah dijadikan sebagai agama negeri dan menjadi agama rasmi bagi kerajaan negeri Johor.³⁹

Ciri perundangan negeri yang menjadi asas struktur negeri telah

menjelaskan kuasa dan kewibawaan serta keabsahan Raja Melayu-Islam yang diberi gelaran sultan yang memperolehi kedaulatan tersebut sebahagian besarnya daripada tanggapan pemerintahan berlandaskan unsur tradisional yang terdapat dalam sejarah siasah syariah. Sebenarnya aspek ini belum dikaji dengan mendalam bagi menjelaskan lunas-lunas pemerintahan bercorak Islam.⁴⁰ Setakat ini ada saranan yang menunjukkan bahawa terdapat asimilasi unsur-unsur tradisi kerajaan Parsi di samping idea Sufi tentang insan yang sempurna dalam pemikiran politik Melayu-Islam sejak abad ke-16.⁴¹ Walau bagaimanapun dengan penggubalan Perlembagaan 1958, kedaulatan sultan telah didefinisikan dengan agak jelas di samping fasal-fasal yang memperuntukkan corak serta jalinan hubungan di antara sultan, agama Islam dan struktur kerajaan negeri.⁴² Justeru kerana itu pentadbiran negeri telah dibahagi-bahagikan kepada beberapa bidang kuasa menerusi *mesyuarah* yang boleh menentukan lunas perundangan berasaskan syariah, mengasaskan Jabatan Agama dan Pelajaran yang merupakan institusi terpenting bagi pelaksanaan Syariah, dan menggariskan pelarasan undang-undang keluarga Islam dengan hukum Adat.

Pada akhir tahun 1895 seorang menteri telah dilantik oleh Sultan Johor untuk mengetuai Jabatan Agama dan Pelajaran. Tokoh pentadbir yang menyandang jawatan menteri ialah seorang berketurunan diraja bernama Engku Muhammad Khalid.⁴³ Walau bagaimanapun tanggungjawab sebenar dalam pentadbiran Jabatan dan pelaksanaan undang-undang Islam dijalankan oleh pegawai-pegawai agama khususnya Muhammad Khalid bin Abdullah Munsyi sebagai Setiausaha.⁴⁴ Institusi-institusi lain yang terdapat dalam organisasi birokrasi tersebut ialah Syeikhul Islam, Mufti dan Kadi Besar. Dato Syed Salim dilantik menjadi Mufti⁴⁵ dan Haji Abdul Rahman sebagai Kadi Besar.⁴⁶

Sungguhpun birokrasi dalam bidang pentadbiran memperlihatkan ciri-ciri pembentukan institusi baru dalam struktur negeri tetapi ternyata bahawa hakikat peranan masih berlandaskan konsep sebelum tahun 1895 yang menggariskan mesyuarat dan muafakat yang disyariatkan kepada ahli *al-hal wal aqad* yang sebahagiannya dianggotai oleh alim ulama. Perbezaan yang agak jelas jika dibandingkan dengan perkembangan institusi di negeri Terengganu, Kedah dan peranan kerajaan Johor dalam pentadbiran pelajaran agama yang diletakkan di bawah kelolaan Jabatan Agama dan Pelajaran.

Sebagai rumusan keseluruhannya, ternyata bahawa perkembangan

konsep, peranan dan institusi "Penasihat" menampakkan ciri-ciri yang agak berbeza dari segi corak hubungan antara golongan masyarakat yang terlibat iaitu pemerintah dan alim ulama. Namun begitu asas konsep, peranan dan institusi tersebut masih belum banyak berubah jika dilihat dari perspektif agama yang menyeluruh dan "holistic".

Di negeri Terengganu, peranan institusi Syeikhul ulama yang dimainkan oleh Tok Ku Tuan Besar dan Tok Ku Paloh telah mencirikan zaman pemerintahan yang bercorak "ancient regime" di samping keunggulan "Darul Iman" yang telah mencirikan gagasan masyarakat *Rabbani*.

Di negeri Kedah, peranan guru-ulama telah menyumbangkan kepada pembangunan masyarakat Melayu-Islam menerusi institusi pendidikan di pondok-pondok. Hubungan golongan pemerintah dengan guru-ulama menampakkan organisasi yang diadakan secara peribadi dan tidak rasmi. Di negeri Johor, perkembangan peranan dan institusi "Penasihat" telah mencapai peringkat yang agak formal apabila kerajaan yang dianggotai sebahagiannya oleh elit agama menggubal Perlembagaan 1895. Dengan termaktubnya perlembagaan tersebut, agama Islam menjadi agama rasmi bagi negeri Johor, di samping mencorakkan struktur negeri pada tahap awal pentadbiran agama yang berbentuk birokrasi.

Nota

¹Lihat artikel H.B.Hooker, "Muhammadan Law and Islamic Law", dalam Hooker, H.B. (ed.) 1984. *Islam in Southeast Asia*, Leiden, E.J.Brill, hlm 170-174.

²Al-Quran, Surah IV, Ayat 59. *Sejarah Melayu* ini dikenali juga dengan nama *Sulatus Salatin* yang telah diselenggarakan oleh R.O. Winstedt, "The Malay Annals or Sejarah Melayu. The Earliest Recension from MS no.18 of the Raffles Collections in the Library of the Royal Asiatic Society, London", *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol.16, Pt.3, 1938, hlm 144. Ayat al-Quran tersebut telah disentuh dalam *Sejarah Melayu* untuk menyokong kedudukan raja Melayu-Islam dalam struktur pemerintahan tradisional. Dengan kedatangan Islam sebagaimana yang telah dirakamkan dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* bahawa Merah Silu iaitu Raja Melayu Pasai yang merupakan pemerintah Melayu tradisional yang mula-mula menggunakan gelaran sultan dan diisytiharkan sebagai *Zillul 'Lahi fil 'Alam* (Bayangan Allah di Dunia). Baca A.H. Hill, "Hikayat Raja-Raja Pasai", *JMBRAS*, Vol.33, Pt.2, 1960, hlm 57-58. Di negeri Terengganu, Kedah dan Johor terdapat warisan pemerintahan bercorak Islam yang merujuk sultan sebagai "Khalifah" sebagaimana yang terdapat dalam wang emas yang telah ditemui oleh pengkaji sejarah purba. Lihat artikel W.W. Shaw and Mohd. Kassim Haji Ali, 1971. *Coins of North Malaya*, Kuala Lumpur, Muzium Negara Malaysia, hlm 12-13. Untuk mendapatkan satu perbincangan mengenai Islam dan Negara Muslim dalam konteks alam

Melayu-Islam di Asia Tenggara, baca artikel A.C.Milner, "Islam and the Muslim State", dalam Hooker, *Islam in Southeast Asia*, hlm 23-49.

3

صِنْفَانِ مِنْ أُمَّتِي إِذَا مَلَحُوا صَلِّحْ النَّاسَ وَإِذَا أَفْسَدُوا فَسَدِ النَّاسَ:
الْأَمْرَاءُ وَالْفُقَهَاءُ.

⁴Al-Quran. Surah CIII, Ayat 1-3.

5

عَنْ تَمِيمٍ الدَّارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الدِّينُ النَّصِيحَةُ
قُلْنَا لِمَ قَالَ اللَّهُ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَيِّمَةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

⁶Lunas-lunas tersebut terdapat dalam undang-undang asas negeri Terengganu, Kedah dan Johor. a) Undang-undang Tubuh bagi Kerajaan Terengganu (1911) yang dinamakan dalam Bahasa Arab: *Itqanul Muluk Bito'dils Suluk* (Jawi). b) Undang-undang Mahkamah Terengganu 1881-1918. c) R.O.Winstedt, "The Kedah Laws", *JMBRAS*, Vol. VI, Pt.2, 1982, hlm 1-44 telah membuat rumusan dan terjemahan ke atas undang-undang negeri Kedah: i) Undang-undang Pelabuhan 1060 H; ii) Tambara Datuk Seri Paduka Tuan 1078H; iii) Hukum Kanun Datuk Kota Star; iv) Adat Bunga Emas, Alat Kerajaan Pada Masa Tabal Orang dan Adat Meminang; dan v) Undang-undang Tahun 1199 H. c) Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor, 1958.

⁷Dari segi sosiologi, pembahagian golongan elit dalam konteks sesebuah masyarakat boleh dilakukan berlandaskan peranan mereka dalam struktur masyarakat. Lihat T.B. Bottomore, 1964, *Elites and Society*, London: Penguin Books, hlm 8-11, khususnya mengenai peranan elit dalam menjamin perimbangan masyarakat (*social equilibrium*). Peranan alim ulama sebagai elit dalam masyarakat Melayu-Islam sebenarnya dapat ditinjau daripada pelbagai aspek. Lihat misalnya peranan seorang tokoh ulama di negeri Kedah pada akhir abad ke-19 dalam artikel Ishak Mohd. Rejab, "Tuan Husain bin Mohd. Taib al-Mas'udi al-Banjari", *Memperingati Tokoh Ulama Silam*, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979; hlm 4-17.

⁸*Itqanul Muluk*, Fasal 51. Namun begitu, J.M.Gullick, 1958. *The Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: The Athlone Press, hlm 139, berpendapat bahawa walaupun agama Islam merupakan agama orang Melayu tetapi agama Islam bukanlah "a state religion". Justru kerana itu Milner bersetuju dengan pendapat itu dan menulis, "J.M.Gullick, for instance, in his analysis of four nineteenth-century Malay states, concluded that Islam was not to any significant extent a 'state religion'." Milner, "Islam and the Muslim State", hlm 23.

⁹*Itqanul Muluk*, Fasal 1, Ceraian 8.

¹⁰*Ibid.*, Fasal 1, Ceraian 7.

¹¹*Ibid.*, 25 & 27.

¹²*Ibid.*, Fasal 37.

¹³Abdullah bin Ali, "Peranan dan Pengaruh Ulama Sayid Abdul Rahman bin Muhammad Al-Idrus dalam Sejarah Kemasyarakatan Terengganu Pertengahan Abad ke-19 hingga tahun 1920-an", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975/6. Untuk mendapatkan gambaran umum mengenai kedudukan ulama dalam masyarakat pada akhir abad ke-19, baca Shaharil Talib, 1984. *After Its Own Image: The Terengganu Experience, 1881-1941*, Singapura: Oxford University Press.. Bab 11 & *passim*.

¹⁴Shaharil, *After Its Own Image*, hlm 26.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶Lihat L.A.Mills, 1966. *British Malaya 1826-1867*. Kuala Lumpur, Oxford University Press.

¹⁷Isu diplomasi kapal perang British di negeri Terengganu telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam *Parliamentary Papers*, Vol.43, 1863 yang diulas oleh Shaharil, *After Its Own Image*, hlm 42, n.k. 89.

¹⁸Jang Aisjah Muttalib, 1972. *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Pustaka Aman Press, Bab IV & V.

¹⁹Hugh Clifford, "A Journey through the Malay States of Terengganu and Kelantan", *The Geographical Journal*, Vol IX, No. 1, 1897, hlm 1-37. (Mikrofilem di perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.)

²⁰Aisjah, *Pemberontakan Pahang*, hlm 218, menulis: "Ungku Sayid telah membangkitkan semula semangat pejuang-pejuang Pahang dan menyeru perang sabil melawan kaum kafir". Gambaran tentang kehidupan Tok Ku Paloh telah dirakamkan oleh Clifford seperti berikut: "The saint lives secluded in the retirement of a shady steeped village. He is rich in flocks and herds, loves his fruit groves and his flowers, is surrounded by a number of youth who sit at his feet and run quickly to do his bidding, and weekly he preaches after the Friday congregational prayers to throngs of devotees." Lihat *Bush-Whacking*, London: Heinemann, 1939, hlm 78-9.

²¹Lihat kertas kerja Dato' Haji Mohd Saleh bin Haji Awang, "Perkembangan Penulisan Kreatif Sastera di Terengganu sebelum dan sesudah Perang Dunia Kedua hingga sebelum Merdeka", Seminar Menyambut 10 tahun PELITA, Kuala Terengganu, Mei 1975.

²²Lihat Hashim @ Wan Hussin bin Wan Embong, "Satu Analisa Pemikiran dan Peranan Sayid Muhammad bin Zayn al-'Abidin (Tok Ku Tuan Besar Terengganu) dalam Perkembangan Islam di Terengganu 1209 H/ 1795 M - 1295 H/ 1878 M", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1982/3.

²³Lihat al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, 1980. *Ihya Ulu-mud'din*. Menara Kudus, (Terjemahan) Jil 1, hlm 25.

²⁴Shaharil, *After Its Own Image*, hlm 27.

²⁵Abdullah, "Peranan dan Pengaruh Ulama", hlm 79-80.

²⁶Risalah ini sedang dikaji oleh Shafie Abu Bakar, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

²⁷Corak jenerasi *Rabbani* yang muncul di negeri Terengganu pada akhir abad ke-19

telah dihuraikan oleh Hashim, "Pemikiran dan Peranan", hlm 290.

²⁸Baca Timah Hamzah, 1981. *Pemberontakan Tani 1928 Di Terengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

²⁹Ishak, "Tuan Husain", hlm 5. Huraian yang agak lanjut mengenai peranan institusi pondok dalam masyarakat negeri Kedah pada akhir abad ke-19 dari segi antropologi, lihat Sharifah Zaleha binti Syed Hassan, "From Saints to Bureaucrats: A Study of the Development of Islam in the State of Kedah Malaysia", tesis Doktor Falsafah yang belum diterbitkan, Cornell University, 1985, Bab III.

³⁰Sharifah Zaleha, "From Saints to Bureaucrats," *passim*.

³¹Lihat artikel Ahmad, Abdul Gani Haji Said, "Keperibadian dan Prinsip Hidup Tuan Husain" *Memperingati Tokoh Ulama Silam*, 1979, hlm 18-19.

³²Sharifah Zaleha, "From Saints to Bureaucrats," hlm 97-8.

³³Milner, "Islam and the Muslim State", hlm 44.

³⁴R.J. Wilkinson, "Malay Customs and Beliefs", *JMBRAS*, Vol. XXX, Pt 4, 1957, hlm 40.

³⁵Gullick, *The Indigenous Political Systems*, hlm 139.

³⁶Ishak, "Tuan Husain", hlm 19, menulis: "Tuan Husain, setelah pulang dari Mekah, terus mengajar di sekolah pondok datuknya dan mempertahankan prinsip hidupnya yang tidak mahu makan gaji. Beliau telah dua kali ditawarkan jawatan oleh kerajaan Kedah, namun kedua-dua tawaran itu ditolaknyanya". Pertama, jawatan Mufti dan yang kedua, jawatan Syeikhul Islam. Ini berlaku pada tahun 1890-an. Dalam sejarah hidup Tuan Husain, peranan yang paling menonjol adalah dalam bidang penulisan dan pendidikan. Kebanyakan tulisan beliau berbentuk nasihat, contohnya terdapat dalam *Kitab Tanbih Al-Ikhwan* (Jawi) yang diterbitkan di Kuala Kangsar pada 1 Syawal 1354 H.

³⁷W.M. Watt, 1970. *Islam and the Integration of Society*, London: Routledge and Kegan Paul, hlm 19-22. Perlembagaan Madinah telah diterjemah ke dalam bahasa Inggeris oleh Watt, *Muhammad at Medina*, hlm 221-5.

³⁸Fawzi Basri dan Hasrom Haron, 1978. *Sejarah Johor Modern, 1855-1940: Suatu Perbincangan dari Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium, hlm 176-7. Kebanyakan dokumen mengenai Jabatan Agama yang terdapat di Arkib Negara, Johor Bahru bermula dari tahun 1916. Dokumen yang menyentuh Jabatan Agama sebelum tahun 1916 boleh didapati daripada *Surat-surat Pelbagai* dan *Titah Perintah* di samping *Straits Calendar and Directory 1973*. Sumber yang terakhir itu disimpan di Perpustakaan Negara Singapura.

³⁹Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, Fasal 57: "Adalah yang dikatakan "Agama Negeri" bagi jajahan dan kerajaan Johor ini iaitu agama Islam maka yang demikian hendaklah agama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya menjadi dan diakui dan disebut "Agama Negeri" yakni tiadalah sekali-kali boleh sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri sungguhpun segala agama lain ada dibenar dengan aman dan sempurna boleh diperagamkan dalam segala dan segenap daerah takluk kerajaan Johor oleh orang-orang yang beragamakan dia".

⁴⁰Dalam beberapa pertemuan dengan seorang pengkaji yang sedang mengkaji mengenai teks perundangan Melayu-Islam iaitu Abu Hassan Sham berpendapat bahawa ka-

rangan Raja Ali Haji berjudul *Thamaratul Muhimah* merupakan salah satu sumber terpenting Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1958.

⁴¹Lihat Milner, "Islam and the Muslim State", hlm 35.

⁴²*Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895*, Fasal 59, 60 & 61.

⁴³Fawzi, *Johor*, hlm 178, memetik surat Dato Amar kepada Ungku Muhammad Khalid, 22 Disember 1895.

⁴⁴*Ibid.*, memetik surat Dato' Amar kepada Ungku Ismail, 12 Mei 1895.

⁴⁵*Ibid.*

⁴⁶Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 mengandungi tanda tangan mereka yang menunjukkan bahawa mereka adalah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

INDEKS

- A. E. H. Anson, 95, 96, 98, 99
- A. H. Everett, 158
- Abang, 150, 152
- Abang Gundam, 136
- Abang Kassim, 144
- Abas, 103
- Abdul Rahman, 161
- Abdullah b Abdul Kadir Munsyi, 8
- Abi Madyan, 192
- Abu Mansur al-Maturidi, 203
- Abu Yazid al-Bistami, 201
- Acheh, 88, 108, 187, 205
- Afrika, 3
- Ah Sin, 106, 108, 109
- Al-Durrat al-Fakhirat (aqidah), 189
- Al-Fawa'id fi al-Salat wa al-Aw'id, 189
- Al-hal wal aqad, 221
- Al-Junid, 201
- Al-Kamshakanawi, 202
- Al-Suhrawadi, 202
- Al-Tamhid, 202
- Al-Tauhid, 199
- Aliran al-Muhasibi, 191
- Aliran Qadariah, 197
- Alur Setar, 218
- Amerika, 205
- Aminnudin Baki, 40
- Andak, 102
- Antok, 77
- Anwar al-Qudsiyyah, 202
- Arab, 15, 29, 40
- Arab-Hadramaut, 214
- Asia Tenggara, 14, 205
- Asmak Badr, 205
- Awang, 104
- Awang Ibrahim, 105, 107, 109
- Awarif al-Makarif, 202
- Awliyaiyyah, 197
- Bab Harap, 192
- Baginda Omar, 92, 93, 94
- Bajau, 132, 157, 158, 159, 161, 162, 165, 172
- Balangnini, 132
- Balleh, 150
- Bangkok, 91, 121, 122, 124, 125, 126, 127
- Banting, 136
- Batang Lupar, 136, 150
- Batu Pahat, 15
- Bawi, 100, 101, 106
- Beaufort, 176
- Beladai, 205
- Belanda, 88, 205
- Belayong, 177
- Besut, 92

INDEKS

- Betong, 150
- Bidayat al-Hidayah, 191
- Bilit, 168
- Bintulu, 149
- Birch, 163, 164, 174
- Birmingham, 29
- Bisaya, 132
- Bishop Mac Dougall, 139
- Bogol, 177
- Bozzolo, 30, 31, 35
- British, 1, 12, 13, 16, 31, 88, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 119, 120, 121, 123, 140, 172, 185, 203, 204, 212, 215, 216, 219, 220
- Brooke, 132, 133, 136, 137, 138, 140, 141, 142, 143, 148, 149, 153, 154, 155, 156, 160, 175, 176
- Brunei, 29, 134, 135, 136, 138, 140, 141, 172, 176
- Bujang, 107
- Bukit Bayas, 188
- Bukit Losong, 204
- Bukit Merah, 19
- Bukit Merak, 91
- Bunga emas, 36
- Bunga mas, 21
- Burma, 21
- Buruh kerah, 4
- C. A. Lockard, 135
- C. W. C. Parr, 166
- Chabang Tiga, 190, 192
- Chao Phraya Nakhon, 121
- Chao Phraya Zai, 125
- Charles Brooke, 138, 139, 140, 145, 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 154, 155, 156
- Charles Keun, 105
- Che Ku Wan Teh, 90
- Che Seni, 92
- Che Wan Abu Bakar, 98
- Chenor, 93
- Chohong, 99, 100, 101, 102
- Chulalongkorn, 121, 122, 124, 125, 128
- Cina, 6, 7, 13, 14, 15, 26, 29, 36, 149, 166
- Clifford, 24, 25, 37, 39, 43, 45
- Cowie, 165
- Crawford, 27
- Cukai kepala, 4
- Cukai, 3, 4, 15, 20, 22, 34, 41, 44
- D. J. Jerdine, 172
- Daeng Abu Bakar, 98
- Dapak, 161
- Dato Agasi, 168
- Dato Syed Salim, 221
- Datu Amir Bahar, 158
- Datu Baron Von Overbeck, 160
- Datu Hadji, 139
- Datu Kurunding, 161, 162
- Datu Merpati, 134
- Datu Patinggi Ali, 141, 142
- Datu Patinggi Gapur, 141, 142
- Datu Roubangong, 157
- Datu Temenggung, 157
- Datu Temenggung Gumbah, 161
- Datuk Inas, 103, 106
- Datuk Johol, 103, 109
- Datuk Seri Diraja, 35
- Daud, 103
- David Wong, 42, 43
- Dayak, 135, 176
- Dedap, 105
- Diya' Uqud al-Durratayn fi Tarjamat Kalimatay al-Shahadatayn (dua kalimah syahadah), 189, 190
- Dodge, 26
- Duaun, 168
- Dusun Dedap, 102
- Dusun, 157, 158, 165, 167, 172
- E. A. G. Stuart, 58
- E. P. Gueritz, 171
- Edwards, 139
- Elopura, 161
- Emaun Jelance, 161
- Endau, 92
- Engku Ahmad, 102
- Engku Kota, 90
- Engku Muhammad Khalid, 221
- Engku Pasir Mas, 88

INDEKS

- Engku Senik, 90, 91
 Engku Seri Indera, 34
 England, 146
 Eropah, 4, 105, 140, 143, 147, 148, 149, 150, 151, 152, 156, 162, 163, 164, 167, 174, 203, 204, 205, 220
- Fath al-Malik al-Majid (Ubat-ubatan), 189
 Fath al-Musih, 203
 Filipina, 205
 Frank Swethenham, 8, 128
 Fusus al-Hikam, 203
- Gabenor Bonham, 95
 Gabenor C. V. Creagh, 164
 Gabenor Pearson, 170, 171
 Gabenor Sir William Jervois, 96
 Gabenor Treacher, 158
 Gabenor W. F. Robinson, 96
 Galas, 19, 26, 90
 Ganchung, 92
 Gemir, 99
 Graham, 38, 43, 45
 Gunsanad, 168
- HMS Charybdis, 139
 HMS Dido, 137
 H. L. Leicester, 157, 158
 Habib Shaikh, 168
 Haji Abdul Rahman, 221
 Haji Abdul Rahman Limbong, 190, 204
 Haji Abdul Samad bin Muhammad Saleh (Tuan Tabal), 192
 Haji Abdullah Chik Hok Patani, 204
 Haji Abu Bakar, 168
 Haji Bua Hassan, 142
 Haji Hasan, 106, 107, 108, 109
 Haji Mohammad Noor, 168
 Haji Muhamed Arshad, 167, 171
 Haji Muhammad bin Abdul Malik, 216
 Haji Musa Abdul Ghani, 204
 Haji Pati, 165, 168
 Haji Salehudin, 168
 Haji Sandukung, 168
 Haji Sudin, 143
- Haji Wan Abdullah bin Muhammad Amin (Tok Syeikh Duyung), 190, 192
 Haji Wan Embong Paloh, 204
 Haliyyah, 197
 Hamba abdi, 3, 39, 47, 48
 Hamba berhutang, 3, 39, 47, 48
 Hamba diranggak, 40
 Hamba Habsyi, 40
 Hamba hulur, 40
 Hamba serah, 40
 Hamba tawanan perang, 40
 Hidayat al-Ikhwan, 189
 Hidayat al-Salikin, 191
 Hikam Melayu, 191, 192
 Hikayat Seri Kelantan, 34
 Hisn Allah al-Hasin, 199
 Hsieh Ching-Kao, 26
 Hubbiyyah, 197
 Hugh Clifford, 4, 215
 Hugh Low, 31
 Hulu Kelantan, 90
 Hulu Terengganu, 190
 Hululiyyah, 197
 Huriyyah, 197
 Husul al-Najah fi-Ahkam al-Nikah (membi-carakan perundangan nikah), 189
- I. D. Black, 171
 I. S. Bond, 96
 Ibahtyyah, 197
 Iban, 136, 137, 139, 148, 149, 151, 152
 Ibn al-Mugri, 202
 Ibn Arabi, 196, 199, 203
 Ibn Ataillah, 191, 202
 Ibn Taimiyah, 191
 Ibrahim al-Jili, 199
 Ibrahim al-Liqani, 202, 203
 Idan, 132
 Igan, 139
 Ihya' Ulum al-Din, 191, 203
 Ilhamiyyah, 197
 Illanun, 132, 157, 159, 165
 Imam Ahmad, 202
 Imam al-Ghazali, 191, 192, 196, 202, 203
 Imam al-Haramyini, 202

INDEXS

- Imam Fakhru'l Razi, 202
 Imam Mohammad, 168
 Imam Nawawi, 193, 202
 Imam Qurtubi, 202
 Imaum, 108, 109
 India, 14, 15, 29, 35, 43
 Indonesia, 7, 35, 43, 206
 Inggeris, 19
 Insol, 154
 Izzudin bin Abdul Salam, 193, 202

 J. D. Douglas, 96
 J. M. Gullick, 3
 J. Spenser Trimingham, 200
 Jabariyyah, 197
 Jahmiyyah, 197
 Jalaal-Qulub, 192
 James Low, 7, 121
 Jawahir al-Saniyyah (mengenai aqidah),
 188
 Jawharat al-Tauhid, 203
 Jementah, 99, 100, 101, 107
 Johor, 15, 16, 88, 89, 93, 94, 95, 97, 98,
 99, 212, 213, 214, 220, 222
 Johor Bahru, 100
 Junayd al-Baghdadi, 202

 K. S. Jomo, 41, 42
 Kabong, 150
 Kalaka, 149, 150
 Kampung Gelam, 100, 105, 106, 108
 Kampung Laut, 19
 Kampung Paloh, 190, 192, 193
 Kampung Pekan (Pasir Pekan), 91
 Kampung Serman, 157
 Kampung Timbong, 161
 Kanowit, 150
 Kanz al-Minan, 192
 Kanz al-Ula (mengisahkan riwayat Nabi
 Muhammad), 188
 Kanz Allah al-Akhbar, 199
 Kawang, 176
 Kedah, 5, 7, 8, 13, 16, 21, 22, 68, 88, 89,
 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125,
 126, 127, 128, 212, 213, 214, 217,
 218, 200, 222
 Kedayan, 132
 Kelang, 88
 Kelantan, 3, 5, 7, 8, 10, 11, 14, 16, 18, 19,
 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29,
 30, 32, 33, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 45,
 46, 47, 48, 88, 89, 90, 91, 122, 190
 Kemaman, 92, 93
 Keppel Selatan, 167, 171
 Keppel Utara, 167
 Kerajaan Moghul, 35
 Kerian, 121
 Kesang, 15
 Kessler, 22, 32
 Khalil, 101
 Kharijyyah, 197
 Khatib Derus, 100, 102, 106
 Kinabatangan, 168
 Kota Belud, 165
 Kota Bharu, 14, 20, 21, 28, 31, 32, 34, 45
 Kota Kubang Labu, 88
 Koyan, 8, 24
 Kuala Berang, 205
 Kuala Cheka, 93
 Kuala Kesang, 96, 99, 100
 Kuala Pahang, 94
 Kuala Sedeli, 94
 Kuala Terengganu, 11, 14, 188, 190, 205, 215
 Kuantan, 92
 Kubu Kanowit, 139
 Kuching, 135, 136, 138, 141, 142, 143,
 145, 147, 148, 152
 Kudat, 168
 Kulintud, 177
 Kulup Takat, 103
 Kweng, 20, 78

 Labuk, 165, 168
 Lahad Datu, 168
 Laidlaw, 28
 Lambor, 91
 Lantagon, 177
 Latifat al-Akhfa, 202
 Latifat al-Khafiyy, 202
 Latifat al-Nafs, 202

INDEXS

- Latifat al-Qalb, 201
 Latifat al-Roh, 201
 Latifat al-Sirr, 201
 Lawas, 176
 Layout, 101
 Lebai Abdul Rahman (Tok Janggut), 190, 204
 Lebir, 19
 Legeh, 99
 Lenga, 101
 Liaw, 57
 Lim Teck Ghee, 41, 42
 Limbang, 149
 Lingga, 98
 Linggi, 14
 Lockard, 154
 London, 98, 122
 Long Ahmad, 90, 91
 Long Deraman, 88
 Long Ghaffar, 88
 Long Jinal (Long Zainal), 90, 91
 Long Muhammad, 88, 90
 Long Senik Gagap, 91
 Long Tan, 90
 Long Yunus, 19, 89
 Long Yusof, 90
 Lord Carnavon, 96
 Lubok Antu, 152
 Lubuk Bandan, 100, 101, 102, 103, 104
 Lukut, 14
- Maarij al-Lahfan, 186, 191, 192, 193, 194, 202, 217
 Madinah, 220
 Maharaja Abu Bakar, 94, 95, 96, 98, 99, 100, 101, 102, 105, 109
 Maharaja Alam, 165
 Maharaja Perba Jelai, 93
 Maharajalela, 101, 102, 105
 Makkah, 188, 190, 192, 218
 Malaysia, 206
 Mat Salleh, 176
 Mat Sedih, 93
 Matu, 149
 Maxwell, 41, 42, 60, 70, 77
- Mazhab Ashari, 191
 Mazhab Ibn Habal, 191
 Melaka, 12, 14, 15, 88, 89, 94, 95, 96, 97, 98, 106, 107
 Melanau, 154
 Melanau-Islam, 154
 Melayu, 5, 6, 7, 9, 13, 14, 16, 18, 23, 29, 48, 149, 193, 219
 Melayu-Islam, 132, 133, 134, 135, 136, 137, 138, 140, 141, 147, 150, 151, 154, 155, 156, 157, 167, 172, 177, 187, 212, 213, 214, 216, 217, 218, 220, 221, 222
 Mering, 101, 102
 Minhaj al-Abidin, 191
 Mohd, Lana, 142
 Montesquieu, 186
 Muar, 15, 89, 94, 95, 96, 98, 99, 100, 105, 106, 107, 108, 109
 Muhyiddin Ibn Arabi, 202
 Mujarrabat al-Fawa'id, 189
 Mujassamah, 197
 Mukah, 138, 139, 149, 150
 Mukhtasar, 189
 Munsyi Abdullah, 23, 24, 27, 28, 29, 30, 37
 Murjiyyah, 197
 Murut, 157, 172, 177
 Mutakasiliyyah, 197
- Nabi Muhammad, 189, 195, 198, 200, 201
 Nakhonsitammarat, 91
 Nanang, 154
 Naning, 88
 Narathiwat (Menara), 91
 Nasafi, 202
 Nasihat al-Mu'minin, 205
 Negeri Sembilan, 5, 15, 26, 88, 89, 96
 Negeri-negeri Melayu, 2, 3, 10, 12, 14, 15, 30, 41, 42, 47, 58, 79, 119, 185, 186, 204, 214
 Negeri-negeri Selat, 12, 15, 95, 98, 120, 121, 124, 127
 Newbold, 26, 29, 30
 Nyalas, 101, 197

INDEKS

- Orang Batak, 3
- Orang Kaya Chenor, 93
- Orang Kaya Syahbandar, 93
- Orang Kaya Temerloh, 93
- Orang Melayu-Brunei, 132
- Orang merdeka, 39
- Oya, 138, 139, 149, 154

- Padang Juling, 104
- Padas Damit, 176
- Pagar Ruyong, 136
- Pahang, 5, 6, 7, 11, 14, 15, 22, 29, 30, 89, 92, 93, 94, 107, 190, 212, 215, 216, 217
- Paitan, 168
- Pajakan monopoli, 4
- Panchor, 19
- Pangeran Abd. Rauf, 158
- Pangeran Ersat, 138, 139
- Pangeran Haji Omar, 165, 167, 171
- Pangeran Matali, 152
- Pangeran Matusin, 138, 139
- Pangeran Mohd. Abbas, 165, 167, 171
- Pangeran Nipa, 138, 139
- Pangeran Shahbandar, 176
- Panglima Besar Senchu, 100, 102, 108
- Panglima Besar Yusof, 102, 104
- Panglima Dalam Lamat, 102, 104
- Panglima Dalam Lawit, 101
- Panglima Isa, 104
- Panglima Kiang, 168
- Panglima Kiri Awang, 102, 104
- Panglima Mohammad Salleh, 168
- Panglima Nait, 168
- Panglima Perang Isa, 102
- Panglima Udang, 165
- Papar, 157, 158, 168
- Pasir Mas, 21, 91
- Pasir Putih, 21
- Patani, 7, 8, 21, 90, 188
- Pawang Juling, 101
- Pawang Perak, 108
- Pawang Setu, 101
- Penampang, 168
- Penghulu Adam, 99
- Penghulu Besar Khamat, 101
- Penghulu Besar Khatib Derus, 101
- Penghulu Hahsim, 99
- Penghulu Khamat, 99
- Penghulu Khamis, 99
- Penghulu Rahmat, 99
- Penghulu Seman, 99
- Penghulu Senchu, 99, 101, 103
- Penghulu Subuh, 99
- Penghulu Sudin, 99, 101
- Penghulu Tanjung, 107
- Perak, 5, 7, 8, 12, 13, 14, 26, 38, 40, 88, 89, 121, 212
- Perang Muar, 89, 97
- Perang Sabil, 217
- Perlis, 8, 16, 88
- Persurujaya-Residen Siam, 45
- Phaya Phiphith Phakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Nuchit Santi Sunthon Bowono Wangsa, 91
- Phraya Ritthisongkhram, 125
- Phraya Sunthon Thibodi Sri Sultan Dewa Maharaja, 91
- Phraya Zai, 125, 128
- Piagam Diraja, 157, 158
- Pole-Evans, 144
- Pontian, 15
- Portugis, 88
- Province Dent, 167
- Pulai, 28
- Pulangga, 177
- Pulau Bintan, 98
- Pulau Manis, 205
- Pulau Mindano, 205
- Pulau Omaddal, 162
- Pulau Pinang, 8, 14, 15, 124, 126
- Pusa, 150
- Putra Kromluang Devawongse, 126

- Queen Victoria, 95

- Rabbani, 217, 222
- Rafidiyyah, 197
- Raja Abdullah, 88
- Raja Chik, 91
- Raja Ismail, 88

INDEXS

- Raja Mahdi, 88
Raja Muda Hashim, 136
Raja Panjang Rambut, 109
Rajah, 144, 145, 146, 147, 153
Rajah Brooke, 175
Rajah Putih, 140, 175
Rawd al-Talib, 202
Relau, 102
Reng, 99
Riau, 92, 94
Ringkai, 154
Robert Meade, 96
Rundum, 177
- Sabah, 132, 133, 157, 158, 160, 163, 176
Sadong, 137, 138, 149
Sahl Ibn Abdillah al-Qustari, 203
Saiburi (Teluban), 91
Saidi Muhammad Madzhar al-Ahmadi, 190, 192, 202
Saidina Ali, 201
Salleh, 104
Sandakan, 158, 159, 161
Sangota, 14
Santubong, 134
Sarawak, 132, 133, 135, 137, 138, 139, 140, 142, 145, 146, 148, 149, 154, 155, 157, 158, 160, 175
Saribas, 149, 150, 154
Sarikei, 139
Sayid Abdul Rahman bin Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh), 186, 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 197, 198, 199, 200, 201, 202, 203, 204, 205, 215, 216, 217, 222
Sayid Ahmad (Tok Ku Melaka), 188, 189, 190
Sayid Ahmad Zaini Dahlan Sayid Abdullah al-Zawawi, 190
Sayid al-Idrus, 187
Sayid Muhammad bin Zainal Abidin (Tok Ku Tuan Besar), 188, 189, 190, 205, 216, 222
Sayid Mustaffa (Tok Ku Tuan Dalam), 188
Sayid Sagap bin Sayid Abdul Rahman, 204
Sayr al-Salikin, 191
Sebang, 101
Segamat, 102
Sejarah Melayu, 212
Sekling, 100, 106, 107
Sekrang, 136, 137
Selangor, 5, 9, 12, 14, 26, 88, 89, 213
Selat Melaka, 95
Semananjung Klias, 167
Semananjung Tanah Melayu, 1, 7, 11, 12, 122, 187
Semporna, 168
Sepanyol, 161, 205
Serkam, 107
Setiu, 124
Setul, 124
Shadhili, 202
Shajarat al-Mubarakah, 199
Shamrakiyyah, 197
Shamsu, 99
Sharil Talib, 216
Sharom Ahmat, 26, 27, 35
Shibli, 202
Siam, 19, 20, 21, 37, 88, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 126, 127, 215
Sibu, 150
Sibutu, 162
Sindiket Dent, 157
Singapura, 8, 14, 15, 21, 25, 28, 29, 30, 93, 94, 96, 100, 105, 106, 107, 108, 109, 135, 138, 139
Sipitang, 165
Sir Peter Benson Maxwell, 100
Sir West Ridgeway, 165
Sirah al-Nabawiyyah (sejarah), 188
Sistem pajak, 4
Sistem Torren, 41
Sokor, 26
St. John, 139, 143
Stamford Raffles, 94
Sugut, 168
Sukau, 168
Sullam al-Tawfiq, 189
Sultan Abdul Hamid Halim Shah, 59
Sultan Abdul Hamid, 121, 126, 127

INDEKS

- Sultan Abdul Jalil Riayat IV, 98
 Sultan Abdullah, 127
 Sultan Ahmad Tajuddin, 11, 121, 122, 123, 124, 125, 127, 128
 Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, 59, 119, 121
 Sultan Alauddin al-Masik Billah al-Manen, 100
 Sultan Ali, 94, 95, 96, 98, 99, 109
 Sultan Daud, 91
 Sultan Dewa, 34
 Sultan Hussin, 95, 97
 Sultan Husin Muhammad Syah, 97
 Sultan Mahmud, 93
 Sultan Mahmud III, 98
 Sultan Mansor, 45
 Sultan Mansur I, 89
 Sultan Mansur II, 92
 Sultan Muhamed Shah, 59
 Sultan Muhammad I, 19, 20, 21, 34, 89, 90
 Sultan Muhammad II, 20, 21, 32, 34, 44, 91
 Sultan Muhammad IV, 38
 Sultan Muhammad, (1826-1857) 9, 90
 Sultan Muhammad, (1836-1839) 92
 Sultan Muhammad Shah I, 90
 Sultan Mohamad Jawa Zainal Abidin Muazzam Shah, 59
 Sultan Omar, 92, 215, 216
 Sultan Rijaluddin Mohamad, 59
 Sultan Zainal Abidin I, 90
 Sultan Zainal Abidin II, 89
 Sultan Zainal Abidin III, 188, 190, 193, 204, 215, 216
 Sultan Zainal Rashid II, 124, 127
 Solu, 132, 133, 161, 172
 Suluk, 157, 158
 Sumatera, 3
 Sumon, 108
 Sungai Baram, 149
 Sungai Baru, 15
 Sungai Batang Lupar, 149
 Sungai Datu, 99
 Sungai Muar, 15
 Sungai Pangalat, 158
 Sungai Perah, 15
 Sungai Pinang, 91
 Sungai Rajang, 149
 Sungai Saribas, 136
 Sungai Serting, 15
 Sungai Siput, 102
 Sungai Sugut, 176
 Sungai Ujong, 12, 14, 213
 Swettenham, 42, 43
 Syadhili, 191
 Syahrastan, 202
 Syair Perang Sabil, 205
 Syajarah Tayyibah, 199
 Syarif Ali, 157
 Syarif Hussein, 157
 Syarif Masahor, 139, 140
 Syarif Mullah, 136
 Syarif Sahap, 136, 137
 Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, 157, 160
 Syed Abdul Samad, 205
 Syekh Abdul Kadir, 188
 Syekh Abdul Malik bin Abdullah, (Tok Ku Pulau Manis), 191, 216
 Syekh Abdul Samad al-Falembani, 191
 Syekh Daud al-Fatani, 191
 Syekh Hussein Nasir (Tuan Hussein), 197
 Syekh Najamuddin al-Kubra, 194
 T. J. Newbold, 5, 14
 Tahliyat al-wildan (fiqah), 188
 Tajliyyah, 196
 Takhliyyah, 196
 Tambunan, 176
 Tanbih al-Ghafilin, 189
 Tanjung Gading, 99
 Tareqat Naqsyabandiyah, 192, 194, 200, 201
 Tareqat Syadhili, 191
 Targhib al-Ibid fi Qira'i Ratib al-Hadad (w-rid), 189
 Targhib al-Sibyan fi Hifaz' Aqa'id al-Iman (aqidah), 189, 190
 Ta'rif al-Khullan fi Tajwid al-Quran (tajwid), 189
 Tarjuman al-Ashwaq, 202

INDEXS

- Tawau, 168
- Tayyibah, 199
- Teluk Darvel, 161, 162, 165, 168
- Temenggung Abdul Rahman, 94, 97
- Temenggung Abu Bakar, 98
- Temenggung Ibrahim, 94, 95, 97, 98
- Temenggung Kadir, 136
- Tempasuk, 157, 165, 171
- Templer, 143
- Tengku Abdul Aziz, 126, 127
- Tengku Abdul Hamid, 123, 124, 125
- Tengku Akib, 124
- Tengku Alam, 94, 95, 96, 98, 99, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108
- Tengku Ali, 97
- Tengku Husin, 94
- Tengku Kasim, 124
- Tengku Long Husin, 97
- Tengku Mansur, 92
- Tengku Muda Chik, 90
- Tengku Muhammad, 89, 90, 92, 109
- Tengku Muhammad Haji Pante Kulu, 205
- Tengku Nong, 100, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109
- Tengku Omar, 91, 92
- Tengku Sulong, 90, 100, 103, 109
- Tengku Yaakob, 123, 124, 126, 127
- Tengku Zainal Rashid, 123, 124
- Terengganu, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 13, 14, 16, 21, 22, 24, 26, 29, 30, 40, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 108, 185, 186, 187, 188, 190, 191, 192, 203, 204, 206, 212, 213, 214, 215, 216, 217, 220, 221
- Terusan, 168
- Tetabuan, 168
- The HMS Kestrel, 161
- Tidong, 165, 172
- Tong, 106
- Trusan, 149
- Tuan Besar Wan Fatimah, 94
- Tuan Nik, 189
- Tuan Senik Gagap, 91
- Tuk Chur, 32
- Tuk Sutan, 100, 103
- Tuk Taib, 93
- Tumpat, 21, 91
- Tunku Antah, 96
- Ufli, 3, 47
- Ulil-Amri, 213
- Umbai, 15, 94, 95, 96, 97, 98
- Undang-undang Dato' Star Paduka Tuan, 58
- Undang-undang Datuk Seri Paduka Tuan, 8
- Undang-undang Kedah, 8, 57, 58, 60, 77, 78
- Undang-undang Laut Melaka, 59
- Undang-undang Melaka, 57, 59, 67
- Undang-undang Melayu, 60
- Undang-undang Nobat, 59
- Undang-undang Pelabuhan, 58, 59
- Vyner Broke, 156
- W. C. Cowie, 163
- W. H. Read, 96, 105
- W. Hole, 102, 103
- Wakikiyyah, 197
- Wan, 34
- Wan Abas, 100, 106, 107
- Wan Ahmad, 92, 93, 94
- Wan Ali, 92, 93
- Wan Chilee, 103
- Wan Daud, 100, 101, 106, 109
- Wan Embong, 93
- Wan Hajar, 123
- Wan Hashim, 38, 42
- Wan Idris, 93
- Wan Jah, 123, 127
- Wan Kechut, 103
- Wan Koris, 92, 94
- Wan Kuning, 103
- Wan Muhammad Salleh, 102
- Wan Muhammad, 93, 94
- Wan Mutaahir, 92, 93, 94
- William Pretzman, 157, 158, 162, 173
- William Preyer, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 171, 173, 177
- Winstedt, 57, 58, 59, 67
- Wong Ling Ken, 29, 60
- Wujudiyah, 197
- Wyatt, 57